

Hakcipta © tesis ini adalah milik pengarang dan/atau pemilik hakcipta lain. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersil ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu ataupun caj. Tesis ini tidak boleh dihasilkan semula ataupun dipetik secara menyeluruh tanpa memperolehi kebenaran bertulis daripada pemilik hakcipta. Kandungannya tidak boleh diubah dalam format lain tanpa kebenaran rasmi pemilik hakcipta.



**PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM LINUS DALAM  
KALANGAN MURID ORANG ASLI DI PERAK**



**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH  
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA  
2018**



**Awang Had Salleh**  
Graduate School  
of Arts And Sciences

**Universiti Utara Malaysia**

**PERAKUAN KERJA TESIS / DISERTASI**  
(*Certification of thesis / dissertation*)

Kami, yang bertandatangan, memperakukan bahawa  
(*We, the undersigned, certify that*)

**RUSLAN ABDULLAH (93291)**

calon untuk Ijazah **PhD**  
(*candidate for the degree of*)

telah mengemukakan tesis / disertasi yang bertajuk:  
(*has presented his/her thesis / dissertation of the following title*):

**"PENILAIAN PELAKSANAAN PROGRAM LINUS DALAM KALANGAN MURID ORANG ASLI DI PERAK"**

seperti yang tercatat di muka surat tajuk dan kulit tesis / disertasi.  
(*as it appears on the title page and front cover of the thesis / dissertation*).

Bahawa tesis/disertasi tersebut boleh diterima dari segi bentuk serta kandungan dan meliputi bidang ilmu dengan memuaskan, sebagaimana yang ditunjukkan oleh calon dalam ujian lisan yang diadakan pada : **30 Oktober 2017**.

*That the said thesis/dissertation is acceptable in form and content and displays a satisfactory knowledge of the field of study as demonstrated by the candidate through an oral examination held on:  
October 30, 2017.*

Pengerusi Viva:  
(Chairman for VIVA)

Assoc. Prof. Dr. Rohani Haji Ab Ghani

Tandatangan  
(Signature)

Pemeriksa Luar:  
(External Examiner)

Prof. Dr. Mahzan Arshad

Tandatangan  
(Signature)

Pemeriksa Dalam:  
(Internal Examiner)

Dr. Nafisah Hj Mahmud

Tandatangan  
(Signature)

Nama Penyelia/Penyelia-penyalia: Prof. Dr. Abdull Sukor Shaari  
(Name of Supervisor/Supervisors)


Tandatangan  
(Signature)

Tarikh:  
(Date) **October 30, 2017**

## **Kebenaran Mengguna**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi keperluan pengijazahan Doktor Falsafah Pendidikan Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah. Saya bersetuju membenarkan pihak perpustakaan UUM mempamerkannya sebagai bahan rujukan umum. Saya bersetuju bahawa sebahagian bentuk salinan sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripada tesis ini untuk tujuan akademik adalah dibolehkan dengan kebenaran penyelia atau Dekan *Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences*. Sebarang bentuk salinan dan catatan bagi tujuan komersial adalah dilarang sama sekali tanpa kebenaran bertulis daripada penyelidik. Penyataan rujukan kepada penulis dan UUM perlulah dinyatakan jika sebarang bentuk rujukan dibuat ke atas tesis ini.

Kebenaran untuk menyalin atau menggunakan tesis ini sama ada secara keseluruhan atau sebahagian daripadanya hendaklah dipohon melalui:



## Abstrak

Penilaian terhadap pelaksanaan Program LINUS dalam kalangan murid Orang Asli di negeri Perak dijalankan bermatlamat meninjau pencapaian kemahiran literasi bahasa Malaysia mereka dengan menggunakan model *Context-Input-Process-Product* (CIPP) yang dikemukakan oleh Stufflebeam dan Shinkfield pada tahun 2007. Kajian ini menggunakan kajian gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif (mixed method approaches) oleh Creswell (2012). Kutipan data melalui soalan soal selidik dijalankan di 28 buah Sekolah Murid Orang Asli (SMOA) melibatkan 84 orang guru LINUS, guru pemulihan dan penyelaras LINUS, manakala temu bual berfokus dijalankan terhadap enam buah sekolah di enam buah daerah melibatkan 18 orang guru LINUS, guru pemulihan dan penyelaras LINUS. Soalan soal selidik terbuka melibatkan enam orang FasiLINUS di enam daerah di negeri Perak. Temu bual juga dibuat terhadap enam orang pentadbir sekolah di enam daerah berkenaan. Analisis dokumen dan pemerhatian turut serta dibuat terhadap pengajaran guru LINUS di enam buah kelas LINUS. Data kuantitatif dianalisis menggunakan perisian SPSS 22, manakala data kualitatif diuruskan menggunakan NVIVO8. Keputusan kajian mendapati pelaksanaan program berjalan lancar mengikut garis panduan yang dikeluarkan Kementerian Pendidikan Malaysia. Namun, keputusan daripada pelaksanaan program ini masih boleh ditambah baik. Ini kerana permasalahan yang wujud banyak bergantung kepada faktor seperti bahan modul yang dibekalkan, latar belakang murid dan sosioekonomi keluarga, persekitaran pembelajaran serta aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di kelas LINUS. Dapatan kajian juga menunjukkan pelaksanaan Program LINUS boleh dijalankan dengan lebih berkesan dalam kalangan murid Orang Asli, jika program tersebut diberikan nilai tambah dengan mengambil kira keunikan etnik murid Orang Asli yang terdiri daripada pelbagai etnik, perbezaan latar belakang, persekitaran dan petempatan serta kecerdasan dan tahap kognitif. Hasil kajian ini diharapkan dapat memberikan sumbangan besar terutamanya kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dalam penyelesaian masalah literasi bahasa Malaysia khususnya dalam kalangan murid Orang Asli pada masa hadapan. Selain itu, hasil kajian ini turut memberi impak kepada penggubal dasar dan penyediaan program pendidikan berkaitan literasi, kepada pihak pengurusan sekolah dan pihak yang berkepentingan dengan masyarakat Orang Asli dan supaya mengambil serius soal literasi bahasa Malaysia kerana Program LINUS menjadi elemen penting dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) pendidikan.

**Kata Kunci :** Penilaian Program LINUS, Murid Orang Asli, *Mixed Method Approaches*, Model CIPP, Pencapaian Literasi.

## Abstract

Assessment of the LINUS Programme among Orang Asli pupils in Perak was carried out to tap the achievement of Malay language literary skill using the Context-Input-Process-Product model (Stufflebeam & Shinkfield, 2007). A mixed methods design in which a combination of quantitative and qualitative approach was used (Creswell, 2012). Questionnaires were distributed to 84 LINUS teachers, remedial teachers and LINUS coordinators from 28 Orang Asli schools (SMOA). Meanwhile, 18 LINUS teachers, remedial teachers and LINUS coordinators from six schools from various districts were involved in the focus group interview. Open-ended interviews were also conducted with six FasiLINUS and school administrators from six districts. Document analysis was carried out and six classes of LINUS teachers' teaching were observed. The quantitative data were analysed using SPSS 22 software while qualitative data using NVIVO8. The findings revealed that the implementation of LINUS programme went well in accordance to the Ministry of Education Malaysia guidelines. Additionally, the results indicated that the implementation can still be improved. This is because the problems that exist depend heavily on factors like module supplied, pupils' background and family socio-economy status, learning environment and teaching activity in LINUS classes. The effectiveness of the implementation of this programme may be enhanced if added value with regard to the ethnicity uniqueness of Orang Asli pupils is given consideration. The findings may contribute to MoE and Ministry of Rural and Regional Development in solving the language literacy problem of Orang Asli pupils in the future. Apart from that, this study also provides impact to policy makers, curriculum developers, school administrators and stakeholders in relation to literacy education of the Orang Asli as LINUS is an important element of the Education National Key Result Area (NKRA).

Universiti Utara Malaysia

**Keywords:** LINUS Programme assessment, Orang Asli pupil, mixed method approaches, CIPP model, literacy achievement.

## Penghargaan

*Bismillahirahmanirrahim.*

Segala puji bagi Allah, Tuhan semesta alam dan selawat serta salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. dengan penuh kesyukuran kepadaNya, tesis ini berjaya disempurnakan akhirnya.

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berbahagia Profesor Dr. Abdull Sukor Shaari, penyelia saya yang penuh komited dan dedikasi dalam memberi tunjuk ajar, idea-idea tentang teori-teori dalam kurikulum, kaedah kajian dan penyelidikan, termasuk penulisan tesis.

Tidak dilupakan barisan pensyarah UUM yang terlibat dalam Program Kerjasama PhD UUM-IPG Zon Utara 2010, seperti Profesor Dr. Abdull Sukor Shaari, Dr. Ishak Sin, Prof. Madya Dr. Ruzlan Md. Ali, Dr. Sarimah Shaik Abdullah, Profesor Dr. Arsaytamby dan Profesor Dr. Yahya Mahmud.

Sekalung penghargaan buat pihak EPRD, KPM, IPGM, JPN Perak dan IPG Kampus Sultan Abdul Halim serta IPG Kampus Ipoh, yang sudi memberi kebenaran menjalankan penyelidikan. Tidak dilupakan rakan-rakan seperbincangan di IPG seperti Dr. Zakaria Mohd Arif, Dr. Azman Jusoh, Dr. Allison Lee Gim Wah (IPGK Sultan Abdul Halim) dan Dr. Hj. Mohd Razak Mohd Nordin, Dr. Hj. Badrul Hisham Alang Osman, dan Dr. Suliana Wan Chik (IPGK Ipoh). Setinggi penghargaan dan terima kasih kepada pegawai dan staf di *Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences* dan Perpustakaan Sultanah Bahiyah, UUM kerana sentiasa memberi kerjasama penuh dan bersedia berkongsi bahan maklumat yang diperlukan.

Terima kasih khas buat isteri tercinta, iaitu Cikgu Maheran (SMKCT), anak-anak tersayang yang sedang mengharungi liku-liku pendidikan iaitu Muhammad Nur A'tiq (UUM), Ahmad Taufiq (UiTM), Siti Nourul A'in (SERATAS) dan Siti Nourmal Hayati (SKCT); tidak dilupakan ayahnya Hj. Abdullah Mat Salleh, bonda Hjh. Fatimah Nor serta ibu mertua Rosenah Raja Ali, terima kasih kerana memahami saya sepanjang saya menyambung pengajian ini.

Akhirnya, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan terhadap jasa baik semua guru LINUS, pentadbir LINUS serta FasiLINUS di seluruh negeri Perak.

Ruslan Hj. Abdullah  
Kolej Sastera dan Sains (CAS),  
Universiti Utara Malaysia.

## Senarai Kandungan


Kebenaran Mengguna.....	i
Abstrak.....	ii
<i>Abstract</i> .....	iii
Penghargaan.....	iv
Senarai Kandungan.....	v
Senarai Jadual.....	x
Senarai Rajah.....	xi
Senarai Lampiran.....	xii
Senarai Singkatan.....	xiii
<b>BAB SATU PENGENALAN.....</b>	<b>1</b>
1.1 Pendahuluan.....	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	5
1.3 Penyataan Masalah.....	9
1.4 Objektif Kajian.....	21
1.5 Soalan Kajian.....	22
1.6 Kerangka Kajian.....	23
1.7 Kepentingan Kajian.....	28
1.8 Batasan Kajian.....	31
1.9 Definisi Operasional.....	32
1.9.1 Penilaian.....	32
1.9.2 Pelaksanaan.....	33
1.9.3 Program.....	34
1.9.4 LINUS.....	34
1.9.5 Murid Orang Asli.....	35
1.10 Rumusan.....	36
<b>BAB DUA TINJAUAN LITERATUR.....</b>	<b>38</b>
2.1 Pendahuluan.....	38
2.2 Latar Belakang Orang Asli di Malaysia.....	39
2.2.1 Kaum Senoi.....	43
2.2.2 Kaum Melayu Proto.....	43
2.2.3 Kaum Negrito.....	44

2.3 Orang Asli di Negeri Perak.....	44
2.4 Pendidikan Orang Asli di Malaysia.....	48
2.5 Konsep Literasi dalam Bahasa Malaysia.....	50
2.5.1 Kemahiran Literasi dalam Kurikulum Kebangsaan.....	52
2.6 Pelaksanaan Program LINUS di Malaysia.....	55
2.6.1 Program LINUS.....	55
2.6.2 Struktur Program LINUS.....	56
2.6.3 Pelaksanaan Program LINUS di Malaysia.....	57
2.7 Faktor-faktor Pelaksanaan Program LINUS.....	62
2.7.1 Murid Orang Asli.....	62
2.7.2 Sekolah.....	65
2.7.3 Guru LINUS.....	67
2.8 Kajian berkaitan Program Literasi.....	68
2.8.1 Kajian di Dalam Negara.....	68
2.8.2 Kajian di Luar Negara.....	74
2.9 Model dan Teori Berkaitan.....	79
2.9.1 Model Model Pembangunan Kurikulum Ornstein dan Hunkins.....	79
2.9.2 Model Pelaksanaan Kurikulum Saylor, Alexander dan Lewis.....	79
2.9.3 Model Van Mater dan Van Horn.....	80
2.9.4 Teori Pemerolehan dan Pembelajaran Bahasa Kedua Krashen.....	81
2.9.5 Teori-Teori Pembelajaran.....	82
2.9.4.1 Teori Pembelajaran Behaviorisme.....	83
2.9.4.2 Teori Pembelajaran Kognitif.....	83
2.9.4.3 Teori Pembelajaran Sosial.....	84
2.9.4.4 Teori Pembelajaran Humanis.....	84
2.9.6 Teori Ekologi Bronfenbrenner.....	85
2.9.7 Teori Perkembangan Psikososial Erikson.....	87
2.9.8 Teori Keperluan Sosioekonomi (SES).....	88
2.9.9 Teori Dual Coding oleh Pavio.....	89
2.10 Model Penilaian Program.....	90
2.11 Model-Model Penilaian Pelaksanaan Program.....	98
2.11.1 Model <i>Objectives Oriented Evaluation</i> oleh Tyler.....	98
2.11.2 Model <i>Consumer Oriented</i> oleh Scriven.....	100

2.11.3 Model <i>Countenance</i> oleh Stake.....	102
2.11.4 Model <i>Discrepancy</i> oleh Provus.....	103
2.11.5 Model Keberkesanan Organisasi Yuchtman & Seashore.....	106
2.11.6 Model Keberkesanan Organisasi Steers.....	107
2.11.7 Model Keberkesanan Organisasi Hoy & Miskel.....	108
2.12 Model Penilaian Pelaksanaan Program LINUS.....	111
2.13 Rumusan.....	115
<b>BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN.....</b>	<b>116</b>
3.1 Pendahuluan.....	116
3.2 Reka Bentuk Kajian.....	116
3.3 Metodologi Kajian.....	122
3.3.1 Kaedah Tinjauan.....	123
3.4 Populasi dan Pensampelan.....	125
3.5 Prosedur Pengurusan Data.....	131
3.5.1 Kaedah Triangulasi.....	132
3.5.2 Instrumen Kajian.....	134
3.5.2.1 Soal Selidik.....	134
3.5.2.2 Temu Bual.....	136
3.5.2.3 Pemerhatian.....	140
3.5.2.3.1 Borang Pemerhatian.....	142
3.5.2.4 Analisis Dokumen.....	143
3.6 Penilaian dan Pengukuran Data.....	147
3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen.....	149
3.7.1 Analisis Kesahan.....	150
3.7.2 Kesahan Instrumen Temu Bual dan Pemerhatian.....	152
3.7.3 Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik.....	153
3.7.4 Kebolehpercayaan Instrumen Temu Bual dan Pemerhatian.....	157
3.8 Pengurusan Data.....	159
3.8.1 Pengurusan Data Kuantitatif.....	160
3.8.2 Pengurusan Data Kualitatif.....	162
3.9 Rumusan.....	166
<b>BAB EMPAT DAPATAN KAJIAN.....</b>	<b>167</b>
4.1 Pendahuluan.....	167
4.2 Latar Belakang Responden dan Peserta Kajian.....	168

4.3 Analisis Data.....	170
4.3.1 Persoalan Konteks.....	173
4.3.1.1 Adakah matlamat dan objektif Program LINUS mencapai sasarannya?.....	173
4.3.1.2 Apakah peranan pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS dalam mencapai matlamat dan objektif Program LINUS?.....	180
4.3.2 Persoalan Input.....	184
4.3.2.1 Bagaimanakah aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) program LINUS dilaksanakan?.....	184
4.3.2.2 Apakah peranan pentadbir LINUS dan guru LINUS dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) Program LINUS?....	189
4.3.3 Persoalan Proses.....	193
4.3.3.1 Apakah permasalahan-permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan Program LINUS?.....	193
4.3.3.1.1 Modul LINUS.....	197
4.3.3.1.2 Pihak Pengurusan Sekolah.....	198
4.3.3.1.3 Guru LINUS.....	200
4.3.3.1.4 Murid-murid Orang Asli.....	201
4.3.3.1.5 Ibu bapa Orang Asli dan Pihak Berkaitan.....	203
4.3.3.2 Bagaimanakah guru-guru LINUS dan pentadbir LINUS menghadapi permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan Program LINUS.....	206
4.3.3.2.1 Pemerhatian di Kelas LINUS.....	208
4.3.4 Persoalan Produk.....	215
4.3.4.1 Bagaimanakah penilaian Program LINUS dilaksanakan di sekolah murid Orang Asli?.....	215
4.3.4.2 Bagaimanakah pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS melaksanakan penilaian Program LINUS di sekolah murid Orang Asli.....	218
4.4 Rumusan.....	225
<b>BAB LIMA PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN RUMUSAN.....</b>	<b>227</b>
5.1 Pendahuluan.....	227
5.2 Ringkasan Dapatan Kajian.....	229

5.2.1 Analisis Deskriptif Dimensi Konteks.....	235
5.2.2 Analisis Deskriptif Dimensi Input.....	241
5.2.3 Analisis Deskriptif Dimensi Proses.....	245
5.2.4 Analisis Deskriptif Dimensi Produk.....	251
5.3 Implikasi Kajian.....	255
5.3.1 Implikasi dan Cadangan Terhadap Pelaksanaan Program LINUS.....	257
5.3.2 Implikasi dan Cadangan Terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia.....	260
5.3.3 Implikasi dan Cadangan Terhadap Guru Sekolah Orang Asli.....	262
5.3.4 Implikasi dan Cadangan Terhadap JAKOA.....	264
5.3.5 Implikasi dan Cadangan Terhadap Ibu bapa Masyarakat Orang Asli.....	266
5.3.6 Implikasi dan Cadangan Terhadap Murid Orang Asli.....	269
5.4 Sumbangan Terhadap Ilmu Bidang.....	271
5.4.1 Cadangan Kajian Lanjutan.....	272
5.5 Rumusan.....	276
<b>RUJUKAN.....</b>	<b>278</b>



**UUM**  
Universiti Utara Malaysia

## **Senarai Jadual**

Jadual 1.1 Keputusan Ujian Saringan 4 Program Literasi Sekolah Murid Orang Asli Negeri Perak Tahun 2013.....	12
Jadual 2.1 Jumlah Penduduk Orang Asli di Malaysia mengikut Suku Kaum.....	40
Jadual 2.2 Kategori Petempatan Orang Asli.....	47
Jadual 2.3 Pencapaian KIA2M (2006 - 2008).....	56
Jadual 3.1 Pecahan Populasi mengikut Lokasi Kajian.....	126
Jadual 3.2 Penentuan Saiz sampel Krejcie dan Morgan, (1970).....	128
Jadual 3.3 Kaedah Pengumpulan Data mengikut Pecahan Instrumen, Populasi dan Sampel Kajian.....	146
Jadual 3.4 Matriks Penilaian dan Pengukuran Data.....	148
Jadual 3.5 Keputusan Ujian Rintis1 dan Ujian Rintis 2.....	155
Jadual 4.1 Responden Kajian mengikut Lokasi dan Bilangan.....	170
Jadual 4.2 Analisis Keseluruhan Mengikut Dimensi Kajian, Min, Sisihan Piawai dan Tahap.....	171
Jadual 4.3 Analisis Konteks Matlamat Pelaksanaan dalam Program LINUS.....	173
Jadual 4.4 Pencapaian Program LINUS Tahun 2012 selepas Tiga Tahun Pelaksanaan.....	175
Jadual 4.5 Analisis Konteks Objektif Pelaksanaan dalam Program LINUS.....	177
Jadual 4.6 Analisis Dimensi Input dalam Pelaksanaan Program LINUS.....	185
Jadual 4.7 Analisis Dimensi Produk dalam Pelaksanaan Program LINUS.....	194
Jadual 4.8 Analisis Dimensi Proses dalam Pelaksanaan Program LINUS.....	216
Jadual 5.1 Pencapaian Program LINUS Literasi Kebangsaan 2010 – 2014.....	231

## **Senarai Rajah**

Rajah 1.1: Pencapaian LINUS (Kebangsaan) Tahun 2012 Literasi.....	11
Rajah 1.2: Jenis Keputusan Model CIPP.....	25
Rajah 1.3: Penilaian Program Model CIPP.....	26
Rajah 1.4: Komponen Model Penilaian CIPP.....	27
Rajah 2.1: Taburan Kedudukan Suku Kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia.....	42
Rajah 2.2: Daerah-daerah di Negeri Perak.....	45
Rajah 2.3: Perkampungan Orang Asli di Negeri Perak.....	46
Rajah 2.4: Proses Saringan dalam Program LINUS 1.....	61
Rajah 2.5: Faktor-faktor mempengaruhi keupayaan membaca pembaca.....	63
Rajah 2.6: Program Literasi dan Negara Pelaksananya.....	76
Rajah 2.7: Model Pelaksanaan Kurikulum Saylor et al. (1981).....	80
Rajah 2.8: Model Pelaksanaan Program Van Mater & Van Horn (1975).....	81
Rajah 2.9: Pendekatan Penilaian Pelaksanaan Sesuatu Program.....	97
Rajah 2.10: Peringkat Penilaian Model Discrepancy oleh Provus.....	105
Rajah 2.11: Kerangka Konseptual Kajian adaptasi daripada Model Penilaian CIPP Oleh Stufflebeam & Shinkfield (2007) dan Ghazali (2010).....	113
Rajah 3.1: Reka Bentuk Kajian Pelaksanaan Program LINUS.....	122
Rajah 3.2: Cara Penentuan dan Pemilihan Saiz Sample Kajian (Creswell, 2012)....	130
Rajah 3.3: Teknik Pengumpulan Data melalui Triangulasi.....	133
Rajah 3.4: Prosedur Pengumpulan Data Kajian.....	146
Rajah 3.5: Kesahan Instrumen Soal Selidik melalui Sekumpulan Pakar Rujuk.....	151
Rajah 3.6: Pengurusan Data Kajian <i>Exploratory Sequential Design</i> (Creswell, 2014).....	160
Rajah 3.7: Tahap Pelaksanaan Sistem Tiga Kuartil.....	161
Rajah 4.1: Catatan Pemerhatian Pengajaran dan Pembelajaran Kelas LINUS.....	213
Rajah 4.2: Konstruk yang diuji dalam Saringan.....	219
Rajah 4.3: Carta Alir Pelaksanaan Program LINUS.....	223

## **Senarai Lampiran**

Lampiran 1 Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada EPRD.....	118
Lampiran 2 Surat Kebenaran Menjalankan Kajian daripada JPN.....	118
Lampiran 3 Borang Soal Selidik Guru.....	135
Lampiran 4 Borang Soal Selidik FasiLINUS.....	136
Lampiran 5 Protokol Temu Bual.....	137
Lampiran 6 Borang Pemerhatian.....	142
Lampiran 7 Senarai Semak Analisis Dokumen.....	143
Lampiran 8 Analisis Kehadiran Murid LINUS.....	196
Lampiran 9 Modul Murid bagi Program LINUS.....	197
Lampiran 10 Penyediaan Minit Curai oleh Guru LINUS.....	207
Lampiran 11 Program <i>Outreach</i> .....	210
Lampiran 12 Surat Taklimat LINUS untuk Ibu bapa/ Waris.....	210
Lampiran 13 Pelaksanaan PdP di Kelas LINUS berbantuan TMK.....	213
Lampiran 14 Blog FasiLINUS.....	214
Lampiran 15 Contoh Rancangan Pelajaran Harian LINUS.....	214
Lampiran 16 Portal NKRA.....	224
Lampiran 17 Surat Pengedaran Instrumen Saringan Bertulis.....	224
Lampiran 18 Surat Arahan Pelaksanaan Program LINUS.....	224
Lampiran 19 Surat Arahan Taklimat.....	225
Lampiran 20 Jadual Bimbingan FasiLINUS.....	225
Lampiran 21 Manual Pentadbiran Instrumen Literasi Membaca.....	242
Lampiran 22 Manual Pentadbiran Instrumen Literasi Menulis.....	242

## Senarai Singkatan

BPG	Bahagian Pendidikan Guru
BPK	Bahagian Perkembangan Kurikulum
BPSH	Bahagian Pengurusan Sekolah Harian
CIPP	<i>Context Input Process Product</i>
FasiLINUS	Fasilitatur <i>literacy numeracy screening</i>
IPGK	Institut Pendidikan Guru Kampus
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JHEOA	Jabatan Hal Ehwal Orang Asli
JNJK	Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti
JPN	Jabatan Pendidikan Negeri
KIA2M	Program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis
KPI	<i>Key Performance Index</i>
KPM	Kementerian Kementerian Pendidikan
LINUS	<i>Literacy numeracy screening</i>
LPM	Lembaga Peperiksaan Malaysia
NBOS	Strategi Lautan Biru Negara
NKRA	<i>National Key Result Area</i>
PdP	Pengajaran dan Pembelajaran
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
PLGDP	Pusat Latihan Guru dalam Perkhidmatan
PPD	Pejabat Pendidikan Daerah
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
SMOA	Sekolah Murid Orang Asli
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UNESCO	<i>The United Nations Organization for Education, Science and Culture</i>
UPSR	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

## BAB SATU

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Pengenalan Program LINUS merupakan usaha berterusan kerajaan untuk meningkatkan kadar literasi bahasa Malaysia dengan bermatlamat menghapus kadar buta huruf atau 3M (membaca, menulis dan mengira) dalam kalangan murid di Malaysia (Zinitulniza, 2011). Situasi ini lebih kritikal jika diteropong kepada murid sekolah Orang Asli (SMOA). Keputusan pencapaian keseluruhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2012 hingga 2016 bagi murid Orang Asli mendapati mereka jauh ketinggalan berbanding murid lain, dengan kadar lulus sebanyak 43.8% berbanding dengan kadar lulus peringkat nasional sebanyak 86.5%. (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017). Justeru, dalam menangani masalah literasi, kepentingan Program LINUS tidak boleh disangkal lagi dalam meningkatkan kadar literasi murid Orang Asli khasnya, dan semua murid sekolah rendah di Malaysia amnya, di samping memperkasakan lagi sistem pendidikan negara (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Kerajaan komited memartabatkan bidang pendidikan dengan menjadikan bidang pendidikan sebagai salah satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam Pelan Transformasi Kerajaan (GTP) di bawah kepimpinan Dato Sri Mohd Najib Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia. NKRA pendidikan adalah titik tolak kepada penanda aras dalam peningkatan pencapaian dan kemenjadian murid secara komprehensif; dan membolehkan mereka memperoleh pendidikan berkualiti (RMK10). Pada tahun 2012, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah

memperkenalkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 dalam usaha mentransformasikan pendidikan negara (PPPM 2013-2025, 2012).

PPPM 2013-2025 ini dirangka dengan mengambil kira 11 perkara iaitu; (1) menyediakan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf antarabangsa; (2) memastikan setiap murid profisien dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris; (3) melahirkan rakyat Malaysia yang menghayati nilai; (4) transformasi keguruan sebagai profesion pilihan; (5) memastikan kepimpinan berprestasi tinggi ditempatkan setiap sekolah; (6) mengupaya jabatan pendidikan negeri (JPN), pejabat pendidikan daerah (PPD) dan sekolah untuk menyediakan penyelesaian khusus berdasarkan keperluan; (7) memanfaatkan kualiti pembelajaran di Malaysia; (8) mentransformasi kebolehupayaan dan kapasiti penyampaian Kementerian Pendidikan; (9) bekerjasama dengan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta secara meluas; (10) memaksimum keberhasilan murid bagi setiap ringgit; dan (11) meningkatkan ketelusan untuk akauntabiliti awam secara langsung (PPPM 2013-2025, 2012).

Standard Kualiti Pendidikan Malaysia (SKMP) (KPM, 2010a) dan Standard Kualiti Pendidikan Guru Malaysia Gelombang 2 (SKPMg2) (KPM, 2016) telah meletakkan lima standard dalam menentukan penanda aras pelaksanaan sistem pendidikan di Malaysia. Standard yang kelima ialah memastikan kemenjadian murid dapat dicapai. Aspek kemenjadian murid bermaksud murid yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri. Standard tersebut merumuskan bahawa di akhir sekolah rendah, murid-murid perlu mencapai beberapa aspek utama termasuklah mencapai potensi diri yang sepenuhnya dalam penguasaan pengetahuan dan kemahiran, berketerampilan, berakhhlak mulia, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri, dan yang terpenting adalah menguasai bahasa Malaysia (KPM, 2017a).

Pendidikan bahasa Malaysia amat penting kepada semua murid kerana mata pelajaran Bahasa Malaysia adalah mata pelajaran teras serta bahasa pengantar bagi sistem persekolahan di Malaysia (Akta Pendidikan, 1996). Ketidakmampuan mereka menggunakan bahasa Malaysia menyebabkan mereka mengalami kesulitan untuk mengikuti dan meneruskan pendidikan di peringkat seterusnya dalam mata pelajaran-mata pelajaran seperti sejarah, matematik, sains dan sebagainya (Isahak, 2007; Erikson, 2014). Isu ini turut menjadi punca kepada kegagalan seseorang menguasai ilmu serta kemahiran lain yang diajarkan di sekolah (Mahzan, 2016). Bahasa Malaysia sebagai mata pelajaran wajib dalam sistem pendidikan negara perlu dimartabatkan lagi bersesuaian dengan kedudukannya sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan negara (Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan; Akta Bahasa Kebangsaan 1967).

Kejayaan mendaulatkan bahasa Malaysia amat bersesuaian dengan kedudukannya yang dinyatakan dalam undang-undang Malaysia. Maka menjadi tanggungjawab semua pihak terutamanya pihak sekolah dan guru mata pelajaran Bahasa Malaysia memainkan peranan yang lebih dinamik dalam memastikan semua murid yang berkemampuan menguasai kemahiran literasi bahasa Malaysia seawal peringkat prasekolah atau tahap satu di sekolah rendah. Ini selaras dengan hasrat kerajaan bagi memartabatkan bahasa Malaysia sebagai bahasa perpaduan dan bahasa pengantar utama pendidikan negara (Akta Pendidikan, 1996).

Kerajaan memperkenalkan Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkuatkannya Bahasa Inggeris (MBMMBI) sebagai usaha untuk memperkasakan bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan di samping menjadikannya sebagai bahasa perpaduan, bahasa perhubungan utama dan bahasa ilmu ke arah membina negara bangsa (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012). Dasar ini diperkenalkan bagi mengantikan Dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa

Inggeris (PPSMI) yang ditamatkan pelaksanaannya. Komitmen kerajaan terhadap Dasar MBMMBI amat jelas, misalnya melalui Belanjawan 2016, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM135 juta bagi melaksanakan pelbagai program di bawah dasar MBMMBI (Kementerian Kewangan Malaysia, 2015).

Penguasaan literasi bahasa Malaysia oleh murid-murid mempunyai kaitan erat dengan fungsi bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar dan bahasa ilmu dalam sistem pendidikan di Malaysia. Bahasa Malaysia menjadi bahasa komunikasi dan bahasa pengantar dalam mata pelajaran yang diajarkan di sekolah; dan sebagai satu daripada mata pelajaran utama dalam sistem pendidikan negara sejak lebih setengah abad. Awang Sariyan (2017) menjelaskan bahawa keagungan bahasa Melayu pada abad ke-16 dan ke-17, telah mencapai taraf bahasa antarabangsa, terutama dengan kedudukannya sebagai bahasa diplomatik, bahasa *lingua franca*, bahasa perdagangan sedunia, bahasa penyebaran agama Islam di dunia dan bahasa sastera.

Sejajar dengan perkembangan semasa dalam menongkah arus cabaran globalisasi, pengajaran dan pembelajaran (PdP) bahasa Malaysia memerlukan satu pendekatan yang lebih berkesan serta sesuai dengan era perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK). Guru-guru perlu menambahkan pengetahuan dalam pedagogi literasi bahasa Malaysia dan melakukan satu perubahan paradigma untuk menyesuaikannya dengan keperluan semasa dalam pelbagai bidang ilmu (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Dalam memartabatkan bahasa Malaysia pula, negara perlukan setiap warganegaranya menguasai literasi bahasa Malaysia. Modal insan yang lahir melalui sistem pendidikan negara perlu menguasai literasi bahasa Malaysia selain bahasa asing yang lain (PPPM 2013-2025, 2012). Modal insan merupakan aset terpenting bagi pembangunan sesebuah negara dan menjadi teras kepada inovasi serta ekonomi berpendapatan tinggi yang produktif (INTAN, 1992). Kemakmuran,

keamanan, kestabilan politik, kemajuan dalam bidang sains dan teknologi serta toleransi kaum dan agama hanya boleh dipupuk dan dikongsi jika rakyat mempunyai tahap pendidikan yang tinggi (Sufean, 2004).

PPPM 2013-2025 menegaskan bahawa setiap murid perlu profisien dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris. Justeru, diperkenalkan Program LINUS 1 pada 2010 dan LINUS 2 pada 2013 sebagai langkah meningkatkan profisien setiap murid. Pelaksanaan Program LINUS mulai tahun 2010 hingga 2012 telah memakan belanja RM400 juta (RMK 10). Namun, dalam usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melonjakkan pendidikan negara bertaraf dunia, masih terdapat sebilangan kecil murid yang masih tercicir daripada arus pembangunan dalam program transformasi kerajaan (GTP) negara iaitu murid-murid yang lemah pencapaian akademik, terutamanya murid-murid Orang Asli (Hassan, 1998).

Aspek kemenjadian murid dan keberhasilan pencapaian program kelolaan Kementerian Pendidikan Malaysia bertaut rapat dengan peranan sekolah dan guru-guru (PPPM 2013-2025, 2012). Bagi guru-guru di sekolah murid Orang Asli (SMOA), penyediaan pendidikan yang memenuhi keperluan masyarakat Orang Asli merupakan cabaran yang sangat berbeza berbanding menyediakan pendidikan kepada murid arus perdana kerana mereka ini berisiko tinggi untuk tercicir kecuali intervensi khusus disediakan untuk mereka seperti Program LINUS (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2017).

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Literasi bahasa Malaysia diajarkan kepada murid-murid melalui empat kemahiran asas dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR), iaitu kemahiran mendengar, kemahiran bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis (Pusat

Perkembangan Kurikulum, 2003), di samping dua unsur tambahan lain iaitu seni bahasa dan tatabahasa yang ditambah baik melalui Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (KPM, 2011). Dalam keadaan biasa, murid-murid menguasai kemahiran mendengar sebelum menguasai kemahiran bertutur, dan menguasai kemahiran-kemahiran membaca sebelum kemahiran menulis (Asmah, 2004). Dalam kajian ini, penyelidik melihat penguasaan semua aspek kemahiran sebagai asas penting dalam program literasi bahasa Malaysia. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mensasarkan bahawa semua murid yang tiada masalah pembelajaran berkeupayaan untuk menguasai asas literasi dan numerasi (LINUS) sebelum berakhir persekolahan tahap 1 (KPM, 2011). Justeru, pihak KPM telah memperkenalkan Program LINUS bagi mengatasi masalah ketiadakupayaan literasi bahasa Malaysia dalam kalangan murid-murid tahap satu sekolah rendah. Program ini dilaksanakan di semua sekolah termasuk juga di sekolah murid Orang Asli (SMOA).

Di Malaysia, Orang Asli merupakan kelompok terkecil iaitu 0.5% daripada populasi penduduk Malaysia. Mereka dapat dibahagikan kepada 18 suku kaum (Nicholas, 2000). Juli Edo (t.t.), Pengarah Pusat Pengajian Peribumi Malaysia Universiti Malaya, menjelaskan latar belakang sosioekonomi keluarga antara penyebab utama golongan itu terus dibelenggu keciciran dalam pelajaran. Nicholas (2007) membuat justifikasi jika serainai 100 orang murid Orang Asli yang mendaftar diri sebagai murid tahun satu, hanya enam orang sahaja daripada mereka yang dapat melengkapkan tempoh pengajian sehingga tingkatan lima, selebihnya iaitu 94 orang daripada mereka akan menamatkan pengajian atau berhenti sekolah awal, dan mereka gagal dikesan. Parlimen Malaysia (2015) menjelaskan kadar keciciran bagi murid Orang Asli bagi tahun 2004 adalah sebanyak 54.6 peratus manakala tahun 2014 adalah 41.0 peratus, kadar ini sebenarnya masih tinggi, jika dibandingkan dengan jumlah

murid Orang Asli sebanyak 39,149 (0.74%) daripada murid sekolah rendah dan sekolah menengah seluruh negara.

Juli Edo (2009) berpendapat perbezaan sosiobudaya masyarakat Orang Asli dan gaya pembelajaran murid Orang Asli sebagai antara penyumbang kepada wujudnya permasalahan tersebut. Bagi Zulkifli (2011), wujud jurang penguasaan pengetahuan bahasa Malaysia antara murid-murid Melayu dan bukan Melayu, dan keadaan ini menjadi antara penyebab utama kepada masalah literasi dalam kalangan murid bukan Melayu, seperti murid Orang Asli. Murid-murid bukan Melayu hanya didedahkan dengan pengetahuan bahasa Malaysia apabila mereka memulakan pendidikan formal di tadika atau prasekolah. Murid bukan Melayu, khususnya murid Orang Asli mengalami kesukaran untuk menguasai literasi bahasa Malaysia disebabkan faktor geografi iaitu kurang berhubung dan berkomunikasi dengan masyarakat luar terutamanya orang Melayu (Abdull Sukor et al., 2011).

Jika ditinjau dalam kehidupan masyarakat Orang Asli itu sendiri, kebanyakan daripada mereka kurang mementingkan pendidikan anak-anak masing-masing. Walaupun pihak Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) berperanan menyalurkan berbagai-bagi bantuan seperti pakaian seragam sekolah, pengangkutan, bantuan yuran persekolahan; namun usaha tersebut kurang menampakan hasil. Misalnya, tahun 2001 hingga 2005, JHEOA memperuntukkan 11.5 juta untuk tujuan berkenaan namun aspek keberhasilan akademik murid Orang Asli masih ditakuk lama (Nicholas, 2007). Dalam tempoh 2004 hingga 2014, perbelanjaan dikeluarkan oleh Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) (dahulunya, dikenali JHEOA) adalah sebanyak RM109.2 juta, iaitu RM93 juta untuk kos pengangkutan, dan selebihnya untuk kos perbelanjaan asrama (Parlimen Malaysia, 2014). Peruntukan Belanjawan Tahun 2016 pula, Kerajaan menyalurkan sebanyak RM300 juta dalam melaksanakan berbagai projek untuk

memajukan masyarakat Orang Asli bagi meningkatkan pendapatan ekonomi keluarga mereka (Kementerian Kewangan Malaysia, 2015).

Sejak sekian lama, terdapat paradigma yang menyatakan bahawa masyarakat Orang Asli sebagai masyarakat yang menjadi anak emas kerajaan, tersisih, suka mengasingkan diri, dan kurang menghayati budaya kerja produktif (JHEOA, 2003). Mereka ketinggalan dari segi kemudahan infrastruktur dan asas pendidikan (SUHAKAM, 2009). Justeru, keputusan peperiksaan dan peratus kehadiran ke sekolah amat rendah serta kadar literasi seperti tidak boleh membaca, menulis serta mengira amat kritikal (Chupil & Joseph, 2003). Keadaan ini ditambah lagi dengan sikap ibu bapa atau penjaga yang tidak berminat langsung untuk mendaftarkan anak-anak mereka ke sekolah, sebaliknya meminta anak-anak ke hutan membantu mereka (Nadchatram, 2007).

Bagi mengurangkan permasalahan pendidikan dalam kalangan murid Orang Asli, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melaksanakan satu inisiatif melalui Institut Pendidikan Guru (IPG). Projek Model Pensiangan Salinatan telah dilancarkan pada tahun 2004 yang bermatlamat meningkatkan pedagogi ilmu pengetahuan isi kandungan (PCK) dan kemahiran pedagogi pribumi yang berkualiti kepada guru-guru yang mengajar di sekolah murid Orang Asli dengan harapan prestasi akademik murid Orang Asli turut meningkat (Asariah, 2009). Program tersebut diharapkan turut merubah sistem pengajaran guru dengan memberi penekanan kepada pedagogi pribumi.

Pengenalan Program LINUS yang turut dilaksanakan di SMOA adalah salah satu program intervensi literasi bahasa dalam meningkatkan pencapaian bahasa Malaysia dalam kalangan murid-murid sekolah rendah (KPM, 2011). Perancangan ini digubal di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dalam mentransformasikan pendidikan negara dan meningkatkan kualiti pendidikan setaraf dengan negara maju.

### **1.3 Penyataan Masalah**

Pelaksanaan sistem pendidikan di Malaysia perlu ditransformasikan mengikut keperluan dan peredaran masa (Sufean, 2004). Sejak negara mencapai kemerdekaan tahun 1957 hingga kini, beberapa perubahan telah direncanakan bagi memastikan matlamat ke arah sebuah negara maju dan pendidikan negara bertaraf dunia tercapai (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013). Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 telah dilancarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia pada tahun 2012 bagi melonjakkan prestasi murid dan menitikberatkan bidang keberhasilan melalui setiap program yang dirancang. Dalam melonjakkan prestasi murid, enam aspirasi murid digariskan antaranya meningkatkan pengetahuan murid melalui peningkatan kadar literasi murid.

Isu literasi atau kegagalan menguasai literasi adalah isu global bagi kebanyakan negara di seluruh dunia (Dennis, Lynch & Stockall, 2012). Jika ditinjau daripada aspek keberhasilan dalam pendidikan, kedudukan negara kita masih terkebelakang berbanding negara seperti Singapura, Korea dan Jepun. Berdasarkan kajian PISA (Programme for International Student Assessment), menunjukkan Malaysia menduduki tangga ke 44 dalam kategori bacaan pada tahun 2010 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).


Justeru, fokus penting setiap kali belanjawan ialah jumlah peruntukan yang besar bagi bidang pendidikan (Rancangan Malaysia ke-11, 2015). Misalnya, Peruntukan sebanyak RM41.3 bilion diagihkan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia dalam usaha memantapkan lagi kualiti pendidikan di Malaysia melalui pelaksanaan program transformasi pendidikan negara (Kementerian Kewangan Malaysia, 2015).

Perlaksanaan Program LINUS merupakan antara inisiatif ke arah keberhasilan dalam pendidikan negara. Perbelanjaan pelaksanaan Program LINUS pada tahun 2010 hingga 2012 sahaja telah menjangkau RM400 juta (KPM, 2015). Maka peruntukan besar diperlukan bagi memastikan pelaksanaan program tersebut berjalan lancar dan murid-murid dapat menguasai literasi bahasa Malaysia dengan lebih sistematik. Ini kerana masalah literasi masih menjadi “duri dalam daging” dalam melonjakan hala tuju pendidikan Malaysia ke arah pendidikan bertaraf dunia. Keadaan ini menunjukkan masih terdapat kelemahan yang ketara dalam pelaksanaan dasar pendidikan, biarpun negara Malaysia telah lebih daripada 50 tahun mencapai kemerdekaan (Nik Safiah, 2012).

Kadar literasi dalam kalangan murid-murid sekolah rendah di Malaysia masih membimbangkan. Laporan Jawatankuasa Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) Jabatan Perdana Menteri (JPM) bagi NKRA, merekodkan terdapat seramai 54,000 murid tahun satu atau 13 peratus yang gagal menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi (LINUS), manakala pelajar tahun empat sebanyak 117,000 atau 24 peratus murid tidak dapat menguasai asas literasi pada tahun 2008. Walaupun mereka telah mengikuti kelas pemulihan melalui Program Kelas Intervensi Membaca dan Menulis (KIA2M) dan Program Bimbingan Membaca dan Menulis (PROBIM), namun didapati kedua-dua program tersebut gagal mencapai matlamatnya (PADU, 2015).

Program LINUS yang diperkenalkan kerajaan mempunyai visi dan misi bagi mengisi kelopongan yang ditinggalan oleh program tersebut. Justeru, satu kajian perlu dilakukan dalam menilai keberkesanan pelaksanaan Program LINUS dalam memastikan objektif dan matlamat program tersebut tercapai serta meningkatkan kadar literasi murid-murid sekolah rendah.

Jika dirujuk kepada pencapaian Program LINUS yang dikeluarkan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia pada akhir tahun 2012 melalui Rajah 1.1, kadar penguasaan asas literasi di Malaysia masih membimbangkan. Setiap tahun, Kementerian Pendidikan Malaysia mengeluarkan statistik peningkatan pencapaian cemerlang peperiksaan sama ada peringkat Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Sekolah Rendah (PMR) (Sekarang dikenali Penilaian Tahap 3 (PT3), Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM). Namun adalah amat malang sekali, jika masih terdapat murid-murid pada peringkat sekolah rendah dan menengah yang masih gagal menguasai kemahiran asas literasi (Zinitulniza, 2011).



*Rajah 1.1. Pencapaian Program LINUS (Kebangsaan) Tahun 2012 Literasi*

Maka satu usaha perlu digembleng bagi memastikan murid-murid yang gagal menguasai kemahiran asas tersebut termasuk murid-murid Orang Asli dapat diatasi. Usaha ini penting supaya mereka tidak terlepas peluang mendapatkan pendidikan berkualiti seperti yang dinyatakan dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PiPP 2006-2010) (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006) dan Pelan Pembangunan

Pendidikan Malaysia 2013-2025 (PPPM 2013-2015, 2012). Intisari murni kedua-dua program tersebut ialah penyediaan kesamarataan akses kepada pendidikan berkualiti bertaraf dunia kepada semua murid termasuk murid Orang Asli dan kumpulan minoriti. Dalam PPPM 2013-2025, aspek tersebut menjadi keutamaan Kementerian Pendidikan Malaysia dengan menjadikannya murid sebagai subjek keutamaan dalam Anjakan Pertama bagi PPPM 2013-2025 (KPM, 2017).

Laporan Program LINUS yang dikeluarkan oleh Jabatan Pendidikan Perak (2013), bagi sekolah murid Orang Asli (SMOA), didapati tiada perubahan yang positif terhadap pelaksanaan program tersebut. Data ujian saringan yang dijalankan terhadap murid-murid Orang Asli yang terlibat dengan Program LINUS juga mendapati keputusannya amat kritikal serta membimbangkan, dan seolah-olah program itu gagal. Dapatkan ini tidak selari dengan keputusan yang dikeluarkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sendiri melalui pelaporan awal mereka terhadap kemajuan Program LINUS peringkat kebangsaan. Jadual 1.1 menjelaskan perkara berikut.

#### Jadual 1.1

*Keputusan Ujian Saringan 4, Program Literasi Sekolah Orang Asli, Negeri Perak  
Tahun 2013*

Bil.	Nama Sekolah	Jumlah Murid Keseluruhan	Kehadiran				Konstruk				Ke- Putus- an	
			Tidak Hadir	Hadir	Tidak Menguasai (K1 -K2)		Tidak Menguasai (K3 - K12)					
					Bil.	%	Bil.	%	Bil.	%		
1.	SK Chenderoh Kelubi	25	0	25	0	0	5	20	20	80	TM	
2.	SK Suak Padi	5	0	5	0	0	1	20	4	80	TM	
3.	SK Chenein	22	1	21	1	4.7	8	38.1	12	57.1	TM	
4.	SK Pos Perwor	34	2	32	7	21.8	16	50	9	28.1	TM	

sambungan Jadual 1.1

5.	SK Pos Legap	62	9	53	21	39.6	18	34	14	26.4	TM
6.	SK Pos Kuala Mu	21	0	21	6	28.5	10	47.6	5	23.8	TM
7.	SK Pos Poi	27	5	22	5	22.7	13	59.1	4	18.1	TM
8.	SK Pos Piah	16	2	14	1	7.1	12	85.7	1	7.1	TM
9.	SK Pos Sg. Pelantok	8	0	8	0	0	0	0	8	100	M
10.	SK Kpg. Kenang	22	0	22	1	4.5	6	27.3	15	68.1	TM
11.	SK Batu 14	43	0	43	8	18.6	22	51.2	13	30.2	TM
12.	SK Batu 7	73	3	70	35	52.0	33	45.2	2	2.7	TM
13.	SK Kg. Senta	17	0	17	12	70.5	5	29.4	0	0	TM
14.	SK Pos Bersih	12	0	12	7	58.3	3	25	2	16.6	TM
15.	SK Pos Tenau	11	0	11	3	27.2	7	63.6	1	9.0	TM
16.	SK Pos Gedong	10	0	10	4	40.0	6	60	0	0	TM
17.	SK Pos Musuh LZ	8	0	8	2	25	6	75	0	0	TM
18.	SK Seri Tanjung	19	2	17	0	0	17	100	0	0	TM
19.	SK Pos Raya	38	1	37	32	86.4	5	13.5	0	0	TM
20.	SK Pos Dipang	18	0	18	2	11.1	7	38.9	9	50.0	TM
21.	SK Ayer Denak	12	0	12	2	8.3	12	50	10	41.6	TM
22.	SK Ulu Geruntum	21	1	20	6	30.0	14	70	0	0	TM
23.	SK RPS Banun	35	3	32	6	18.7	20	62.5	6	18.7	TM
24.	SK RPS Kemar	103	22	81	24	29.6	46	56.8	11	13.5	TM
25.	SK RPS Dala	31	2	29	9	31.0	19	65.5	1	3.4	TM
26.	SK Sg. Tiang	17	5	12	3	25.0	9	75	0	0	TM
27.	SK Jernang	16	0	16	2	12.5	5	31.3	9	56.2	TM
28.	SK Sg. Perah	7	0	7	2	28.5	5	71.4	0	0	TM

Sumber : Jabatan Pendidikan Perak (2013)

Petujuk: M = Menguasai, TM = Tidak Menguasai

Daripada Jadual 1.1 menunjukkan hanya sebuah sekolah sahaja yang melepas tahap yang dikehendaki, iaitu dengan menguasai kesemua konstruk yang diuji. Selebihnya, 27 buah sekolah lagi masih gagal menguasai 12 konstruk yang diuji. Ironinya, Kerajaan negeri Perak mengisytiharkan kadar literasi bahasa Malaysia negeri itu pada tahun 2014 ialah pada kadar 99.20 peratus, manakala kadar numerasi 99.29 peratus (Zambry, 2015).

Justeru, kajian penilaian terhadap pelaksanaan Program LINUS amat perlu dijalankan bagi mengenal pasti adakah konteks, input, produk dan proses pelaksanaan Program LINUS yang dilaksanakan di sekolah Orang Asli masih menghadapi permasalahan sehingga keputusan sedemikian diperoleh, atau aspek-aspek lain yang terlepas pandang yang boleh memberi kesan terhadap pelaksanaan program tersebut. Misalnya, kesesuaian modul, pengalaman guru-guru, persekitaran dan iklim pembelajaran, sikap murid-murid, sikap ibu bapa murid, tempoh masa atau pun masalah-masalah lain.

Kajian Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, KPM (2002) mendapati kegagalan murid dalam menguasai literasi bahasa Malaysia disebabkan dua faktor iaitu; (1) faktor konteks, iaitu diri murid seperti peratusan kehadiran ke sekolah, perkembangan kognitif dan kesihatan murid; latar belakang keluarga seperti latar belakang sosioekonomi keluarga, persekitaran tempat tinggal, kerap bertukar sekolah; dan kesediaan pembelajaran murid seperti sikap murid, sokongan pelajaran di rumah serta kehadiran ke prasekolah; manakala (2) faktor input iaitu keberkesanan pengajaran guru, sokongan pihak pengurusan sekolah, persekitaran sekolah, kurang tumpuan kepada murid lemah serta guru memberikan ‘label’ kepada murid lemah.

Kajian Chamhuri (2005), mendapati pencapaian pendidikan yang rendah amat berkait rapat dengan tahap pendidikan keluarga. Masalah sosioekonomi dan sosiobudaya yang menyebabkan ibu bapa tidak mampu untuk menampung perbelanjaan sekolah anak-anak. Bagi masyarakat Orang Asli, mereka dikatogerikan sebagai masyarakat yang mundur. Keadaan mereka yang ketinggalan dari segala aspek kehidupan dan merupakan masyarakat paling miskin (Mohd Fauzi & Mohd Afandi, 2010). Situasi ini disebabkan mereka masih menjalankan aktiviti ekonomi seperti menjalankan kegiatan ekonomi berdasarkan sara hidup dan menggunakan peralatan tradisional (Ah Choy, Zalina & Pereira, 2010). Maka, beberapa usaha dan perancangan perlu direncanakan bagi melonjakkan pencapaian mereka dalam pendidikan. Usaha ini amat penting bagi mengelakkan mereka terus terpinggir dan ketinggalan (Abdull Sukor, Nuraini, Mohd Izam & Mohd Hasani, 2011).

Jika dijadikan prestasi dan pencapaian akademik dalam kalangan murid Orang Asli sebagai penanda aras, kedudukan mereka amat jauh ketinggalan dan boleh tergolong sebagai golongan yang terpinggir (Mohd Fauzi, 2006). Sebagai contoh, seramai 3011 orang calon yang menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun 2010, hanya 48 orang calon yang lulus, atau 1.5 peratus (JHEOA, 2010). Begitu juga dalam pendidikan tinggi, bilangan pelajar Orang Asli yang layak mendapat pendidikan tinggi seramai 190, 000 orang, tetapi yang mendaftar hanya 300 orang sahaja, menurut Datuk Seri Mohd. Ali Rustam, Ketua Menteri Melaka semasa merasmikan Hari Terbuka KAYM 2011 (JAKOA, 2011a).

Masalah jurang pencapaian dalam pelajaran bagi murid Orang Asli juga masih tinggi. Kelulusan dalam UPSR 2016 misalnya, kadar lulus murid Orang Asli hanya 43.8% berbanding dengan kadar lulus peringkat nasional sebanyak 86.5%. Kemahiran literasi dan numerasi yang rendah juga menjadi penghalang kemajuan dan pencapaian

murid Orang Asli pada peringkat menengah dan menimbulkan risiko keciciran yang tinggi (KPM, 2017). Walaupun kerajaan telah mengadakan berbagai program seperti Mesra Didik, Program Minda dan Program Pelan Tindakan Pembangunan Pendidikan Orang Asli (JHEOA, 2010). Kemahiran literasi dan numerasi yang rendah juga menjadi penghalang kemajuan dan pencapaian murid Orang Asli pada peringkat menengah dan menimbulkan risiko keciciran yang tinggi.

Bagi masyarakat Orang Asli, khususnya murid-murid Orang Asli, perasaan malu adalah menjadi sebahagian daripada personaliti mereka (Nicholas, 2007; Abdul Razaq & Zalizan, 2009; Mohd Fauzi & Mohd Afandi, 2010). Brewer (2001) mencadangkan supaya sekolah memainkan peranan lebih proaktif dengan mewujudkan suasana sekolah mesra ibu bapa, dan seterusnya meyakinkan murid-murid Orang Asli menggunakan bahasa Malaysia untuk berinteraksi ketika berada di sekolah atau di kelas bahasa Malaysia.

Permasalahan bagi masyarakat Orang Asli turut menarik pengkajian terhadap penerimaan dakwah yang dilakukan oleh Halim (2003), dan Syed Abdurahman (2003) manakala kajian terhadap pembangunan dan masyarakat Orang Asli dilakukan oleh Noraini (2001), Abd. Hamid (2003), Khairul Hisyam (2005), Akmal (2004), Suki Mee (2006), dan Wan Ahmad (2009). Kajian-kajian lain seperti Orang Asli dan perubatan tradisional (Siti Amrah, 2004), Orang Asli dan penghasilan arca (Baharudin, 2009), serta Orang Asli dan kepercayaan animisme (Huzaimeh, 2006).

Kajian tentang literasi dalam kalangan murid-murid Orang Asli, khususnya terhadap literasi bahasa Malaysia masih kurang ditemui. Hal ini disebabkan kaum minoriti tersebut sukar ditemui pengkaji apatah lagi untuk dijadikankan subjek kajian,

dan seterusnya menjalankan penyelidikan (Zainal Abidin Ali, 2008). Jika pengkajian dibuat pun, kajian dibuat melalui pihak Kementerian Pendidikan Malaysia atau pun Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Kajian dibuat bagi mengenal pasti permasalahan literasi dalam kalangan murid-murid Orang Asli amatlah kurang. Pengkajian lebih cenderung untuk melihat permasalahan Orang Asli secara keseluruhannya, misalnya kajian terhadap kadar kecinciran murid-murid Orang Asli dalam bidang pendidikan di sekolah rendah, kajian daripada aspek pemunggiran dan kemiskinan (Mohd Fauzi, 2006), kajian daripada aspek masalah kesihatan dan zat makanan (Rozita, 2003; Al-mekhlafi Hesham Mahyoub Sarhan, 2004; Hasliah, 2009) atau pun permasalahan tentang asal usul Orang Asli itu sendiri (Lim, 2005).

Walaupun terdapat banyak kajian tentang literasi dalam bahasa Malaysia dilakukan oleh para pengkaji; misalnya aspek literasi para pelajar dalam buku teks sekolah (Norainah, 2004; Dahlia, 2002; Kamaruddin, 2001; Siti Hajar, 1998; Yaacob, 1998, Jasimah, 1998); namun kesemua kajian tersebut lebih tertumpu terhadap pelajar di sekolah arus perdana, tanpa menyentuh sedikit pun tentang murid-murid Orang Asli. Misalnya, kajian terhadap masalah literasi dan kemahiran membaca ‘Nun Sakinah’ dalam bahasa Arab oleh Farehah (2000) bagi murid-murid bangsa Melayu yang beragama Islam. Bagi Illias (2003), beliau melihat masalah literasi al-Quran dalam kalangan guru pelatih, Yusman (2005), beliau menumpukan kepada masalah literasi al-Quran dalam kalangan murid-murid sekolah, manakala Nozimah (2013), beliau melihat permasalahan literasi Jawi dalam kalangan murid-murid sekolah dapat diatasi melalui penggunaan modul Jawi secara berterusan. Kesemua pengkajian tersebut cuba merungkaikan permasalahan akar umbi literasi dalam kalangan murid di sekolah harian biasa sahaja.

Literasi dalam kalangan kanak-kanak perlu dipupuk sejak dari kecil. Misalnya menjadikan amalan membaca sebagai budaya dalam kehidupan mereka selaras dengan kempen bulan membaca tahun 2010 “Bangsa Membaca, Bangsa Berjaya” (PNM, 2010). Banyak kajian yang dibuat terhadap amalan, minat dan pencapaian akademik dalam kalangan murid-murid sekolah misalnya kajian Khairiyah (2005), Latifah (2004), Low (2003), Nureliza (2002), Zaliha (2000), dan Muhammad Azhar (1999). Bagi Zainudin (2000), beliau membuat kajian dalam kalangan staf Universiti Teknologi Malaysia (UTM) terhadap tabiat membaca bahan ilmiah bercetak, manakala Tamam, Zamri, Nik Mohd Rahimi dan Jamaludin (2010) yang membuat kajian bagi mengenal pasti permasalahan literasi bahasa kalangan murid-murid sekolah rendah di negara Brunei Darussalam.

Kajian seumpama perlu diperluaskan lagi terhadap murid-murid Orang Asli supaya permasalahan mereka dapat diselami; dan diberikan perhatian sewajarnya selaras dengan hasrat kerajaan iaitu merapatkan jurang pendidikan, yang merangkumi jurang di antara bandar dengan luar bandar atau pedalaman; jurang di antara yang miskin dengan yang kaya; jurang digital dan jurang antara mereka yang berkeperluan khas; agar tidak ada sebarang golongan yang tercicir daripada arus pembangunan negara (PIPP, 2006)

Banyak pengkaji mencadangkan supaya program literasi atau sesuatu kaedah diperkenalkan kepada golongan sasar sebagai langkah awal bagi menangani permasalahan tersebut, misalnya kajian oleh Norshidah (2000), Abdul Rahim (2001), dan Grace (2003). Bagi Lee (2008), beliau berpendapat bahawa pembinaan dan pengesahan ujian bacaan perlu diperkenalkan dalam mengenal pasti masalah membaca disleksia dalam kalangan murid-murid berkeperluan khas. Syahrom (2002), mencadangkan satu ujian diperkenal bagi menilai kefahaman membaca dalam bahasa

Malaysia. Bagi Norkhairani (2004) pula, satu perisian multimedia perlu dibangunkan untuk murid-murid belajar membaca. Perisian ini boleh diperluaskan kepada semua murid termasuk murid-murid Orang Asli dengan melampirkan bahasa ibunda misalnya sebagai satu alternatif.

Azhar (1998) dalam kajiannya mendapati banyak sebab yang mempengaruhi kadar penguasaan literasi bahasa dalam kalangan murid-murid luar bandar terutamanya di Miri, Sarawak dan kajian Abd. Rahim (1999), pula merumuskan wujud hubungan yang setara antara kecerdasan murid-murid dengan kadar penguasaan literasi mereka dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Ahmad (2000) mencadangkan bentuk pengajaran perbendaharaan kata digunakan dalam mengajarkan membaca supaya murid-murid mudah mencapai objektif pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dikehendaki guru. Bagi Rokmaa (1999), beliau membuktikan bahawa peningkatan kadar literasi dalam kalangan murid-murid banyak menyumbang kepada peningkatan kemahiran menulis dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia, terutamanya dalam menghasilkan karangan naratif.

Dalam mengkaji keberkesanaan pelaksanaan sesuatu program misalnya, Mazura (2011) telah mengkaji tahap pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam kalangan guru-guru bahasa Malaysia di Kedah. Lai Guan, Abd. Shukor, Jasni, Ku Bahadun dan Zuber (1998) telah menilai keberkesanan pelaksanaan kursus dalam perkhidmatan (KDP) 14 minggu guru sekolah bestari. Mereka menggunakan kaedah tinjauan untuk mendapatkan persepsi responden berpandukan model CIPP. Selain itu, Azizi (1999), Fong (2000), Hapidah, Roselan, Nadzeri, Mohd Sahandri dan Abd Ghani Taib (2002), Shapiee @ Shafie (2002), Ismail (2005), Muhammad (2006), serta Abdul Zubir dan Fakhri (2011) masing-masing menggunakan model penilaian CIPP dalam kajian mereka. Beberapa pengkaji luar seperti Cetta (2012), Bachenheimer (2010), Boone (2010), Robert (2010),

Kjer (2009), Gill-Jacob (2009), Nicometi (2009), Anthony (2008), Hsieh (1999), Masear (1999), Bennardo (1998), Carpenter (1998) dan Fritz (1996) turut menggunakan model CIPP dalam kajian mereka. Justeru pengkaji akan menggunakan model konteks, input, produk dan proses (CIPP) oleh Stufflebeam dalam mengkaji pelaksanaan program literasi bahasa Malaysia (LINUS) dalam kalangan murid Orang Asli terutamanya di negeri Perak.

Chomsky (2001) berpendapat keupayaan berbahasa berperanan penting dalam apa-apa aspek kehidupan, fikiran dan interaksi manusia. Justeru, permasalahan literasi dalam kalangan murid-murid Orang Asli perlu diberikan perhatian secara khusus melalui penilaian terhadap pelaksanaan program literasi dalam menyelesaikan permasalahan tersebut. Kenyataan tersebut turut disokong oleh Profesor Datuk Dr Zalizan Mohd Jelas, Pengurus Persidangan Serantau Pendidikan Inklusif dan Pendidikan Kanak-Kanak Berkeperluan Khas (RCISEN). Beliau mencadangkan supaya perubahan kurikulum melalui aktiviti yang menyeronokan dan tidak berorientasi peperiksaan semata-mata amat penting bagi murid-murid Orang Asli; yang digolongkan sebagai golongan yang berkeperluan khas (Bernama, 2009).

Secara keseluruhannya, isu pendidikan adalah antara isu tidak berkesudahan dalam kalangan murid-murid Orang Asli di Malaysia. Antara isu yang menjadi perbincangan hangat seperti pencapaian akademik yang rendah dalam kalangan murid-murid Orang Asli (Johari & Nazri, 2007; Dentan & Juli Edo, 2008). Permasalahan tersebut boleh diperincikan kepada permasalahan literasi dan numerasi (Juli Edo, 2006; Saedah Siraj & Vanitha, 2010; Vanitha, Saedah, Norlidah & Zaharah, 2011), ponteng sekolah (KPM, 2010), keciciran (Asrulkhandi, Marof & Sarjit, 2006; JHEOA, 2009; KPM, 2010; SUHAKAM, 2010), masalah disiplin dan keruntuhan akhlak

(Asnarulkhadi, 2005; Mohd Fauzi, Noraini & A. Gani, 2009) serta kedaifan atau kemiskinan (Soijah & Nazarudin, 2013; 2015).

Permasalahan literasi dalam kalangan murid Orang Asli berkait rapat dengan reka bentuk Program LINUS yang dihasilkan KPM (KPM, 2011). Menurut Ornstein dan Hunkins (2014) dalam mereka bentuk kurikulum beberapa sumber perlu diambil kira seperti sumber sains, masyarakat, doktrin sosial, ilmu pengetahuan dan murid. Orang Asli itu sendiri sebagai pengguna. Persoalan-persoalan yang wujud antara murid dengan kurikulum memberi impak kepada pelaksanaan sesuatu program seperti Program LINUS. Ini kerana reka bentuk kurikulum berkait rapat dengan beberapa komponen seperti konteks (scope), peraturan atau protokol (sequence), kesinambungan (continuity), penyepaduan (integration), jelas (articulation) lawan keseimbangan (balance) (Ornstein & Hunkins, 2014). Penilaian terhadap pelaksanaan Program LINUS dijalankan bagi mengenal pasti kekurangan dan membuat penambahbaikan program tersebut menggunakan model penilaian *context-input-process-product* (CIPP) oleh Stufflebeam dan Shinkfield (2007).

#### **1.4 Objektif Kajian**

Objektif kajian ini untuk menilai pelaksanaan Program LINUS dalam kalangan murid-murid Orang Asli di negeri Perak, khususnya di 28 buah sekolah murid-murid Orang Asli. Penilaian dibuat menggunakan model penilaian *context-input-process-product* (CIPP) oleh Stufflebeam dan Shinkfield (2007, melalui perancangan harian, aktiviti, pengalaman, interaksi serta strategi yang dirangka dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) Program LINUS. Objektif-objektif khusus kajian ini bertujuan untuk;

1. menilai pencapaian matlamat dan objektif Program LINUS dalam kalangan murid-murid Orang Asli (Konteks),
2. meneliti kaedah pengajaran dan pembelajaran (P&P) Program LINUS dalam kalangan murid-murid Orang Asli (Input),
3. mengenal pasti permasalahan-permasalahan yang wujud semasa pelaksanaan Program LINUS dalam kalangan murid-murid Orang Asli (Proses), dan
4. melaporkan hasil produk Program LINUS daripada aspek output (kemajuan dan pencapaian murid) dan saiz (bilangan) dalam kalangan murid-murid Orang Asli (Produk).

## **1.5 Soalan Kajian**

Soalan-soalan kajian berikut telah dirangka menggunakan model penilaian *context-input-process-product* (CIPP) oleh Stufflebeam dan Shinkfield (2007). Bagi mencapai objektif khusus kajian ini, beberapa soalan telah dirangka merangkumi persoalan-persoalan berikut:

1. Konteks:

- (a) Adakah matlamat dan objektif Program LINUS mencapai sasarannya?
- (b) Apakah peranan pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS dalam mencapai matlamat dan objektif Program LINUS?

2. Input:

- (a) Bagaimanakah aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) Program LINUS dilaksanakan?
- (b) Apakah peranan pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) Program LINUS?

3. Proses:

- (a) Apakah permasalahan-permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan Program LINUS?
- (b) Bagaimanakah guru-guru LINUS dan pentadbir LINUS menghadapi permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan Program LINUS?

4. Produk:

- (a) Bagaimanakah penilaian Program LINUS dilaksanakan di sekolah murid Orang Asli?
- (b) Bagaimanakah pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS melaksanakan penilaian Program LINUS di sekolah murid Orang Asli?

### 1.6 Kerangka Kajian

Kerangka kajian merupakan satu set gambar rajah yang yang direka bentuk dalam proses penyelidikan bagi menghubungkan beberapa idea dengan komponen penyelidikan serta melingkari satu aliran teori kejadian yang digunakan termasuk persoalan kajian, hipotesis kajian, tinjauan literatur dan metodologi kajian (Sufean, 1995).

Kajian ini akan menggunakan model konteks, input, produk dan proses yang diubahsuai daripada teori *context, input, process* dan *product* (*CIPP*) yang telah direka bentuk oleh Stufflebeam pada tahun 1967. Pengenalan teori model *CIPP* bertujuan memaju dan meningkatkan keberkesanan sesuatu program melalui penambahbaikan dan memperkemaskan lagi proses pelaksanaan bermatlamat mencapai objekif yang maksimum, dan bukannya mencari kesalahan atau bukti kesalahan (Stufflebeam & Shinkfield, 2007).

Kajian ini bersifat kajian kes yang bertujuan membuat penerokaan atau *exploratory research* dengan meneliti matlamat dan objektif program, melihat pelaksanaan program dan output program serta permasalahan yang menjadi penghalang kepada kelancaran pelaksanaan program tersebut. Pemeriksaan dibuat dengan mengandaikan bahawa setiap permasalahan yang wujud dapat diatasi dan diberikan tindakan pembetulan serta penamaikan.

Stufflebeam (1971) mendefinisikan penilaian sebagai satu proses yang menggambarkan, mengumpul dan menyedia maklumat yang berguna untuk membuat keputusan alternatif. Beliau telah menggariskan empat perkara dalam penilaian;

1. Penilaian adalah petunjuk atau panduan kepada keputusan yang diambil. Ia akan memberikan maklumat yang berguna kepada pembuat keputusan,
2. Penilaian adalah proses pusingan yang lengkap dan berterusan. Maka ianya perlulah dilaksanakan melalui satu program yang tersusun dan sistematis,
3. Proses penilaian memerlukan tiga langkah utama iaitu gambaran yang lengkap, pengumpulan maklumat dan penyediaan maklumat. Langkah ini adalah asas utama metodologi kajian penilaian, dan
4. Proses penilaian juga adalah satu aktiviti yang telus dan memerlukan ciri-ciri kolaboratif.

Stufflebeam (1971) telah menetapkan empat jenis keputusan seperti yang digambarkan melalui Rajah 1.1. Keputusan perancangan dan dan keputusan penstrukturran adalah peringkat cadangan program bagi membentuk objektif dan prosedur reka bentuk. Keputusan pusingan semula dan keputusan perancangan pula adalah perkara sebenar bagi digunakan untuk mencapai matlamat dan objektif program. Model CIPP melihat penilaian sebagai penentu kepada keputusan yang diambil. Proses penilaian bermula dengan keputusan aktiviti yang dijalankan dan dinilai. Proses

penilaian merupakan satu proses yang berterusan supaya program yang dilaksanakan mencapai matlamat dan objektif yang disasarkan. Proses tersebut dapat digambarkan melalui Rajah 1.2 seperti berikutnya.

	CADANGAN	SEBENAR
HASIL	<b>KEPUTUSAN PERANCANGAN</b> Untuk menentukan objektif	<b>KEPUTUSAN PUSINGAN SEMUKA</b> Untuk pertimbangan dan tindakan pencapaian
CARA	<b>KEPUTUSAN PENSTRUKTURAN</b> Untuk prosedur reka bentuk	<b>KEPUTUSAN PELAKSANAAN</b> Untuk diguna, dikawal dan diubah suai prosedur

Rajah 1.2. Jenis Keputusan Model CIPP

Teori model *CIPP* telah mengalami perubahan apabila pengkaji seperti Stake (1968) telah memperkenalkan pendekatan responsif; dengan memasukkan unsur input dan output bagi melihat keberkesanan pencapaian matlamat dan objektif sesuatu program, manakala Scriven (1974) pula telah memasukkan unsur-unsur penilaian formatif dan sumatif. Cronbach et al. (1980) telah memasukkan ciri-ciri penilaian dan pengukuran.


Teori *CIPP* menjelaskan penilaian keberkesanan sesuatu program atau proses dimulai dengan agensi pengawalan yang mengoperasikan sistem, kemudian diikuti oleh penilaian tahap pertama iaitu konteks, dengan menetapkan matlamat dan objektif program yang ingin disasarkan. Seterusnya, tahap kedua iaitu penilaian input yang menfokuskan kepada penggunaan pelbagai strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) sebagai pengisian program; dan seterusnya tahap ketiga iaitu penilaian proses yang menfokus kepada pencapaian hasilan sesuatu unit penilaian.

Tahap penilaian terhadap dimensi produk diletakkan pada bahagian akhir kerana penyelidik berpendapat penilaian terhadap produk lebih menekankan kepada aspek permasalahan yang wujud yang turut memberikan kesan kepada keseluruhan program. Penjelasan mengenai aspek-aspek tersebut dapat dilihat melalui Rajah 1.3 berikutnya.

	<b>Penilaian Konteks</b>	<b>Penilaian Input</b>	<b>Penilaian Proses</b>	<b>Penilaian Produk</b>
Objektif	Mentafsir konteks, institusi, mengenal pasti populasi dan keperluannya diagnostik masalah dan mempertimbangkan hubungan objektif dan keperluan.	Mengenal pasti dan mentafsir kemampuan sistem, alternatif strategi program, dan prosedur reka bentuk untuk melaksanakan strategi, peruntukan dan penjadualan.	Mengenal pasti atau meramal dalam proses akan kecacatan prosedur reka bentuk atau pelaksanaannya, menyediakan maklumat untuk keputusan program. Merekod dan mempertimbangkan prosedur dan aktiviti kerja.	Mengumpul semua huraian dan kesimpulan untuk dihubungkan dengan maklumat konteks, input dan proses. Mentafsir kegunaan dan kebaikannya.
Kaedah	Menggunakan pelbagai kaedah seperti sistem analisis, soal selidik, dokumentasi, temu duga, ujian diagnostik, dan ujian saringan.	Dengan menyenarai dan menganalisis sumber manusia dan bahan, penyelesaian strategik dan prosedur reka bentuk yang relevan. Menggunakan kaedah kajian literatur, lawatan ke lokasi program, bertemu dengan pasukan terlibat dan program rintis.	Dengan mengawasi segala proses perubahan dengan memerhati dan merekod aktiviti sebenar dijalankan. Melalui maklumat yang digunakan untuk membuat keputusan. Melalui interaksi dan pemerhatian terhadap pelaksana program.	Melalui definisi operasi dan pengukuran kriteria keluaran, melalui pengumpulan dapatan pentadbir sekolah dan dapatan dari analisis kualitatif dan kuantitatif.
Keputusan dan Proses Perubahan	Untuk menetapkan <i>setting</i> , matlamat, dan objektif yang dikaitkan dengan penyelesaian masalah. Untuk menentukan asas pertimbangan terhadap perubahan.	Untuk memilih sumber sokongan, strategi penyelesaian dan prosedur reka bentuk iaitu perubahan aktiviti penstrukturran dan penyediaan maklumat asas untuk pertimbangan pelaksanaan.	Untuk melaksana dan membaik pulih prosedur dan reka bentuk program. Membantu menyediakan maklumat proses sebenar untuk digunakan kemudian.	Untuk memutuskan sama ada aktiviti diteruskan, diubah suai atau ditamatkan. Membentang kan data/ rekod yang memberi kesan positif/ negatif.

Rajah 1.3. Penilaian Program Model CIPP

Secara umumnya, semakin banyak permasalahan yang wujud, maka semakin rendah tahap keberkesanan pencapaian sesuatu program. Penilaian terhadap dimensi proses mempunyai tiga objektif penting, Pertama adalah mengesan dan meramal kekurangan pada reka bentuk prosedur di peringkat pelaksanaan. Kedua adalah menyediakan maklumat untuk membuat keputusan, dan ketiga adalah mengekalkan prosedur yang ada. Secara keseluruhannya, aspek-aspek penilaian ini dapat mengumpulkan maklumat dan data tentang program serta menyimpan rekod-rekod kemajuan program tersebut. Teori model CIPP yang digunakan dalam kajian ini dipaparkan seperti melalui Rajah 1.4 berikut.



Rajah 1.4 . Komponen Model Penilaian CIPP oleh Stufflebeam & Shinkfield (2007)

Dalam membuat penjelasan terhadap penilaian terhadap keberkesanan pelaksanaan sesuatu program, Tan (1998) misalnya telah melihat keberkesanan pelaksanaan kursus Mata Pelajaran Sains dalam Kursus Perguruan Lepas Ijazah (KPLI) di maktab perguruan melalui gabungan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Azizi (1999) telah menilai keberkesanan pelaksanaan mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah-

sekolah menengah di Negeri Sembilan melalui kaedah tinjauan dengan menggunakan statistik deskriptif. Dalam kajian tersebut, beliau telah mengaplikasikan teori model *CIPP*.

Rosnani dan Mohd Sahari (1998), telah menilai keberkesanan pelaksanaan program Halaqah dan Ta'aruf di Universiti Islam Antarabangsa (UIAM) dengan menggunakan statistik deskriptif, manakala Ghazali (2003), mengkaji keberkesanan pelaksanaan Kursus Diploma Perguruan Malaysia (KDPM) di Maktab Perguruan Malaysia melalui kaedah statistik deskriptif. Dalam kajian lain, Kuo Hung Seng et al. (2010) telah membuat penilaian terhadap pelaksanaan kurikulum pendidikan kejuruteraan menggunakan model teori CIPP di Amerika Syarikat. Dalam kajian ini, pengkaji membuat penilaian terhadap pelaksanaan program literasi bahasa Malaysia (Program LINUS) dalam kalangan murid-murid Orang Asli di negeri Perak, Malaysia.

## 1.7 Kepentingan Kajian

Kajian ini bukan sahaja untuk mengambarkan hasil dapatan penyelidikan dalam bentuk data, graf, atau jawapan kepada permasalahan semata-mata, namun yang lebih penting ianya dapat memberikan sumbangan yang bermakna kepada bidang pendidikan negara amnya, dan pendidikan masyarakat Orang Asli khasnya. Penyelidik berharap dapatan ini bukan sahaja dibincangkan dalam bentuk teori semata-mata sebaliknya dipraktikkan untuk kepentingan semua warga pendidik.

Dapatan kajian ini amat penting untuk dijadikan rujukan serta panduan berbagai pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan dan menjadi pendokong agen transformasi pendidikan negara. Antaranya;

1. Kerajaan: Program LINUS adalah program di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), Kementerian Pendidikan Malaysia. Pencapaian sebenar program tersebut berkait rapat dengan keupayaan sebenar program tersebut meningkatkan kadar literasi bahasa Malaysia murid-murid, terutamanya murid-murid sekolah Orang Asli (SMOA) dalam kemahiran lisan, membaca dan menulis. Data-data yang diperoleh boleh dijadikan rujukan dan panduan kepada semua pihak terutamanya agensi kerajaan seperti JNJK, BPK, BPSH, JPN, PPD dalam merancang, melaksana atau merintis apa jua program pendidikan atau program-program lain bagi meningkatkan taraf sosioekonomi, dan kehidupan, khususnya masyarakat Orang Asli di negeri Perak.

2. Teori Ekologi dan Teori Keperluan Sosiekonomi (SES) : Kajian terhadap masyarakat Orang Asli di Malaysia membuktikan Teori Ekologi dan Teori Keperluan Sosioekonomi masih relevan dan perlu diberikan perhatian apabila sesuatu kajian terhadap masyarakat Orang Asli dilaksanakan. Kajian terhadap masyarakat tersebut mendapati proses sosialisasi murid-murid Orang Asli adalah sebagai hasil interaksi antara etnik mereka dengan alam sekeliling persekitaran mereka. Interaksi ini boleh mempengaruhi proses kehidupan dan perkembangan kognitif mereka terutama apabila mereka masuk ke alam persekolahan formal seperti yang dijelaskan oleh Teori Ekologi Bronfenbrenner (1977). Dalam kehidupan sisioekonomi pula, masyarakat Orang Asli masih bergantung harap kepada sumber persekitaran dan situasi ini seperti yang dijelaskan oleh Schieffelin dan Simmons (1991) dalam Teori Keperluan Sosiekonomi (SES).

3. Pengkaji: Hasil dapatan kajian dapat dijadikan sumber penting dalam melihat keberkesanan pelaksanaan Program LINUS di negara ini. Sesuatu program pendidikan yang dirancang perlu mengambil kira kepentingan, kesesuaian dan keperluan semasa murid-murid, agar program tersebut memberikan impak yang maksimum kepada

golongan sasar (Ornstein & Hunkins, 2014). Kajian ini juga dapat digunakan oleh pengkaji untuk meningkatkan pengetahuan pedagogi, dan seterusnya menyebarluaskan hasilan kajian ini pada masa akan datang melalui laman web. Hasil kajian ini juga boleh dimanfaatkan oleh semua pihak terutamanya dalam menilai matlamat dan objektif, input, proses pelaksanaan sesuatu program atau menilai tahap keberkesanannya melalui aplikasi terhadap bidang kajian masing-masing terutamanya dalam memberikan sumbangan dalam bidang pendidikan literasi bahasa Malaysia.

4. Guru: Hasil dapatan kajian dapat diguna pakai semua guru yang mengajar di sekolah murid Orang Asli terutamanya yang terlibat secara langsung dalam Program LINUS. Guru-guru tersebut perlu membuat penilaian semula terhadap pendekatan, kaedah dan strategi PdP yang dilaksanakan melalui penilaian rakan pembimbing Program LINUS, FasiLINUS atau Jurulatih Pakar Pembangunan Sekolah (SISC+). Guru perlu mengambil kira semua aspek dan sumber PdP supaya relawan dengan perkembangan dan perubahan semasa serta menerapkan PdP abad ke-21 dalam perubahan (mindset) mereka. Ini kerana guru sebagai penggerak Program LINUS perlu proaktif dalam meningkatkan pencapaian kemahiran asas literasi bahasa murid Orang Asli dan kejayaan Program LINUS yang menjadi NKRA Kementerian Pendidikan Malaysia.

5. Pihak Institut Pendidikan Guru (IPG): Hasilan dapatan kajian terutamanya dalam pelaksanaan program peningkatan pedagogi murid Orang Asli dapat diguna pakai oleh semua pensyarah, terutamanya dalam meningkatkan keberkesaan pelaksanaan strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) terutamanya literasi bahasa Malaysia. Pemahaman terhadap setiap permasalahan secara lebih komprehensif dapat memberikan impak kepada penyelesaian permasalahan tersebut secara khusus.

6. Pihak Berkuasa Pendidikan: Hasil kajian ini boleh dijadikan panduan oleh pihak-pihak berkenaan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia, Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah atau Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dalam merangka, melaksanakan, memperkemaskan dan membuat penamaian Program LINUS atau pun program pendidikan secara khusus terutamanya untuk murid-murid Orang Asli. Pihak berkuasa juga boleh melihat aspek kajian yang berkaitan seperti *biodiversity* (Azreen, Ngai Weng & Ahmad Puad, 2011; Oi Ching & Fook Leong, 2011) sebagai usaha kelangsungan dalam penyelidikan yang berkaitan terutamanya murid-murid daripada etnik Orang Asli yang lain atau pun daripada kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak.

### **1.8 Batasan Kajian**

Kajian ini merupakan satu kajian kes terhadap murid-murid Orang Asli di negeri Perak sahaja. Oleh itu, tempat dan subjek kajian adalah terbatas. Rumusan dan implikasi yang terhasil daripada kajian ini melibatkan guru dan murid sekolah rendah yang terlibat dengan program literasi (LINUS) bahasa Malaysia. Justeru dapatannya hanya boleh digeneralisasikan kepada populasi dan tahap pengalaman yang sama.

Skop kajian ini terbatas kepada pelaksanaan Program LINUS dalam PdP bahasa Malaysia sahaja; dengan menilai matlamat dan objektif pencapaian Program LINUS, meninjau strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) literasi bahasa Malaysia dalam kalangan murid-murid Orang Asli. Penelitian pelaksanaan Program LINUS ditinjau daripada aspek *output* dan saiz; serta permasalahan yang wujud yang boleh mengkekang kelancaran perjalanan proses pelaksanaan program tersebut. Strategi yang digunakan hanya dihadkan kepada program harian PdP, aktiviti dan pengalaman serta aktiviti yang berkaitan yang menyokong program tersebut. Penerokaan dilakukan

pada suatu masa (tempoh kajian); sedangkan konstruk-konstruk tersebut adalah proses dinamik dan boleh berubah mengikut masa dan keadaan.

Di samping itu, kaedah kajian yang dijalankan dibataskan kepada soal selidik, temu bual, temu bual berfokus, soal selidik terbuka, analisis dokumen dan pemerhatian terhadap guru LINUS, FasiLINUS, pihak pengurusan SMOA, guru penyelaras LINUS dan guru pemulihan LINUS sahaja. Data dikutip daripada 28 buah Sekolah Orang Asli yang melaksanakan Program LINUS; iaitu sekolah kebangsaan harian yang muridnya terdiri daripada murid-murid Orang Asli di negeri Perak sahaja.

## **1.9 Definisi Operasional**

### **1.9.1 Penilaian**

Sesuatu program yang dilaksanakan perlu dinilai bagi memastikan tahap pencapaian dan menentukan kekuatan atau kelemahannya semasa pelaksanaannya. Kirkpatrick dan Kirkpatrick (2006) menggariskan empat tahap penilaian yang amat penting dalam mengukur keberkesanan sesebuah program latihan iaitu maklum balas peserta, pembelajaran yang berlaku sepanjang program, sikap dan hasil akhir keberkesanan program terhadap organisasi. Dalam penilaian program kerajaan, elemen kecekapan dan keberhasilan program adalah penentu kepada pencapaian program tersebut (Langbein & Felbinger, 2006). Bagi pelaksanaan Program LINUS, aspek penilaian perlu dilihat daripada pembangunan kurikulum dalam mencapai matlamat pendidikan (Ornstein & Hunkins, 2013). Dalam penilaian Program LINUS, aspek kemenjadian murid dan keberhasilan program menjadi tanda aras kepada kejayaan PPPM 2013-2026 (KPM, 2012).

### **1.9.2 Pelaksanaan**

Perkataan ‘laksana’ ialah perkataan yang memerihalkan perkataan pelaksanaan (Kamus Dewan, 2015). Dalam bidang pendidikan, perkataan pelaksanaan merujuk kepada proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berjaya mencapai objektif yang dirancang pada awal sesi pengajaran melalui rancangan pelajaran harian (RPH). Pencapaian objektif pengajaran dapat dicapai melalui pelaksanaan strategi yang dirancang terutama dalam meningkatkan mutu pengajaran selaras dengan kehendak semasa dan mematuhi standard yang ditetapkan.

Pelaksanaan program boleh dilihat melalui sejauh manakah murid-murid dapat mencapai objektif dan matlamat program yang boleh dianalisis melalui gred penilaian dan ujian serta apa yang dihasilkan menepati perancangan. Dessler (1997) merumuskan terdapat empat perkara yang perlu diberikan perhatian apabila menilai sesuatu program, iaitu reaksi pelaksanaan program, perbelanjaan, reaksi peserta program dan hasilan program tersebut. Manakala Ubben dan Hughes (1996) membuat kesimpulan bahawa keberkesanan pelaksanaan sesuatu program berkait rapat dengan penguasaan kemahiran atau *skill* oleh peserta program.

Dalam kajian ini, pelaksanaan dirujuk kepada pelaksanaan program literasi bahasa Malaysia yang dilaksanakan melalui program LINUS yang dikelolakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Pengesahan pelaksanaan program dibuat melalui jumlah ujian saringan yang dibuat oleh guru, pelaporan oleh penyelaras LINUS sekolah secara dalam talian; dan pemantauan oleh FasiLINUS Daerah dan Pegawai LINUS di peringkat Kementerian Pendidikan Malaysia.

### **1.9.2 Program**

Program ialah set aktiviti yang dirancang secara sistematik dan telah direka bentuk bermatlamat mencapai objektif tertentu (Royse, Thyer & Padgett, 2006). Program dalam kajian ini merujuk kepada program LINUS yang direka bentuk oleh KPM bagi memastikan semua murid Tahun 3 menguasai literasi dan numerasi. Program adalah satu perancangan atau jadual aktiviti, prosedur dan lain-lain yang perlu diikuti (*businessdictionary.com online*), atau satu perancangan aktiviti untuk mencapai matlamat atau sesuatu objektif (*dictionary.reference.com online*). Program juga boleh dijelaskan sebagai sesuatu perancangan aktiviti untuk sesuatu kejadian atau siri bagi sesuatu kejadian (*macmillandictionary.online*).

### **1.9.3 LINUS**

LINUS merujuk kepada *literacy and Numerasi Screnning* (LINUS) yang direncanakan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi dilaksanakan di kelas bahasa Malaysia dalam kalangan murid-murid tahap satu sekolah rendah. Semua murid wajib menduduki ujian saringan yang dijalankan, sebelum seseorang murid itu perlu mengikuti program LINUS selama tiga tahun atau masuk ke kelas arus perdana.

Jenner (2003) menjelaskan literasi bukan sekadar celik huruf (*literate*) tetapi berkembang kepada proses penggunaan dan pemahaman sesuatu bahasa secara lisan atau tulisan. Sebelum itu, Kern (2000) mengelompokkan literasi dan mengklasifikasikannya dalam konteks ilmu linguistik, kognitif dan seni budaya. UNESCO (2004) menjelaskan literasi sebagai,

*“the ability to read and write with understanding a simple statement related to one’s daily life. It involves a continuum of reading andwriting skills, and often includes also basic arithmetic skill (numeracy) ”( p. 12-13).*

Mahzan (2016) merumuskan konsep literasi bahasa bukan sekadar “kenal huruf” atau “celik huruf”, namun mencakupi aspek yang lebih luas iaitu aspek pemahaman dalam bacaan, penulisan yang berkesan, serta menggunakan kemampuan fikiran untuk menghasilkan sebuah penulisan yang kritis dan analitis.

Program LINUS adalah salah satu program di bawah KPM bermatlamat membantu murid-murid di sekolah kerajaan yang menghadapi masalah khusus dalam pembelajaran; iaitu menguasai kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M). Program yang bermula sejak tahun 1960-an diberikan berbagai nama seperti kelas pemulihan, KIA2M, dan seterusnya LINUS yang mula dilaksanakan mulai tahun 2010, dan LINUS 2 pada tahun 2013 (PPPM, 2013 - 2025).

Dalam kajian ini, literasi merangkumi empat domain utama iaitu kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur (kemahiran lisan), kemahiran membaca serta kemahiran menulis; dan kajian akan memberikan fokus kepada kemahiran literasi iaitu merujuk kepada kebolehan untuk membaca, menulis dan memahami perkataan, ayat tunggal dan majmuk yang mudah serta mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam pembelajaran serta komunikasi harian (KPM, 2010).

#### **1.9.4 Murid Orang Asli**

Perlembagaan Persekutuan Perkara 160: Bahagian Tafsiran menjelaskan "Orang Asli" sebagai Orang Asli Semenanjung Tanah Melayu, manakala Akta 134 menjelaskan Orang Asli secara lebih terperinci (akan diperjelas dalam Bab 2).

Terdapat kira-kira 150,000 Orang Asli di Malaysia, kebanyakannya bertumpu di Semenanjung Malaysia (Erni & Nilsson, 2010). Terdapat tiga kumpulan utama; iaitu Negrito, Senoi dan Proto-Melayu. Negrito terbahagi kepada suku Kensiu, Kintak, Lanoh, Jahai, Mendriq dan Bateq. Manakala Senoi dibahagikan kepada suku Temiar, Semai, Semoq Beri, Jah Hut, Mahmeri dan Che Wong. Bagi Melayu Proto pula mereka terdiri daripada suku Orang Kuala, Orang Kanaq, Orang Seletar, Jakun, Semelai dan Temuan (Abdul Talib, 2003).

Murid-murid Orang Asli dalam kajian ini merujuk kepada murid-murid yang berada pada tahap satu sekolah rendah iaitu mereka yang berumur antara tujuh hingga sembilan tahun, dan mereka yang terlibat dalam program LINUS. Mereka belajar di sekolah murid Orang Asli (SOA) yang 100 peratus muridnya terdiri daripada murid Orang Asli. Di negeri Perak, murid Orang Asli terdiri daripada berbagai suku, contohnya suku Jahai di Hulu Perak, manakala suku Semai di kawasan Kuala Kangsar, Kinta Utara, Kinta Selatan, Perak Tengah dan Batang Padang.

## 1.9 Rumusan

Bab ini membincangkan latar belakang dan penyataan masalah kajian tentang literasi bahasa Malaysia dalam kalangan murid-murid Orang Asli. Permasalahan tersebut mendorong kepada wujudnya sebuah kajian bagi melihat pelaksanaan program literasi (LINUS) bahasa Malaysia yang dijalankan dan kesannya terhadap kemahiran literasi murid-murid Orang Asli. Kerangka kajian dibentuk bagi melihat pertautan di antara dimensi-dimensi yang terdapat dalam pelaksanaan program literasi melalui teori model Konteks, Input, Proses dan Produk (CIPP). Kajian ini diharap dapat memberikan satu momentum dalam pelaksanaan program LINUS terutamanya pelaksanaan program

literasi bahasa Malaysia dalam kalangan murid-murid Orang Asli terutamanya di negeri Perak, Malaysia.

Guru-guru Bahasa Malaysia di sekolah murid Orang Asli (SOA) yang menjadi penggerak kepada pelaksanaan program LINUS bahasa Malaysia mempunyai tugas berat dan mencabar dalam melaksanakan tugas masing-masing. Ini kerana beberapa aspek pelaksanaan program tersebut perlukan penambahbaikan terhadap strategi dan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP). Ini bermatlamat melonjakkan *output* dan saiz pencapaiannya yang optimum; terutamanya dalam pencapaian mata pelajaran Bahasa Malaysia, yang menjadi teras kepada mata pelajaran lain seperti Matematik, Sains, Sejarah dan Pendidikan Moral atau Pendidikan Islam. Ini kerana mutakhir ini, bahasa Malaysia perlu bersaing dengan bahasa-bahasa utama lain di dunia perlu memantapkan keyakinan terhadap kemampuan dalam menjana pembangunan dan kekuahan negara bangsa dalam semua bidang kehidupan; serta dalam kelangsungan mengharungi arus globalisasi (Mahzan, 2008).

## **BAB DUA**

### **TINJAUAN LITERATUR**

#### **2.1 Pendahuluan**

Bab ini akan memberikan gambaran menyeluruh mengenai kajian pelaksanaan Program LINUS bahasa Malaysia dan isu-isu yang berkaitan. Perbincangan dimulakan dengan menjelaskan mengenai pelaksanaan Program LINUS, diikuti latar belakang Orang Asli, pendidikan murid-murid Orang Asli, faktor-faktor yang mempengaruhi pelaksanaan program, teori-teori berkaitan, kajian terhadap pelaksanaan program, dan model-model penilaian pelaksanaan program. Penghuraian terhadap pelaksanaan Program LINUS bermatlamat memahami permasalahan awal dalam pelaksanaan program tersebut dalam konteks pelaksanaannya di sekolah Orang Asli di negeri Perak, Malaysia.

Kajian literatur juga akan meneliti beberapa aspek penting, antaranya pengajaran dan pembelajaran (PdP) program literasi bahasa Malaysia dalam Program LINUS, model-model penilaian dalam program literasi dan model penilaian pelaksanaan Program LINUS. Penilaian terhadap pelaksanaan Program LINUS bahasa Malaysia berhasrat melihat pencapaian matlamat dan objektif yang akan menentukan aspek *outcomes* atau pencapaiannya yang meliputi kemampuan membaca, menulis dan memahami terhadap bahan bacaan yang mengandungi 500 patah perkataan sehingga 1000 patah perkataan, penggunaan ayat mudah dan penggunaan kata sendi di dalam pembinaan ayat mudah (KPM, 2010).

Aspek berikutnya yang diberikan perhatian ialah kajian keberkesanan penggunaan pelbagai strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) program

literasi bahasa Malaysia yang merangkumi strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) daripada perspektif Program LINUS. Aspek seterusnya ialah kajian keberkesanan Program LINUS bahasa Malaysia daripada aspek *output* dan saiz keluaran yang dimatlamatkan. *Output* program akan menfokuskan kepada keberkesanan (*effectiveness*), penerimaan (*acceptability*) dan kecekapan (*efficiency*); manakala saiz keluaran akan menumpukan kepada bilangan murid yang mencapai *target* atau objektif Program LINUS dan berjaya memasuki kelas arus perdana.

Aspek selanjutnya ialah kajian permasalahan yang menghalang keberkesanan pelaksanaan Program LINUS bahasa Malaysia seperti permasalahan yang dialami guru LINUS, guru pemulihan dan pihak pentadbir sekolah; atau pun di pihak murid-murid serta ibu bapa penjaga murid

## **2.2 Latar Belakang Orang Asli di Malaysia**

Di Malaysia, Orang Asli terbahagi kepada tiga kumpulan yang besar iaitu Negrito, Senoi dan Melayu Proto (William-Hunt, 1952; Iskandar, 1967; Benjamin, 1976; Akta Orang Asli 1954; Skeat & Blagden, 1986; Kementerian Pelajaran Malaysia, 1998; Burenhult & Majid, 2011). Mereka terdiri daripada kelompok yang terasing dan tidak digolongkan sebagai bumiputera seperti kaum-kaum di Sabah dan Sarawak; kerana terdapat akta yang khusus digunakan untuk mengawal mereka (Jabatan Hal Ehwal Orang Asli, 2008). Bincian oleh Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) pada tahun 2000 mendapati penduduk Orang Asli di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 178,147 orang (SUHAKAM, 2013). Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) (2015) menganggarkan terdapat sejumlah 178,197 Orang Asli atau 36,658 keluarga Orang Asli, iaitu kurang sedikit dari 0.5% daripada penduduk negara ini. Mereka tinggal di kawasan pedalaman, hulu-hulu sungai, pinggir tasik,

pinggir hutan berhampiran kampung-kampung orang Melayu dan di kawasan pesisir pantai. Aktiviti ekonomi mereka amat bergantung kepada hutan, menoreh getah, menebang buluh; dan kadar kemiskinan dalam kalangan mereka amat tinggi (Mohd Sharifudin, 2007). Pengelompokan mereka dapat dijelaskan melalui Jadual 2.1 berikut.

Jadual 2.1.

*Jumlah Penduduk Orang Asli di Malaysia mengikut Suku Kaum*

Negeri	Negrito	Senoi	Melayu-Proto	Jumlah
Pahang				
2003	657	22,609	31,027	54,293
2010	925	29,438	37,142	67,509
Perak				
2003	2,131	45,093	363	47,587
2010	2,413	50,281	605	53,299
Kedah				
2003	232	-	-	232
2010	251	19	-	270
Selangor				
2003	-	3,758	10,404	14,161
2010	3	5,073	12,511	17,587
Kelantan				
2003	953	9,701	-	10,654
2010	1,381	12,047	29	13,457
Terengganu				
2003	28	640	-	668
2010	34	818	41	893
N. Sembilan				
2003	-	-	7,624	7,624
2010	-	96	10,435	10,531
Melaka				
2003	-	23	1,228	1,251
2010	1	28	1,486	1,515
Johor				
2003	-	2	10,940	10,942
2010	1	55	13,083	13,139
Jumlah				
2003	4,001	81,826	61,585	147,412
2010	5,009	97,856	75,332	178,197

Sumber : Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia ( 2013)


Hasan (1998) dalam menjelaskan mengenai masyarakat pribumi mengikut perlembagaan dapat dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu bumiputera dan Orang Asli. Kaum bumiputera terdiri daripada Orang Melayu di Semenanjung, Orang Melayu, Iban, Bidayuh, Kayan, Kenyah, Kelabit, Melanau, Murut serta penduduk-penduduk natiif lain di Sarawak serta Orang Melayu, Kadazan, Dusun, Bajau dan penduduk-penduduk natiif lain di Sabah, kelompok Orang Asli pula meliputi tiga suku kaum utama iaitu Negrito, Senoi dan Melayu-Proto (Hasan, 1998; Sunaidin, 1997).

Orang Asli berbeza dengan suku kaum bumiputera di Sabah dan Sarawak. Walaupun begitu, kaum bumiputera iaitu orang Iban mempunyai pertalian yang rapat dengan Orang Asli di Semenanjung Malaysia (Ang et al., 2011). Pengkaji seperti William-Hunt (1952), Benjamin (1976), dan Nicholas (2000) menjelaskan bahawa kelompok atau kaum ‘Orang Asli’ bermaksud ‘tulen’ atau ‘masyarakat pertama’ yang mendiami Semenanjung Malaysia.

Wujud pertikaian istilah antara “bumiputera” dan “Orang Asli” yang perlu dirujuk kepada penjelasan dalam perlembagaan negara dan juga Akta Orang Asli 1954 (Akta 134). Menurut fasal Perlembagaan Malaysia, istilah bumiputera membawa maksud yang lebih luas dan merangkumi keseluruhan Malaysia. Akta 134 iaitu akta khusus bagi suku kaum Orang Asli hanya dikuatkuasakan untuk Semenanjung Malaysia sahaja dengan menetapkan empat syarat utama bagi mendefinisikan Orang Asli iaitu:

1. ibu bapa daripada Orang Asli atau keturunan Orang Asli,
2. mengamalkan adat dan budaya Orang Asli,
3. mengamalkan kepercayaan dan cara hidup Orang Asli, dan
4. kata putus seorang menteri.

Kesimpulannya, didapati masyarakat Orang Asli merupakan warga pribumi atau golongan penduduk asal bagi Malaysia. Namun mereka berbeza dengan kelompok penduduk yang diistilahkan sebagai masyarakat bumiputera. Ini kerana peruntukan di dalam Akta 134 telah menjelaskan bahawa istilah Orang Asli hanya digunakan bagi menjelaskan status penduduk asal di Semenanjung Malaysia, manakala lain-lain kaum asal di Sabah dan Sarawak serta Orang Melayu di Semenanjung diistilahkan sebagai bumiputera. Oleh itu, maksud dan penggunaan istilah ‘Orang Asli’ di dalam kajian ini hanya akan merujuk kepada tiga kumpulan etnik Orang Asli yang terdapat di Semenanjung Malaysia iaitu kaum Senoi, Melayu-Proto dan Negrito seperti paparan Rajah 2.1 (JAKOA, 2011) .



Rajah 2.1. Taburan Kedudukan Suku kaum Orang Asli di Semenanjung Malaysia

### **2.2.1 Kaum Senoi**

Kaum Senoi adalah kelompok Orang Asli yang majoriti di Semenanjung Malaysia iaitu merangkumi 54 peratus (JHEOA, 2003). Mereka mendiami kawasan tengah Semenanjung Malaysia iaitu di kawasan pedalaman negeri Perak, Kelantan dan Pahang serta pesisir pantai negeri Selangor. Terdapat enam suku kaum dalam kelompok Senoi iaitu Temiar, Che Wong, Jah Hut, Semi Barat, Semai Timur dan Mahmeri. Secara fizikal, mereka lebih tinggi daripada orang Negrito, berkulit cerah, rambut beralun dan keriting. Mereka mengamalkan pertanian sara diri dengan berburu, bercucuk tanam dan mencari hasil hutan. Semenjak kerajaan melaksanakan program transformasi ekonomi Orang Asli, mereka kini telah mengusahakan tanaman kelapa sawit, koko getah dan dusun buah-buahan (JHEOA, 2007).

### **2.2.2 Kaum Melayu Proto**

Orang Melayu Proto atau *Aboriginal Malays* banyak mendiami kawasan di negeri Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor. Mereka merangkumi lebih 40 peratus daripada jumlah penduduk Orang Asli di Semenanjung Malaysia (JHEOA, 2007). Mereka menjalani kehidupan sehari-hari yang hampir sama dengan orang Melayu. Mereka tinggal tinggal di perkampungan berhampiran dengan orang Melayu. Mereka adalah masyarakat yang paling tersusun berbanding dengan Senoi dan Negrito. Mereka terlibat dalam sektor pertanian, perikanan, keusahawanan dan profesional (Nicholas, 2007). Terdapat enam suku kaum di dalam rumpun bangsa ini iaitu Temuan, Semaq Beri, Semelai, Temoq, Jakun/ Orang Kanak, dan Orang Kuala/ Orang Seletar.

### **2.2.3 Kaum Negrito**

Orang Negrito merupakan populasi Orang Asli yang terkecil di Semenanjung Malaysia, iaitu sekitar 3 peratus (JHEOA, 2007). Mereka terdiri daripada suku Jahai, Kensi, Kintaq, Lanoh, Mendriq dan Batek. Mereka mendiami kawasan Perak Utara, Kedah Timur, Kelantan Barat dan Terengganu Barat serta Pahang Barat. Secara fizikalnya, mereka berkulit hitam gelap, berbadan rendah, iaitu 1.5 meter dan kurang, berambut keriting keras, berhidung besar, bermata bulat dan berpipi rendah (Abdul Talib, 2003). Mereka hidup berpindah randah dan amat bergantung kepada sumber hutan. Namun, atas usaha kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) mereka diberikan penempatan kekal menerusi rancangan penempatan semula (RPS) (Burenhult, 2004).

### **2.3 Orang Asli di Negeri Perak**

Masyarakat Orang Asli di negeri Perak adalah yang kedua teramai selepas negeri Pahang (SUHAKAM, 2013). Mereka terdiri daripada suku etnik Kintak, Jahai, Lanoh, Temiar dan Semai (Suki Mee, 2009). Kumpulan yang teramai adalah suku Temiar diikuti dengan suku Semai. Majoriti daripada mereka menganut animisme (25,955), manakala 13,515 beragama Islam, 10,600 beragama Kristian, 3,997 beragama Bahai dan 840 beragama Buddha (Jabatan Kemajuan Orang Asli, 2014).

Mereka tinggal di kawasan pedalaman di daerah Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta, Perak Tengah, Batang Padang dan Hilir Perak (Rajah 2.2). Jabatan Kemajuan Orang Asli (2014) merekodkan seramai 55,018 Orang Asli tinggal di negeri Perak. Daerah Batang Padang seramai 20,325 orang, diikuti daerah Kinta seramai 11,024 orang, daerah Hulu Perak (10,207), daerah Kuala Kangsar (9,319), daerah Perak Tengah (2,382) dan daerah Hilir Perak (1,761).

Kerajaan negeri Perak telah membangunkan Sistem Maklumat Perancangan Geo-Spatial (PerakGIS) bagi mengadakan sebuah pangkalan data *geospatial* yang lengkap di peringkat negeri, daerah dan tempatan. Operasi sistem ini mengguna pakai teknologi sistem maklumat geografi atau *geographical information system* (GIS).




Universiti Utara Malaysia

Rajah 2.2. Daerah-daerah di Negeri Perak

Sumber: <http://mygdispatial.perak.gov.my>

Manakala Aplikasi e-Orang Asli merupakan pemetaan *web geospatial* atas talian bagi kawasan menunjukkan kawasan petempatan Orang Asli di negeri Perak yang dibangunkan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Perak pada April 2013. Aplikasi ini diaplikasikan penggunaannya bagi memaparkan maklumat *geospatial* Orang Asli seperti kedudukan perkampungan Orang Asli, maklumat ketua rumah dan gambar bagi setiap rumah yang dicerap dalam negeri Perak. Kedudukan

petempatan Orang Asli seluruh negeri Perak dapat dicapai secara dalam talian pada bila-bila masa.



Rajah 2.3. Perkampungan Orang Asli di Negeri Perak

Sumber: <http://mygdispatial.perak.gov.my>

Rajah 2.3 menunjukkan kedudukan petempatan masyarakat Orang Asli mengunjur daripada utara, daerah Hulu Perak, Kuala Kangsar/ Sungai Siput, Kampar dan Kinta, Perak Tengah dan Batang Padang. Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (2014) menjelaskan 61% perkampungan Orang Asli berada di kawasan pinggir bandar, 38% di kawasan pedalaman dan hanya 1% berada di kawasan bandar. Kriteria tersebut dapat dijelaskan melalui Jadual 2.2 berikut;

## Jadual 2.2

### *Kategori Petempatan Orang Asli*

<b>Kawasan Petempatan</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>	<b>Kriteria</b>
Pedalaman	327	38%	<ul style="list-style-type: none"> <li>-boleh dihubungi dengan jalan tanah merah, jalan denai atau jalan air.</li> <li>-tidak mempunyai bekalan air bersih, tiada bekalan elektrik 24 jam dan tidak mempunyai kemudahan asas.</li> <li>-punca ekonomi tidak tetap.</li> <li>-berhampiran kampung Melayu.</li> </ul>
Pinggir kampung	519	61%	<ul style="list-style-type: none"> <li>-boleh dihubungi melalui jalan tar.</li> <li>-mempunyai kemudahan asas, air bersih dan bekalan elektrik 24 jam.</li> <li>-mempunyai projek pembangunan tanah.</li> <li>-punca ekonomi tetap.</li> <li>-berhampiran atau berada dalam sempadan bandar.</li> </ul>
Bandar	6	1%	<ul style="list-style-type: none"> <li>-mempunyai kemudahan asas yang lengkap.</li> <li>-tidak terdapat projek pembangunan tanah.</li> </ul>

Kedudukan petempatan masyarakat Orang Asli banyak mempengaruhi corak kehidupan mereka. Azlina dan Ma'rof (2013) menjelaskan faktor petempatan dan kemiskinan boleh mempengaruhi akses murid-murid Orang Asli terhadap sistem pendidikan di negara ini. Hal ini telah dibincangkan oleh Mazdi, Jabil dan Rosmiza

(2014) dalam mengenal pasti masalah kecinciran murid-murid Orang Asli di daerah Batang Padang, Perak. Mereka berpendapat masalah petempatan dan pengangkutan antara faktor yang menghadkan aksesibiliti murid-murid Orang Asli terhadap kemudahan pendidikan.

#### **2.4 Pendidikan Orang Asli di Malaysia**

Secara umumnya, kebanyakan ibu bapa murid-murid Orang Asli masih kurang berminat dengan pendidikan. Mereka melihat sekolah sebagai tempat untuk bermain dan makan (Mohamad Johdi et al., 2009). Ini menyebabkan murid-murid Orang Asli gagal menguasai asas 3M dan kebanyakannya daripada mereka tercicir dalam pelajaran (Hassan, 1998). Kajian Tabung Kanak-kanak Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNICEF) mendapati lebih kurang 80 peratus murid-murid Orang Asli tidak pernah menamatkan persekolahan di peringkat sekolah menengah (Nettleton, 2007). Keadaan ini menyebabkan kadar literasi mereka pada tahap 51 peratus pada tahun 2003 (UNICEF, 2008).

Penyelidikan yang telah dijalankan Johari dan Nazri (2007) mendapati 90 peratus murid-murid Orang Asli suku Temuan di Jelebu, Negeri Sembilan gagal di sekolah atau dalam erti kata lain gagal menguasai kemahiran 3M walaupun berada dalam tahun enam. Laporan Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM) (2012), mendapati pada tahun 2007, terdapat 7029 kanak-kanak Orang Asli berumur antara 5 hingga 18 tahun tidak bersekolah.

Menurut Abdul Talib (2003), kerjaya yang memberikan pendapatan yang melebihi keperluan akan memberi ruang kepada masyarakat Orang Asli untuk menjadi lebih berdaya maju. Justeru itu, tidak dapat dinafikan bahawa pendidikan adalah salah satu daripada cara untuk memajukan diri, keluarga serta masyarakat mereka. Orang Asli

perlu berusaha untuk membangunkan diri, keluarga serta masyarakat mereka agar mampu berdikari dalam arus pemodenan negara yang cukup pesat membangun ini.

Menurut Hadenan (2002), masyarakat Orang Asli akan lebih berjaya jika golongan itu tidak diasingkan, jika diberikan peluang bercampur dan bergaul dengan masyarakat lain, ia akan memudahkan proses kesedaran dan perubahan minda melalui pergaulan dalam kehidupan seharian. Oleh yang demikian, masyarakat Orang Asli haruslah bersedia untuk keluar dari budaya kehidupan nenek moyang mereka dan menerima corak kehidupan yang lebih moden. Dari segi pendidikan, rata-rata anak-anak masyarakat Orang Asli tidak menerima pendidikan yang bersepadu sama ada dari peringkat sekolah rendah, menengah maupun di peringkat menara gading.

Kajian Soijah dan Nazarudin (2013) terhadap Orang Asli Kuala di Pontian, Johor mendapati kemudahan yang disediakan kerajaan dalam bentuk bantuan kewangan, pakaian seragam sekolah, kemudahan asrama percuma dan pengangkutan percuma ke sekolah masih gagal menarik minat Orang Asli untuk ke sekolah dan meningkatkan taraf bidang pendidikan mereka. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh kedaifan dan kemiskinan keluarga mereka. Perasan malu dan takut diejek oleh murid daripada komuniti lain menyebabkan mereka takut untuk ke sekolah (Solijah & Nazarudin, 2015).

Pada keseluruhannya, pencapaian bidang pendidikan dalam kalangan murid Orang Asli begitu membimbangkan (Hassan, 1998; Nicholas, 2007; Abdul Razaq & Zalizan, 2009; SUHAKAM, 2014). Justeru, pengenalan Program LINUS pada tahun 2010 bermatlamat melahirkan murid-murid bukan sahaja mempunyai ilmu pengetahuan, malahan mempunyai kemahiran memimpin, kemahiran berfikir, kemahiran dwibahasa , memiliki nilai etika dan kerohanian, serta memiliki identiti nasional (PPPM 2013-2025, 2012).

Beberapa faktor seperti ekonomi, geografi, dan budaya mengekang akses murid Orang Asli untuk mencapai pendidikan berkualiti. Walaupun pihak bertanggungjawab seperti JHEOA berusaha membantu bagi menjamin masa hadapan yang lebih cerah kepada mereka. Mutakhir ini, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) memberikan perhatian khusus melalui PPPM 2013-2025. Di samping itu, pihak KPM sedang giat menjalankan kerja-kerja menaiktarafkan kemudahan-kemudahan baru seperti menyediakan perkhidmatan Astro bagi pakej pendidikan, membina bangunan-bangunan baru dan menambah bilangan komputer yang sedia ada (Abdul Talib, 2003).

## 2.5 Konsep Literasi dalam Bahasa Malaysia

Seseorang yang celik huruf (*literate*) secara amnya berkebolehan membaca dan menulis dan memahami isi pembacaan dan penulisannya. Namun dari segi konsepnya, literasi telah berkembang kepada penggunaan dan pemahaman sesuatu bahasa secara lisan dan penulisan dan kemahiran pembacaan (Jenner, 2003). Literasi kadang kalanya menjadi penentu kepada keilmuan seseorang terutamanya dalam bidang kesusastraan. Menurut Kern (2000), kebanyakan program bahasa asing bertujuan untuk memperkembangkan kompetensi para pelajar. Fokus utama ditumpukan kepada memperkembangkan kemahiran membaca dan menulis, di samping aspek kesusastraan dan kebudayaan. Beliau menambah, literasi merangkumi aspek ilmu linguistik, kognitif dan sosiobudaya.

Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) (2004) menggariskan lima tahap literasi yang boleh digunakan sebagai kayu pengukur, iaitu; Tahap 1 - individu dengan kemahiran minima hingga tidak mampu memahami arahan pada botol ubat; Tahap 2 - individu yang boleh memahami bahan yang mudah, jelas, tidak terlalu kompleks iaitu individu yang boleh membaca

tetapi lemah apabila diberi ujian; Tahap 3 - memiliki kemahiran sekadar membolehkan individu tersebut boleh berinteraksi dengan dunia luar seharian. Biasanya mereka tamat pendidikan peringkat menengah dan kolej, mampu mengintegrasikan sumber maklumat yang ada dan dapat menyelesaikan masalah-masalah kompleks; Tahap 4 dan Tahap 5 - individu dengan keupayaan untuk bertindakbalas pada arahan-arahan peringkat tinggi dengan kemahiran memproses maklumat.

Bagi Barton (2006) dalam bidang pendidikan, "literasi asas" bermaksud literasi klasik atau tradisional; tentang pembelajaran mengenai bagaimana untuk membaca, untuk menulis, dan untuk melakukan perkiraan dan operasi angka; literasi-literasi asas di dalam kesemua masyarakat dipelajari secara formal dalam suasana pendidikan asas dan menengah, terutamanya sekolah-sekolah awam atau persendirian, tetapi kadang kala literasi-literasi asas ini dipelajari di rumah atau di pusat-pusat komuniti.

*The Partnership for 21st Century Skills* atau P-21 (2004) menjelaskan literasi masa kini bukan sahaja bermaksud penguasaan bacaan, menulis dan aritmetik, tetapi juga penguasaan ilmu lain. Ini termasuklah keupayaan seorang pelajar untuk menguasai strategi dan kemahiran berkait dengan daya pemikiran kritis dan kreatif, serta kemahiran lain yang membentuk seorang pelajar yang berautonomi. Literasi yang dimaksudkan ini juga adalah tidak terhad kepada pemahaman teks-teks bercetak tetapi kepada melayari teks-teks media, dan menggunakan kemandirian dan kemahiran sosial untuk memenuhi setiap tuntutan bagi kepelbagian komuniti. Tahap penguasaan literasi yang perlu di perolehi belia abad ke-21 ini harus memberi mereka kemampuan untuk saling menggabungkan ilmu lokal dengan ilmu global, serta membuat mereka luwes dan cekap mengadaptasi bentuk pengetahuan dan cara pengkosian ilmu yang kian berubah supaya tidak terpinggir maupun ketinggalan.

Mahzan (2008) melihat keupayaan literasi bahasa seseorang individu harus melangkaui kemahiran mendengar, bertutur, membaca, menulis dan berfikir. Kemampuan literasi bahasa perlu dilihat dari segi kemampuan murid mendengar dengan berkesan, mendiskriminasi maklumat yang didengar dan dibaca, mencatat maklumat penting semasa berkomunikasi, kemahiran berfikir kritis serta kebolehan berinteraksi sesama murid.

Buku Modul Pengajaran Asas Literasi, Kementerian Pelajaran Malaysia (2010) menjelaskan literasi sebagai keupayaan untuk membaca, menulis dan memahami perkataan, ayat tunggal dan ayat majmuk yang mudah dengan menggunakan kata hubung ‘dan’ serta mengaplikasikan pengetahuan tersebut dalam pembelajaran serta komunikasi harian. Jelaslah matlamat utama program literasi bahasa Malaysia bagi memastikan semua murid yang mengikuti Program LINUS berkeupayaan untuk menguasai literasi dan numerasi selepas tiga tahun menyertai program tersebut, seterusnya dapat mengubah status mereka daripada buta huruf kepada celik huruf. Situasi sama juga berlaku di America Latin, terutamanya negara bekas tanah jajahan Sepanyol dan Portugal (Marcelo, 2010).

### **2.5.1 Kemahiran Literasi dalam Kurikulum Kebangsaan**

Matlamat kurikulum Bahasa Malaysia sekolah rendah dan menengah adalah untuk melengkapkan murid-murid dengan keterampilan berbahasa dan berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh ilmu, perhubungan sosial dan urusan harian. Perkara ini menunjukkan kepentingan kemahiran penggunaan bahasa Malaysia dalam kalangan murid-murid. Sehubungan itu, Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Sekolah Rendah (2003), digubal untuk memberi tumpuan kepada kemahiran bahasa, iaitu kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis.

Kemahiran ini membolehkan murid-murid menggunakan bahasa Malaysia secara berkesan dalam kehidupan harian dan sebagai bahasa ilmu untuk pembelajaran seumur hidup. Sukatan Pelajaran (SP) turut memberikan pertimbangan kepada pelbagai gaya pembelajaran, minat, dan kecerdasan yang berbeza dalam kalangan murid. Sukatan pelajaran ini juga memberikan gambaran menyeluruh tentang kurikulum Bahasa Malaysia.

Standard Kurikulum Bahasa Malaysia (SKBM) dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) (BPK, 2011) pula diperkenalkan berasaskan enam tunjang iaitu tunjang komunikasi, kerohanian, sikap dan nilai, kemanusiaan, literasi sains dan teknologi, fizikal dan estetika, dan keterampilan diri. Kesepaduan antara tunjang akan membaangunkan modal insan yang seimbang, berpengetahuan dan berterampilan selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (Bahagian Pembangunan Kurikulum, 2011). SKBM Sekolah Rendah digubal untuk membolehkan murid berketerampilan dalam berbahasa dan boleh berkomunikasi untuk memenuhi keperluan diri, memperoleh pengetahuan, ilmu, kemahiran, maklumat, nilai dan idea serta hubungan sosial dalam kehidupan harian.

Dalam Buku Panduan Guru SKBM tahun dua, objektif kemahiran membaca adalah untuk memastikan murid mengetahui dan berkeupayaan;

1. membaca dan memahami perkataan, frasa dan ayat majmuk yang mengandungi perkataan dua atau lebih dua suku kata, diftong, vokal berganding, digraf, dan konsonan bergabung dengan sebutan yang betul;
2. membaca pelbagai jenis ayat dengan lancar, berjeda, sebutan yang jelas, mengikut tanda baca dan intonasi yang betul;

3. membaca dan memahami maklumat tersurat daripada bahan multimedia untuk mengenal pasti idea utama dan idea sampingan serta menyatakan urutan dengan betul;
4. membaca, memahami dan menaakul bahan grafik dan bukan grafik bertujuan menyatakan maksud untuk memindahkan maklumat dengan betul; dan
5. membaca dan memahami pelbagai bahan kreatif untuk menambah ilmu pengetahuan, memperkaya kosa kata serta meningkatkan kelancaran.

Dalam melaksanakan pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca, pelaksanaan bacaan mekanis adalah asas kepada penguasaan kemahiran membaca. Di samping itu, kemahiran bacaan murid-murid diperkayakan melalui bacaan mentalis, bacaan intensif dan bacaan ekstensif. Aspek lain yang perlu diberikan perhatian dalam kemahiran membaca adalah seperti kesediaan murid, bahan bacaan yang sesuai, kepelbagaian teknik dan pendekatan; serta soalan-soalan bertumpu dan bercapah membantu murid memahami kandungan bahan bacaan (BPK, 2011). KSSR dirangka menjadi landasan kepada guru untuk menjana pelbagai kaedah pengajaran dan seterusnya mengatasi masalah murid lemah menerusi teknik pembelajaran secara intervensi (Muhyiddin, 2012).

Program LINUS Bahasa Malaysia lebih menumpukan kepada aktiviti-aktiviti bagi teknik pengajaran berpusatkan murid. Penggunaan pendekatan modular dan kepelbagaian teknik, bahan bantu mengajar serta teknologi multimedia mampu merangsang dan menggalakkan murid berfikir secara kritis, kreatif dan inovatif, juga berkomunikasi dan berinteraksi dengan baik (BPK, 2011).

## **2.6 Pelaksanaan Program LINUS di Malaysia**

### **2.6.1 Program LINUS**

Di Malaysia, pelaksanaan Program LINUS berkaitan dengan Dasar Pendidikan Negara melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Dasar pendidikan antara dasar yang paling banyak digubal dan dilaksanakan di Malaysia dari semasa ke semasa (Mahzan, 2002). Kejayaan atau kegagalan sesuatu dasar seperti Program LINUS banyak bergantung kepada kecekapan pihak pelaksana atau pentadbir yang melaksanakan dasar tersebut (Ansie, Johann, Verwey & Amanda, 2011).

Indeks Prestasi Utama (*Key Performance Index*) menjelaskan enam teras Bidang Keberhasilan Utama Negara (*National Key Result Area*) diumumkan pada Julai 2009. Salah satu subNKRA tersebut ialah meluaskan akses kepada pendidikan berkualiti. Tujuan subNKRA Program LINUS ialah memastikan murid-murid yang bersekolah boleh menguasai kemahiran literasi dan numerasi ketika melangkah ke Tahun 4 pada tahun 2012 (NKRA, 2010).

Kerajaan prihatin terhadap pencapaian murid-murid dalam menguasai asas literasi dan numerasi pada peringkat sekolah rendah. Sejumlah 27.2% peruntukan Belanjawan 2010 dikhurasukan kepada akses pendidikan berkualiti, dan untuk Program LINUS sebanyak RM400 juta disediakan untuk tiga tahun, iaitu dari tahun 2010 hingga 2012 (RMK-10, 2010).

Program LINUS dilancarkan bagi menggantikan Program Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis (KIA2M). Program ini wujud hasil daripada Mesyuarat Memperkasakan Sekolah Kebangsaan pada 22 November 2005. Pusat Perkembangan Kurikulum (PKK) telah diberikan mandat untuk melaksanakan program ini. Guru

Bahasa Malaysia dipertanggungjawabkan melaksanakan program ini berperingkat-peringkat bergantung kepada prestasi murid-murid.

Dalam tempoh tiga bulan, murid-murid akan mengikuti Saringan 1, sekiranya lulus; murid-murid akan mengikuti pelajaran mengikut murid-murid lain di kelas arus perdana. Sekiranya gagal Saringan 1, murid-murid akan mengikuti kelas intervensi selama tiga bulan lagi hingga Saringan 2 dibuat. Jadual 2.3, berikut menunjukkan pencapaian Program KIA2M sepanjang pelaksanaan tempoh tahun 2006 hingga 2008.

Jadual 2.3

*Pencapaian KIA2M (2006- 2008)*

Tahun	Jumlah	Lepas	Kandas	Tidak Hadir
2006	456,579	230,303(50.44%)	197,974(43.38%)	28,302 (6.2%)
2007	506,283	445,815(88.06%)	51,486(10.17%)	8,982(1.77%)
2008	463,990	400,626(86.34%)	54,272(11.70%)	9,092(1.96%)

Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia ( 2009)

### **2.6.2 Struktur Program LINUS**

Kegagalan Program KIA2M menyebabkan Program LINUS mengambil tempat program tersebut pada tahun 2010 (Tuzana, 2014). Program LINUS dilancarkan dengan enam strategi penting, iaitu 1) Saringan Murid-murid Tahun 1, Tahun 2 dan Tahun 3; 2) Pembangunan bahan; 3) Pengukuhan Kemahiran Pedagogi Guru; 4) Program Kesedaran Sekolah; 5) Komuniti, Pemantauan, Penyeliaan & Penilaian; dan 6) Pelantikan Fasilitator LINUS.

Pelaksanaan program dibuat melalui tiga ujian saringan yang dilaksanakan dalam setahun iaitu pada bulan Mac, Jun dan September untuk melihat penguasaan literasi murid. Murid yang tidak dapat menguasai kemahiran asas literasi akan dimasukkan ke dalam kelas pemulihan Penilaian tahap penguasaan murid akan dilaksanakan oleh guru dengan menggunakan soalan ujian saringan 1, 2 dan 3 yang dibekalkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Soalan ujian lisan dan bertulis ini adalah untuk menguji keupayaan asas literasi membaca dan menulis semua murid Tahun 1. Selain itu, ujian saringan dilaksanakan mengikut masa dan tarikh ditetapkan bagi melihat pencapaian murid. Tujuannya bagi menilai setiap kemahiran murid-murid dan menilai kemajuan pencapaian pembelajaran murid-murid LINUS.

### **2.6.3 Pelaksanaan Program LINUS di Malaysia**

Pembentangan konsep *National Key Result Areas (NKRA)* kepada YAB Menteri Pelajaran pada 10 Ogos 2009 memutuskan bagi mencapai MPKI 2, kemahiran guru dalam melaksanakan pemulihan dan bimbingan untuk mencapai literasi dan numerasi perlu ditingkatkan. Program LINUS yang mula dilaksanakan pada tahun 2010 melibatkan murid Tahun 1 di semua sekolah rendah (Kohort Pertama). Mesyuarat PascaKabinet pada 9 September 2009 telah meluluskan cadangan daripada Jawatankuasa Induk Program LINUS iaitu Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) bagi melaksanakan Program LINUS dengan peruntukan dan sumber yang diperlukan.

BPK telah dipertanggungjawabkan untuk menerajui usaha mengatasi masalah literasi dan numerasi dalam kalangan murid sekolah rendah. Bahagian Pendidikan Guru (BPG) pula telah dipertanggungjawabkan memberi latihan kepada guru dalam teknik berikut :

1. mengesan murid yang mempunyai masalah literasi dan numerasi,

2. memulihkan dan membimbing untuk membantu murid mencapai literasi dan numerasi,

3. mengukur perkembangan literasi dan numerasi.

Salah satu subbidang utama yang digariskan dalam *National Key Result Areas (NKRA)* Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) ialah literasi dan numerasi. Sasaran Program LINUS ialah semua murid yang tidak mempunyai masalah pembelajaran boleh menguasai asas literasi bahasa Malaysia dan numerasi matematik di akhir program tersebut pada tahun 2012. Namun masih murid yang tidak mempunyai masalah pembelajaran tetapi masih belum menguasai kemahiran asas 3M (membaca, menulis dan mengira) dengan baik belum dapat diatasi sepenuhnya.

Sebelum pelaksanaan Program LINUS, KPM telah melaksanakan pelbagai program pemulihan. Antaranya, Program Kelas Intervensi Amalan Membaca dan Mengira (KIA2M) untuk murid Tahun 1 yang mula dilaksanakan pada tahun 2006; Program pemulihan untuk murid Tahun 2 dan 3 yang dikendalikan oleh guru pemulihan khas di sekolah masing-masing. Seterusnya, Program Pemulihan Asas Kemahiran Membaca, Menulis dan Mengira (PROTIM) untuk murid Tahap 2. Namun program tersebut gagal mencapai matlamat dan objektifnya, sehingga Program LINUS diperkenalkan pada tahun 2010.

Kementerian Pendidikan Malaysia berpendapat suatu pendekatan yang bersepadu dan komprehensif perlu dilaksanakan supaya masalah literasi dan numerasi dapat dikesan dan dipulihkan seawal Tahap 1. Perkara ini perlu diberi perhatian yang serius kerana murid yang tidak menguasai kemahiran asas 3M (membaca, menulis dan mengira) merupakan kumpulan yang berisiko kecinciran dan berhadapan dengan kesukaran memenuhi keperluan melanjutkan pelajaran dan kerjaya (Mahzan, 2016).

Program alternatif yang dirangka merupakan suatu program yang bersepada untuk murid yang tidak mempunyai masalah pembelajaran Tahun 1, 2 dan 3 (Tahap 1) menguasai kemahiran asas literasi dan numerasi. Program ini dinamakan program literasi dan numerasi (LINUS).

Objektif Program LINUS ialah semua murid yang normal (tidak ada masalah pembelajaran) berkeupayaan menguasai asas literasi (membaca dan menulis) dan numerasi (mengira) selepas beberapa tahun mengikut program tersebut. Matlamat program ini dapat dibahagikan kepada dua iaitu;

1. Program Literasi :

Pada akhir program pencapaian literasi, murid dapat :

- menguasai kosa kata umum daripada 500 hingga 1000 perkataan,
- membaca dan menulis suku kata dan perkataan daripada suku kata terbuka dan tertutup,
- membaca dan menulis serta memahami ayat tunggal dan ayat majmuk yang mudah dengan menggunakan kata hubung ‘dan’, dan

2. Program Numerasi :


Pada akhir program pencapaian numerasi, murid dapat :

- membaca, menulis, membilang dan menyusun nombor hingga 1000,
- membilang dua dua, lima lima dan sepuluh sepuluh dalam lingkungan 1000 bermula daripada sebarang nombor,
- menyatakan fakta asas tambah, tolak, darab dan bahagi, dan

- mengaplikasikan pengetahuan operasi asas aritmetik dalam mata wang, menyatakan waktu dan mengukur dalam sentimeter.

Program LINUS ini wajib dilaksanakan di semua SK, SJKC, SJKT dan SABK. Terdapat tiga peringkat saringan bagi setiap tahun iaitu Saringan 1 (Mac), Saringan 2 (Jun) dan Saringan 3 (September) bagi Program LINUS 1.0. Bagi Program LINUS 2.0, murid-murid hanya menduduki ujian saringan sebanyak dua kali sahaja, iaitu pada bulan Mac dan Ogos pada setiap tahun. Penilaian terhadap murid LINUS dibuat melalui saringan 1 bagi Lisan dan Bertulis, dan Saringan 2, Lisan dan Bertulis. Selepas proses saringan tamat, guru-guru LINUS membuat pengisian data secara dalam talian di portal NKRA LINUS KPM. Sebelum itu, semua murid Tahun 1 dikehendaki menduduki ujian LINUS Saringan 1 untuk menilai tahap penguasaan kemahiran asas mereka pada awal tahun sesi persekolahan bermula.

Proses Ujian Saringan 1 dan Saringan 2 dikendalikan oleh guru Bahasa Malaysia, Matematik dan Pemulihan, manakala semua instrumen untuk numerasi dibina dalam dwi bahasa iaitu Bahasa Malaysia – Bahasa Inggeris, Bahasa Cina – Bahasa Inggeris , dan Bahasa Tamil – Bahasa Inggeris. Murid-murid yang lulus dan menguasai kesemua konstruk yang diuji bagi setiap ujian saringan akan menyertai murid lain di kelas perdana. Rajah 2.4 berikutnya, dapat menjelaskan proses pelaksanaan ujian saringan tersebut.



Rajah 2.4. Proses Saringan dalam Program LINUS 1

Sumber : Buku Panduan dan Pengoperasian Program LINUS (2011)

Program LINUS seterusnya diperluas skopnya dengan memasukkan Bahasa Inggeris dalam komponen literasi mulai tahun 2013 dan dikenali sebagai Program LINUS 2.0. Peluasan ini bertujuan untuk mengukuhkan penguasaan literasi bahasa Inggeris dalam kalangan murid Tahap I. Pengubahsuaian terhadap pelaksanaan Program LINUS juga telah dilakukan antaranya saringan Program LINUS 2.0 dijalankan dua kali setahun pada bulan Mac dan September bagi mengenal pasti murid yang tidak menguasai literasi dan numerasi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Selain itu, beberapa kelemahan dalam pelaksanaan Program LINUS telah diperbaiki dan diperkemaskin melalui Program LINUS 2.0.

## **2.7 Faktor-faktor Pelaksanaan Program LINUS**


Kemampuan literasi bahasa Malaysia dalam kalangan murid-murid Orang Asli amat berkait rapat dengan keupayaan kognitif mereka (Haslinah, 2009). Tahap keupayaan kognitif yang rendah amat memberi kesan kepada pencapaian akademik, seterusnya berlaku keciciran dalam pelajaran. Lyon (1997) mengenal pasti sekurang-kurangnya empat faktor yang mempengaruhi tahap perkembangan membaca dalam kalangan kanak-kanak tidak kira persekitaran mereka, status sosioekonomi ibu bapa, kumpulan etnik dan faktor biologi. Faktor-faktor tersebut, ialah 1) defisit dalam pemahaman fonim dan perkembangan prinsip huruf, 2) defisit dalam strategi untuk memahami bacaan dan mengaplikasikannya kepada bacaan teks, 3) defisit dalam perkembangan dan mengekalkan motivasi untuk belajar membaca, dan 4) tahap kesediaan dan perancangan guru di dalam sesebuah kelas.

Kementerian Pendidikan Malaysia mendapati empat faktor utama yang mempengaruhi masalah penguasaan 3M iaitu; pertama, faktor diri murid ; kedua, faktor sekolah; ketiga, latar belakang keluarga; dan keempat, kesediaan pembelajaran murid (KPM, 2001). Perkembangan kognitif murid-murid amat berkait rapat dengan faktor-faktor seperti sosioekonomi keluarga, taraf pendidikan dan pengambilan makanan berkhasiat (Haslinah, 2009), manakala Wray dan Janan (2013) memberikan beberapa faktor seperti faktor diri murid, sekolah dan guru.

### **2.7.1 Murid Orang Asli**

Faktor utama yang menentukan kejayaan atau kegagalan setiap orang sebagai insan ialah nilai harga diri, misalnya perkaitan antara nilai harga diri dengan pencapaian akademik (Hassan, 1998). Zalizan (2009b) mendapati wujud banyak pertautan antara sifat malu dengan kurang keyakinan diri. Murid-murid yang pemalu didapati kurang berkeyakinan dan keupayaan pelajaran mereka di tahap rendah. Dalam kalangan

murid-murid Orang Asli misalnya, perasaan pemalu amat tebal sekali (Nicholas, 2007; SUHAKAM, 2011). Sekiranya murid yang pemalu merasakan murid-murid lain lebih pandai daripadanya, mereka akan mengalami imej kendiri akademik dan perasaan rendah diri yang lebih rendah. Terdapat banyak situasi yang boleh mencetuskan malu di sekolah. Situasi ini dapat dijelaskan melalui Rajah 2.5 berikut.



Rajah 2.5 . Faktor-faktor mempengaruhi keupayaan membaca (Wray & Janan, 2013)

Harga diri seseorang murid berkait rapat dengan gangguan emosi. Lazimnya bukan emosi yang menganggu kemampuan membaca murid, sebaliknya ketidakupayaan membaca yang menganggu emosi seseorang murid (Mahzan, 2008). Mereka akan mempunyai rasa rendah diri, terasing, tidak bermotivasi, kecewa, malas, gagal dan sebagainya. Masalah emosi murid juga dipengaruhi oleh kes penderaan,

kanak-kanak terbiar, perceraian ibu bapa atau pun tekanan hidup, yang boleh menyebabkan emosi terganggu.

Ketidakupayaan membaca juga boleh disandarkan atas faktor fizikal dan faktor *neurological* seseorang murid (Mahzan, 2016). Faktor fizikal mencakupi kecacatan yang menghalang murid dari membaca seperti masalah penglihatan, termasuk juling, rabun dekat (myopia), rabun jauh, *astigmatism* dan *amblyopiks*. Kerencatan pendengaran sementara atau pun kerencatan pendengaran kekal juga termasuk dalam faktor fizikal seseorang murid. Mereka tidak dapat membezakan antara vokal ‘a’ dan ‘e’, ‘u’ dan ‘o’ dan ‘i’ dengan ‘e’. Masalah pertuturan juga mempengaruhi ketidakupayaan membaca, malah memberi kesan psikologi yang mendalam. Misalnya, murid-murid murid-murid yang sumbing dan menghasilkan keceluaran bunyi suara seperti sengau atau ‘telor’.

Faktor neurologikal boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian seperti kerosakan otak, faktor keturunan, faktor emosi dan faktor sosioekonomi. Kerosakan otak seseorang murid boleh berpunca daripada kecederaan, penyakit atau terjadi sejak dilahirkan (pre-natal neurological disorder). Neurologi yang tidak berfungsi boleh berlaku apabila bahagian otak seseorang tidak berkembang dengan sempurna, kesannya boleh menyebabkan *hyperlexia*, iaitu simptom lambat perkembangan bahasa dan akal. Simtom ini boleh menyebabkan seseorang murid itu tidak berkeupayaan membaca dan tidak serius dalam pembelajaran. Kecederaan otak kanan atau kiri boleh menyebabkan seseorang kanak-kanak mengalami disleksia, yang menyukarkan mereka untuk membaca, menulis dan mengeja (Vijayaletchumy, 2008).

Faktor keturunan juga boleh mempengaruhi tahap literasi bahasa termasuk ketidakupayaan membaca. Misalnya, murid-murid kembar, sama ada kembar seiras atau kembar seibu (identical and fraternal twin). Mereka menunjukkan kemampuan

yang berbeza dalam pencapaian akademik. Selain itu, latar belakang keluarga yang tidak tahu membaca lebih lemah dalam pencapaian membaca berbanding murid yang berasal daripada keluarga yang tahu membaca. Namun pengaruh persekitaran amat mempengaruhi pencapaian murid-murid tersebut. Keluarga yang banyak menyediakan persekitaran membaca, minat ibu bapa dan ahli keluarga; banyak mempengaruhi keupayaan membaca seseorang murid. Bagi Steve Nettleton (2007), kedudukan geografi mereka yang tinggal jauh di pedalaman telah mengukuhkan lagi pemikiran dalam kebanyakan masyarakat Orang Asli bahawa tiada faedah untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah.

Keupayaan literasi bahasa seseorang murid amat berkait rapat dengan status sosioekonomi sesebuah keluarga. Murid-murid dari status sosioekonomi rendah selalunya mempunyai pencapaian yang rendah dalam kemahiran literasi bahasa, sebaliknya murid-murid dari status sosioekonomi tinggi tidak mempunyai masalah dalam pencapaian tersebut. Keturunan kaum dan perbezaan budaya juga boleh mempengaruhi pencapaian murid dalam kemahiran literasi mereka (Mahzan, 2008). Terdapat juga faktor lain yang menyumbang kepada permasalahan dalam kemahiran literasi selain disleksia, seperti lembam, hiperaktif, terencat akal dan sebagainya (Vijayalethumy, 2008).

### 2.7.2 Sekolah

Sammon, Hillman & Mortimore (1995) dalam bukunya yang berjudul *Key Characteristics of Effective Schools*; menyenaraikan 11 ciri sekolah berkesan seperti berikut: (1) kepimpinan profesional, (2) perkongsian visi dan matlamat, (3) kewujudan budaya pembelajaran, (4) penumpuan terhadap pengajaran dan pembelajaran, (5) pengajaran bermatlamat, (6) pengharapan yang tinggi, (7) pengukuhan yang positif, (8) pemantauan terhadap perkembangan, (9) hak dan tanggungjawab murid, (10)

permufakatan rumah-sekolah, dan (11) organisasi dinamik. Sementara itu, Abdul Shukor (1995) menyenaraikan ciri sekolah yang berkesan seperti berikut : (1) mempunyai kepimpinan guru besar yang kuat dengan tumpuan pengurusan adalah terhadap peningkatan kualiti pengajaran, (2) membina iklim persekolahan di mana tiap-tiap murid berada dalam satu tahap pencapaian yang ditetapkan terlebih dahulu dan tidak lebih rendah daripada itu, (3) mempunyai suasana disiplin yang teratur tanpa perlunya membina peraturan ketat, tenang dan tanpa penindasan, tetapi selesa untuk suasana proses pengajaran, (4) memberi keutamaan terhadap proses pengajaran di mana sekolah berusaha bersungguh-sungguh bagi memastikan matlamat pengajaran dilaksanakan secara teratur dan memberi faedah, serta, (5) mengesan kemajuan murid secara sistematik, iaitu guru besar atau pentadbir sekolah dan guru-guru mengawas kemajuan murid berpandukan kepada kehendak dan objektif pengajaran.

Jelaslah peranan seluruh warga sekolah amat penting dalam mengaplikasikan sekolah berkesan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP). Seterusnya, dapatkan juga menunjukkan bahawa peranan pemimpin sekolah berada di kedudukan kedua terpenting selepas kedudukan peranan semua warga sekolah. Menurut Ishak (2001), ketua sesebuah organisasi memainkan peranan yang besar dalam mencorak suasana kerja, motivasi, kelincinan dan keberkesanannya organisasi tersebut. Seseorang pemimpin yang tidak mempunyai wawasan yang jelas mengenai objektif dan arah tujuan organisasinya sudah tentu tidak akan dapat mengemudikan organisasi tersebut ke arah matlamat yang tepat. Maju atau mundurnya sesebuah organisasi itu bergantung kuat kepada kualiti dan gaya kepimpinan pemimpin yang memegang tanggungjawab tersebut.

Penerimaan ahli organisasi kepada pemimpin akan menentukan kecemerlangan organisasi tersebut. Selain daripada peranan yang perlu dimainkan oleh pemimpin,

pengikut yang terdiri di kalangan guru dan kakitangan sokongan mempunyai pengaruh yang besar dalam menentukan kejayaan organisasi tersebut malah berjaya mewujudkan suasana motivasi pembelajaran tinggi, dan berjaya menghasilkan pelajar yang cemerlang dari segi akademik serta sahsiah. Secara keseluruhannya, tahap kepimpinan kompetensi emosi yang tinggi berjaya mempengaruhi kepemimpinan sesebuah sekolah (Yahya Don, 2009).

### 2.7.3 Guru LINUS

Kajian para sarjana membuktikan bahawa peranan guru antara faktor penting yang menyumbang kepada kejayaan murid-murid. Guru yang berkemahiran dan bermotivasi tinggi mendorong murid-murid cemerlang dalam pelajaran (Stronge & Trucker, 2000; Goddard, Hoy & Woolfolk, 2000; Joffres & Haughey, 2001; Abdull Sukor, 2003; Ebmeier, 2003; Goe, Bell & Little, 2008; Chetty, Friedman & Rockoff, 2011). Peranan guru amat penting dalam memandu murid-murid inklusif supaya setanding dengan murid-murid normal (Sufean, 2004). Begitu juga dengan Program LINUS terutamanya dalam melaksanakan perlbagai aktiviti literasi bahasa Malaysia, peranan guru sebagai pemudah cara amat dituntut dalam merangsang keterlibatan murid-murid untuk semua aktiviti yang dirancang.

Dalam mencapai pendidikan berkualiti, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan buku Panduan Standard Guru Malaysia dan Manual Instrumen Standard Guru Malaysia. Standard Guru Malaysia menetapkan tahap pencapaian kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru untuk menjamin dan mengekalkan pendidikan yang berkualiti kepada warganegara Malaysia kini dan akan datang dan dapat memastikan guru yang dihasilkan mempunyai kompetensi yang tinggi dalam

aspek amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran (KPM, 2007).

Pejabat Pelajaran Daerah Hulu Perak (2012) mengenal pasti permasalahan ponteng dan perbezaan bahasa, antara kekangan yang menghambat guru-guru LINUS. Ini menyebabkan murid-murid Orang Asli gagal mencapai potensi yang memuaskan dalam Program LINUS. Maklumat tersebut disokong melalui data Jabatan Pendidikan Perak (2013), mengenai keputusan literasi bahasa Malaysia bagi sekolah murid Orang Asli di negeri Perak untuk Saringan 4 tahun 2013. Situasi ini bertambah kritikal apabila kurangnya kerjasama dan sokongan daripada ibu bapa penjaga murid-murid Orang Asli itu sendiri.

## **2.8 Kajian Berkaitan Program Literasi**


### **2.8.1 Kajian Dalam Negara**

Kajian terhadap Program LINUS banyak dilakukan memandangkan program tersebut menjadi agenda penting kerajaan di bawah NKRA pendidikan (Zinitulniza, 2011). Banyak kajian dibuat ke atas program tersebut sama ada dalam bentuk kajian tindakan, artikel jurnal, kajian peringkat sarjana dan doktor falsafah (PhD) atau doktor pendidikan (EdD).

Kajian Fatimah (2007) terhadap pelaksanaan Program Kelas Intervensi Membaca dan Menulis (KIA2M) di sekolah murid Orang Asli bagi melihat permasalahan yang wujud dalam program tersebut dan mencadangkan langkah-langkah penambahbaikan. Beliau mengenal pasti punca-punca kepada permasalahan tersebut seperti murid yang pasif dalam kelas, kurang pengetahuan sedia ada, cepat lupa, selalu ponteng sekolah dan sikap ibu bapa penjaga yang kurang megambil berat pendidikan anak-anak mereka. Murid-murid Orang Asli mempunyai sifat malu yang tebal,

pendiam dan ragu-ragu; keadaan ini memerlukan masa untuk guru-guru mendekati mereka secara mesra atau membina “rentak” dengan mereka. Fatimah (2007) mencadangkan guru menggunakan pelbagai teknik dan kaedah PdP yang bersesuaian dengan aras kognitif mereka. Kepelbagaiannya versi dalam pelaksanaan Program KJA2M menyebabkan program tersebut digantikan dengan Program LINUS (Ahmad Jailani, 2012; Tazura, 2014).

Dapatan kajian tersebut disokong oleh Abdull Sukor et al. (2011). Kajian mereka terhadap murid Orang Asli Semai di Cameron Highlands, Pahang, mendapati murid-murid Orang Asli Semai menggunakan bahasa Semai sebagai bahasa komunikasi di sekolah. Situasi ini membawa kepada permasalahan dalam literasi bahasa Malaysia. Faktor sosiobudaya juga berperanan dalam meningkatkan kemahiran literasi bagi murid-murid Orang Asli. Justeru, guru-guru perlu mengambil langkah dengan mengubah suai PdP mereka agar sesuai dengan keperluan dan kemampuan kognitif murid-murid Orang Asli.



Abdul Jalil et al. (2011) yang mengkaji Program LINUS mendapati pelaksanaan program tersebut memberi cabaran besar kepada guru-guru, penyelaras LINUS dan FasiLINUS. Guru-guru perlu mengenal pasti masalah yang dihadapi murid-murid sebelum melaksanakan tugas PdP mereka. Guru-guru perlu menguasai Modul LINUS sebelum menggunakan kepada murid-murid LINUS. Mereka perlu memperbaiki strategi dan perancangan PdP supaya menjadi lebih berkesan dan mengikut aras kemampuan murid LINUS. Guru LINUS juga perlu bekerjasama dengan guru pemulihian dalam memudahkan pelaksanaan Program LINUS. Bagi Hazura (2012), cabaran utama guru LINUS adalah berhadapan dengan karenah murid, bebanan tugas guru, dan faktor kekangan masa. Faktor lain seperti faktor penghargaan pihak pentadbir sekolah terhadap usaha guru turut memberi kesan kepada guru Program LINUS.

Kajian Hasnalee dan Zulkifley (2011) mendapati faktor demografi tidak banyak mempengaruhi guru-guru dalam meningkatkan kemahiran membaca dan menulis murid-murid mereka. Mereka berpendapat guru-guru perlu mempunyai kepakaran dalam menentukan kesediaan murid-murid dan keperluan murid-murid LINUS. Guru-guru LINUS perlu menguasai kemahiran PdP secara psikolinguistik iaitu menekankan faktor keupayaan mental dan penguasaan literasi bahasa Malaysia untuk memberikan kesan yang maksimum terhadap kemahiran membaca dan memahami murid-murid LINUS.

Kajian Toh, Wong dan Muhamad Rais (2011) terhadap murid-murid tahun satu dalam Program LINUS mendapati kebanyakan mereka mengalami masalah pembelajaran serta gagal melepas ujian saringan Program LINUS. Ujian saringan perubatan mendapati murid-murid Program LINUS menghadapi masalah kelemahan intelektual, hiperaktif, *autisme*, dan sebagainya. Mereka berpendapat faktor keturunan amat mempengaruhi fenomena tersebut seperti tahap pendidikan ibu bapa yang rendah atau langsung tidak bersekolah; dan mereka bekerja sebagai buruh. Masalah literasi bahasa berkait rapat dengan faktor latar belakang keluarga dan sosioekonomi mereka. Keadaan ini memberi impak kepada tahap perkembangan anak-anak mereka, sehingga memberi kesan besar apabila anak-anak mereka mendapat pendidikan formal di sekolah.

Siti Zahidah et al. (2011) mencadangkan Teknik *Rapid Serial and Visual Presentation* (RSVP) sebagai alternatif bahan digital bagi murid-murid LINUS. Teknik RSVP adalah teknik untuk menvisual imej kad imbas digital. Teknik ini dapat mengurangkan kebosanan murid LINUS yang berdepan dengan Modul LINUS setiap hari. Kaedah aplikasi komputer ini dapat menarik minat dan mewujudkan pembelajaran menyeronokkan murid-murid LINUS. Manakala Poon, Yeo dan Nor Azlan (2013)

mencadangkan kaedah menarik kepada murid Orang Asli yang lemah dalam matematik dalam Program LINUS. Mereka mencadangkan kaedah urutan perwakilan-abstrak bagi meningkatkan kefahaman dan konsep armetik dalam matematik. Namun, murid-murid Orang Asli lemah dalam memahami arahan guru menyebabkan guru perlu membimbing setiap murid dalam setiap tugas dan arahan. Situasi ini amat berkait rapat dengan kemahiran asas, iaitu kemahiran mendengar dan kemahiran bertutur dalam bahasa Malaysia.

Mazdi, Jabil dan Rosmiza (2014) mendapati masalah sistem pengangkutan ke sekolah menyebabkan murid-murid Orang Asli ketinggalan dalam sektor pendidikan berbanding murid lain. Kajian mereka terhadap dua buah sekolah menengah di Tapah mendapati murid Orang Asli disediakan kemudahan pengangkutan bas dan trak, namun kualiti perkhidmatan yang kurang memuaskan menyebabkan ramai murid ponteng dan tidak hadir ke sekolah. Justeru, mereka berharap pihak JAKOA perlu mengambil perhatian terhadap mutu perkhidmatan yang disediakan. Justeru peranan semua pihak seperti ibu bapa, guru-guru, PIBG dan JAKOA amat penting dalam meningkatkan kadar kehadiran murid-murid Orang Asli ke sekolah.

Justeru, Ahmad Fauzi dan Ahmad Lutfi (2012) berpendapat dalam melaksanakan Program LINUS khususnya, semua pihak yang terlibat perlu mempunyai tahap kesediaan yang tinggi dalam melaksanakan program tersebut. Pihak-pihak lain seperti pihak sekolah, pihak Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia juga perlu memberikan sokongan dalam melaksanakan program tersebut. Bagi Roshakimah (2012), pihak pengurusan amat berperanan penting dalam pelaksanaan Program LINUS di sekolah. Kajian beliau terhadap Daerah Segamat, Johor mendapati pihak pengurusan tertinggi peringkat organisasi masing-masing seperti guru besar atau penolong-penolong kanan perlu

faham dan mengetahui matlamat dan objektif pelaksanaan Program LINUS.

Mohd Fauzi (2011) menjelaskan pelaksanaan Program LINUS adalah alternatif terbaik bagi membantu murid-murid dalam penguasaan 3M (membaca, menulis dan mengira) di sekolah rendah, iaitu sebagai langkah pencegahan lebih awal. Beliau menambah, ketidakupayaan murid-murid menguasai literasi dan numerasi disebabkan mereka kurang berpeluang dan tiada pendedahan untuk menguasai kemahiran tersebut sebelum mengikuti pendidikan formal. Justeru, peranan guru amat penting dalam memilih kaedah PdP yang sesuai dengan kemampuan murid. Kajian beliau mendapati, teknik latih tubi paling digemari guru dalam pelaksanaan Program LINUS.

Dalam pelaksanaan Program LINUS, terdapat murid-murid yang terlibat dalam kelas pemulihan Program LINUS. Mereka ini akan diuruskan oleh guru pemulihan dan mereka diberikan perhatian khusus. Bagi mengatasi permasalahan ini, guru perlu memastikan teknik yang sesuai dengan tahap kefahaman dan keperluan murid. Kajian Marina (2012) terhadap murid pemulihan Program LINUS mendapati guru yang menggunakan teknik pengulangan, teknik ansur maju, teknik didik hibur dan teknik penggabungjalinan secara berkesan dapat meningkatkan pencapaian kemahiran literasi bahasa Malaysia dalam kalangan murid tahun satu yang mengikuti Program LINUS. Teknik-teknik tersebut turut disarankan penggunaannya oleh guru Program LINUS apabila menggunakan Modul LINUS.

Penggunaan Modul LINUS secara berterusan bukan sahaja membosankan murid-murid malahan mereka turut terbeban dengan pelaksanaan Program LINUS. Muhammad Nubli, Maziah dan Mohd Firdaus (2012) mencadangkan Modul LINUS perlu diberikan nilai tambah. Mereka mencadangkan kaedah latihan terapi *biofeedback EmWave* menggunakan Modul LINUS diaplikasikan ke atas murid Tahun Satu dan

murid Tahun Dua. Hasil kajian mereka mendapati murid-murid berjaya meningkatkan tahap tumpuan mereka semasa PdP guru, seterusnya berlaku peningkatan terhadap penguasaan kemahiran membaca dalam bahasa Malaysia. Bagi Tazura (2014), murid LINUS tegar tidak memadai menggunakan Modul LINUS semata-mata. Murid-murid perlu dibantu dengan menggunakan Modul Bacaan Bergred. Kajian beliau terhadap murid LINUS tegar di sebuah sekolah rendah, Pulau Pinang mendapati penggunaan modul tersebut memberi kesan positif terhadap murid LINUS tegar. Ini kerana modul tersebut mengambil kira ciri-ciri perkembangan pemikiran murid dan persekitaran murid itu sendiri.

Nazariyah (2014) yang membuat kajian terhadap pelaksanaan Program LINUS dalam kalangan murid-murid Orang Asli di Daerah Hulu Langat, Selangor berpendapat pelaksanaan program tersebut amat penting dalam membantu mereka dalam meningkatkan kadar literasi bahsa Malaysia, dan pelaksanaan program tersebut termaktub di bawah mandat Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) pendidikan. Kajian beliau dapat memperjelaskan lagi berbagai cabaran yang dihadapi guru-guru literasi bahasa Malaysia khususnya dalam mengajarkan murid-murid Orang Asli terutamanya yang terletak di pinggir bandar, luar bandar dan kawasan pedalaman.

Beliau menyarankan supaya pihak Kementerian Pendidikan Malaysia mempersiapkan guru-guru pakar bagi menangani murid-murid Program LINUS di sekolah yang terdapat murid-murid Orang Asli, menyediakan modul yang lebih bersesuaian dengan mereka, yakni modul yang dapat membantu guru, menganjurkan bengkel untuk ibu bapa penjaga murid-murid Orang Asli, agar mereka dapat membantu anak-anak mereka semasa di rumah serta menyediakan peruntukan kewangan yang khusus untuk Program LINUS. Cadangan beliau disokong oleh Warid (2015), supaya semua pihak berkepentingan mengambil tanggungjawab dengan serius dalam

melaksanakan NKRA pendidikan, terutama dalam meningkatkan pencapaian dan taraf pendidikan murid Orang Asli, seterusnya mengeluarkan mereka daripada kelompok kemiskinan tegar.

### **2.8.2 Kajian Luar Negara**

Pada tahun 2006, Pertubuhan Pendidikan, Sains dan Kebudayaan Bangsa-bangsa Bersatu (UNESCO) mengejutkan masyarakat dunia dengan mendedahkan data bahawa 800 juta daripada penduduk dunia yang berumur 15 tahun ke atas adalah buta huruf, manakala 100 juta kanak-kanak pula tidak pernah bersekolah. Laporan UNESCO (2008) seterusnya menperincikan mengenai kadar literasi seluruh dunia dengan mengeluarkan senarai negara yang kadar literasi paling rendah iaitu Burkina Faso (12.8%), diikuti dengan Niger (14.4%) dan Mali (19%).

Isu literasi adalah isu global dan dialami semua negara di dunia. Namun bagi negara-negara miskin dan sedang membangun, isu tersebut memberi kesan besar dan jangka panjang kepada pembangunan negara masing-masing (UNESCO, 2008). Negara maju seperti Australia (Rice, Care & Griffin, 2012), Amerika Syarikat (U.S. Department of Education Office, 2002) dan Kanada (The Canadian Language and Literacy Research Network, 2009) juga tidak terlepas daripada menghadapi permasalahan literasi dalam kalangan rakyat di negara masing-masing, tetapi pelaksanaan program literasi yang sistematik dapat membantu murid-murid meningkatkan kadar literasi bahasa mereka.

Kajian Meiers et al. (2006) terhadap program literasi dan numerasi dalam kalangan muri-murid di Australia mendapat program tersebut berjaya meningkatkan kadar literasi mereka. Program yang diperkenalkan pada tahun 1998, dan telah diberikan pengubahsuaian pada tahun 2006 berjaya melonjakkan lagi pencapaian

program tersebut. Permasalahan literasi bahasa yang dialami membolehkan setiap negara mewujudkan program bagi mengatasi masalah literasi di negara masing-masing. Misalnya, Rajah 2.6 memaparkan antara negara yang melaksanakan program literasi bagi meningkatkan kadar literasi negara masing-masing.

<b>Program</b>	<b>Negara</b>
Reading and Writing for Pleasure	Afrika Selatan
AKRAB! (Literacy Creates Power)	Indonesia
AlphaRoute dan Family Literacy Programmes, Training, and Services	Kanada
Alternative Community Education Programme (ACEP)	Filipina
Australian Workplace English Language and Literacy (WELL) Programme/ The Australian Language, Literacy and Numeracy Program (LLNP)	Australia
Bilingual Education Programme	Thailand
Bookstar	United Kingdom / Northern Ireland
Community Learning Centres (CLC) Programme	China
Ich will lernen (I want to learn)	Jerman
Literacy and Language Classes in Community Centers	Jepun
Reach Out and Read	Amerika Syarikat
Universal Education Programme (UEP)	Bangladesh
Wānanga Embedded Literacy	New Zealand

## sambungan Rajah 2.6

Programme of Mother Language Literacy (PALMA)	Brazil
National Literacy Programme (NLP)	Pakistan
National Literacy Campaign	Nepal
Mobile Literacy Programme	Afghanistan
Literacy and Community Development Programme (LCDP)	Vietnam

Rajah 2.6. Program Literasi dan Negara Pelaksananya

Sumber : <http://www.unesco.org/>

Kajian Tunmer et al. (2013) terhadap program literasi di New Zealand mendapati kegagalan pelaksanaan program tersebut disebabkan beberapa perkara seperti budaya pembelajaran, dasar pelaksanaan dan pemilihan konstruk yang kurang sesuai dalam pendidikan literasi. Justeru, penambahbaikan perlu dilakukan bagi memastikan program tersebut mencapai matlamat dan objektif ditetapkan. Reima Al-Jarf (2007) yang mengkaji program literasi di Arab Saudi, mendapati program itu penting bagi meningkatkan produktiviti dan perkembangan ekonomi penduduk. Program literasi membantu individu keluar dari kepompong buta huruf dan berjaya meningkatkan kemahiran individu melalui pendidikan sepanjang hayat. Beliau mendapati peranan guru amat penting dalam mencorak dan menentukan kejayaan program literasi.

Kajian Snowling dan Hulme (2012) mendapati murid-murid yang mengalami masalah *dislexia* perlu diberikan latihan pertuturan dan asas literasi secara berterusan bagi meningkatkan perkembangan deria literasi mereka. Mereka perlu dikenal pasti pada peringkat prasekolah dan program literasi perlu diteruskan sehingga mereka

berjaya menguasai asas literasi. Justeru, program intervensi sememangnya sesuai dilaksanakan seawal murid tahun satu supaya wujud kesinambungan pembelajaran daripada pendidikan prasekolah.

Quinless (2014) yang membuat kajian terhadap pendidikan Orang Asli di Kanada mendapati peranan ahli keluarga amat penting dalam menentukan tahap pendidikan anak-anak, aspek kawalan sosial dan perkembangan ekonomi mereka. Masyarakat Orang Asli yang sudah berkeluarga mempunyai tahap kesedaran yang tinggi terhadap pendidikan, hubungan kekeluargaan dan cara meningkatkan taraf ekonomi masing-masing. Mereka lebih mementingkan pendidikan anak-anak demi kesinambungan kehidupan dan masa depan mereka. Mereka telah mengalami perubahan dan mampu bersaing dengan dunia luar.

Kajian terdahulu oleh *Royal Royal Commission on Aboriginal Peoples* (1996) menyatakan daripada tahun 1981 hingga 1991, hanya 37 peratus murid-murid Orang Asli Kanada menamatkan pengajian peringkat sekolah tinggi, berbanding 65 peratus penduduk awam, dan hanya 9 peratus daripada mereka menyambung pengajian di universiti, manakala hanya 3 peratus daripadanya menamatkan pengajian. Mereka juga menghadapi masalah ponteng sekolah dan sikap ibu bapa penjaga yang tidak mementingkan pendidikan. Keadaan ini hampir sama dengan kes di Malaysia. Keadaan ini semakin berubah disebabkan peranan yang dimainkan agensi-agensi pendidikan dan pihak kerajaan. Walau pun mereka mendapati pelaksanaan program pendidikan literasi secara berterusan dan tugas mendidik murid-murid Orang Asli adalah sukar dan perlukan komitmen yang tinggi (Battiste & Henderson, 2000; Weber-Pillwax, 2001 & Steinhauer, 2002).

Ford (2013) dalam kajian terhadap murid-murid Orang Asli di New South Wales dan Northern Territory, Australia mendapati wujud jurang pencapaian akademik antara mereka dengan pelajar biasa. Kajian yang dibuat ke atas murid Tahun Tiga, Tahun Lima dan Tahun Sembilan mendapati murid-murid Orang Asli ketinggalan lebih 50 peratus dalam kemahiran membaca, menulis atau numerasi. Justeru, kerajaan telah mengambil pelbagai langkah bagi mengatasi masalah tersebut seperti memperkenalkan Rancangan Strategik Pendidikan Orang Asli (Department of Employment, Education and Training, 2006). Pencapaian murid-murid Orang Asli juga amat lemah dalam mata pelajaran matematik dan sains jika dibandingkan dengan murid biasa yang lain (Abraims, Taylor & Jee Guo, 2013).

Begitu juga dengan dapatan hasil kajian Middleton, Dupuis dan Tang (2013) terhadap murid-murid Orang Asli di Taiwan. Pencapaian mereka amat rendah dalam bidang sains berbanding dengan murid biasa. Mereka berpendapat, hadir ke sekolah membuang masa dan menghabiskan perbelanjaan keluarga. Justeru, kerajaan terpaksa menyediakan peruntukan yang besar bagi meningkatkan taraf pendidikan murid-murid Orang Asli. Mereka perlukan sokongan dan motivasi secara berterusan bagi memajukan tahap pendidikan mereka. Orang Asli Taiwan yang terdiri daripada 12 suku etnik dan mempunyai pertalian erat dengan bahasa Austronesia dalam pertuturan mereka (Wikipedia, 2013).

Bagi Suku Kaum Asli Indian Seminole di Florida, Amerika Syarikat, murid-murid Orang Asli diberikan kemudahan dan pendidikan yang terbaik sebaik mereka ke sekolah. Mereka ditempatkan di kelas yang kondusif dengan bilangan sepuluh orang murid bagi setiap kelas, dan dibimbing oleh seorang guru. Setiap Murid Orang Asli juga dibekalkan dengan sebuah komputer riba dan bantuan kewangan antara \$16,000 hingga \$18,000 setahun. Mereka juga disediakan pendidikan daripada peringkat

prasekolah sehingga pendidikan tertinggi. Murid-murid Orang Asli turut diberikan pendidikan budaya dan kraf tangan berkaitan sosiobudaya masyarakat mereka (Ackerman, 2013).

## **2.9 Model dan Teori Berkaitan**

### **2.9.1 Model Pembangunan Kurikulum Ornstein dan Hunkins**


Dalam mereka bentuk kurikulum, kita mesti memahami bagaimana setiap bahagian saling berhubung atau berkaitan bagi membentuk sesuatu kurikulum seperti kurikulum Program LINUS. Menurut Ornstein dan Hunkins (2014) reka bentuk kurikulum dihasilkan daripada berbagai-bagai teori seperti teori kurikulum, teori pengetahuan, teori sosial, teori politik dan teori pembelajaran. Selain itu, reka bentuk kurikulum perlu mengambil kira beberapa seperti sumber sains, sumber masyarakat, sumber doktrin sosial, sumber ilmu pengetahuan dan sumber murid itu sendiri sebagai pengguna.

Reka bentuk kurikulum juga berkait rapat dengan beberapa komponen seperti konteks (scope), peraturan atau protokol (sequence), kesinambungan (continuity), penyepaduan (integration), jelas (articulation) lawan keseimbangan (balance). Justeru, dalam pembinaan kurikulum Program LINUS, prinsip asas kurikulum Ornstein dan Hunkins (2014) perlu diteliti supaya pelaksanaan program tersebut mencapai matlamat dan objektif, serta pencapaian murid Orang Asli dapat digapai.

### **2.9.2 Model Pelaksanaan Kurikulum Saylor, Alexander dan Lewis**

Model pelaksanaan kurikulum yang diperkenalkan oleh Saylor et al. (1981) menggariskan pelaksanaan kurikulum bagi sesuatu program bermula daripada matlamat dan objektif program tersebut. Dalam pembinaan model kurikulum ini, beberapa langkah perlu diambil kira, antaranya; (1) menentukan matlamat dan objektif

spesifik yang ingin dicapai, (2) proses mereka bentuk kurikulum, pereka kurikulum akan membuat keputusan tentang kesesuaian reka bentuk kurikulum yang digunakan dalam proses membina kurikulum, (3) perancangan dan pelaksanaan pengajaran mengikut kurikulum. Guru-guru terlibat perlu memilih media, kaedah, strategi, bahan bantu mengajar dan objektif pembelajaran yang sesuai untuk membantu murid menguasai kurikulum, dan (4) penilaian kurikulum, perancang kurikulum perlu menyediakan prosedur penilaian bagi menilai rancangan kurikulum yang telah dibina bagi mendapat maklum balas dari pelanggan tentang hasil sesuatu pelaksanaan kurikulum. Rajah 2.7 berikut menjelaskan secara ringkas proses tersebut.




Rajah 2.7. Model Pelaksanaan Kurikulum Model Saylor et al. (1981)

### 2.9.3 Model Pelaksanaan Program Van Meter dan Van Horn

Model Van Meter dan Van Horn melalui artikelnya *A Model of the Policy Implementation* (1975) antara model yang perlu diberikan perhatian pengkaji apabila ingin meneliti pelaksanaan sesuatu program seperti pelaksanaan Program LINUS. Model ini menjelaskan bagaimana penggubalan dasar oleh kerajaan, dan langkah-

langkah pelaksanaannya melibatkan agensi-agensi pelaksana, dan pengaruh situasi politik, ekonomi serta sosial, adalah antara faktor-faktor penting yang menentukan pencapaian matlamat dan objektif Program LINUS. Rajah 2.8 menjelaskan secara ringkas proses pelaksanaan tersebut.



Rajah 2.8. Model Pelaksanaan Program Van Meter dan Van Horn (2002)

#### 2.9.4 Teori Pemerolehan dan Pembelajaran Bahasa Kedua Krashen

Krashen (1987) menyatakan bahawa pemerolehan atau pembelajaran bahasa kedua terdiri daripada lima hipotesis utama, iaitu:

1. Hipotesis pemerolehan-pembelajaran (*acquisition-learning*): bahasa diperoleh melalui proses bawah sedar (*unconscious mind*) dan biasanya berlangsung dalam suasana komunikasi biasa;
2. Hipotesis pemantau (*monitor*): pemantau muncul dalam fikiran seseorang semasa pembelajaran bahasa kedua dan berfungsi sebagai penyunting dan pemantau bahasa;

3. Hipotesis susunan semula jadi (*natural order*): struktur bahasa diperoleh seiring dengan susunan semula jadi;
4. Hipotesis masukan (*input*): pembelajaran bahasa kedua dianggap terjadi jika murid mendapatkan maklumat setingkat lebih tinggi daripada yang telah dikuasainya; dan
5. Hipotesis saringan pengaruh (*affective filter*): saringan pengaruh akan menghalang murid dalam menerima ataupun melahirkan bahasa. Sebagai contoh, jika murid tidak sukaan bahasa Inggeris, maka saringan pengaruh murid akan semakin ketat penyaringannya.

Krashen (1987) menyatakan bahawa pemerolehan bahasa kedua memerlukan interaksi yang bermakna dalam bahasa sasaran melalui komunikasi biasa bukan dengan bentuk ungkapan, sebaliknya dengan mesej yang mereka bawa dan difahami. Dalam pelaksanaan program LINUS, kemahiran dengat tutur atau kemahiran lisan menjadi asas kepada murid-murid dalam mempelajari asas literasi dalam bahasa Malaysia, terutamanya murid-murid Orang Asli yang pertama kali mendapat pendidikan formal di peringkat sekolah rendah.

#### 2.9.5 Teori-Teori Pembelajaran

Memahami dan menguasai teori-teori pembelajaran amat penting kepada pengkaji dalam melihat perhubungan antara murid-murid dengan aktiviti PdP yang dilaksanakan guru di kelas. Teori-teori ini membantu pengkaji menganalisis permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan PdP guru terutamanya dalam kelas literasibahasa Malaysia dalam Program LINUS. Antara teori yang penting ialah teori pembelajaran behaviorisme, teori pembelajaran kognitif, teori pembelajaran sosial dan teori pembelajaran humanis.

### **2.9.5.1 Teori Pembelajaran Behaviorisme**

Teori Behaviorisme menumpukan perhatian kepada faktor persekitaran sebagai faktor yang mempengaruhi tingkah laku. Ahli-ahli behavioris melihat perhubungan antara persekitaran dengan tingkah laku dan kemudiannya menggunakan konsep peneguhan dan dendaan bagi menjelaskan mengapa sesetengah tingkah laku itu wujud atau tidak wujud. Mereka berpendapat kecenderungan-kecenderungan tingkah laku termasuk *trait-trait*, bakat, nilai-nilai, kepercayaan-kepercayaan, aspirasi dan lain-lain adalah boleh dipelajari.

Antara andaian ahli behaviorisme ialah tingkah laku boleh diukur, diperhatikan dan dianalisa dengan melihat gerak balas individu. Gerak balas bergantung kepada peneguhan dan dendaan. Matlamat *behavioris* ialah melihat kaitan rangsangan dengan gerak balas dan melihat bagaimana gerak balas ini boleh dikawal melalui ganjaran dan dendaan. Ahli-ahli behaviorisme menggunakan konsep pelaziman klasik dan pelaziman operan apabila menjelaskan proses pembelajaran (Isenberg & Jalongo, 2000).

### **2.9.5.2 Teori Pembelajaran Kognitif**

Teori pembelajaran kognitif memfokuskan bahawa setiap manusia mempunyai keupayaan mental bagi mengelola, menyusun, menyimpan dan mengeluarkan semula segala pengalaman untuk membolehkan ia memerhatikan pertalian antara pengalaman tersimpan dengan masalah yang dihadapi. Ahli-ahli psikologi kognitif seperti Piaget berpendapat bahawa pembelajaran adalah mudah dan ia tidak selalunya berlaku melalui cuba jaya sebagaimana yang dicadangkan oleh mazhab behaviorisme (Piaget, 1936). Psikologis berpendapat dalam pembelajaran, murid-inurid membentuk struktur kognitif dalam kognitif masing-masing Setiap kali murid belajar, mereka akan menyusun segala pengalaman dan menyimpannya dalam “storan”. Kebolehan ini dikenali sebagai celik akal.

Teori kognitif berpegang kepada penjelasan bagaimana manusia mampu mengetahui, memperolehi, memproses dan menggunakan maklumat. Jadi, dalam mendidik murid-murid, guru perlulah menyesuaikan segala teori yang ingin diaplikasikan. Ada kalanya sesuatu teori itu teori kognitif, misalnya lebih penting digunakan berbanding teori lain, teori behaviorisme. Semua teori boleh diaplikasikan dalam proses PdP sama ada secara serentak atau secara berasingan (Wadsworth, 2004).

#### **2.9.5.3 Teori Pembelajaran Sosial**

Albert Bandura mendokong teori pembelajaran sosial iaitu pembelajaran berlaku melalui proses peniruan. Bandura (1977) berpendapat, murid-murid belajar melalui pemerhatian dan peniruan daripada murid atau orang lain. Bandura berpendapat bahawa;

1. pembelajaran dan tingkah laku manusia bergantung kepada pemerhatian seseorang individu itu terhadap individu lain atau model-model simbolik seperti televisyen dan sebagainya,
2. peniruan selalunya diteguhkan,
3. pembelajaran pemerhatian juga dapat diterangkan melalui prinsip pelaziman klasik, iaitu penekanan terhadap peranan kognitif dan pengaruh persekitaran dalam perkembangan kognitif murid-murid.

#### **2.9.5.4 Teori Pembelajaran Humanis**

Teori pembelajaran humanis melihatkan kepada perubahan yang berlaku pada diri seseorang murid seperti perasaan atau emosinya. Pendekatan humanis amat menekankan kepada pemikiran, pengamatan serta interpretasi murid-murid terhadap sesuatu peristiwa atau perilaku sesebuah kejadian itu. Teori humanis menekankan kepada matlamat untuk mencapai objektif-objektif berikut;

1. meningkatkan arah kendiri dan kebebasan murid-murid,

2. membantu murid-murid supaya lebih bertanggungjawab dalam memastikan perkara yang ingin dipelajari mereka,
3. meningkatkan daya cipta mereka,
4. mengembangkan minat mereka dalam bidang seni, serta
5. meningkatkan naluri ingin tahu mereka.

Asas teori ini adalah mempercayai bahawa seseorang murid itu berkeperluan untuk pencapaian hasrat diri masing-masing. Guru bertindak membimbing murid-murid mencapai hasrat dan kehendak mereka. Proses PdP guru berlaku secara humanis, dan pembelajaran arah kendiri amat dititikberatkan.

Pelaksanaan pembelajaran secara humanis adalah seperti prinsip-prinsip berikut;

1. murid akan belajar apa yang dikehendaki atau diketahui mereka,
2. keinginan untuk belajar adalah lebih penting daripada pemerolehan fakta,
3. penilaian yang dibuat oleh murid sendiri,
4. perasaan murid adalah penting, dan pembelajaran “mengalami” sama penting dengan pembelajaran berfikir, dan
5. proses pembelajaran dalam kalangan murid-murid berlaku jika mereka merasakan diri mereka dalam keadaan selamat.

## **2.9.6 Teori Ekologi Bronfenbrenner**

Teori Ekologi Bronfenbrenner yang telah dipelopori Urie Bronfenbrenner (1977), menekankan kepada pengaruh persekitaran terhadap perkembangan seseorang individu. Dalam kajian ini, perkembangan murid-murid Orang Asli dimanifestasikan hasil interaksi antara mereka dengan alam sekeliling persekitaran mereka. Interaksi ini boleh mempengaruhi proses pertumbuhan dan perkembangan kognitif mereka terutama

apabila mereka masuk ke alam persekolahan formal. Murid-murid Orang Asli dalam konteks Teori Ekologi Bronfenbrenner merupakan individu yang berada dalam ruang lingkup mikro. Mereka berkembang melalui interaksi dengan persekitaran kehidupan mereka, persekitaran sosial terdekat mereka dan melalui hubungan antara persekitaran terdekat mereka dan persekitaran sosial yang lebih luas ( Wise, 2003).

Bronfenbrenner mengenal pasti empat unsur utama model ekologi, yang terdiri daripada:

1. Mikrosistem merujuk kepada persekitaran yang terdekat dengan dunia kanak-kanak tersebut, iaitu ibu bapa penjaga dan alam sekeliling mereka. Dalam masa yang sama tingkah laku atau maklum balas kanak-kanak juga turut mempengaruhi sikap ibu bapa atau penjaga terhadap kanak-kanak tersebut, termasuklah flora fauna di sekeliling mereka.
2. Mesosistem merupakan lapisan kedua dalam teori sistem ekologi. Ia melibatkan interaksi antara ibu bapa dengan pengasuh, ibu bapa dengan jiran, ibu bapa dengan sekolah serta sekolah dengan jiran dan bagaimana ia mempengaruhi perkembangan kanak-kanak. Pengaruh-pengaruh tersebut sama ada positif atau pun negatif boleh menyebabkan emosi kanak-kanak terganggu dan implikasinya ialah masalah tersebut akan menjelaskan perkembangan proses sosialisasi mereka.
3. Ekosistem merupakan lapisan ketiga. Lapisan ini mewakili organisasi yang tidak melibatkan kanak-kanak tetapi mempunyai pengaruh secara langsung ke atas kanak-kanak tersebut. Misalnya, peraturan-peraturan di tempat kerja ibu bapa seperti cuti atau waktu kerja fleksibel, turut mempengaruhi aspek kehidupan kanak-kanak Orang Asli. Terdapat masyarakat Orang Asli yang bekerja sebagai buruh di sektor perladangan, pembalakan atau pertanian.

4. Makrosistem ialah perubahan keadaan dalam tempoh suatu masa. Misalnya, kanak-kanak hari ini lebih fokus kepada permainan-permainan komputer jika dibandingkan dengan kanak-kanak dua atau tiga puluh tahun dahulu yang lebih gemar bermain di persekitaran rumah. Makrosistem juga merupakan perkembangan individu dipengaruhi oleh norma-norma, nilai dan amalan masyarakat. Sebagai contoh, di negara-negara barat, kaum wanita mempunyai peluang dan hak yang sama. Ini memberi kesan ke atas perkembangan sosial dan emosi khususnya ke atas peranan mereka dalam masyarakat (Wise 2003).

Bronfenbrenner (1977) kemudiannya menambah elemen kelima untuk model ekologi, iaitu dimensi masa kerana ia berkaitan dengan persekitaran kanak-kanak (digambarkan sebagai *chronosystem*). Ini merangkumi perubahan dari semasa ke semasa bukan sahaja dalam ciri-ciri individu, tetapi juga dalam persekitaran luaran. Kemungkinan perubahan berlaku termasuklah berlakunya perceraian ibu bapa, perubahan dalam persekitaran sosial yang lebih luas, serta perubahan dalam konteks kanak-kanak tersebut apabila interaksi mereka dengan persekitaran kerana mereka semakin tua.

### **2.9.7 Teori Perkembangan Psikososial Erikson**

Erikson (2014) merupakan seorang tokoh psikologi yang membentuk Teori Perkembangan Psikososial hasil pengalaman kehidupannya sendiri, dan melalui apa yang dipelajarinya melalui Teori Sigmund Freud. Teori beliau menggabungkan tiga faktor yang mempengaruhi perkembangan individu, iaitu faktor kendiri, emosi, dan sosial. Teori ini dibentuk berdasarkan lima prinsip utama, iaitu :

1. manusia berkehendakkan keperluan asas yang sama,

2. perkembangan individu dipengaruhi maklum balas terhadap keperluan asas,
3. perkembangan individu melalui peringkat-peringkat tertentu,
4. pertentangan bagi setiap peringkat perlu diharungi sebelum individu dapat melangkah ke peringkat seterusnya, dan
5. kegagalan mengatasi setiap peringkat akan membantutkan usaha untuk ke peringkat seterusnya.

Menurut Erikson, manusia berpotensi untuk mengalami perkembangan psikologi yang sihat dan berupaya mengatasi setiap cabaran yang timbul dari semasa ke semasa dalam peringkat-peringkat perkembangan kehidupan mereka. Beliau membahagikan tahap perkembangan manusia kepada lapan peringkat. Namun pada peringkat sekolah, tugas guru bermula seusia bayi sehingga peringkat lima, iaitu sehingga berumur 19 tahun (Ramkumar, 2002).

#### **2.9.8 Teori Keperluan Sosioekonomi (SES)**

Teori sosioekonomi menfokuskan kepada status atau latar belakang sosioekonomi sesebuah keluarga, dan aspek tersebut mempunyai kaitan rapat dengan pencapaian pendidikan anak-anak mereka. Schiefelbein dan Simmons (1981) yang menjalankan kajian di lebih 20 buah negara membangun menjelaskan bahawa pencapaian murid-murid amat bergantung kepada '*socioeconomic status of parents*' atau SES. Status ekonomi keluarga banyak mempengaruhi pencapaian anak-anak mereka dalam pencapaian akademik.

Johari dan Nazri (2007) yang membuat kajian terhadap Orang Asli suku Temuan di Jelebu, Negeri Sembilan mendapati status ekonomi keluarga banyak

mempengaruhi pencapaian akademik murid-murid Orang Asli di sana. Masyarakat Orang Asli Temuan bergantung hidup kepada hasil hutan seperti pucuk paku, rebung, rotan, buluh, gaharu untuk dijual bagi mendapatkan wang. Keadaan ini memaksa anak-anak mereka tidak ke sekolah kerana membantu keluarga mencari hasil hutan tersebut. Pendapatan daripada hasil jualan hasil hutan masih tidak mampu untuk menyara kehidupan keluarga mereka.

Keadaan ini membawa kepada kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli secara keseluruhannya. Mohd Ayop (2013) menjelaskan pada tahun 1998, kadar kemiskinan masyarakat Orang Asli adalah 85.5% dan miskin tegar 56.6%. Beliau menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) RM510 bagi miskin, dan RM225 bagi miskin tegar (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2000).

Kajian Mohd Fauzi et al. (2006) terhadap masyarakat Orang Asli di negeri Perak mendapati enam faktor mempengaruhi kemiskinan dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Faktor-faktor tersebut seperti kawasan petempatan, umur ketua isi rumah, saiz isi rumah, tahap pendidikan ketua isi rumah, jenis pekerjaan dan faktor gender. Keadaan ditambah dengan kadar buta huruf yang tinggi dan tahap kebergantungan mereka kepada alam sekeliling untuk mendapatkan sumber ekonomi. Justeru, mereka menyarankan pihak kerajaan mengambil langkah tertentu bagi membantu masyarakat Orang Asli melalui pendidikan berkualiti kepada masyarakat Orang Asli seluruhnya.

### **2.9.9 Teori *Dual Coding* oleh Pavio**

Allan Pavio pada tahun 1971 telah mencadangkan Teori *Dual Coding* (Pavio, 1986). Teori ini menjelaskan bahawa memori manusia mengandungi dua kod yang saling berhubung dengan proses informasi, iaitu verbal dan visual. Dalam PdP,

kekuatan memori murid-murid dapat ditingkatkan melalui penyatuan informasi verbal dan visual (Mayer, 2001).

Penggunaan teknologi dalam PdP literasi bahasa Malaysia amat membantu guru menyampaikan pengajaran dengan lebih efektif seperti penggunaan teks, grafik, audio, video dan animasi (Muhammad, 2006). Penggunaan modul semata-mata membosankan dan tidak menarik minat murid untuk belajar. Penggunaan teori *dual coding* menjadikan proses PdP lebih berkesan kerana maklumat teks digabung bersama maklumat grafik berbanding pembelajaran maklumat teks sahaja yang terdapat dalam modul LINUS. Penggunaan bahan multimedia mampu meningkatkan pemahaman murid-murid dan menjadikan pembelajaran lebih menarik (Shaffer, Doube & Tuovinen, 2003).

## 2.10 Model-Model Penilaian Program

Model adalah gambaran konseptual tentang sesuatu aktiviti yang dapat menunjukkan perkaitan antara pelbagai elemen yang terlibat dalam aktiviti tersebut. Kerangka teori merupakan jalan yang mempermudahkan garapan idea, prinsip, gagasan dan konsep yang dijadikan boleh ubah-pemboleh ubah utama dalam mendasari sesuatu topik kajian, mempunyai nilai intelektual yang tinggi melalui pelbagai usaha penyelidikan yang disokong dengan dokumentasi rasmi (Thomas, 1997).

Kerangka teori dalam sesuatu kajian dianggap penting kerana memberi makna terhadap teori dan model yang digunakan dalam kajian tersebut. Ia juga diguna bagi melihat kaedah yang digunakan, pandangan mengenai sesuatu isu, memahami latar belakang kajian dan mengesan di mana maklumat itu berada (Ball, 1995). Antara model penilaian yang popular seperti Model Tyler (1950), Stufflebeam (1967), Stake (1967), Scriven (1967) dan Provus (1971). Setiap model yang diperkenalkan mempunyai

kekuatan dan kelemahan tersendiri, dan memerlukan kemahiran penilai dalam mengaplikasikannya. Misalnya, House dan Howe (1999), telah membina satu taksonomi bagi membezakan antara model-model penilaian. Antaranya;

1. Analisis Sistem (*System Analysis*) – model ini menggunakan kaedah penilaian kuantitatif. Kebiasaannya banding beza dilakukan terhadap skor ujian bagi sesuatu program. Data dikumpul melalui kaedah tinjauan dan menggunakan analisis korelasi. Model ini dibangunkan oleh Jabatan Pertahanan Amerika Syarikat bagi menilai keberhasilan sistem persenjataan tentera laut berbanding belanjawan yang dikeluarkan.
2. Objektif Perlakuan (*Behavioral Objectives*) – mementingkan pencapaian objektif program melalui pencapaian murid yang dikaitkan dengan tingkah laku mereka. Tingkah laku ini diukur melalui ujian kriteria atau ujian normal. Pengasas model ini ialah Tyler (1950).
3. Pembinaan Keputusan (*Decision Making*) – penilaian distrukturkan untuk membentuk satu keputusan. Penilaian akan memberikan maklumat terhadap sesuatu keputusan yang dibuat. Metodologi yang selalu digunakan adalah soal selidik dan temubual. Pentadbir dan pengurus bertindak sebagai pembuat dasar dan keputusan. Pengasas model ini ialah Stufflebeam (1967).
4. Kebebasan Matlamat (*Goal Free*) – model ini mementingkan keadilan dan penilaian program. Penilai dikehendaki menyelidiki daripada semua sumber dan tidak hanya tertumpu kepada peneraju program malah pengguna. Pengasas model ini adalah Scriven (1967).

5. Seni Mengkritik (*Art Criticism*) – menggunakan seni tradisi kritik sebagai kritik pendidikan, memerlukan tenaga yang berkemahiran dan terlatih dalam mengadili sesuatu program. Pengasas model ini ialah Eisner (1977).
6. Akreditasi (*Acreditation*) – menggunakan kumpulan pakar dan profesional dari luar dan berkecuali. Semua maklumat dikumpul dan dikaji mengikut sistem piawai yang ditetapkan. Kumpulan ini akan menilai, memberi ulasan dan cadangan bagi perjalanan program tersebut.
7. Lawan (*Adversary*) – menggunakan *quasi-legal* prosedur dalam menentukan pro dan kontra terhadap sesuatu program. Sistem ini bagi memastikan maklumat datangnya daripada kedua-dua belah pihak dan melibatkan proses guna cuba (*trial-by-jury*).
8. Urus niaga (*Transaction*) – model ini mementingkan proses pendidikan itu sendiri seperti bilik darjah, sekolah dan sekolah. Kaedah informal digunakan dalam penyiasatan dan selalu digunakan dalam penyelidikan kajian kes. Model ini diperkenalkan oleh Stake (1968).

Keberkesanan program daripada persepektif pendidikan bermaksud penilaian, iaitu menilai sesuatu program atau kursus itu sama ada berkesan atau sebaliknya. Dari aspek lain adalah dengan melihat sama matlamat atau objektif yang disasarkan itu tercapai atau tidak. Manakala pencapaian sesuatu program perlu dengan melihat outputnya. Pencapaian outputnya perlu memenuhi kehendak kualiti atau sesuatu standard yang ditetapkan (KPM, 2010b).

Penilaian terhadap sesuatu program bertujuan untuk mengetahui perjalanan dan kesinambungan pelaksanaannya sama ada benar-benar telah menuju matlamatnya. Penilaian juga melibatkan satu proses untuk menggariskan pencapaian objektif bagi

membuat keputusan alternatif seterusnya atau pun satu proses untuk melihat, mendengar, memerhati, mendokumentasikan apa yang dilihat, didengar, diperhatikan kemudian diakhiri dengan membuat tindakan susulan. Rowntree (1997) melihat penilaian sebagai satu proses untuk menentukan corak dan cara yang akan berlaku seterusnya.

Penilaian terhadap program literasi bahasa Malaysia dalam Program LINUS bertujuan melihat keberkesanan program tersebut dengan mengkaji data-data yang dikumpul dan memastikan malamat serta objektif program tersebut berada di landasan yang betul. Penilaian keberkesanan akan menumpukan kepada pencapaian murid-murid yang mengikuti program tersebut melalui situasi pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dirancang. Pemerhatian juga dibuat terhadap PdP guru dikelas melalui senarai semak yang dikeluarkan oleh pihak jemaah nazir dan jaminan kualiti (JNJK).

Penilaian terhadap keberkesamaan sesuatu program seperti program LINUS adalah untuk mengetahui perjalanan proses program tersebut, sama ada benar-benar fokus kepada objektif dan matlamatnya. Juga satu proses untuk memastikan pencapaian objektif atau matlamat atau pun bagi memastikan bahawa program tersebut perlu diteruskan, ditamatkan atau diubah suai pelaksanaannya. Hsieh (1999) berpendapat matlamat penilaian seterusnya memperlihatkan keperluan akauntabiliti dalaman dan luaran yang menjadi panduan pembangunan kurikulum dan aktiviti dalam perkhidmatan pada masa hadapan. Beliau turut menambah, proses penilaian juga membolehkan murid, guru, pentadbir dan masyarakat menentukan sama ada matlamat program tercapai atau tidak kerana penilaian menghasilkan maklumat-maklumat input, proses, output atau pertimbangan nilai.

Jabatan Pendidikan Amerika Syarikat (*US Department of Education*) (1998)

menyatakan perihal pentingnya proses penilaian perlu dilaksanakan. Antaranya;

1. menentukan keberkesanan program bagi mereka yang terlibat,
2. mendokumentasikan objektif program yang telah dikenal pasti,
3. membekalkan maklumat dan khidmat yang berguna kepada guru-guru dan murid-murid yang terlibat, dan
4. membolehkan guru membuat perubahan dalam meningkatkan keberkesanan program.

Dalam bidang pendidikan, proses penilaian dimulakan dengan satu persoalan, pengumpulan segala bentuk jawapan dan membuat keputusan. Keputusan yang dibuat berdasarkan penilaian ini akan menentukan hala tuju yang patut disasarkan, program yang patut diteruskan, kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang perlu dilaksanakan, aktiviti perkecambangan staf yang perlu dilaksanakan dan menentukan bilangan staf yang diperlukan (Ashley, 2001).

McNamara (1998) menjelaskan penilaian program melibatkan sekurang-kurangnya 35 jenis penilaian antaranya akreditasi, pentaksiran, analisis kos, keberkesanan, kecekapan, formatif, sumatif, proses hasil dan sebagainya. Beliau seterusnya menyatakan penilaian program memberikan beberapa aspek;

1. kefahaman, kejelasan atau meningkatkan impak produk atau servis terhadap pelanggan,
2. kemajuan terhadap mekanisme penilaian untuk lebih cekap dan menjimatkan kos, serta,

3. penjelasan terhadap program yang sepatutnya berjalan mengikut apa yang dirancangkan dari awal.

Penilaian terhadap keberkesanan program menfokus terhadap hasil dan membuat sesuatu keputusan berikut, antaranya keputusan untuk membuat penambahbaikan program, keputusan terhadap murid-murid dan guru-guru, dan seterusnya keputusan mengenai pentadbir dan pentadbiran. Talmage (1985) misalnya, menjelaskan beberapa aspek perlu dinilai, antaranya;

1. Nilai intrinsik (*intrinsic value*) – kebaikan dan ketepatan program,
2. Nilai instrumental (*instrumental value*) – menentukan matlamat dan sasaran program,
3. Nilai perbandingan (*comperative value*) – perbandingan antara program dalam beberapa aspek seperti matlamat dan objektif, kandungan serta pelaksanaan,
4. Nilai Ideal (*idealization value*) – bagaimana menjadikan program ini dalam bentuk yang terbaik terhadap pencapaian calon dalam semua aspek, dan
5. Nilai keputusan (*decision value*) – penentuan keputusan program sama ada untuk diteruskan, ditangguhkan, diubah suai atau ditamatkan.

Scriven (1967) membahagikan penilaian kepada penilaian formatif dan penilaian sumatif. Penilaian formatif dibuat semasa sesuatu program masih berlangsung, manakala penilaian sumatif dibuat pada akhir program atau apabila program tersebut tamat. Penilaian terhadap program tersebut bertujuan mengumpul maklumat-maklumat bagi maksud sama ada untuk meneruskan program, menghentikan program, mengubah suai program atau melihat keberkesanan program tersebut secara keseluruhannya.

Provus (1971) melihat penilaian program dari aspek prestasi, standard dan produk. Setiap penilaian dibuat bagi memastikan keberkesanannya program seterusnya menentukan kejayaan atau kegagalan sesuatu program. Dalam penilaian pendidikan, fokus utama adalah terhadap kejayaan murid-murid. Aspek-aspek yang dinilai meliputi reka bentuk kurikulum, rancangan kandungan, pelaksanaan dan pencapaian objektif serta matlamat program tersebut. Dalam kajian keberkesanannya program literasi bahasa Malaysia beberapa pendekatan penilaian perlu digunakan seperti *saintific-humanistic*, *monolithic-pluralistic-multiple*, *utilitarian-intuition*, *intrinsic-pay-off* dan formatif-sumatif. Penjelasan pendekatan tersebut dapat dijelaskan melalui Rajah 2.9.

Pendekatan	Huraian
<i>Saintific</i>	Penggunaan kajian kuantitatif menfokus kepada <i>outcomes</i> (hasilan) dan impak (kesan) sesuatu program.
<i>Humanistic</i>	Penggunaan kajian kualitatif yang menumpukan aspek seperti faedah, kebaikan, fenomena, dan tingkah laku yang diperoleh daripada sesuatu program.
<i>Monolithic</i>	Pendekatan penilaian satu sahaja sama ada kuantitatif atau kualitatif.
<i>Pluralistic</i>	Penggunaan dua bentuk penilaian kualitatif dan kuantitatif secara serentak.
<i>Multiple</i>	Biasanya digunakan bagi pengumpulan dan pemerosesan data (kaedah triangulasi). Pendekatan ini boleh digunakan untuk menentukan kesahihan sesuatu data dalam penilaian keberkesanannya sesuatu program.
<i>Utilitarian</i>	Berkaitan dengan kajian saintifik, ia bermaksud pencapaian individu yang diukur melalui jumlah murid dan saiz institusi. Semakin ramai jumlah murid dan saiz institusi yang besar, semakin tinggi harapan untuk melihat keberkesanannya sesuatu program.
<i>Intuition</i>	Bercorak humanistik bagi melihat impak program bagi setiap individu.

## sambungan Rajah 2.9

<i>Intrinsic</i>	Bentuk penilaian bertujuan melihat kesan-kesan asas setelah sesuatu program itu dilaksanakan. Kajian menfokus kepada kekuatan dan kebaikan program yang dilihat daripada aspek seperti isi kandungan program, strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP), objektif dan matlamat program serta pencapaian matlamat yang ingin disasarkan.
<i>Pay-Off</i>	Memberatkan <i>outcomes</i> (hasil yang ingin dicapai) khasnya dalam bidang akademik dan input (pengisian) iaitu dari aspek strategi serta pengajaran dan pembelajaran (PdP), termasuk sokongan ibu bapa orang awam, pentadbir dan pulangan kos berbanding pencapaian objektif program.
Formatif	Penilaian dilakukan sepanjang kursus.
Sumatif	Penilaian di akhir bagi menilai keberkesanan sesuatu program. Penilaian akan membuat keputusan terhadap pencapaian program tersebut.

Rajah 2.9. Pendekatan Penilaian Pelaksanaan Sesuatu Program

Penilaian keberkesanan pelaksanaan sesuatu program bagi melihat proses pelaksanaan sama ada kurikulum atau isi kandungannya perlu disemak, diubah suai dari semasa ke semasa; atau untuk mendapatkan maklumat, mengesan tahap penguasaan murid-murid, untuk mengenal pasti kekuatan dan kelemahan, untuk mengambil tindakan susulan dan memperbaiki proses yang sedia ada (Hapidah et al., 2002). Penilaian juga bagi melihat keberkesanan pelaksanaan strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang digunakan. Pengesan kelemahan pelaksanaan membolehkan proses memperbaiki dilakukan dan tindakan susulan dibuat (Muhammad, 2006). Selanjutnya, pengukuran kembali dilakukan bagi melihat impak program tersebut mencapai objektif yang disasarkan.

Terdapat pelbagai teori dan model yang sesuai digunakan dalam melihat keberkesanan pelaksanaan program literasi bahasa Malaysia dalam Program LINUS.

Antaranya teori *developmental*, teori *product evaluation*, teori *multiple objectives*, teori *stakeholder, theory-base course*, teori *etnografi*, teori *grounded*, teori *feedback control system*, teori *competency-based education* dan teori *rational evaluation*, manakala model penilaian seperti model *objectives oriented evaluation* oleh Tyler, model *consumer oriented* oleh Scriven, model *countenance* oleh Stake, model *discrepancy* oleh Provus dan model *context, input, product dan process (CIPP)* oleh Stufflebeam.

## **2.11 Model-Model Penilaian Pelaksanaan Program**

### **2.11.1 Model *Objectives Oriented Evaluation* oleh Tyler**

Tyler merupakan antara pelopor awal dalam penilaian pendidikan secara sistematis (Stufflebeam & Shinkfield, 2007). Beliau memulakan model penilaian akhir tahun 1920-an di *Ohio State University*. Tyler mencadangkan kaedah penilaian secara sistematis dengan menganalisis objektif sesuatu program pendidikan dengan dibandingkan hasilannya atau *outcomes*nya. Keputusan terhadap sesuatu program itu amat berkait rapat dengan pencapaian objektifnya, justeru model Tyler dikenali sebagai *objectives oriented style of evaluation*. Beliau melihat keberkesanan sesuatu program pendidikan melalui proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dan pencapaian objektifnya.

Model Tyler menekankan keberkesanan sesuatu program menggunakan *goal-based model* yang amat mementingkan pencapaian objektif program. Penilaian dibuat perlu fokus kepada matlamat dan objektif, mengembang dan memilih teknik untuk mengukur objektif tingkah laku. Tyler (1983) mencadangkan prosedur penilaian sesuatu program harus mematuhi langkah seperti berikut;

1. mengenal pasti objektif sesuatu program pendidikan,

2. menjelaskan matlamat dan objektif program pendidikan,
3. mendefinisikan objektif dalam bentuk tingkah laku,
4. mengenal pasti situasi dan kondisi bagi pencapaian objektif yang ditetapkan,
5. memilih atau membentuk teknik pengukuran yang tepat,
6. mengumpul data-data kemajuan seperti pencapaian murid-murid, dan
7. membandingkan data yang diperoleh dengan tingkah laku.

Model Tyler mementingkan pencapaian objektif dan matlamat program melalui perbandingan antara data kemajuan dan objektif tingkah laku. Perbezaan yang wujud dapat dikenal pasti dan dijadikan bahan bukti untuk pengubahsuaian proses pelaksanaan sesuatu program. Proses ini akan berulang-ulang menjadi satu pusingan. Antara kekuatan model ini ialah bersifat saintifik, logik, mudah difahami, membantu guru membuat refleksi terhadap proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang dilaksanakan, dan mementingkan kaedah *empirical* dalam matlamat penilaian (Worthen, Sanders & Fitzpatrick, 1997).

Namun model Tyler didapati mengabaikan beberapa aspek sehingga penting dalam penilaian seperti kekurangan standard untuk menilai perbezaan yang wujud antara objektif dan pencapaian. Selain itu, terdapat pengabaian terhadap nilai objektif itu sendiri, pengabaian alternatif lain yang terdapat dalam perancangan program pendidikan, mengabaikan konteks yang terdapat dalam penilaian dan mengabaikan lain-lain hasilan yang lebih penting daripada pencapaian objektif yang ditetapkan (Stufflebeam & Shinkfield, 2007).

### 2.11.2 Model *Consumer Oriented* oleh Scriven

Scriven (1967) menjelaskan penilaian sebagai satu aktiviti metodologi dalam pengumpulan data secara sistematik dan menjadi penentu kepada objektif nilai atau merit sesuatu objek. Beliau menegaskan bahawa matlamat penilaian adalah untuk memberi nilai atau meletakkan nilai sesuatu program. Beliau membahagikan proses penilaian kepada penilaian formatif dan penilaian sumatif. Penilaian formatif digunakan untuk membangunkan sesuatu program semasa program tersebut berlangsung, manakala penilaian sumatif adalah digunakan untuk mentafsir nilai objektif yang dibangunkan dalam sesuatu program pada akhir program tersebut tamat.

Model penilaian Scriven (1974) memperkenalkan *key evaluation checklist* yang mengandungi 18 item. Antaranya:

1. penggambaran/ pemerian (*description*) – apa yang dinilai?,
2. pelanggan (*client*) – siapa yang terlibat dalam penilaian?,
3. latar belakang dan konteks (*background and context*) – pengenalan kepada pemegang taruh (*stakeholder*),
4. sumber (*resource*) – kewangan, kepakaran, pengalaman dan teknologi,
5. fungsi (*function*) – apa yang dilakukan oleh penilai?,
6. sistem penyampaian (*delivery system*) – bagaimana prestasi dalam pasaran?, bagaimana ia diselenggarakan?,
7. pengguna (*consumer*) – siapa yang menggunakan dan menerima?,
8. keperluan dan nilai (*needs and value*) – pertimbangan terhadap keperluan dan nilai

9. piawai (*standards*) – adakah piawai diutamakan terhadap merit atau nilai?.
10. proses (*process*) – apakah kekangan, kos atau keuntungan yang dialami?
11. hasil (*outcomes*) – apa kesan yang terhasil, yang dijangka atau yang tidak dijangka berlaku?,
12. pengitlakan (*generalizability*) – terhadap orang awam, tempat, masa dan versi,
13. kos (*cost*) – wang ringgit lawan psikologi lawan staf (*personnel*),
14. perbandingan (*comparisons*) – alternatif lain yang diktiraf atau tidak iktiraf,
15. kepentingan (*significance*) – sintesis semua perkara, dan proses yang paling rumit,
16. cadangan/ syor (*recommendation*) – mungkin diminta atau tidak,
17. laporan (*report*) – formal, medium, masa, lokasi, staf terlibat, draf terakhir, dan
18. penilaian menyeluruh (*meta evaluation*) – penilaian mesti dilakukan dalam proses pelaksanaan dan dalam laporan akhir. Penilaian daripada pihak luar adalah diperlukan.

Model Scriven mempunyai kekuatan dari aspek kegunaan maklumat yang diperoleh melalui satu set penilaian menyeluruh dalam sesuatu program pendidikan (Worthen, Sanders & Fitzpatrick, 1997). Mereka berpendapat model ini mementingkan penilaian terhadap produk seperti kandungan pakej program, bengkel, media, latihan dalam perkhidmatan, prestasi staf, prosedur kerja, teknologi baharu, perisian dan sebagainya. Kelemahan model Scriven adalah boleh meningkatkan kos produk, menyekat kreativiti dan inovasi serta boleh dibahaskan atau disemak semula.

### **2.11.3 Model *Countenance* oleh Stake**

Stake (1967) antara sarjana yang banyak sumbangannya dalam bidang penilaian pendidikan. Pada tahun 1967 beliau telah menghasilkan artikel yang bertajuk *The Countenance of Educational Evaluation* yang telah menarik minat pengkaji untuk membahaskannya. Stake (1967) berpendapat penilaian yang dilakukan seharusnya membantu pengguna melihat dan memajukan apa yang hendak dilakukannya. Penilaian juga perlu menghuraikan perhubungan di antara proses yang berlaku sebelumnya, pelaksanaan dan hasilan yang diperoleh daripada sesuatu program. Kesan sampingan dan kualiti produk yang dijangka juga perlu dinilai.

Model Stake menyatakan penilai seharusnya mengelak daripada membuat keputusan akhir secara sumatif, sebaliknya mereka perlu mengumpul, menganalisis dan membuat refleksi serta pertimbangan daripada orang awam yang terlibat dalam proses penilaian. Menurut beliau, eksperimen dan kajian piawai adalah tidak sesuai dalam menentukan kegunaan penilaian. Sebaliknya, Stake mencadangkan kaedah yang lebih sesuai melalui pendekatan subjektif.

Model Stake menjelaskan terdapat berbagai-bagai cara boleh digunakan bagi memperoleh pelbagai jenis maklumat untuk pelaksanaan penilaian sesuatu program. Beliau mencadangkan tiga konsep penting dalam proses penilaian, iaitu sebelum berlaku, semasa berlaku (pelaksanaan) dan selepas berlaku (hasilannya). Sebelum berlaku merujuk kepada maklumat latar belakang yang sesuai, sebagai contoh dalam melihat keberkesanan program literasi bahasa Malaysia, faktor maklumat dan latar belakang murid perlu diketahui. Antaranya, adakah murid-murid sudah cukup bersedia untuk mengikuti sesi pembelajaran atau tidak, adakah mereka kondusif semasa berada di kelas atau tidak, dan sebagainya.

Pada peringkat semasa berlaku (pelaksanaannya), murid-murid yang mengikuti program tersebut semestinya dipengaruhi oleh individu di persekitarannya, seperti guru-guru, staf, kaunselor, warden asrama, ibu bapa atau murid-murid lain; dan selepas berlaku (hasilan) pula adalah apa yang dapat dicapai melalui pelaksanaan program tersebut dari segi aktiviti yang dilaksanakan, pencapaian, sikap murid dan aspirasi mereka. Juga impak terhadap semua pihak yang terlibat seperti guru-guru, pentadbir sekolah, murid-murid lain, ibu bapa, orang awam dan pihak-pihak lain.

Stake (1967) menggunakan tiga konsep penting iaitu sebelum berlaku, semasa berlaku dan selepas berlaku dalam menstruktur huraihan dan pertimbangannya terhadap penilaian keberkesanan sesuatu program. Pertimbangan dan penjelasan secara matriks terhadap penilaian keberkesanan sesuatu program membolehkan data yang diperoleh diguna bagi tujuan membuat ramalan terhadap program tersebut. Deepwell dan Cousin (2002) menyatakan kekuatan model Stake terletak pada strukturnya yang menghasilkan data yang pelbagai. Data yang dihasilkan terdiri daripada data kualitatif dan kuantitatif, formal dan informal, data primer serta sekunder. Semua data boleh distrukturkan kepada kategori dalam matriks yang dicadangkan. Namun, kelemahan model Stake ialah model ini boleh menerima risiko terdedah kepada konflik dan pengabaian terhadap kos kajian.

#### **2.11.4 Model *Discrepancy* oleh Provus**

Provus (1971) menjelaskan konsep penilaian keberkesanan sesuatu program kepada tiga konsep penting iaitu;

- 1. defining program standards,*

*2. determining whether a discrepancy exists between source aspect of program performance and standards governing that aspects of the program, and*


*3. using discrepancy information either to change program standards... (hal.:183).*

Model Provus menjelaskan peringkat-peringkat dalam proses penilaian iaitu peringkat reka bentuk, penggunaan, proses, produk dan perbandingan program. Pada peringkat reka bentuk, penilaian dibuat terhadap dokumen program seperti objektif dan matlamat program, sumber yang terlibat, dan aktiviti-aktiviti yang diharapkan dapat mencapai sasaran program. Peringkat kedua, iaitu peringkat penggunaan, model ini mengesan sama ada program yang dilaksanakan menepati kehendak perancangannya. Tindakan seterusnya ialah menjadi tanggungjawab pembuat dasar sama ada untuk meneruskan program, menamatkan program, mengubah suai program atau pun mengubah suai piawai pelaksanaan sedia ada.

Peringkat ketiga ialah peringkat proses, iaitu peringkat proses pelaksanaan program. Proses yang berlangsung menjawab persoalan sama ada objektif atau matlamat program tercapai atau sebaliknya. Pada peringkat keempat, tumpuan utama kepada penghasilan produk. Produk yang dihasilkan tersebut berjaya mencapai objektif atau matlamat program atau tidak, manakala peringkat kelima ialah peringkat perbandingan program. Dalam perbandingan program, aspek yang diambil kira termasuklah kemudahan dan kos program. Perbandingan juga dibuat dengan program lain yang mempunyai daya saing atau pun program-program yang hampir sama, misalnya Program LINUS mempunyai persamaan dengan program KIA2M, PROTIM atau program pemulihan (Shapiee, 2002).

Dalam menyatakan perbandingan program, perbandingan antara realiti dan piawai atau beberapa piawai dibuat pada setiap peringkat penilaian. Model ini amat

mementingkan piawai dan kemajuan dalam setiap penilaian keberkesanannya. Setelah kemajuan program itu dibandingkan dengan piawai program, empat alternatif boleh diambil sama ada program itu boleh ditamatkan, dikenakan tanpa pengubahsuai, pelaksanaannya diubah suai, atau piawai kawalan diubah suai. Keadaan ini boleh dijelaskan seperti Rajah 2.10, berikut;



Petunjuk:

Universiti Utara Malaysia

S = Piawai

P = Pelaksanaan program

C = Perbandingan

D = Percanggahan maklumat keputusan dari C

T = Tamatkan

A = Alternatif dari P atau S

→ = proses

Rajah 2.10. Peringkat Penilaian Model Discrepancy oleh Provus

Model *Discrepancy* yang dipopularkan oleh Provus (1971) menilai kepentingan perhubungan antara input, proses dan output. Sebagai contoh, murid-murid Orang Asli, guru-guru dan modul LINUS (input) yang berinteraksi dalam kelas (proses) untuk menghasilkan perubahan dalam tahap pencapaian membaca dan menulis (output).

Perbezaan yang wujud antara objektif atau matlamat program literasi bahasa Malaysia dengan output perlu diminimumkan bagi memastikan program tersebut berjalan lancar. Model ini menekankan pelaksanaan melalui pendekatan kualitatif dan kuantitatif; dan penilaian keberkesanan program yang dilaksanakan adalah bersifat proaktif dan komprehensif. Kelemahan model ini adalah proses penilaian yang dilaksanakan memakan masa yang panjang dan setentunya akan meningkatkan kos operasi.

#### **2.11.5 Model Keberkesanan Organisasi Yuchtman dan Seashore**

Yuchtman dan Seashore (1967) telah mempelopori teori keberkesanan organisasi melalui sistem sumber. Sumber yang diperoleh sesbuah organisasi amat perlu dalam melangsungkan aktiviti organisasi tersebut. Organisasi dalam Kementerian Pendidikan Malaysia seperti sekolah sering bersaing untuk mendapatkan peruntukan sumber terutamanya sumber kewangan bagi melaksanakan aktiviti, membeli peralatan dan bahan pengajaran dan pembelajaran (PdP), membaiki kemudahan asas atau membayar bil utiliti. Persaingan wujud antara sekolah kebangsaan, sekolah jenis kebangsaan, sekolah bantuan modal, sekolah berasrama penuh dan sebagainya.

Model keberkesanan Organisasi Yuchtman dan Seashore (1967) menjelaskan bahawa sekolah yang memperoleh sumber yang mencukupi dapat mengekalkan prestasi atau sekurang-kurangnya dapat meminimumkan penurunan prestasi serta dapat memenuhi kehendak murid, ibu bapa dan pihak-pihak yang berkepentingan atau *stakeholder*. Kegagalan memperolehi sumber seperti peruntukan kewangan tepat pada masanya boleh mengganggu kelancaran pengurusan sekolah seterusnya memberi kesan kepada pengajaran dan pembelajaran di kelas, dan kesan terakhir adalah kepada murid.

Kriteria keberkesanan merujuk kepada beberapa andaian, misalnya, 1) organisasi bersaing untuk mendapatkan sumber yang kurang, 2) prestasi meningkat

apabila elemen-elemen dalam sistem berada dalam keadaan harmoni, 3) setiap organisasi akan menghadapi permintaan yang kompleks. Organisasi yang berkesan perlu mengekalkan keharmonian, kerjasama dan hubungan yang baik dengan sumber peruntukan bagi mencapai matlamat dan objektif organisasi. Dalam hal ini pentadbir sekolah, persatuan ibu bapa dan guru-guru (PIBG), alumni sekolah atau lembaga pengelola sekolah perlu memainkan peranan penting agar sumber peruntukan dapat diperoleh secara berterusan dan tidak menganggu persekitaran organisasi sekolah.

Justeru penilaian keberkesanan operasi sesebuah organisasi amat dipengaruhi oleh kekuatan organisasi itu untuk mendapatkan bahan sumber. Organisasi yang lemah gagal mendapatkan sumber mencukupi seterusnya memberi kesan kepada prestasi organisasi. Keadaan menjadi lebih kritikal jika prestasi murid-murid menjadi ukuran atau wujud diskriminasi dalam penyaluran peruntukan sumber kewangan, misalnya antara sekolah berprestasi tinggi (SBT) dengan sekolah biasa (Surat Pekeliling Kewangan Bilangan 8 Tahun 2012).

#### **2.11.6 Model Keberkesanan Organisasi Steers**

Model Keberkesanan Organisasi oleh Steers (1977) menjadikan pencapaian matlamat sesuatu organisasi sebagai ukuran kepada keberkesanan sesebuah organisasi. Matlamat dan objektif sesuatu organisasi perlu menepati standard yang ditetapkan. Dalam Program LINUS misalnya, matlamat dan objektifnya ialah murid-murid yang sempurna dan tidak dikategori berkeperluan khas perlu menguasai literasi dan numerasi apabila tamat tahap satu. Dalam hal ini sekolah perlu mempunyai matlamat dan objektif tersendiri, begitu juga dengan pihak Pejabat Pendidikan Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri dan Kementerian Pendidikan Malaysia.

Steers (1977) menjelaskan bahawa organisasi akan membawa dua matlamat iaitu matlamat rasmi dan matlamat operasi. Matlamat rasmi adalah matlamat yang ditetapkan oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia, manakala matlamat operasi ditentukan oleh pihak sekolah. Dalam melaksanakan program, biasanya matlamat rasmi tidak dapat direalisasikan oleh pihak sekolah, berbanding matlamat operasi. Matlamat operasi menggambarkan keadaan sebenar di sekolah dan pelaksanaannya amat bergantung kepada keadaan dan persekitaran sekolah tersebut.

Dalam melaksanakan model keberkesanan ini, Steers (1977) menetapkan beberapa andaian, (1) matlamat ditetapkan oleh pembuat keputusan, (2) matlamat yang ditetapkan boleh dicapai, (3) matlamat jelas dan mudah difahami semua staf, dan (4) kriteria-kriteria tertentu diwujudkan bagi menilai keberkesanannya. Model ini menjadikan matlamat organisasi sebagai fokus utamanya tanpa mengambil kira aspek-aspek lain dalam pelaksanaannya. Pentadbir menjadi dominan dalam menentukan keberkesanan organisasi sedangkan matlamat organisasi dikongsi oleh semua seperti murid-murid, staf, ibu bapa dan *stakeholder*.

#### **2.11.7 Model Keberkesanan Organisasi Hoy dan Miskel**

Model Keberkesanan Organisasi Hoy dan Miskel (2001) menumpukan kepada tiga ciri penting iaitu dimensi masa, kepelbagaiian konstitusi dan kepelbagaiian kriteria. Kesepaduan antara ciri tersebut membawa kepada keberkesanan sesebuah organisasi. Pencapaian matlamat organisasi dapat mengukur keberkesanan perlu disandarkan kepada kesepaduan antara ciri tersebut.

Dimensi masa merujuk kepada jangka masa yang diambil sesebuah organisasi bagi mencapai matlamat dan objektif yang ditetapkan. Keupayaan organisasi mengekalkan pencapaian dalam jangka masa panjang dapat menunjukkan bahawa

organisasi tersebut adalah sebuah organisasi yang berkesan. Indikator kejayaan termasuklah prestasi pencapaian murid-murid, peningkatan moral organisasi dan kepuasan kerja staf. Dalam pencapaian peringkat sekolah, peningkatan kepuasan kerja guru dan kadar literasi murid yang meningkat.

Kepelbagaiannya konstitusi merujuk kepada sekumpulan individu yang terdapat dalam dan di luar organisasi yang mempunyai kepentingan bersama terhadap organisasi tersebut. Individu tersebut terdiri daripada pentadbir sekolah, guru, murid-murid, ibu bapa, *stakeholder* dan sebagainya. Setiap dari mereka mempunyai pendapat yang berbeza tentang cara mengukur keberkesanan pencapaian matlamat organisasi tersebut. Misalnya pentadbir sekolah memberi tumpuan kepada sumber kewangan, kemudahan infrastruktur di sekolah, guru yang mencukupi dan sebagainya. Bagi guru-guru, mereka melihat kepada aspek kemudahan bagi melaksanakan pengajaran dan pembelajaran seperti kemudahan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK), kemudahan internet, bahan bantu menganjar (BBM) yang menarik dan sebagainya. Ibu bapa atau *stakeholder* melihat keberkesanan organisasi sekolah tersebut kepada pencapaian akademik dalam peperiksaan awam, kualiti murid yang dihasilkan dan pandangan umum terhadap sekolah tersebut.

Kepelbagaiannya kriteria merujuk kepada gabungan antara sumber input, transformasi dan output yang dihasilkan oleh organisasi tersebut. Kriteria input adalah sumber potensi sekolah bagi menghasilkan organisasi yang berkesan seperti potensi murid, komitmen pentadbir dan guru, sokongan ibu bapa, bilangan buku di pusat sumber sekolah, kemudahan infrastruktur sekolah dan sebagainya. Kriteria input member kesan langsung terhadap proses transformasi melalui proses yang berlaku terhadap kriteria input. Proses yang berlaku secara harmoni dan cekap dapat menghasilkan output yang diharatkann.

Dalam proses transformasi, wujud keselarasan antara sistem organisasi, motivasi dan potensi individu, budaya organisasi dan budaya kerja cemerlang, kualiti kepimpinan dan pengajaran, prosedur kawalan kualiti, penggunaan ICT dan sebagainya. Kesannya, output yang positif dan menepati matlamat organisasi dapat dicapai. Kriteria utama adalah pencapaian cemerlang akademik murid, kepuasan kerja guru dan matlamat ibu bapa serta *stakeholder* tercapai.

Hoy dan Miskel (2001) memperkenalkan model keberkesanan organisasi dengan menggabungkan keseluruhan model matlamat dan sistem sumber dengan menggunakan indikator input, proses dan output. Beliau turut mengambil kira faktor masa, kepelbagaiannya konstituensi dan aspek-aspek persekitaran seperti kemudahan infrastruktur sekolah, potensi murid, keupayaan guru, kemudahan ICT, sokongan ibu bapa dan *stakeholder*. Model keberkesanan Hoy dan Miskel (2001) ini menepati Teori Model CIPP yang diperkenalkan Stufflebeam dan Shinkfield (2007) yang digunakan pengkaji bagi menilai keberkesanan program literasi bahasa Malaysia dalam kalangan murid-murid Orang Asli.

Stufflebeam dan Shinkfield (2007) menjelaskan bahawa model penilaian CIPP adalah satu model yang dapat menggambarkan, mengumpulkan dan menyediakan maklumat secara deskriptif mengenai nilai dan merit keberkesanan sesuatu program. Ramai pengkaji sama ada di dalam atau luar negara menggunakan berbagai kaedah semasa membuat penilaian keberkesanan sesuatu program. Misalnya, Ahmad Abd. Garni (2010), Hashima dan Muhammad Khairi (2012), Lai Guan et al. (1998), Abdul Zubir dan Fakhri (2011), Muhaminad (2006), Shapiee @ Shafie (2002), Azizi (1999), Fong (2000), Hapidah, Roselan, Nadzeri , Mohd Sahandri dan Abd Ghani Taib (2002), masing-masing berpandukan model penilaian CIPP dalam kajian mereka.

Pengkaji luar negara seperti Cetta (2012), Bachenheimer (2010), Boone (2010), Robert (2010), Kjer (2009), Gill-Jacob (2009), Nicometi (2009), Anthony (2008), Hsieh (1999), Mascar (1999), Bennardo (1998), Carpenter (1998) dan Fritz (1996) turut menggunakan model penilaian CIPP dalam kajian mereka. Justeru pengkaji akan menggunakan konseptual model konteks, input, produk dan proses (CIPP) oleh Stufflebeam (1983) dalam mengkaji keberkesanan program literasi Bahasa Malaysia dalam kalangan murid Orang Asli.

## **2.12 Model Penilaian Pelaksanaan Program LINUS**

Model penilaian oleh Tyler, Scriven, Stake, Provus dapat menjelaskan proses penilaian dalam keberkesanan sesuatu program. Namun dalam memilih kesesuaian sesuatu model, pengkaji perlu menyesuaikannya dengan objektif, matlamat dan permasalahan kajian yang disasarkan. Model penilaian CIPP oleh Stufflebeam (1967) menjelaskan proses kajian bermula oleh sistem operasi yang dikawal oleh sesebuah organisasi. Organisasi dalam kajian ini ialah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM). Penilaian keberkesanan program akan dibuat dalam empat dimensi penting iaitu dimensi konteks, dimensi input, dimensi produk dan dimensi proses.

Kajian penilaian program ini dijalankan berdasarkan model teori penilaian CIPP (Context-Input-Process-Product ) yang diperkenalkan oleh Stufflebeam (1967). Model Model ini mula diperkenalkan di Ohio University untuk menilai ESEA (*the Elementary and Secondary Education Act*). CIPP ditakrifkan sebagai singkatan *context evaluation* bermaksud penilaian terhadap konteks, *input evaluation* yang bermaksud penilaian terhadap input, *process evaluation* yang bermaksud penilaian terhadap proses, *product evaluation* yang bermaksud penilaian terhadap produk atau keberhasilan. Keberhasilan


merupakan antara aspek terpenting yang digariskan dalam PPPM 2013-2025 (KPM, 2013).

Menurut Stufflebeam (2007) matlamat penilaian konteks adalah untuk menentukan konteks yang relevan, mengenal pasti populasi sasaran dan menilai keperluannya, mengenal pasti peluang-peluang untuk menangani keperluan, mendiagnosis masalah yang mendasari keperluan. Dalam penilaian input, sesuatu program yang dilaksanakan perlu penambahbaikan. Penilaian input membantu mengenal pasti reka bentuk prosedur dan strategi pendidikan yang paling sesuai serta mencapai hasil yang diharapkan (Mohd Fadzil & Abdul Jaleel, 2013). Oleh yang demikian pendekatan utama ialah mengenal pasti dan menilai keupayaan semasa sistem yang berjalan serta mencadangkan strategi alternatif yang sesuai.

Penilaian proses merupakan melibatkan aktiviti pemantauan terhadap proses pelaksanaan sesuatu program dengan menyediakan terma rujuk tertentu bagi pemantauan berterusan. Matlamat utama penilaian proses adalah untuk memastikan pelaksanaan program berjalan seperti yang dirancang atau sebaliknya (Stufflebeam & Shinkfield, 2007), manakala bagi penilaian produk pula bertujuan untuk mengukur, mentafsir dan menilai hasil dapatan dengan jujur. Penilaian produk diunjurkan untuk mengenal pasti keperluan program telah dipenuhi atau perlukan penambahbaikan.

Dalam kajian ini, dimensi konteks bertujuan menilai isi kandungan atau kurikulumnya dalam mencapai matlamat dan objektif program. Dimensi input dinilai daripada aspek penggunaan pelbagai strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP). Dimensi produk pula mencakupi aspek output, manakala dimensi proses bertujuan melihat sejauh manakah permasalahan yang wujud boleh mengekang pelaksanaan program tersebut. Dalam pengkajian ini, dimensi produk dan dimensi

proses secara bersama kerana keputusan meneruskan, mengubah suai atau menamatkan Program LINUS tersebut bergantung kepada permasalahan-permasalahan dalam sistem operasi program tersebut. Keseluruhan dimensi dan proses penilaian Program LINUS dapat ditunjukkan melalui Rajah 2.11.



Rajah 2.11. Kerangka Konseptual Kajian adaptasi daripada Model Penilaian CIPP oleh Stufflebeam & Shinkfield (2007) dan Ghazali (2010)

Rajah 2.11 menjelaskan aliran konseptual kerangka teori model CIPP dengan memasukkan pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian yang ingin dinilai bagi setiap dimensi. Penilaian formatif iaitu penilaian yang dilakukan sepanjang program tersebut berlangsung, dilakukan terhadap semua dimensi iaitu dimensi konteks, dimensi input, dimensi produk dan dimensi proses bagi memastikan proses pelaksanaan program

tersebut mematuhi piawai operasi dan mencapai objektif serta matlamat program (Scriven, 1967).

Penilaian sumatif dilakukan melalui ujian saringan iaitu pada bulan Mac, Jun dan September bagi memastikan dimensi produk dan dimensi proses iaitu permasalahan yang mengekang kelancaran pelaksanaan program itu berlangsung. Pada tahap ini, keputusan perlu dibuat sama ada Program LINUS perlu diteruskan tanpa sebarang perubahan, atau pun perlu pengubahsuaian mengikut keperluan dan keadaan persekitaran pembelajaran murid-murid. Misalnya bagi murid-murid Orang Asli kebolehan dan keupayaan berbahasa Malaysia mereka amat lemah (PPDHP, 2012).

Mereka amat bergantung kepada terjemahan guru bagi memahami setiap perkataan dan barulah mereka lebih memberika tumpuan kepada sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di kelas. Justeru, guru-guru LINUS perlu mengubah suai atau menggantikan perkataan-perkataan supaya sesuai dengan tahap kebolehan dan keupayaan murid-murid. Contoh-contoh perkataan yang tidak sesuai perlu digugurkan atau diubahsuai atau diberikan penilaian semula. Guru menggunakan Kamus Bahasa Melayu- Bahasa Semai atau Kamus Bahasa Melayu-Bahasa Jahai sebagai panduan atau rujukan. Guru juga perlu menyebut sesuatu patah perkataan atau kosa kata tersebut dengan intonasi yang betul supaya memberi makna dan maksud yang jelas kepada murid.

Justeru, pembinaan kerangka konsetual kajian penilaian Program LINUS direka bentuk bertujuan memudahkan penyelidik dan supaya kerja-kerja penyelidikan sentiasa berada di landasan kajian dan menfokuskan kepada proses penambahbaikan serta pemurnian program tersebut. Situasi ini selaras dengan Ornstein & Hunkins (2014)

yang menjelaskan bahawa reka bentuk kurikulum dihasilkan daripada teori kurikulum, teori pengetahuan, teori sosial, teori politik dan teori pembelajaran.

### 2.13 Rumusan

Bab ini menghuraikan mengenai masyarakat Orang Asli di Malaysia dan permasalahan mereka dalam bidang pendidikan, terutamanya dalam penguasaan asas literasi bahasa Malaysia iaitu kemahiran lisan, membaca dan menulis. Seterusnya, penghuraian dibuat terhadap model-model penilaian dalam menilai keberkesanan sesuatu program pendidikan. Penilaian dilakukan bagi melihat keberkesanan pelaksanaan Program LINUS yang melibatkan murid-murid Orang Asli. Murid-murid Orang Asli adalah golongan minoriti yang perlu diberikan perhatian memandangkan tahap pencapaian mereka dalam bidang akademik amat rendah, dan keadaan ini boleh memberikan kesan negatif kepada matlamat Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) Kementerian Pendidikan Malaysia.

Penilaian pelaksanaan Program LINUS dibuat bertujuan membuat penambahbaikan terhadap *context-input-process-product* (CIPP); dan bukannya mencari kelemahan dalam program tersebut. Beberapa model penilaian keberkesanaan pelaksanaan program pendidikan diberikan perhatian oleh penyelidik selain model utama iaitu model konseptual kajian *context-input-process-product* (CIPP) oleh Stufflebeam dan Shinkfield (2007).

## **BAB TIGA**

### **METODOLOGI KAJIAN**

#### **3.1 Pendahuluan**

Pemilihan sesuatu kaedah kajian yang tepat amat penting dalam menentukan landasan dan hala tuju sesebuah kajian. Pemilihan metodologi yang menepati inti sari kajian juga berjaya menghindari sebarang kesilapan; seterusnya produk atau hasilan kajian yang dikehendaki mencapai objektif dan matlamatnya. Dalam bab metodologi kajian ini, teknik-teknik dan prosedur kajian dijelaskan secara komprehensif supaya memberi gambaran tepat kepada operasi permulaan, proses pelaksanaan dan produk atau dapatan akhir kajian tersebut. Kajian ini dijalankan dengan membuat penilaian terhadap pelaksanaan Program LINUS dalam kalangan murid-murid Orang Asli melalui 12 konstruk yang terdapat dalam program tersebut.

Kajian ini menggunakan kerangka teori model *context-input-process-product* (*CIPP*) yang dikemukakan oleh Stufflebeam dan Shinkfield (2007) yang menumpukan penilaian keberkesanan program dengan memberi fokus kepada penambahbaikan (*improvement oriented evaluation*) bagi membuat keputusan. Bab ini juga akan membincangkan mengenai reka bentuk kajian, populasi dan pensampalan, kaedah mengutip data, kajian rintis, proses pelaksanaan penilaian keberkesanan program literasi bahasa Malaysia, tatacara pelaksanaan kajian, pengurusan data dan penganalisisan data-data kuantitatif serta kualitatif.

#### **3.2 Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian merupakan satu kerangka atau rajah yang digunakan pengkaji dalam melaksanakan sesuatu kajian. Kerangka tersebut dijadikan landasan

dalam proses pengkajiannya melalui pertautan idea dalam komponen-komponen kajian tersebut. Punch (2001) berpendapat pemilihan reka bentuk kajian yang tepat perlu bagi menjawab setiap persoalan kajian. Persoalan kajian tersebut akan memberikan gambaran menyeluruh mengenai proses, prosedur dan tatacara melaksanakan sesuatu kajian.

Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah *mixed method The Exploratory Sequential Design* oleh Creswell (2012). Beliau menjelaskan kaedah campuran dapat dibahagikan kepada tiga, iaitu kaedah campuran kualitatif – kuantitatif, kuantitatif – kualitatif, dan data kuantitatif membina penjelasan dengan diperkuuhkan lagi dengan data kualitatif. Secara dasarnya, proses pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif secara serentak pada satu masa dan saling menyokong antara satu sama lain dapat memgukuhkan dapatan kajian (Neuman, 2000; Gay & Airasian, 2006; Creswell, 2009). Kaedah kuantitatif menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama manakala kaedah kualitatif menggunakan temu bual, temu bual berfokus, pemerhatian, analisis dokumen dan soalan soal selidik terbuka sebagai sokongan kepada data kuantitatif. Pemerolehan data dibuat melalui teknik pungutan data secara triangulasi dan paparan analisis data dibuat secara statistik deskriptif. Kaedah ini dipilih kerana amat relevan, saling melengkapi data, dapat meningkatkan kesahan kajian, menyokong antara satu sumber dengan sumber yang lain dan ia amat berkesan untuk mendapatkan maklumat daripada responden dan peserta kajian (Creswell, 2009).

Kajian ini menggunakan teori model yang diperkenalkan oleh Stufflebeam dan Shinkfield (2007) melalui model CIPP dalam proses menggambar, mengumpul dan menyediakan maklumat deskriptif tentang keberkesanan Program LINUS dalam kalangan murid-murid sekolah Orang Asli. Model CIPP menjelaskan penilaian yang

dibuat ke atas empat dimensi iaitu dimensi konteks, dimensi input, dimensi produk dan dimensi proses.

Penilaian konteks melihat matlamat dan objektif program bagi menjelaskan bagaimana operasi Program LINUS oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dapat mencapai hasratnya melalui tadbir urus yang dijalankan oleh guru besar. Dalam melaksanakan kajian ini, kelulusan diperoleh pengkaji dengan memohon kepada Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (EPRD), KPM (Lampiran 1) dan Jabatan Pendidikan Negeri Perak (Lampiran 2) bagi mendapatkan kebenaran melaksanakan kajian.

Dalam konteks pelaksanaan program, soalan selidik ditadbir, sistem pengurusan dokumen diteliti, diperhati dan proses temu bual dijalankan bagi mendapatkan maklumat sebenar dalam konteks pelaksanaan di sekolah murid Orang Asli.. Penilaian konteks juga dapat mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh guru besar untuk mengelola, mentadbir dan melaksanakan tugas sebagai ketua operasi sistem. Maklumat dan data daripada temu bual dan pemerhatian melalui senarai semak digunakan dalam proses penilaian konteks.

Penilaian input dibuat dengan mengenal pasti kriteria-kriteria dalam pemilihan guru literasi bahasa Malaysia dalam Program LINUS. Maklumat dan data daripada soalan soal selidik, pemerhatian semasa pengajaran guru, dan temu bual berfokus seperti pengalaman, latar belakang, kursus-kursus yang berkaitan dengan program tersebut perlu bagi melihat perkaitan dengan strategi dan kaedah pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru berkenaan. Temu bual dengan guru-guru LINUS dan guru pemulihian, termasuklah pentadbir sekolah digunakan untuk membuat penilaian terhadap dimensi input.

Penilaian terhadap dimensi proses dibuat bagi melihat permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan Program LINUS terutama penghalang yang menyebabkan matlamat dan objektif program tersebut gagal menepati sasaran yang ditetapkan. Soalan soal selidik ditadbirkan terhadap guru LINUS, dan penelitian dibuat terhadap dokumen yang berkaitan seperti surat pekeliling, senarai semak, buku panduan pelaksanaan program, sistem fail pelaksanaan, rekod ujian saringan, serta rekod pencapaian murid.

Penelitian terhadap dokumen tersebut perlu dibuat bagi memastikan guru-guru yang terlibat dengan program tersebut melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya mengikut garis panduan dan tatacara pelaksanaan tugas serta mematuhi piawaian yang ditetapkan. Maklumat dan data pemerhatian serta temu bual dengan guru besar, guru-guru LINUS dan guru pemulihan digunakan untuk membuat penilaian terhadap dimensi proses tersebut. Semua dapatan dan rumusan digunakan bertujuan memperbaiki kelemahan dan memperbetulkan proses yang berlaku dalam pelaksanaan program tersebut.

Penilaian dimensi proses juga bagi melihat permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan program tersebut. Permasalahan tersebut meliputi perkara yang dihadapi oleh guru LINUS, guru pemulihan, guru besar, murid-murid atau permasalahan yang wujud daripada bahan modul, kemudahan di bilik darjah, persekitaran, *stakeholder* dan sebagainya.

Penilaian terhadap dimensi produk, hasilan program tersebut diteliti melalui pencapaian murid-murid dari segi bilangan dan kemajuan mereka dalam memenuhi matlamat dan objektif Program LINUS. Maklumat dan data daripada soalan soal selidik, pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen digunakan dalam mengenal pasti

permasalahan yang wujud dengan membuat pembetulan serta penamaikan terhadap dimensi produk.

Penilaian terhadap dimensi produk dan proses dilihat secara bersama kerana dimensi tersebut dapat menentukan keberhasilan atau kegagalan sesuatu program. Jika program tersebut gagal mencapai matlamat atau objektif, program tersebut perlu mengalami pengubahsuaian, atau pun setiap dimensi dalam program tersebut perlu dinilai semula.

Rajah 3.1 berikutnya menjelaskan aliran kerangka konseptual model *CIPP* dengan memasukkan pemboleh ubah-pemboleh ubah tertentu. Setiap pemboleh ubah dalam setiap dimensi dinilai keberkesanannya dalam dua bentuk iaitu penilaian formatif dan penilaian sumatif. Penilaian formatif dilakukan terhadap dimensi konteks dan input, dan penilaian sumatif dilakukan terhadap dimensi proses dan produk. Penilaian pada peringkat akhir dibuat bagi menentukan sama ada program literasi bahasa Malaysia perlu mengalami keadaan berikut;

1. dikekalkan dan diteruskan kerana mematuhi piawaian yang telah ditetapkan,
2. disemak dengan pengubahsuaian mana-mana bahagian seperti ditambah dengan unsur-unsur yang sesuai,
3. dipinda atau disesuaikan mengikut keupayaan dan kebolehan murid,
4. dimansuhkan kerana tidak sesuai dengan persekitaran murid dan guru, atau
5. program perlu ditamatkan kerana gagal memberi kesan kepada murid.

<b>Jenis Penilaian/ Persoalan Kajian</b>	<b>Data yang dikumpul</b>	<b>Sumber dan Kaedah Pengumpulan Data</b>
<b>Penilaian Konteks:</b>		
1. Adakah matlamat dan objektif Program LINUS mencapai sasarannya?	1. Faktor yang mempengaruhi pembentukan sistem penilaian Program LINUS dalam mencapai matlamat dan objektif.	1. Soal selidik guru pemulihan/ guru LINUS.
2. Apakah peranan pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS dalam mencapai matlamat dan objektif Program LINUS?	2. Kefahaman pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS terhadap matlamat dan objektif Program LINUS.	2. Temu bual berfokus dengan guru pemulihan/ LINUS. 3. Temu bual guru besar/ pentadbir sekolah. 4. Soal selidik terbuka FasiLINUS.
<b>Penilaian Input:</b>		
1. Bagaimanakah aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) Program LINUS dilaksanakan?	1. Data peribadi dan pengalaman guru-guru LINUS.	1. Soal selidik guru pemulihan/ guru LINUS.
2. Apakah peranan pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS dalam memastikan Program LINUS dilaksanakan?	2. Kefahaman pentadbir LINUS terhadap pelaksanaan PdP dalam Program LINUS.	2. Temu bual berfokus dengan guru pemulihan/ LINUS. 3. Temu bual guru besar/ pentadbir sekolah. 4. Soal selidik terbuka FasiLINUS. 5. Pemerhatian terhadap PdP kelas Program LINUS.
<b>Penilaian Proses:</b>		
1. Apakah permasalahan-permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan Program LINUS?	1. Pelaksanaan program berasaskan Modul LINUS. 2. Proses pelaksanaan Ujian Saringan.	1. Soal selidik guru pemulihan/ guru LINUS.
2. Bagaimanakah pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS menghadapi	3. Proses penilaian pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS.	2. Temu bual berfokus dengan guru pemulihan/ LINUS. 3. Temu bual guru besar/ pentadbir sekolah.

### sambungan Rajah 3.1

permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan Program LINUS?	4. Keberkesanan guru dan guru penyelaras LINUS sebagai penilaian program LINUS.	4. Soal selidik terbuka FasiLINUS. 5. Pemerhatian terhadap PdP kelas Program LINUS.
Penilaian Produk: 1. Bagaimakah penilaian Program LINUS dilaksanakan di sekolah murid Orang Asli? 2. Bagaimakah pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS melaksanakan penilaian Program LINUS di sekolah murid Orang Asli?	1. Ujian saringan dibuat oleh guru pemulihan dan guru LINUS. 2. Data ujian saringan dilaporkan secara <i>online</i> , <i>offline</i> dan difaiklan.	1. Soal selidik guru pemulihan/ guru LINUS. 2. Temu bual berfokus dengan guru pemulihan/ LINUS. 3. Temu bual guru besar/ pentadbir sekolah. 4. Soal selidik terbuka FasiLINUS. 5. Analisis dokumen pencapaian murid.

Rajah 3.1. Reka Bentuk Kajian Pelaksanaan Program LINUS


### 3.3 Metodologi Kajian

Pemilihan reka bentuk kajian bagi sesuatu kajian dibuat berdasarkan kepada tajuk, latar belakang, tujuan, objektif dan rumusan terhadap permasalahan sesuatu kajian. Memandangkan kajian ini berfokus kepada penilaian pelaksanaan Program LINUS yang melibatkan sejumlah populasi yang besar dan lokasi yang luas, maka pengkaji hanya menumpukan kepada skop yang lebih kecil iaitu populasi murid-murid Orang Asli di negeri Perak. Dianggarkan seramai 1.35 juta murid tahun satu hingga tahun tiga sekolah rendah telah menduduki ujian saringan LINUS di seluruh negara pada tahun 2011(Kementerian Pendidikan Malaysia, 2012).

Dalam kajian ini, pengkaji berpendapat kaedah yang paling sesuai untuk mengutip data adalah melalui kaedah *survey* atau tinjauan. Data dikutip berdasarkan soalan soal selidik, temu bual, temu bual bersokus, pemerhatian, penganalisisan dokumen dan soalan soal selidik terbuka. Rangkuman data daripada pelbagai sumber membolehkan penyumberan dapatan dibuat daripada pelbagai persektif, dan dapat menghasilkan rujukan maklumat yang jelas serta memberikan gambaran secara terperinci lagi komprehensif.

### 3.3.1 Kaedah Tinjauan

Fraenkle dan Wallen (2006) menjelaskan tinjauan sebagai;



“*asking a large group of people questions about a particular topic or issue, they ask a number of questions, all related to the issue, to find answers*” (hal. 366-367).

Kaedah ini menggunakan *cohort-cross-sectional* sebagai garis panduan kajian (Wiersma & Jurs, 2008). *Cohort survey* digunakan bagi sekumpulan murid yang mengikuti Program LINUS pada tahun 2012 hingga 2014. *Cross-sectional* dalam bentuk *parallel sample survey* digunakan terhadap pemilihan pelbagai sampel seperti *convenient* atau *focus sample* terhadap guru-guru dalam kajian kuantitatif. Bagi *purposive sample* digunakan terhadap sekumpulan guru-guru lain dalam kajian kualitatif.

Tinjauan atau *survey* dibuat bertujuan bagi menyelesaikan masalah kajian bagi melihat kekuatan dan kelemahan setiap unit dalam penilaian konteks, input, produk dan proses. Tinjauan melibatkan pemeriksaan terhadap dokumen program LINUS dalam konteks, meninjau fenomena dan situasi yang berlaku (pelaksanaan program) dalam input program dan seterusnya melihat hasil akhir program dalam dimensi produk serta

permasalahan program dalam dimensi proses. Hal ini akan membentuk satu penilaian terhadap pelaksanaan Program LINUS yang dijalankan.

Kaedah tinjauan juga digunakan untuk menjelaskan secara terperinci terhadap responden dan peserta kajian yang terlibat dalam proses pengumpulan maklumat dalam kajian ini. Skop tinjauan dijalankan terhadap 28 buah sekolah murid Orang Asli yang terdapat di Perak. Data tinjauan dikumpul daripada responden dan peserta kajian tersebut manakala skop kajian serta unit analisis dalam tinjauan amat bergantung sepenuhnya kepada sifat dan permasalahan yang wujud melalui analisis secara deskriptif.

Kaedah tinjauan mempunyai kelebihan dalam kajian ini kerana data-data yang dikumpul dapat digeneralisasikan bagi memperoleh hasilan kajian yang mantap. Data-data yang diperoleh boleh mengukur kriteria kajian dan proses kutipan data dapat dilakukan melalui pelbagai cara seperti soalan soal selidik, temu bual, temu bual berfokus, pemerhatian, penganalisaan dokumen dan soalan soal selidik terbuka. Data yang diperoleh ditadbir melalui sistem koding data. Kaedah tinjauan juga popular dalam reka bentuk kajian klasik, bahkan pengkaji-pengkaji moden hari ini masih menggunakan kerana kelebihan kaedah ini yang mampu menganalisis data-data kualitatif dan kuantitatif secara serentak (Stufflebeam & Shinkfield, 2008).

Kajian menggunakan kaedah tinjauan telah digunakan secara meluas dalam pelbagai bidang ilmu, khasnya peringkat doktor falsafah (PhD). Misalnya kajian yang menggunakan kaedah *survey* dari tahun 2000 hingga 2009 adalah sebanyak 170,681 (Proquest, 2013). Kajian tinjauan banyak digunakan dalam tajuk-tajuk penyelidikan melibatkan bidang penilaian keberkesanan program kursus atau program melibatkan program prasekolah, guru permulaan atau program literasi. Persembahan dan laporan

data dalam kajian tinjauan dibuat dengan menggunakan instrumen soal selidik secara statistik deskriptif, manakala laporan secara naratif dibuat bagi instrumen temu bual berfokus, temu bual, soalan soal selidik terbuka, pemerhatian dan analisis dokumen.

Pada asasnya kajian ini dibuat secara tinjauan persendirian atau *self-survey*. Hal ini berdasarkan kepada tajuk kajian itu sendiri yang mengkaji penilaian pelaksanaan Program LINUS yang tidak memandu kepada penggunaan *statistic inferensi* semata-mata. Justeru, kajian ini menggunakan kaedah *self survey* dengan reka bentuk *cohort-cross-sectional* bagi mendapatkan data-data kajian. Proses mengumpul data dengan menggunakan lebih daripada satu teknik instrumentasi adalah lebih baik kerana dapat menampung beberapa kelemahan yang wujud (Creswell, 2009). Penggunaan kaedah triangulasi berupaya memperlihatkan hasil kajian lebih mantap dan diyakini berbanding hanya menggunakan satu kaedah kutipan data sahaja.

### 3.4 Populasi dan Pensampelan

Hair et al. (2015) menyatakan bahawa jika pengkaji mengambil populasi sasaran sebagai sampel kajian, mereka adalah kumpulan yang lengkap dengan elemen yang berkaitan dengan kajian. Mereka amat relevan kerana mempunyai maklumat yang lengkap untuk tujuan pengumpulan data. Kajian kuantitatif menggunakan soal selidik dengan menyasarkan populasi sasaran, manakala kajian kualitatif menggunakan instrumen temu bual, temu bual berfokus, pemerhatian, penganalisisan dokumen dan soalan soal selidik terbuka melalui subpopulasi sebagai sampel kajian dalam bentuk *proposive sample* (Fraenkel & Norman, 2006; Merriam, 2009).

Kajian kuantitatif menggunakan subpopulasi sampel (mengambil 84 guru daripada 100 orang guru LINUS) dalam satu jumlah populasi ( $n= 100$ ), dalam soal selidik. Penyelidik menggunakan populasi kajian ( $n= 100$ ) bagi mengukuhkan data-data

kajian yang diperolehi melalui populasi keseluruhan (*total population*). Oleh kerana terdapat sejumlah 100 orang guru LINUS yang terlibat dalam Program LINUS di 28 buah sekolah bagi tempoh 2012 hingga 2014, maka penyelidikan ini mengambil kesemua mereka tersebut sebagai populasi kajian. Dengan itu, kajian ini menggunakan populasi sebenar untuk mendapatkan suatu kajian yang boleh digeneralisasikan. Pecahan populasi kajian adalah seperti Jadual 3.1.

Jadual 3.1

*Pecahan Populasi mengikut Lokasi Kajian*

Bil.	Nama Sekolah	Jumlah Guru LINUS
1.	SK Chenderoh Kelubi	4
2.	SK Suak Padi	3
3.	SK Chenein	4
4.	SK Pos Perwor	4
5.	SK Pos Legap	4
6.	SK Pos Kuala Mu	4
7.	SK Pos Poi	3
8.	SK Pos Piah	4
9.	SK Pos Sg. Pelantok	4
10.	SK Kpg. Kenang	3
11.	SK Batu 14	4
12.	SK Batu 7	4
13.	SK Kg. Senta	3
14.	SK Pos Bersih	3
15.	SK Pos Tenau	4
16.	SK Pos Gedong	3
17.	SK Pos Musuh LZ	3
18.	SK Seri Tanjung	3
19.	SK Pos Raya	4
20.	SK Pos Dipang	3
21.	SK Ayer Denak	3

### sambungan Jadual 3.1

22.	SK Ulu Geruntum	3
23.	SK RPS Banun	4
24.	SK RPS Kemar	4
25.	SK RPS Dala	4
26.	SK Sg. Tiang	4
27.	SK Jernang	4
28.	SK Sg. Perah	3
<b>JUMLAH</b>		<b>100</b>

Dalam kajian kuantitatif, penyelidik telah memilih 18 orang (guru LINUS, guru pemulihan dan penyelaras LINUS) daripada 84 orang (guru LINUS, guru pemulihan dan penyelaras LINUS) untuk temu bual berfokus. Mereka dipilih daripada enam buah sekolah dan enam daerah pentadbiran pendidikan berbeza, iaitu Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta Utara, Kinta Selatan, Perak Tengah dan Batang Padang. Bagi enam orang FasiLINUS pula dipilih daripada enam daerah buah daerah, iaitu setiap daerah mempunyai dua FasiLINUS (1 X 6 daerah). Mereka dipilih untuk menjawab soalan soal selidik terbuka. Begitu juga dengan guru besar atau penolong kanan (pentadbir sekolah), seramai enam orang daripada 28 orang guru besar dipilih; mereka juga mewakili enam daerah yang berbeza. Pentadbir sekolah dipilih bagi temu bual bersemuka. Dalam pemerhatian di kelas LINUS, sebanyak enam buah kelas dipilih daripada enam daerah berbeza. Bilangan murid di dalam kelas tersebut antara 18 hingga 35 orang murid.

Levin dan Rubin (2000) menjelaskan sampel sebagai pengumpulan sebahagian tetapi bukan semua unsur populasi kajian dan digunakan untuk menghuraikan populasi. *Sampling* ialah proses memilih sejumlah individu untuk tujuan kajian, manakala pensampelan ialah cara untuk mendapatkan maklumat bagi menyelesaikan sesuatu masalah tanpa menggunakan seluruh ahli sesuatu populasi. Pendapat ini disokong oleh

Fraenkel dan Norman (2006). Roscoe (1975) mencadangkan sampel yang melebihi 30 orang dan kurang daripada 500 orang adalah bertepatan dalam penyelidikan. Manakala Gay dan Airasian (2003), kaedah persampelan berstratifikasi yang berdasarkan kepada nisbah sampel adalah berbeza dengan populasi sebenar.

Menurut Krejcie dan Morgan (1970), tatacara untuk menentukan persampelan yang betul seperti Jadual 3.1 berikut. Dalam penyelidikan ini, pengkaji turut merujuk penentuan saiz sampel oleh Krejcie dan Morgan (1970) bagi menentukan kesahan dalam memilih sampel untuk kajian.

Jadual 3.2

*Penentuan Saiz sampel Krejcie dan Morgan (1970)*

Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel	Populasi	Sampel
10	10	140	103	460	210	2000	322
15	14	150	108	480	214	2200	327
20	19	160	113	500	217	2400	331
25	24	170	118	550	226	2600	335
30	28	180	123	600	234	2800	338
35	32	190	127	650	242	3000	341
40	36	200	132	700	248	3500	346
45	40	210	136	750	254	4000	351
50	44	220	140	800	260	4500	354
55	48	230	144	850	265	5000	357
60	52	240	148	900	269	6000	361
65	56	250	152	950	274	7000	364
70	59	260	155	1000	278	8000	367
75	63	270	159	1100	285	9000	368
80	66	280	162	1200	291	10000	370
85	70	290	165	1300	297	15000	375
90	73	300	169	1400	302	20000	377
95	76	320	175	1500	306	30000	379
100	80	340	181	1600	310	40000	380
110	86	360	186	1700	313	50000	381
120	92	380	191	1800	317	75000	382
130	97	400	196	1900	320	100000	384

Chua (2006) menyatakan bahawa empat aspek utama yang menentukan saiz sampel penyelidikan iaitu, jenis penyelidikan, jenis populasi, perbelanjaan dan skala pengukuran. Gay dan Airasian (2003) memberikan panduan seperti berikut berasaskan aras keyakinan 95 %, iaitu:

1. bagi populasi kecil, contohnya N tidak melebihi 100 orang, pungutan data daripada keseluruhan,
2. bagi populasi dengan saiz lebih kurang 400 hingga 600 orang, 50% seharusnya dijadikan sampel,
3. bagi populasi dengan saiz lebih kurang 1500 orang, 20% seharusnya dijadikan sampel, dan
4. bagi populasi dengan saiz yang lebih 5000 orang, 105 seharusnya dijadikan sampel.


Sekiranya fenomena di dalam kajian bersifat homogen, maka sampel yang kecil sudah memadai. Apa yang penting ialah cara yang boleh menentukan representatifnya sesuatu sampel dan boleh digeneralisasikan. Dengan itu prosedur yang lebih tepat ialah dengan menggunakan sampel yang sebesar mungkin dan maksimum adalah amat penting dalam keadaan tertentu. Oleh itu, cara pemilihan sample kajian secara *target population* tidak melibatkan random (*probability sampling techniques* atau non-random (*nonprobability sampling techniques*).

Bagi mengelakkan berlakunya bias persampelan dan mendapatkan sampel yang lebih bersifat *representative* dan boleh digeneralisasikan, pengkaji menentukan perkara-perkara berikut dilaksanakan:-

1. Bagaimana – bersemuka terus dengan sampel (responden),

2. Masa – menetapkan tarikh dan masa temu janji,
3. Cara – mengutip data sendiri,
4. Tempat – mengunjungi sendiri di tempat sampel (responden) berada, dan
5. Siapa – pengkaji sendiri dan bukannya diwakilkan kepada orang lain.

Secara ringkasnya, penentuan dan pemilihan saiz sampel kajian adalah seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 3.2.



Rajah 3.2. Cara Penentuan dan Pemilihan Saiz Sample Kajian (Creswell, 2012)

Sebagai kesimpulannya, kajian ini menggunakan dua jenis sampel. Pertama *target populasi* sebagai sampel kajian dalam kajian kuantitatif dan kedua, *purposive sample* sebagai sampel kajian kualitatif (Creswell, 2012). Dalam kajian kualitatif juga, aspek etika kajian perlu diberikan perhatian penyelidik (Merriem, 2009; Miles, Huberman & Saldana, 2014). Reka bentuk pemilihan sampel daripada dua jenis sampel adalah untuk mengelakkan daripada berlakunya bias persampelan. Mengikut teori penentuan saiz sampel, sebaik-baik kajian adalah dengan menggunakan sebesar mungkin responden (Gay & Airasian, 2006). Dengan itu, penggunaan populasi sebenar sebagai kajian telah memenuhi kenyataan teori tersebut (Creswell, 2012).

### **3.5 Prosedur Pengurusan Data**

Fraenkel dan Norman (2006) menjelaskan angka, kejadian atau fakta kasar yang boleh mengikut keperluan bagi mendapatkan maklumat daripada sampel kepada pengkaji. Levin dan Rubin (2000) menegaskan data sebagai sebarang pengumpulan cerapan yang berkaitan dengan kajian.

Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan dua jenis data. Pertama data kuantitatif, iaitu data-data yang dikumpul melalui soal selidik. Kedua, data kualitatif iaitu data-data yang dikumpul melalui temu bual, temu bual berfokus, pemerhatian, soal selidik terbuka dan analisis dokumen. Data-data kuantitatif dan kualitatif amat baik dalam kajian ini kerana antaranya saling melengkapi, saling menyokong dan dapat mengukuhkan lagi dapatan kajian (Gay & Airasian, 2006; Creswell, 2009). Data-data tersebut dikumpul dan diolah mengikut keperluan kajian dalam menjawab setiap persoalan kajian. Bagi melicinkan kerja-kerja kutipan data, pengkaji telah mengemukakan surat kebenaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia dan Universiti Utara Malaysia kepada pihak-pihak yang berkenaan.

### 3.5.1 Kaedah Triangulasi

Kaedah ini menjelaskan satu pendekatan mengutip data melalui tiga cara, iaitu pertama, melalui soal selidik; kedua, melalui temu bual dan temu bual berfokus; dan ketiga, melalui analisis dokumen dan pemerhatian. Dalam kajian ini, kaedah triangulasi data digunakan untuk mengumpul data dengan menggunakan tiga kaedah yang berlainan iaitu temu bual dengan sampel, pemerhatian aktiviti sampel dan kajian dokumen sampel (McMillan & SchumacherMc, 2005). Wellington dan Cole (2004), menjelaskan kaedah triangulasi data ini boleh ditambah dengan soalan soal selidik supaya mendapat data kajian yang lebih menyeluruh.

Prinsip pengumpulan data sedemikian secara langsung mempunyai:-


1. *Availability* – maklumat diperolehi boleh dipercayai,
2. *Authenticity* – ketepatan data boleh disemak daripada sumbernya,
3. *Adequancy* – pengumpulan maklumat mencukupi untuk membuat rumusan,
4. *Applicability* – maklumat dikumpul relevan dengan kajian, dan
5. *Adaptability* – data-data yang diperoleh dianalisis dengan menggunakan statistik (Mohamad Nor, 2000).

Triangulasi adalah kaedah pengumpulan data yang bersifat *multiple* atau satu teknik pengumpulan data yang menggabungkan pelbagai kaedah seperti soal selidik, temu bual dan pemerhatian (Creswell & Plano, 2011). Aktiviti penyelidikan ini disebut sebagai *multimethod approach* dalam penyelidikan. Data-data daripada soal selidik dianalisis melalui kaedah kuantitatif, manakala data yang dikutip melalui temu bual,

temu bual berfokus, pemerhatian dan analisis dokumen diuruskan melalui kaedah kualitatif.

Data-data diperoleh melalui teknik triangulasi saling berkaitan dan melengkapi antara satu sama lain. Data melalui soal selidik misalnya dapat dimantapkan lagi melalui temu bual atau pemerhatian, serta dokumen yang dianalisis sebagai menyokong dan memperkuatkan lagi dapatan kajian (Creswell, 2012).

Kutipan data melalui kaedah triangulasi membolehkan data menjadi lebih mantap dan memantapkan lagi kesahan kajian. Secara ringkasnya, kaedah triangulasi dapat dijelaskan melalui Rajah 3.3.



Rajah 3.3. Teknik Pengumpulan Data melalui Triangulasi

### **3.5.2 Instrumen Kajian**

#### **3.5.2.1 Soal Selidik**

Soal selidik adalah satu set soalan untuk mendapatkan maklumat sesuatu penyelidikan daripada responden yang ramai (Tuckman, 1978). Soalan soal selidik senang diagihkan kepada guru-guru Program LINUS dan jawapan mereka tidak mudah dipengaruhi penyelidik (Gay & Airasian, 2006). Dalam kajian ini soalan soal selidik telah diubah suai daripada soalan soal selidik untuk guru-guru yang terlibat dalam penilaian Program LINUS oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JJKN) (Lampiran 3). Bagi menjamin kebolehpercayaan dan kesahan borang selidik, pengkaji mendapatkan khidmat nasihat pakar rujuk di Institut Pendidikan Guru (IPG) dan soalan tersebut telah melalui kajian rintis di empat buah sekolah yang terpilih.

Tujuan soal selidik digunakan dalam kajian ini bagi memudahkan pengkaji memungut data yang tepat, memandangkan responden adalah guru-guru LINUS yang mudah memahami setiap soalan yang diajukan berkaitan dengan Program LINUS (Abu Hassan, 1998). Teknik soal selidik yang diguna pakai pengkaji ialah secara bersempuka (*face to face*). Cara ini mempunyai kekuatan dan kelebihan kepada pengkaji kerana responden dapat menjawab item-item di hadapan pengkaji dan sebarang kemusikilan yang timbul dapat diselesaikan serta merta.

Pengkaji hadir sendiri ke tempat kajian bagi membolehkan set soalan soal selidik dapat dipungut terus secara seratus peratus. Soal selidik ditadbir terhadap 84 orang guru LINUS yang mengajar di sekolah murid Orang Asli. Item-item dalam set soalan soal selidik dibina dengan menitikberatkan ciri-ciri kebolehpercayaan (*reliability*) berdasarkan unsur-unsur *leading and value added* item yang boleh melemahkan item (Mohamad Nor, 2000). Item-item dalam soalan soal selidik

menggunakan skala *Likert*. Menurut Cohen et al. (2000), skala *Likert* adalah sesuai digunakan untuk mengukur persepsi dan sikap serta pandangan yang diberikan responden dalam ruang tertentu secara berterusan. Menurut Chua (2011), kelebihan penggunaan skala *Likert* adalah mudah diurus dan tahap kebolehpercayaan yang tinggi berbanding dengan skala-skala lain.

Instrumen skala *Likert* lima mata digunakan iaitu 1- Sangat Tidak Setuju (STS), 2 - Tidak Setuju (TS), 3 - Natural atau Tidak Memihak (N), 4 - Setuju (S) dan 5 - Sangat Setuju (SS). Skala *Likert* lima mata dipilih kerana memudahkan pengumpulan maklumat tentang darjah persetujuan responden terhadap tiap-tiap item yang digunakan (Mohd Majid, 2009). Item-item jenis soalan soal selidik terbuka (*open-ended*) digunakan untuk mendapatkan maklum balas dan komentar terbuka daripada responden tentang pelaksanaan Program LINUS melalui FasiLINUS daerah yang terlibat dalam pemantauan dan membimbing sekolah yang terlibat dengan Program LINUS di SMOA(Lampiran 4).

Soalan soal selidik dibahagikan kepada lima bahagian, iaitu Bahagian A : Latar belakang responden mengandungi 8 item; Bahagian B: Dimensi Konteks (matlamat dan objektif) mengandungi 18 item; Bahagian C : Dimensi Input (Modul LINUS, rancangan pengajaran harian (RPH), teknik pengajaran dan pembelajaran (PdP), guru dan aktiviti di kelas LINUS, bahan bantu mengajar (BBM) dan bimbingan murid) mengandungi 46 item; Bahagian D: Dimensi Produk (keberkesanan program, penerimaan program dan kecekapan program) mengandungi 25 item; dan Bahagian E: Dimensi Proses mengandungi 23 item (Lampiran 3).

Soalan soal selidik terbuka ditadbir melalui FasiLINUS daerah yang terpilih. Sebanyak enam daerah dipilih dengan enam orang FasiLINUS literasi bahasa Malaysia

diminta menjawab soalan soal selidik tersebut. Soalan soal selidik terbuka untuk FasiLINUS terbahagi kepada; Bahagian A : Latar belakang peserta kajian yang mengandungi 8 item; dan Bahagian Soalan-soalan pula dibahagikan kepada bahagian-bahagian tertentu seperti; Bahagian A : Pemantauan, Bahagian B: Dimensi Konteks, Bahagian C : Dimensi Input, Bahagian D : Dimensi Produk, Bahagian E: Dimensi Proses, Bahagian F: Pelaksanaan Program LINUS, Bahagian G : Komen atau ulasan, dan Bahagian H: Lain-lain cadangan. Borang soal selidik terbuka di Lampiran 4.

### **3.5.2.2 Temu Bual**

Temu bual bermaksud perbualan yang mempunyai matlamat. Temu bual adalah satu cara pengumpulan data yang amat efisyen dan melibatkan interaksi sosial dengan peserta kajian (Merriem, 2009). Dalam kajian ini, temu bual dibuat dalam dua keadaan iaitu temu bual berfokus terhadap sekumpulan guru LINUS, guru pemulihan dan guru penyelaras LINUS; manakala temu bual secara individu dijalankan terhadap guru besar atau penolong kanan.

Temu bual berfokus dijalankan terhadap 18 orang guru LINUS yang mewakili enam buah daerah di negeri Perak. Temu bual dijalankan dalam bentuk formal dan berstruktur dalam bentuk dua hala secara dialog, iaitu melalui teknik kumpulan perbincangan berfokus (*Focus Group Discussing*) berdasarkan item-item yang dibina terlebih dahulu (Grim, Harmon & Gromis, 2006).

Krueger dan Casey (2009) menjelaskan temu bual berfokus penting kerana setiap peserta kajian mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang sama, melaksanakan aktiviti yang sama dan bertindak menggunakan garis panduan yang sama. Dalam kajian ini, guru LINUS mempunyai tugas dan tanggungjawab yang sama dalam melaksanakan Program LINUS. Mereka ditemu bual berdasarkan soalan yang

disediakan seperti di Lampiran 5. Temu bual tersebut dibuat bertujuan agar peserta kajian memberikan jawapan yang tepat seperti yang dikehendaki dan mengelakkan daripada melakukan penyimpangan maklumat (Gubrium & Holstein, 2001). Teknik ini juga mempunyai unsur-unsur *validity* dan *reliability* item (Krueger & Casey, 2009).

Temu bual berfokus dengan enam kumpulan guru LINUS dibuat selepas mereka melaksanakan Program LINUS. Temu bual berfokus terhadap sekumpulan tiga orang guru LINUS setiap daerah dilaksanakan pada Oktober 2014, ketika peserta kajian berada pada akhir Program LINUS. Pengkaji meminta mereka memberikan maklumat melalui surat kebenaran peserta kajian. Temu bual berfokus dibuat dengan menumpukan perbincangan terhadap topik yang berkaitan dengan persoalan kajian, iaitu persoalan konteks, input, proses dan produk dalam penilaian pelaksanaan Program LINUS.

Temu bual berfokus dibuat selepas guru melaksanakan Program LINUS. Temu bual ini bertujuan menjalinkan hubungan kemesraan sebagai pengcungkilan maklumat latar belakang responden dan mendapat maklum balas daripada pelaksanaan Program LINUS. Setiap sesi mengambil masa mengambil masa 30 hingga 45 minit bagi mengelak rasa bosan peserta kajian. Temu bual dilaksanakan dengan penyelidik memberi penjelasan ringkas mengenai tujuan kajian itu dijalankan. Setelah itu, penyelidik mengajukan soalan berkaitan latar belakang guru LINUS, guru penyelaras LINUS atau guru pemuliharan LINUS. Mereka menjawab mengikut giliran yang ditetapkan dimulai GL1, GL2 dan GL3. Seterusnya penyelidik bertanyakan soalan berkaitan kajian, dimulakan dengan soalan satu hingga soalan akhir. Mereka menjawab soalan mengikut giliran ditetapkan sehingga kesemua soalan dijawab. Di akhir sesi, penyelidik meminta seorang daripada mereka memberikan ulasan berkaitan isu tersebut.

Temu bual kedua dibuat jika didapati maklumat yang diperolehi kurang jelas, kabur atau tidak lengkap. Pelaksanaan temu bual semula atau *re-interview* bagi menjaga *validity* dan *reliability* kajian (Atkinson & Coffey, 2001). Teknik temu bual yang digunakan adalah secara berstruktur dan formal, manakala soalan temu bual berfokus dibentuk secara berstruktur dan separuh terbuka bagi membolehkan responden memberikan pandangan di luar konteks soalan struktur (soalan temu bual seperti di Lampiran 5).

Temu bual bersemuka secara individu dijalankan bagi mengambil pandangan guru besar atau penolong kanan sebagai pihak yang mengetuai operasi Program LINUS di peringkat sekolah. Temu bual tersebut menggunakan soalan yang sama seperti dalam temu bual berfokus. Setiap sesi temu bual selama 30 hingga 45 minit dirakam melalui alat perakam MP3 adalah bertujuan merekod maklumat yang dikehendaki. Sebaik sahaja sesi temu bual dijalankan, pengkaji terus memasukkan data ke dalam *folder* melalui perisian NVIVO8 seterusnya transkripsi data dilaksanakan secepat mungkin. Setiap sesi temu bual berfokus ditranskripsikan kepada teks sebanyak 15 hingga 18 halaman. Manakala bagi keseluruhan transkripsi bagi enam kumpulan temu bual berfokus sebanyak 90 hingga 108 halaman. Manakala transkripsi bagi guru besar atau penolong kanan sebanyak 10 hingga 15 halaman, dan keseluruhannya sebanyak 60 hingga 65 halaman.

Pelaksanaan temu bual berfokus bermula apabila guru LINUS, guru pemulihan dan penyelaras LINUS dikumpulkan dalam bilik LINUS, bilik mesyuarat atau bilik guru besar. Mereka diberikan penerangan tatacara pelaksanaan temu bual kumpulan berfokus. Selepas semua bersedia, soalan diajukan kepada semua guru tersebut, dan mereka menjawab mengikut giliran, dimulakan dengan guru LINUS 1 (GL1), diikuti GL2 dan GL3. Mereka menjawab setiap persoalan dengan berhemah dan tertib,

mungkin kerana pengkaji adalah pensyarah di institut pendidikan guru (IPG) di mana ramai diantara mereka melanjutkan pelajaran di peringkat ijazah di IPG melalui program pensiswazahan guru sekolah rendah (PGSR) atau program pensiswazahan guru (PPG). setelah 30 hingga 45 minit sesi tersebut selesai, mereka diberikan cenderamata oleh pengkaji.

Proses sama turut dilaksanakan kepada guru besar atau pentadbir; namun secara bersemuka atau empat mata kerana isu literasi murid Orang Asli adalah isu sensitif. Creswell (2012) mencadangkan bagi isu sensitif, penyelidik perlu menggunakan teknik bersemuka (*face to face*). Temu bual berakhir dengan pemberian cenderamata dan sesi bergambar. Kebanyakan guru besar juga adalah pelajar PGSR atau PPG, mereka amat berbangga sekolah mereka terpilih sebagai tempat kajian. Sebagai maklum balas susulan, pengkaji dengan beberapa pensyarah IPG diminta membuat kursus latihan dalam perkhidmatan (LADAP) kepada guru-guru sekolah. Kursus LADAP berkenaan dilaksanakan dengan kerjasama IPG, PPD dan JPN melalui program pembelajaran komuniti (PLC).

Fungsi temu bual dalam kajian ini adalah untuk mengumpul maklumat-maklumat lisan (*verbal*) dalam bentuk deskriptif, iaitu menjelaskan sesuatu aktiviti, peristiwa, kejadian, proses dan sebagainya. Temu bual membolehkan pengkaji mengumpul pendapat, idea, pemikiran, pandangan, pengalaman, memahami apa yang sebenarnya telah dialami dan difikirkan oleh responden (Bogdan & Biklen, 2007).

Pengkaji menggunakan temu bual sebagai data sokongan terhadap soal selidik kerana Gubrium dan Holstein (2001) mencadangkan supaya temu bual yang dijalankan adalah amat penting terutamanya terhadap guru-guru yang terlibat secara langsung dalam sesuatu program seperti Program LINUS.

### **3.5.2.3 Pemerhatian**

Pemerhatian dilakukan bagi mengumpul data melalui pemerhatian terhadap situasi sebenar di samping memikirkan secara kritikal terhadap tingkah laku responden (Mohamad Nor, 2000). Pemerhatian dilakukan secara tersusun, spontan, dan direkodkan menggunakan alat perakam kamera adalah bertujuan untuk melihat, mendengar, memerhati semula setiap aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) yang berlangsung di sesebuah kelas (Allwright, 2014). Creswell (2012) menjelaskan sebarang maklumat yang diperoleh daripada peserta kajian perlu dirakam dan direkod bagi dijadikan data kajian.

Dalam kajian ini, sesi pemerhatian dibuat terhadap PdP murid Orang Asli. Pemerhatian dilakukan di enam buah kelas LINUS yang mengikuti Program LINUS. Penyelidik menggunakan teknik pemerhatian terbuka bagi mengesan tindak balas murid terhadap penggunaan strategi dan kaedah pengajaran guru melalui teknik *participant observation* (Spradley, 2016). Dalam hal ini, penyelidik memerhati peserta kajian tersebut dengan berada di belakang kelas setiap sesi pemerhatian berlangsung dan mereka akan kehadiran pengkaji. Pemerhatian terhadap peserta kajian ini dilakukan secara pemerhatian terus atau *direct observation* melalui pengalaman di lapangan (*experience in depth*) (Marohaini, 2001).

Teknik pemerhatian terhadap murid-murid Orang Asli semasa pengajaran guru dilaksanakan setelah mendapat kebenaran guru besar dan guru LINUS berkenaan. Pengkaji turut diberikan kebenaran untuk melihat rancangan pengajaran harian (RPH) guru dan perbincangan mengenai pelaksanaan PdP guru turut dibuat sebelum kelas bermula. Pemerhatian dilakukan di enam buah kelas LINUS dan buah sekolah berbeza mengikut daerah pentadbiran pendidikan iaitu Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta Utara,

Kinta Selatan, Perak Tengah dan Batang Padang. Pemerhatian dibuat di kelas murid tahun tiga, iaitu mereka yang berumur sembilan tahun. Bilangan murid di dalam setiap kelas berbeza daripada 18 orang hingga 35 orang.

Sesi pemerhatian berlangsung selama 30 minit hingga 60 minit, bergantung kepada masa PdP guru. Bagi sesetengah guru, mereka senang menggunakan masa 60 minit seminggu untuk kelas literasi bahasa Malaysia iaitu pada satu jam pertama pada hari Isnin. Terdapat juga guru yang menggunakan masa 30 minit bagi setiap sesi iaitu 30 minit pada hari Isnin dan Jumaat. Dalam kajian ini, rakaman dilakukan bagi setiap kelas yang melaksanakan PdP selama 30 minit. Rakaman disimpan dalam bentuk video MP4 selama 30 minit hingga 60 minit bagi setiap PdP. Terdapat lima video MP4 yang merakam selama 30 minit dan satu video MP4 mengandungi 60 minit. Semua video itu dimasukkan ke dalam satu fail dan disimpan dalam perisian NVIVO8.

Menurut Bondurant-Utz (2002), kebaikan pemerhatian adalah pengkaji dapat memerhati perlakuan subjek kajian dalam pelbagai situasi. Punch (2001), yang menjelaskan bahawa pemerhatian yang kurang berstruktur sama sekali membolehkan perlakuan yang diperhati sebagai sesuatu yang semula jadi. Bagi Hancock (1998), kaedah pemerhatian membolehkan, (1) penyelidik melihat sesuatu situasi secara menyeluruh dan dalam kontes penyelidikan, dan (2) membolehkan pemerhatian disokong peralatan rakaman visual dan audio.

Denzin dan Lincoln (1998) berpendapat pemerhatian sebagai kaedah pengumpulan data dapat meningkatkan semakan silang data (*cross reference*) yang diperoleh, terutamanya apabila digunakan secara bersama dengan kaedah lain. Melalui kaedah pemerhatian, pengkaji dapat memperoleh maklumat secara terus melalui

penggunaan borang pemerhatian; dan dapat memahami situasi sebenar melalui pemerhatian yang sistematik dan semula jadi (Anna Christina Abdullah, 2000).

Pengkaji membuat catatan lapangan (*field notes*) bagi tujuan merekod pemerhatian, di samping data rakaman. Pengkaji mencatat sebanyak mungkin maklumat yang berkaitan semasa sesi pemerhatian berlangsung. Dalam kajian terhadap sesuatu program seperti Program LINUS, pemerhatian perlu dilakukan kerana setelah teori, strategi dan kaedah digunakan selama beberapa bulan, pengkaji boleh melihat sendiri secara terus pelaksanaan tersebut dan membuat penilaian terhadap output akhir hasil daripada Program LINUS (Marohaini, 2001).

### **3.5.2.3.1 Borang Pemerhatian**

Borang pemerhatian digunakan bagi mencatat data, nota dan maklumat lapangan yang dijalankan. Borang ini digunakan bagi menilai pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) kelas Program LINUS. Maklumat berkaitan pemerhatian dibuat melalui borang seperti di Lampiran 6. Senarai semak tersebut diubah suai daripada Borang Penilaian Praktikum Pelajar IPG (2012) dan *ISTE Classroom Observation Tool (COT)* (2010).

Pengubahsuaian terhadap borang tersebut supaya sesuai dengan aspek seperti objektif PdP, aktiviti PdP, penguasaan pengetahuan dan kemahiran serta tindak balas peserta kajian terhadap aktiviti literasi bahasa Malaysia. Semua maklumat berkenaan dicatat pada borang tersebut; dan maklumat berkenaan amat berguna semasa proses menganalisis dapatan data-data kajian. Penelitian secara kumulatif dapat memberikan gambaran yang amat jelas dan lengkap mengenai peserta kajian.

### **3.5.2.4 Analisis Dokumen**

Dokumen ialah data sokongan atau data tambahan (*supplementary*) yang boleh dirujuk pengkaji bagi memastikan kesahihah sesuatu maklumat (Henn, Weinstein & Foard, 2006). Sumber dokumen seperti rekod peribadi murid-murid Orang Asli amat penting bagi mengetahui perkara berkaitan sosioekonomi keluarga, pekerjaan ibu bapa, bilangan ahli keluarga, dan kedudukan peserta kajian dalam keluarga serta butiran-butiran yang berkaitan. Maklumat tersebut berguna kerana keluarga merupakan salah satu faktor yang penting dalam mempengaruhi keperibadian seseorang kanak-kanak (Bronfenbrenner & Morris, 1998; Canada, 2003).

Semakan terhadap dokumen yang berkaitan penilaian pelaksanaan Program LINUS menggunakan senarai semak seperti di Lampiran 7. Dokumen seperti surat-surat pekeliling, Modul Program LINUS, buku rekod mengajar guru LINUS, rekod kehadiran murid LINUS, laporan ujian-ujian saringan Program LINUS, minit mesyuarat, surat menyurat dan sebagainya, dirujuk dan diteliti sebagai sumber penting data kajian.

Dalam kajian kualitatif, dokumen memainkan peranan secara eksplisit dalam memberikan maklumat kepada pengkaji. Maklumat yang diperoleh bukan sahaja membantu pengkaji menyokong dan menambah bukti maklumat malahan menolong dalam mengesahkan (*validity*) maklumat yang diperoleh melalui temu bual dan pemerhatian (Bogdan & Biklen, 2007).

Data dokumen boleh dibahagikan kepada:

1. Dokumen peribadi – daripada sumber individu seperti rekod biodata murid, album, gambar dan sebagainya.

2. Dokumen rasmi – daripada kementerian dan agensi-agensinya seperti laporan tahunan, surat pekeliling, keputusan peperiksaan dan sebagainya.
3. Dokumen popular seperti daripada media cetak atau dalam talian (*online*) berupa berita, akhbar, majalah dan sebagainya.

Data daripada sumber dokumen membolehkan pengkaji membuat rujukan mengenai sesuatu program secara kronologi, dokumen standard, dokumen panduan dan sebagainya. Dokumen daripada Kementerian Pendidikan Malaysia, Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti JNJK), Bahagian Perkembangan Kurikulum (BPK), Lembaga Peperiksaan, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dan lain-lain.

Sumber maklumat dalam data dokumen bersifat tekal dan mempunyai autoriti untuk membuat rumusan akhir kajian kerana data-data daripada sumber dokumen ialah data yang bersifat penilaian kriteria-kriteria daripada penilaian standard (Bogdan dan Biklen, 2003).

Sebagai rumusannya, penggunaan teknik triangulasi dalam kaedah pengumpulan data adalah cara terbaik dalam penyelidikan yang menggabungkan kajian kualitatif dan kuantitatif. Penghasilan dapatan kajian yang mantap dan komprehensif amat penting terutamanya dalam kajian keberkesanan sesuatu program atau kursus, seperti Program LINUS. Keputusan daripada data-data kajian tersebut pula mampu memberi impak yang mendalam kepada pelaksanaan Program LINUS supaya setiap aspek seperti konteks, input, proses dan produk program tersebut diteliti dan diberikan nilai tambah.

Dalam kajian ini, prosedur pengumpulan data kajian dapat dijelaskan melalui Rajah 3.4 berikut,

<b>Jenis Penilaian/ Persoalan Kajian</b>	<b>Data yang dikumpul</b>	<b>Sumber dan Kaedah Pengumpulan Data</b>
Penilaian Konteks:		
1. Adakah matlamat dan objektif Program LINUS mencapai sasarannya? 2. Apakah peranan pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS dalam mencapai matlamat dan objektif Program LINUS?	1. Faktor yang mempengaruhi pembentukan sistem penilaian Program LINUS dalam mencapai matlamat dan objektif. 2. Kefahaman pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS terhadap matlamat dan objektif Program LINUS.	1. Soal selidik guru pemulihan/ guru LINUS. 2. Temu bual berfokus dengan guru pemulihan/ LINUS. 3. Temu bual guru besar/ pentadbir sekolah. 4. Soal selidik terbuka FasiLINUS.
Penilaian Input:		
1. Bagaimanakah aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) Program LINUS dilaksanakan? 2. Apakah peranan pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) Program LINUS?	1. Data peribadi, pengalaman dan pengalaman guru-guru LINUS. 2. Kefahaman pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS terhadap pelaksanaan PdP dalam Program LINUS.	1. Soal selidik guru pemulihan/ guru LINUS. 2. Temu bual berfokus dengan guru pemulihan/ LINUS. 3. Temu bual guru besar/ pentadbir sekolah. 4. Soal selidik terbuka FasiLINUS. 5. Pemerhatian terhadap PdP kelas Program LINUS.
Penilaian Proses:		
1. Apakah permasalahan-permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan Program LINUS? 2. Bagaimanakah pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS menghadapi permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan Program LINUS?	1. Pelaksanaan program berasaskan Modul LINUS. 2. Proses pelaksanaan Ujian Saringan. 3. Proses penilaian oleh guru dan guru penyelaras LINUS. 4. Keberkesanannya guru dan guru penyelaras LINUS sebagai penilaian program LINUS.	1. Soal selidik guru pemulihan/ guru LINUS. 2. Temu bual berfokus dengan guru pemulihan/ LINUS. 3. Temu bual guru besar/ pentadbir sekolah. 4. Soal selidik terbuka FasiLINUS. 5. Pemerhatian terhadap PdP kelas Program LINUS.
Penilaian Produk:		

### sambungan Rajah 3.4

1. Bagaimanakah penilaian Program LINUS dilaksanakan di sekolah murid Orang Asli?	1. Ujian saringan dibuat oleh guru pemulihan dan guru LINUS. 2. Data ujian saringan dilaporkan secara <i>online</i> , <i>offline</i> dan difaikkan.	1. Soal selidik guru pemulihan/ guru LINUS. 2. Temu bual berfokus dengan guru pemulihan/ LINUS. 3. Temu bual guru besar/ pentadbir sekolah. 4. Soal selidik terbuka FasiLINUS. 5. Analisis dokumen pencapaian murid.
---	--	--

Rajah 3.4. Prosedur Pengumpulan Data Kajian

Manakala Jadual 3.3 pula menjelaskan mengenai kaedah pengumpulan data mengikut pecahan instrumen, populasi dan sampel kajian.

Jadual 3.3

Kaedah Pengumpulan Data mengikut Pecahan Instrumen, Populasi dan Sampel Kajian

Universiti Utara Malaysia

Jenis data	Jenis Item	Jumlah Item	Angkubah	Teknik pengumpulan	Populasi dan Sampel	Jumlah
Kuantitatif	1.Soal selidik: (a) Gender (b) <i>Likert Scale</i>	8 112	5	Bersemuka ( <i>face to face</i> )	Guru LINUS	84
			-			
		Jumlah	120			84
Kualitatif	1.Temu bual Berstruktur	4	-	-Temu bual	Guru Besar/ PK	6
				-Temu bual berfokus	Guru LINUS/ Pemulihan/ Penyelaras	18
	2.Soalan Terbuka (a) Gender (b) Soalan Terbuka	8 8			FasiLINUS	6

### sambungan Jadual 3.3

3.Pemerhatian PdP di kelas LINUS	11	-	-Pemerhatian ikut serta -Pemerhatian terus -Nota lapangan	Guru LINUS	6
Jumlah	31				36
<hr/>					
3. Dokumen					
(a) Surat Pekeliling					
(b) Modul LINUS					
(c) Laporan LINUS					
(d)Keputusan Peperiksaan					
(e)Dokumen Rasmi					
Kerajaan					

### 3.6 Penilaian dan Pengukuran Data

Penilaian dan pengukuran data dalam kajian ini dijelaskan mengikut sistem matrik. Terdapat dua jenis sampel yang terdiri daripada target populasi dan *purposive target*. Pelbagai pemboleh ubah bagi setiap kumpulan sampel telah dikenal pasti. Daripada pemboleh ubah ini pula ditentukan penilaian dan pengukuran data bagi kuantitatif dan kualitatif.

Penilaian dan pengukuran data dibuat bagi memudahkan pengasingan nilai matrik sama ada dalam bentuk penomboran bagi data-data kuantitatif dan kategori data kualitatif (Rasimah, Pujiawati & Noorizam, 2000). Pengkaji telah merangka penilaian dan pengukuran data berdasarkan instrumen yang telah dibina. Dalam kajian ini hanya terdapat dua jenis skala pengukuran data iaitu skala nominal dan skala ordinal bagi mengukur data kuantitatif. Pengkaji menggunakan tiga jenis pengukuran statistik deskriptif iaitu;

1. *measures of central tendency* – mod digunakan bagi data nominal dan median atau *mean* bagi data ordinal,

2. *measures of variability* – digunakan untuk menunjukkan sejauh manakah serakan skor. Pengukuran menggunakan *standard deviation* bagi data nominal dan *quartile deviation* bagi data ordinal, dan

3. *measures of relative position* – *percentage of score* digunakan.

Kajian ini menggunakan statistik deskriptif, iaitu menggunakan strategi analisis data seperti min, median, mod, peratusan dan sisihan piawaian. Persembahan data dibentangkan secara bergraf dan berjadual (Rasimah, Puziawati & Noorizam, 2000). Penilaian dan pengukuran secara matrik senang dilihat dan disemak kewujudan data antara persoalan kajian dengan pengukuran yang dikenakan terhadap pemboleh ubah-pemboleh ubah kajian. Jadual 3.4 berikutnya menjelaskan sistem pematrikan data yang mencakupi jenis sample, persoalan kajian, kaedah data, jenis instrumen, pengukuran skala dan bentuk analisis.

Jadual 3.4

*Matriks Penilaian dan Pengukuran Data*

Sample/ Responden	Persoalan Kajian/ Variable	Kaedah Data	Jenis Instrumen	Jumlah Item	Pengukuran Skala	Analisis Data
Guru LINUS (n=84)	1. Pencapaian dan matlamat objektif kajian, 2. Keberkesanan strategi dan kaedah PdP, 3. Pencapaian produk dan output program, 4. Permasalahan	Kuantitaif	1. Soal selidik: (a)Gender (b) <i>Likert</i> <i>Scale</i>	8 112	Nominal Ordinal	<i>Mode</i> <i>Mean</i> <i>Percentiles</i> <i>Standard deviation</i>

### sambungan Jadual 3.4

	menghalang keberkesanan program.			
Guru LINUS (n=18)	1. Pencapaian dan matlamat objektif kajian, 2. Keberkesanan strategi dan kaedah PdP, 3. Pencapaian produk dan output program, 4. Permasalahan menghalang keberkesanan program.	Kualitatif	1. Temu bual Berfokus 4 2. Temu bual 4 3. Permerhatian: (a) Strategi PdP (b) Kaedah PdP 3) Soalan terbuka 8	Skema Berstruktur Segmen PdP
Guru besar/ PK (n=6)				
Fasi- LINUS (n=6)				

Secara ringkasnya, pengukuran dan penilaian data dapat dibahagikan kepada dua jenis, iaitu skala nominal dan skala ordinal. Skala ordinal digunakan untuk mengukur pemboleh ubah demografi seperti etnik, umur, jantina dan pencapaian manakala skala ordinal digunakan untuk mengukur pemboleh ubah dalam persoalan kajian. Dalam menghuraikan pemprosesan data teknik statistik deskriptif digunakan.

### 3.7 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Kesahan dan kebolehpercayaan data dalam sesuatu kajian amat penting bagi mempertahankan kekuatan sesuatu instrumen kajian. Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang tinggi dapat membuktikan data-data yang diperolehi adalah bermutu dan boleh dipercayai. Bukti kesahan dan kebolehpercayaan kajian boleh disiasat dengan menggunakan kaedah ketekalan dalam Alfa Cronbach. Kesahan dan kebolehpercayaan merujuk kepada setakat mana sesuatu ujian itu mengukur secara konsistennya perkara yang diuji (Gay, Mills & Airasian, 2006).

Bagi George dan Mallery (2003), paras pekali Alpha Cronbach mestilah sekurang-kurangnya 0.7. Nilai Alpha kurang daripada 0.60 dianggap rendah dan tidak

diterima, nilai Alpha antara 0.60 hingga 0.80 adalah diterima, manakala nilai Alpha melebihi 0.80 menunjukkan item tersebut mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi. Bukti kesahan dan kebolehpercayaan kajian juga dapat disiasat melalui kesahan isi kandungan dan kesahan serentak. Kesahan isi kandungan adalah penyiasatan secara sistematis isi kandungan ujian untuk menentukan bahawa isi kandungan kajian tersebut boleh diukur (Gay, Mills & Airasian, 2006). Dalam kajian ini, panel pakar turut dirujuk untuk mendapatkan bukti kesahan isi kandungan. Kesahan serentak merujuk kepada sejauh mana matlamat kajian dapat dikaitkan dengan pencapaian kriteria yang diukur pada masa yang sama (Gay, Mills & Airasian, 2006).

### 3.7.1 Analisis Kesahan

Kesahan adalah kesesuaian (*appropriateness*), kebenaran (*truthfulness*), bermakna (*meaningful*) dan kebolehgunaan (*usefulness*) instrumen yang membolehkan data-data diinferenskan (disimpulkan) (Fraenkel & Norman, 2006). Kesahan bagi setiap instrumen dapat diselidiki daripada tiga aspek, iaitu kesahan kandungan, kesahan kriteria dan kesahan konstruk.

Dalam instrumen soal selidik, pengkaji menggunakan teknik bukti perkaitan kriteria (*criterion related evidence*) untuk mengumpulkan bukti (*collecting evidence*) terhadap kesahan kandungan instrumen dengan merujuk sekumpulan pakar (*expert judgement*) (Fraenkel dan Norman, 2006). Sekumpulan pakar rujuk telah ditubuhkan di setiap Institut Pendidikan Guru (IPG) melalui Program Sokongan Pensarjanaan dan PhD Pensyarah IPG (PROSPEN) kelolaan Jabatan Penyelidikan, Inovasi dan Profesionalisme Perguruan, Institut Pendidikan Guru Malaysia.

Mereka berperanan sebagai penasihat, pembimbing atau mentor kepada setiap pensyarah yang sedang melanjutkan pelajaran di peringkat sarjana atau PhD. Mereka

mempunyai pengalaman dan kepakaran dalam pelbagai bidang seperti kurikulum, metodologi, penilaian dan sebagainya. Mereka turut menganjurkan seminar dan bengkel penyelidikan seperti Bengkel SPSS, Bengkel NVIVO, Bengkel SPSS SEM, dan sebagainya. Rajah 3.5 berikutnya adalah senarai pakar rujuk bagi tujuan mengesahkan kandungan instrumen soal selidik dalam kajian ini.

Bil.	Pemboleh ubah Item	Pakar Rujuk ( <i>Expert Judgement</i> )
1.	Maklumat dan objektif Program LINUS.	1. Dr. Azman bin Jusoh Ketua Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan, IPGK Sultan Abdul Halim, Kedah.
2.	Strategi dan kaedah PdP Program LINUS.	2. Dr. Alison Lim Gim Wah Pensyarah Kanan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan, IPGK Sultan Abdul Halim, Kedah.
3	Produk dan output Program LINUS.	3. Dr. Muhammad Khairi Mohamed Nor Penyelaras Pedagogi Peribumi Orang Asli Zon Utara, IPGK Sultan Abdul Halim, Kedah.
4.	Permasalahan Program LINUS.	4. Dr. Hj. Badrul Hisham bin Alang Osman Pensyarah Kanan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan, IPGK Ipoh, Perak. 5. Dr. Hj. Mohd Razak bin Mohd Nordin Pensyarah Kanan Jabatan Pengajian Melayu IPG K Ipoh, Perak.

Rajah 3.5. Kesahan Instrumen Soal Selidik melalui Sekumpulan Pakar Rujuk

Kesahan kriteria adalah merujuk kepada sejauh manakah sesuatu ujian dapat mengukur kriteria yang hendak diuji (Ary, Jacobs & Razaveih, 2002). Manakala kesahan konstruk dapat dinyatakan melalui kesahan *convergent* dan kesahan *discriminate*. Kesahan *convergent* berlaku apabila terdapat hubungan antara konstruk

dalam kajian dan kesahan *discriminate* berlaku apabila tiada hubungan antara konstruk-konstruk tersebut (Hair, Black, Babin, Anderson & Tatham, 2006). Dalam kajian ini, kesahan kandungan, kesahan kriteria dan kesahan konstruk adalah merujuk kepada hubungan konstruk dengan keberkesaan program LINUS. Jika wujud hubungan positif antara konstruk tersebut maka nilai keberkesaan program LINUS akan meningkat.

### **3.7.2 Kesahan Instrumen Temu Bual dan Pemerhatian**

Kesahan instrumen bagi kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen pengkaji telah menggunakan teknik triangulasi dalam memantapkan lagi dapatan data dan maklumat kajian. Pengkaji menggunakan lapan orang murid sebagai responden dalam mendapatkan data bagi temu bual dan pemerhatian. Proses mendapatkan data temu bual melalui beberapa fasa bagi memastikan data yang dikutip bersifat tekal dan item instrumen yang digunakan adalah sah (*validity instrument*). Pengkaji mengambil kira lima aspek dalam membuat perkiraan kriteria, seperti yang disarankan oleh Fraenkel dan Norman (2006), iaitu:

1. boleh dipertahankan (*defensibility*) – hasil kajian boleh dibuktikan dan dipertahankan,
2. ketepatan (*accuracy*) – ketepatan dalam menjawab persoalan kajian,
3. kesesuaian (*appropriate*) – sesuai dan relevan dengan objektif kajian,
4. bermakna (*meaningful*) – bermakna, memberi makna kepada data dan maklumat yang dikutip, dan
5. kebergunaan (*usefulness*) – mampu membuat keputusan tepat melalui data dan maklumat yang dikutip dan menjawab persoalan.

### **3.7.3 Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik**

Kebolehpercayaan instrumen (*reliability instrument*) adalah nilai pengukuran bagi menentukan ketekalan (*consistency*) skor bagi setiap item. Ketekalan dapat dibuktikan melalui pengujian setiap item yang sama beberapa kali kepada responden yang berlainan, namun skor atau keputusan memberikan jawapan yang hampir sama atau sama. Mengikut Golafshani (2003), “...*reliability is a concept used for testing or evaluating quantitative research, the idea is most often used in all kinds of research*” (hal. 601).

Konsep pengukuran kebolehpercayaan dalam kaedah kuantitatif dibuat melalui penggunaan satu set soalan dalam borang soal selidik. Pengujian dibuat terhadap set soalan (*questionnaire*) tersebut melalui ujian rintis (*pilot test*). Ujian rintis dilaksanakan ke atas responden dalam skala kecil bertujuan mendapatkan kesahihan data dan menilai ketekalan item yang dibentuk dalam set soalan soal selidik tersebut. Aspek yang diberi perhatian seperti aras item, objektif item, kefahaman item, kebergunaan item dan arahan item itu sendiri.

Dalam melaksanakan kajian rintis, Penyelidik memilih 16 responden yang terlibat dengan Program LINUS di empat buah Sekolah Kebangsaan di mana guru-gurunya terdiri daripada guru di SMOA di negeri Perak. Sekolah tersebut merupakan sekolah yang terdapat pelajar praktikum major Bahasa Melayu Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) selama 12 minggu. Penyelidik menggunakan instrumen soal selidik yang diubah suai daripada *Borang Maklum Balas Pelaksanaan Program LINUS* untuk guru-guru yang terlibat dalam pelaksanaan Program LINUS. Oleh itu penyelidik boleh menggunakan untuk membentuk item soal selidik sesuai dengan pengalaman guru-guru Program LINUS. Setelah itu, Penyelidik membuat ujian rintis bagi menguji

kebolehpercayaan instrumen soal selidik dengan menggunakan kaedah kombinasi antara *test-retest* dan *internal consistency correlation coefficient* item-item tersebut (Mohd Salleh & Zaidatun, 2001).

Dalam bidang penyelidikan sains sosial, pekali kebolehpercayaan yang boleh diterima perlu melebihi daripada  $\alpha = .60$ . Penyelidik mampu meningkatkan nilai kebolehpercayaan item dengan menggugurkan item-item atau butiran-butiran yang dianggap boleh merendahkan pekali. Mohd Majid (2009) menjelaskan bahawa tahap terbaik kebolehpercayaan item sampel ialah antara  $\alpha = 0.71$  hingga  $0.99$ . Fraenkel dan Norman (2006) pula meletakkan nilai kebolehpercayaan item yang boleh diterima berada pada tahap  $\alpha = 0.70$  hingga  $0.99$ , manakala Kubiszyn dan Borich (2000), menetapkan nilai  $\alpha = 0.80$  hingga  $0.90$  sebagai *reliability coefficients*.

Penyelidik menggunakan *Cronbach's Coefficient Alpha* ( $\alpha$ ) bagi mengukur kebolehpercayaan item-item dalam soalan soal selidik (Cronbach & Meehl, 1955). Penggunaan *Cronbach's Coefficient Alpha* (Skala Likert 5) amat sesuai digunakan kerana:

1. ketekalan dalaman sesuatu konstruk item dan sesuatu pemboleh ubah dalam subitem dapat dijelaskan,
2. item-item yang berbentuk aneka pilihan jawapan yang diberi nilai 3 atau lebih mata (bukan untuk pembahagian (*dichotomy*) item), dan
3. mengira pekali kebolehpercayaan bagi data yang dikutip secara sesuatu masa (*single occasion*) atau secara keratan rentas (*cross section*) dalam kajian *survey*.

Penyelidik menjalankan Ujian Rintis 1 dan Ujian Rintis 2 bagi mengukur kebolehkepercayaan terhadap instrumen soal selidik. Hasil keputusan Ujian Rintis 1

dalam kajian ini menunjukkan nilai indeks kebolehpercayaan berada antara *cronbach α* = .75 (*stability coefficients*) hingga *α* = .96 (*very good reliability*). Keputusan ini masih berada pada tahap *degrees of positive correlation* (seperti yang dijelaskan dalam *Scatterplots Fraenkel*). Darjah pekali kolerasi *cronbach α* = .77 (soalan kajian dalam permasalahan program) rendah adalah disebabkan berlaku kekeliruan dalam satu set soalan soal selidik kajian tersebut, justeru penamaikan perlu dilakukan penyelidik.

Hasil keputusan ujian rintis tersebut dapat dijelaskan seperti Jadual 3.5 berikut,

Jadual 3.5

*Keputusan Ujian Rintis 1 dan Ujian Rintis 2*

No. Item	Dimensi Kajian	Nilai Apha (α)	
		Ujian 1	Ujian 2
A1 - A8	Demografi		-
B1.1 - B1.6	Dimensi Konteks:	0.96	0.96
B2.1- B.2.12	Matlamat dan objektif Program LINUS		
C1 – C3			
C3.1- C3.7	Dimensi Input:	0.85	0.92
C4.1- C4.6	Strategi dan Kaedah PdP		
C5.1- C5.6	Program LINUS		
C7.1 - C7.3			
C8.1 -C8.6			
C10.1 - 10.9			
D1 – D25	Dimensi Proses:	0.91	0.93
	Permasalahan Program LINUS		
E1 – E23	Dimensi Produk:	0.75	0.83
	Output Program LINUS		

Keputusan analisis Ujian Rintis 2 yang dibuat empat minggu selepas Ujian Rintis 1 mendapati peningkatan indeks kebolehpercayaan yang tinggi  $cronbach \alpha = .83$  hingga  $\alpha = .96$  yang berada pada tahap *acceptable* dan *very good reliability* (Pallant, 2010). Justeru ujian rintis yang dilakukan berjaya meningkatkan tahap kebolehpercayaan instrumen dan penyelidik boleh melaksanakan kajian seterusnya kepada responden sebenar.

Conrey dan Impara (1995) menjelaskan bahawa standard nilai item yang mengandungi subtest biasanya berada di antara  $cronbach \alpha = .61$  hingga  $\alpha = .92$ , manakala item-item dalam *total test* biasanya berada di antara  $cronbach \alpha = .85$  hingga  $\alpha = .90$  sahaja. Ary, Jacobs dan Razaviveih (2002) menjelaskan nilai kebolehpercayaan mestilah melebihi  $\alpha = .50$ , manakala Hair, Black, Babin, Anderson dan Tatham (2006) mencadangkan nilai kebolehpercayaan yang boleh diterima mestilah melebihi  $\alpha = .60$ . Ujian rintis yang dilaksanakan penyelidik berjaya melepassi nilai kesahan dan kebolehpercayaan item yang dicadangkan dan kesemua set soalan soal selidik itu boleh digunakan untuk kajian sebenar.

Kesahan dan kebolehpercayaan instrumen amat penting bagi mempertahankan keutuhan setiap instrumen supaya tidak terdedah kepada sebarang kritikan. Semakin tinggi nilai dan tahap kesahan serta kebolehpercayaan instrumen maka semakin *valid* data-data yang diperoleh dalam sesebuah kajian. Hasilan kajian pula menjadi lebih berkualiti dan tepat. Dalam meningkatkan tahap kesahan dan kebolehpercayaan instrument, penyelidik merujuk dan mendapat khidmat nasihat daripada pakar rujuk yang dilantik khusus oleh pihak IPG yang menganggotai jawatankuasa PROSPEN.

### **3.7.4 Kebolehpercayaan Instrumen Temu Bual dan Pemerhatian**

Kebolehpercayaan terhadap data-data yang dikutip semasa temu bual dibuat melalui *cross-checking* secara sistematis terhadap maklumat yang diberikan responden. Kebolehpercayaan dicapai apabila maklumat yang sama diulang beberapa kali oleh peserta kajian. Penyelidik turut menggunakan teknik pengulangan temu bual (*re-interviewing* atau *repeated interview*) bagi meningkatkan kebolehpercayaan data dalam instrumen tersebut. Semasa temu bual ulangan, soalan-soalan yang tidak jelas jawapannya akan dikemukakan semula dan bukannya mengulang soalan yang sama.

Darjah kebolehpercayaan akan bertambah *valid* apabila peserta kajian dipilih secara random dan temu bual dibuat di kawasan-kawasan yang berbeza. Dalam melaksanakan sesi temu bual, Penyelidik memilih empat tempat yang berbeza iaitu;

1. SK RPS Banun,Grik, Perak.
2. SK Dala, Grik, Perak.
3. SK RPS Kemar,Grik, Perak.
4. SK Sg. Tiang, Grik, Perak.

Kebolehpercayaan bagi teknik pengumpulan data dibuat melalui teknik temu bual dan pemerhatian dilaksanakan serentak. Penyelidik menggunakan Borang Pemerhatian yang diubah suai daripada *Borang Penilaian Praktikum Pelajar IPG* (2012) dan *ISTE Classroom Observation Tool (ITOT)* (2010). Penyelidik membuat pemerhatian secara terus bagi menambahkan lagi nilai kebolehpercayaan maklumat-maklumat teknik pemerhatian. Pemerhatian dilakukan semasa proses pengajaran dan pembelajaran berlangsung di kelas. Bagi mengukur kebolehpercayaan pemerhatian, pengkaji menggunakan teknik berikut;

1. membuat pengulangan pemerhatian dalam selang masa empat minggu terhadap peserta kajian dalam tempoh pelaksanaan Program LINUS.
2. membuat pemerhatian berstruktur dan pemerhatian turut serta.

Kebolehpercayaan dapatan data kajian melalui temu bual dan pemerhatian dapat ditingkatkan melalui kedua-dua aktiviti tersebut dilaksanakan secara berturut-turut. Selepas aktiviti pemerhatian terhadap peserta kajian dilakukan, temu bual terus dijalankan terhadap peserta kajian tersebut. Kebolehpercayaan dapatan data juga dapat ditingkatkan melalui semakan pakar rujuk. Data yang diperoleh diajukan kepada pakar rujuk untuk disemak dan diberikan maklum balas. Penyelidik meminta dua penyemak bagi melaksanakan tugasannya tersebut. Mereka adalah;

1. Dr. Hj. Mohd Razak bin Mohd Nordin

Pensyarah Kanan

Jabatan Pengajian Melayu,

IPG Kampus Ipoh, Perak.

2. Dr. Hj. Badrul Hisham bin Alang Osman

Pensyarah Kanan

Jabatan Penyelidikan dan Inovasi Profesionalisme Keguruan,

IPG Kampus Ipoh, Perak.

Hasil semakan dan persetujuan kedua-dua pakar rujuk tersebut, Penyelidik yakin bahawa prosedur dalam tatacara pengurusan data dipatuhi dan tahap kebolehpercayaan dapat ditingkatkan. Kebolehpercayaan dan kesahan data setiap instrumen amat penting kerana data-data tersebut menjadi penentu kepada kesahan dan kebolehpercayaan hasil kajian (Fraenkel & Norman, 2006).

Secara ringkasnya, penggunaan teknik triangulasi (soal selidik, temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen) dalam proses pengumpulan data adalah saling melengkapi antara satu sama lain, dan dapat memantapkan lagi hasil kajian. Setiap kelemahan yang wujud melalui kaedah kuantitatif atau kualitatif dapat diatasi, seterusnya data-data yang diperolehi boleh meningkatkan kasahan dan kebolehpercayaan kajian yang dibuat.

### 3.8 Pengurusan Data


Pengurusan data merupakan suatu proses analisis data yang dibuat secara sistematis bagi memudahkan pengkaji mencari, menyusun, mengurus, menyimpan, mentadbir, melabel dan mengkategori kod-kod data yang dikutip; seterusnya memberikan makna untuk meningkatkan kefahaman terhadap maklumat yang telah dikumpulkan (Gough & Scott, 2000). Penganalisan data semasa proses pengumpulan data amat penting bagi memastikan kelancaran proses menganalisis data sebenar (Roselan, 2001).

Proses mengumpul data melibatkan penggunaan catatan dan maklum balas, borang pemerhatian, borang senarai semak, transkripsi temu bual, rakaman audio dan video serta data daripada soal selidik (Jacob, Kawanaka & Stingler, 1999). Penggunaan kepelbagaian kaedah dan aktiviti dalam aktiviti pengumpulan data memerlukan pengkaji membuat catatan refleksi, pengekodan dan membina kesimpulan mengikut sesi dijalankan (Miles & Huberman, 2002).

Selepas sesi pengumpulan data tamat, pengkaji membaca semula semua catatan, menonton kembali rakaman video dan mendengar semula rakaman audio yang telah dibuat (Ritchie, Lewis, Nicholls & Ormson, 2013). Hasil daripada tindakan tersebut, pengkaji membuat refleksi terhadap proses penumpulan data tersebut. Catatan refleksi

juga dibuat dengan memberikan tumpuan kepada peserta kajian. Justeru pengkaji dapat menilai semula proses pengumpulan dan penganalisisan data semasa kajian dijalankan. Kritikan, cadangan dan idea baru dicatat bagi memantapkan lagi data kajian (Roselan, 2001).

Data-data yang diperoleh melalui kaedah kuantitatif dan kualitatif melalui *Exploratory Sequential Design* (Creswell, 2014) telah dianalisis untuk menghasilkan dapatan kajian. Rajah 3.6 berikut menjelaskan proses tersebut dijalankan.




Rajah 3.6. Pengurusan Data Kajian *Exploratory Sequential Design* (Creswell, 2014)

### 3.8.1 Pengurusan Data Kuantitatif

Analisis statistik deskriptif digunakan bagi menghuraikan data-data kuantitatif dalam kajian ini. Walaupun penghuraianya dianggap kurang jelas dalam membincangkan secara teori kesan pemboleh-pemboleh ubah lain tetapi penghuraianya mampu menonjolkan keputusan kajian ini. Analisis deskriptif terhad dalam menerangkan pola sampel seperti taburan kekerapan (frekuensi), min, median

dan mod (Mohd. Majid, 2009). Dalam kajian ini, soalan soal selidik ditadbirkan ke atas 84 orang guru LINUS daripada populasi sebenar mereka seramai 100 orang guru LINUS yang mengajar di sekolah murid Orang Asli di negeri Perak.

Analisis statistik deskriptif dalam kajian ini digunakan untuk menilai dan membincangkan profil sampel atau peserta kajian, normaliti data, matlamat dan objektif Program LINUS, penilaian terhadap input serta output dalam pelaksanaan program tersebut serta membincangkan proses pelaksanaan program dan permasalahan yang wujud dalam Program LINUS. Data daripada soal selidik kajian ini diproses menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) bagi membincangkan dapatan kajian dan memaparkannya menggunakan statistik deskriptif.



Rajah 3.7. Tahap Pelaksanaan Sistem Tiga Kuartil

Proses penyatuan data dilaksanakan bagi menginterpretasi data yang diperoleh sebelum pelaporan hasil kajian ditulis. Dalam pengurusan data daripada soal selidik ini, Penyelidik menggunakan perisian SPSS 22. Dalam mengukur atau menilai tahap pelaksanaan Program LINUS, pengkaji menggunakan skala lima Likert ( 1 = Sangat

Tidak Setuju, 2 = Tidak Setuju, 3 = *Natural* atau Tidak Memihak, 4 = Setuju, 5 = Sangat Setuju) melalui sistem tiga kuartil (quartiles) mengikut julat min (Yuen Fook, 1999; Ghazali, 2003). Min dan sisihan piawai digunakan untuk mengukur tahap pelaksanaan sama ada pada tahap rendah, sederhana dan tinggi seperti Rajah 3.7.

### 3.8.2 Pengurusan Data Kualitatif

Kajian ini turut menggunakan kaedah kualitatif iaitu penyelidikan yang bermaksud untuk memahami fenomena tentang apa yang dialami oleh subjek penyelidikan. Dalam melaksanakan kajian kualitatif, kaedah temu bual berfokus dijalankan ke atas 18 orang guru LINUS daripada 84 orang guru LINUS. Mereka dipilih daripada enam daerah berlainan iaitu Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta Utara, Kinta Selatan, Perak Tengah dan Batang Padang. Temu bual bersemuka turut dibuat dengan enam orang guru besar atau pentadbir sekolah daripada 28 orang guru besar sekolah murid Orang Asli di negeri Perak.

Dalam menilai proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) di kelas LINUS, pemerhatian turut dilaksanakan dengan memilih enam kelas LINUS daripada 30 kelas LINUS, di enam daerah pentadbiran pendidikan. Pemerhatian turut dirakam menggunakan perakam *MP4* bagi mendapatkan data semasa pelaksanaan PdP tersebut. Soalan soal selidik terbuka turut diajukan kepada enam orang FasiLINUS mewakili enam daerah daripada keseluruhan populasi mereka iaitu seramai 12 orang.

Merriem (2009), menjelaskan penggunaan reka bentuk kajian kualitatif amat sesuai apabila sesuatu kajian melibatkan pemerhatian seseorang individu atau unit, satu kumpulan manusia, keluarga, satu kelas, sekolah, satu masyarakat, peristiwa atau budaya. Sesuatu penyelidikan harus memfokus kepada subjek yang mempunyai kriteria atau ciri-ciri yang dikehendaki penyelidik. Maka kajian kualitatif ini adalah bertepatan

dalam menyelidiki dan menilai proses pelaksanaan Program LINUS dalam kalangan murid-murid Orang Asli.

Creswell (2012), kajian kualitatif mampu meningkatkan kefahaman yang mendalam tentang subjek kajian, memfokus kepada aspek proses berbanding output, mementingkan penemuan bukannya pengesahan sesuatu teori atau dapatan. Dalam kajian ini, penyelidik membuat kajian secara menyeluruh atau komprehensif bagi mengetahui ciri-ciri unik subjek yang dikaji, iaitu murid Orang Asli yang mengikuti program LINUS. Bagi mendapatkan gambaran yang lebih lengkap, temu bual berfokus dan temu bual bersemuka dilakukan dalam mengumpulkan data daripada 24 orang peserta kajian. Selepas penyelidik melakukan transkrip temu bual, maka analisis kandungan dilakukan untuk mengenal pasti tema kajian.

Data kualitatif yang diperoleh daripada temu bual dianalisis secara manual dengan membuat transkripsi. Data tersebut disimpan mengikut *folder* dalam perisian *NVIVO8*. Proses pengurusan data tersebut memudahkan penyelidik mendapatkan data yang diperlukan dengan segera bagi menghuraikan data kualitatif (Grbich, 2013; Miles, Huberman & Saldana, 2014)). Data-data yang ditranskripsikan dikodkan berdasarkan empat dimensi yang berkaitan iaitu konteks, input, proses dan produk.

Proses transkripsi data bermula setelah *folder* rakaman audio *MP3 Sony Digital Voice Recorder 4GB* dan video *MP4 Sony HDR-PJ440 HD Handycam* ditukarkan ke bentuk teks melalui proses lihat, dengar dan tulis temu bual atau transkripsi. Setelah itu semakan dibuat bagi mendapatkan pengesahan kandungan transkripsi daripada peserta kajian yang terlibat. Penyelidik membaca berulang kali transkripsi temu bual tersebut, mengklasifikasikan ayat berdasarkan dimensi dengan membuat kod bersebelahan ayat. Ayat yang bermakna akan dikelompokkan kepada unit-unit kecil berdasarkan dimensi

utama dan subdimensi. Dimensi tersebut diberikan kod dan definisi berdasarkan subunit.

Penyelidik mendapatkan pengesahan klasifikasi tersebut secara *peer checking* dan pakar rujuk dalam mendapatkan nilai kebolehpercayaan serta ketepatan dimensi yang dihasilkan. Data kemudiannya dianalisis berdasarkan dimensi-dimensi konteks, input, proses dan produk; serta mengaitkan setiap dimensi tersebut dengan persoalan kajian. Langkah seterusnya adalah membuat rumusan dan laporan bagi penulisan dapatan kajian. Data-data daripada temu bual berfokus dan temu bual dalam kajian ini mampu memberikan maklumat yang lebih mendalam dan menyokong dapatan kajian secara kuantitatif.

Pendekatan analisis kandungan terhadap data temu bual perlu dilakukan bagi menganalisis data tersebut (Krueger & Casey, 2009). Analisis kandungan digunakan untuk mengenal pasti tema, konsep dan makna. Pengkaji akan menulis semula dapatan temu bual yang dilakukan dalam bentuk transkrip dan seterusnya, kategori dan sub kategori akan dibangunkan berdasarkan kepada matlamat kajian. Menurut Saldana (2015), kategori pengkodan harus dibangunkan sebaik sahaja pengumpulan data pertama dilakukan. Pengkodan memudahkan seseorang penyelidik memahami maklumat yang diperolehi dan menjadi panduan dalam menentukan hala tuju dan fokus kepada pemerolehan maklumat seterusnya.

Menurut Miles dan Huberman (2013), pengkodan bukanlah sesuatu data yang telah siap sedia dianalisis tetapi ianya terbit terus menerus sepanjang proses pengumpulan dan menganalisis data. Oleh itu, pembentukan kategori pengkodan merupakan satu bentuk analisis yang berterusan, ianya bermaksud setiap kategori perlu distrukturkan sehingga kategori-kategori tertentu dapat menentukan tema kajian.

Analisis kandungan adalah penting untuk menjana kategori yang melibatkan pelbagai tema. Kategori dan pola data yang diperolehi menjadi bukti kepada sesuatu persoalan yang dikaji. Penyelidik kemudian telah menganalisis kebenaran daripada dapatan kajian berdasarkan kepada bukti-bukti terkumpul sama ada bukti-bukti tersebut menyokong atau tidak menyokong dapatan kajian. Di dalam kajian ini, pengkaji menggunakan analisis kandungan temu bual secara manual berbantuan *NVIVO8* untuk membentuk tema kajian (Ozkan, 2004).

Laporan penyelidikan menggunakan pendekatan temu bual dan temu bual berfokus mampu memberi gambaran secara terperinci tentang bagaimana peserta kajian berinteraksi dengan kehidupan mereka. Begitu juga analisis deskriptif terhadap pemerhatian di kelas LINUS (Padgett, 2016); serta rumusan dapatan daripada soalan soal selidik terbuka sumbangannya FasiLINUS daerah. Gabungan data-data tersebut dianalisis untuk membentuk data kualitatif.

Kajian berbentuk ini berjaya memberikan gambaran secara komprehensif dalam menilai proses pelaksanaan Program LINUS daripada pandangan dan pendapat guru LINUS, guru besar dan pentadbir sekolah serta FasiLINUS daerah. Hasil analisis daripada temu bual berfokus, temu bual, pemerhatian dan solan soal selidik terbuka mengenai penilaian pelaksanaan Program LINUS dikumpulkan dalam satu laporan yang lengkap berbentuk kualitatif.

### **3.9 Rumusan**

Bahagian bab ini menerangkan aspek-aspek utama mengenai metodologi kajian. Perkembangan bab diteruskan dengan penjelasan mengenai kerangka teori yang digunakan dalam kajian ini, iaitu Teori Model *context-input-process-product* oleh Stufflebeam dan Shinkfield (2007) dalam menilai Program LINUS dalam kalangan

murid Orang Asli. Reka bentuk kajian menggunakan kaedah *mixed method The Exploratory Sequential Design* ( Creswell, 2012), iaitu pengumpulan data menggunakan kuantitatif dan kualitatif. Seterusnya aspek persampelan, populasi dan kaedah yang digunakan mengutip data dijelaskan yang melibatkan guru LINUS, guru besar atau penolong kanan dan FasiLINUS daerah.

Penggunaan soal selidik, temu bual, temu bual berfokus, borang pemerhatian, soalan soal selidik terbuka, dan analisis dokumen serta penglibatan pakar rujuk amat penting dalam menjamin kesahan dan kebolehpercayaan kajian tersebut. Kajian rintis dibuat bagi tujuan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan, dan set soalan soal selidik tersebut ditambah baik bagi digunakan untuk tujuan kajian sebenar.

Dalam menganalisis data-data kajian, penyelidik menggunakan perisian *SPSS Versi 22* bagi data kuantitatif dalam penguraian data menggunakan statistik deskriptif (Creswell, 2008), dan perisian *NVIVO8* bagi pengurusan data-data kualitatif. Dapatan daripada kedua-dua data tersebut digunakan untuk tujuan memaparkan laporan hasilan kajian secara komprehensif yang dipaparkan dalam Bab 4.

## **BAB EMPAT**

### **DAPATAN KAJIAN**

#### **4.1 Pendahuluan**

Kajian ini bertujuan menilai pelaksanaan Program LINUS dalam kalangan murid-murid Orang Asli di negeri Perak, Malaysia. Kajian ini dilaksanakan di 28 buah sekolah murid Orang Asli (SMOA) yang terletak di enam daerah dalam negeri Perak, iaitu Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta Utara, Kinta Selatan, Perak Tengah dan Batang Padang. Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (BPSH), Kementerian Pendidikan Malaysia merekodkan terdapat 95 buah sekolah di Malaysia yang murid-muridnya 100 peratus terdiri daripada murid Orang Asli. Sekolah-sekolah tersebut terdapat di negeri-negeri seperti Perak (28 buah), Pahang (26 buah), Kelantan (12 buah), Selangor (11 buah), Johor (10 buah), Negeri Sembilan (4 buah) dan Terengganu (4 buah) (Unit Pengurusan Sekolah Orang Asli, Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, Kementerian Pendidikan Malaysia, 2014).

Data-data kuantitatif yang diperoleh daripada kajian terhadap penilaian pelaksanaan Program LINUS dalam kalangan murid Orang Asli diproses dan dianalisis menggunakan *Statistical Package For Social Science (SPSS) Version 22 for Windows*. Setiap item dan konstruk kajian dianalisis dan dipersembahkan dalam bentuk jadual, min dan sisihan piawaian. Sementara itu, perisian *NVIVO8* digunakan untuk menguruskan data-data kualitatif yang diperoleh daripada pihak pengurusan sekolah, penyelaras LINUS, guru LINUS dan fasilitator LINUS (FasiLINUS) yang terlibat secara langsung dengan murid-murid Orang Asli. Dapatan kajian ini dipaparkan dalam bentuk laporan naratif, rajah, jadual dan petikan penyataan bagi menjawab soalan-soalan kajian yang diperjelaskan melalui persoalan-persoalan;

1. Konteks:

- (a) Adakah matlamat dan objektif Program LINUS mencapai sasarannya?
- (b) Apakah peranan pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS dalam mencapai matlamat dan objektif Program LINUS?

2. Input:

- (a) Bagaimanakah aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) Program LINUS dilaksanakan?
- (b) Apakah peranan pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) Program LINUS?

3. Proses:

- (a) Apakah permasalahan-permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan Program LINUS?
- (b) Bagaimanakah guru-guru LINUS dan pentadbir LINUS menghadapi permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan Program LINUS?

4. Produk:

- (a) Bagaimanakah penilaian Program LINUS dilaksanakan di sekolah murid Orang Asli?
- (b) Bagaimanakah pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS melaksanakan penilaian Program LINUS di sekolah murid Orang Asli?

#### **4.2 Latar Belakang Responden dan Peserta Kajian**

Responden dalam kajian ini terdiri daripada guru-guru LINUS yang mengajar di 28 buah Sekolah Orang Asli (SOA) di negeri Perak. Mereka terdiri daripada 40 guru lelaki dan 44 perempuan. Selain guru LINUS, guru besar turut dijadikan peserta kajian dalam penyelidikan ini, dan FasiLINUS di Pejabat Pendidikan Daerah (PPD). Seramai 6 orang FasiLINUS dipilih untuk menilai tahap pelaksanaan

program LINUS di peringkat daerah masing-masing. Bagi sesi pemerhatian di kelas LINUS, melibatkan enam orang guru LINUS dan 250 orang murid, daripada enam kelas LINUS.

Dalam menjelaskan latar belakang responden atau peserta kajian, 65% daripada 84 orang guru LINUS memiliki ijazah dalam bidang pendidikan, dan selebihnya 35% mempunyai sijil atau diploma pendidikan. Manakala dari segi bangsa, 86% adalah daripada bangsa Melayu, 4% berbangsa Cina, 1% berbangsa India, dan selebihnya lain-lain bangsa seperti bumiputera Sabah dan Sarawak, serta etnik Orang Asli. Dari segi umur, 32% berumur antara 21 hingga 30 tahun, 40% berumur antara 31 hingga 40 tahun, 21% berumur antara 41 hingga 50 tahun, dan selebihnya berumur lebih 51 tahun.

Dari segi pengalaman mengajar Program LINUS, 55% mempunyai pengalaman mengajar 1 hingga 2 tahun, 15% berpengalaman 3 hingga 4 tahun, 15% berpengalaman mengajar 4 hingga 5 tahun, 14% berpengalaman mengajar selama 5 hingga 6 tahun, dan selebihnya mempunyai pengalaman mengajar lebih daripada 6 tahun, iaitu mereka pernah terlibat dalam Program KIA2M. Dari segi perjawatan di sekolah, 75% daripada guru LINUS adalah guru literasi bahasa Malaysia. 10% daripada mereka adalah guru pemulihan bahasa Malaysia, dan selebihnya adalah guru numerasi serta guru bahasa Inggeris yang ditugaskan mengajar murid Program LINUS.

Bagi guru besar atau pentadbir sekolah dan FasiLINUS, mereka semua adalah pegawai pendidikan yang berumur melebihi 50 tahun serta mempunyai banyak pengalaman berkaitan Program LINUS. Mereka mula terlibat dalam program ini sejak Program LINUS diperkenalkan pada tahun 2010. Mereka juga mendapat pendidikan sehingga peringkat ijazah dan berada dalam kategori pentadbir dalam gred DG 34, DG 44 atau DG 48.

Dalam menjalankan kajian ini, seramai 84 orang guru LINUS dijadikan responden dan diberikan soalan soal selidik, manakala seramai 18 daripada mereka terpilih untuk ditemu bual secara Kumpulan Temu Bual Berfokus (*Focus Group Discussing*). Dalam temu bual ini, nama mereka disamarkan bagi menjaga privasi peserta kajian dan kerahsiaan kajian. Mereka terdiri daripada GL1, GL2, GL3, GL4, GL5, GL6, GL7, GL8, GL9, GL10, GL11, GL12, GL13, GL14, GL15, GL16, GL17 dan GL18. Temu bual juga diatur bersama guru besar atau penolong kanan, PK1, GB1, GB2, GB3, GB4 dan GB5, manakala FasiLINUS pula diberikan soalan soal selidik secara terbuka. Mereka turut diberikan samaran melalui FL1, FL2, FL3, FL4, FL5 dan FL6. Maklumat responden atau peserta kajian, bilangan dan lokasi dipaparkan melalui Jadual 4.1.

Jadual 4.1.

*Responden Kajian Mengikut Lokasi dan Bilangan*

Bil.	Responden Kajian	Lokasi	Bilangan	Jenis Data
1.	Guru LINUS	28 Sekolah	84 orang	Soal Selidik
2.	Guru LINUS	6 Daerah	18 orang	Temu Bual Berfokus
3.	Guru Besar/ Penolong Kanan	6 Daerah	6 orang	Temu bual
4.	FasiLINUS	6 Daerah	6 orang	Soal Selidik Terbuka
5.	Guru LINUS	6 Daerah	6 orang	Pemerhatian

### 4.3 Analisis Data

Jadual 4.2 menunjukkan min keseluruhan yang terdiri daripada empat dimensi utama. Pertama adalah dimensi konteks dalam pelaksanaan Program LINUS (Literasi) mencatatkan nilai skor min tertinggi iaitu = 3.75 dan sishan piawai ialah = 0.76 adalah

pada tahap yang tertinggi. Seterusnya diikuti dimensi input dengan nilai skor min = 4.25, dan sisihan piawai = 0.84 iaitu pada tahap tinggi. Dimensi Produk mempunyai skor min = 3.85 dengan sisihan piawai = 1.20 adalah pada tahap sederhana, begitu juga dengan dimensi proses yang menunjukkan skor min = 3.35 dan sisihan piawai = 1.34.

Jadual 4.2

*Analisis Keseluruhan Mengikut Dimensi Kajian, Min, Sisihan Piawai dan Tahap*

Bil.	Dimensi	Min (Min)	Sisihan Piawai (SP)	Tahap
1.	Dimensi Konteks	3.75	0.76	Tinggi
2.	Dimensi Input	4.25	0.84	Tinggi
3.	Dimensi Produk	3.85	1.20	Tinggi
4.	Dimensi Proses	3.35	1.34	Sederhana
	Purata Keseluruhan	3.80	1.04	Tinggi

Min keseluruhan yang diperoleh daripada soal selidik ini ialah sebanyak = 3.80 dan sisihan piawai = 1.04 adalah berada di tahap tinggi. Namun, analisis dimensi proses menunjukkan bahawa dimensi ini memberi permasalahan utama kepada pelaksanaan program LINUS literasi bahasa Malaysia dalam kalangan murid-murid Orang Asli di negeri Perak.

Huraian analisis statistik deskriptif dibuat bagi menjelaskan dapatan kepada persoalan kajian dan menjawab dimensi-dimensi kajian yang dijadikan tunjang utama kajian ini. Soalan-soalan kajian dibentuk berdasarkan dimensi-dimensi kajian supaya

kajian menjurus kepada dimensi kajian dan menjawab setiap persoalan yang dibina penyelidik.

Setiap soalan kajian disusun berdasarkan Model CIPP (Konteks, Input, Produk dan Proses) oleh Stufflebeam dan Shinkfield (2007). Matlamat dan objektif utama penyelidikan ini adalah untuk menilai pelaksanaan Program LINUS literasi dalam kalangan murid-murid Orang Asli di negeri Perak, iaitu termasuk dalam dimensi konteks. Bagi dimensi input pula, pelaksanaan Program LINUS dan kaitannya dengan modul LINUS, pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru, teknik dan kaedah PdP, perwatakan guru dan persedian murid serta bahan bantu mengajar (BBM) guru. Bagi dimensi produk, tiga aspek dilihat mampu menilai pelaksanaan Program LINUS iaitu keberkesanan program, penerimaan program serta kecekapan pelaksanaan program.

Dimensi proses pula cuba melihat pelaksanaan Program LINUS berdasarkan rujukan utama program iaitu modul LINUS yang dibekalkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK), Kementerian Pendidikan Malaysia. Modul LINUS dapat dibahagikan kepada modul murid dan modul guru. Persoalan modul amat penting kerana kandungan modul, seperti suku kata, perkataan, rangkai kata dan ayat-ayat termasuk gambar-gambar yang diguna amat mempengaruhi strategi PdP guru terutama sekali murid-murid Orang Asli. Kesilapan memilih, menyunting dan menerbitkan bahan-bahan bergambar yang kurang relevan atau perkataan yang sukar dengan persekitaran pembelajaran murid Orang Asli sudah tentu memberi kesan besar kepada tahap penggunaan modul tersebut. Guru perlu membina BBM yang sesuai atau mencari alternatif lain bagi mengatasi permasalahan tersebut. Begitu juga dengan persekitaran pembelajaran yang kurang kondusif serta kurangnya kerjasama ibu bapa murid mendorong murid Orang Asli ponteng sekolah, dan semestinya pelaksanaan program LINUS gagal mencapai matlamat dan objektifnya.

### **4.3.1 Persoalan Konteks**

#### **4.3.1.1 Adakah matlamat dan objektif Program LINUS mencapai sasarannya?**

Bahagian ini menjelaskan dimensi konteks dalam pelaksanaan program LINUS daripada aspek matlamat dan objektif. Dalam menghuraikan dimensi ini, analisis deskriptif dibuat secara terperinci terhadap 18 item berhubung dengan matlamat dan objektif dalam pelaksanaan program LINUS. Matlamat dan objektif ini berkaitan dengan kemampuan murid Orang Asli dalam menguasai asas kemahiran membaca dan menulis. Seramai 84 orang guru LINUS memberikan jawapan seperti paparan Jadual 4.3; bagi menjelaskan matlamat pelaksanaan Program LINUS dalam kalangan murid Orang Asli.

**Jadual 4.3**

*Analisis Konteks Matlamat Pelaksanaan dalam Program LINUS*

<b>Bil</b>	<b>Item</b>	<b>Mbn</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
1	Murid membaca, menulis dan memahami minima 500 perkataan umum yang mudah pada tahun 1.	3.23	1.08
2	Murid membaca, menulis dan memahami ayat tunggal pada tahun 1.	3.71	0.89
3	Murid membaca, menulis dan memahami minima 800 perkataan umum yang mudah pada tahun 2.	3.35	0.93
4	Murid membaca, menulis dan memahami ayat mudah dan ayat majmuk dengan kata hubung pada tahun 2.	3.55	0.86
5	Murid membaca, menulis dan memahami minima 1000 perkataan umum yang mudah pada tahun 3.	3.45	0.93
6	Murid membaca, menulis dan memahami ayat mudah dan ayat majmuk dengan kata hubung dalam perenggan pendek pada tahun 3.	3.77	0.76

Jadual 4.3 memaparkan jawapan kepada konteks matlamat pelaksanaan program LINUS dalam kalangan murid-murid Orang Asli di Sekolah Orang Asli di negeri Perak. Merujuk Jadual 4.3 di atas, didapati skor nilai min keseluruhan bagi matlamat pelaksanaan Program LINUS adalah = 3.10 manakala sisihan piawainya adalah = 0.91 yang terdiri daripada enam item, berada pada tahap tinggi. Pada keseluruhannya, kesemua item dalam konteks matlamat pelaksanaan Program LINUS berada pada tahap yang tinggi. Cuma terdapat satu item pada tahap sederhana berbanding dengan lima item yang lain. Min terendah pada Jadual 4.2 ialah item 1 dengan nilai skor min = 3.23 dan sisihan piawai = 1.08, manakala min tertinggi adalah item 6, skor min = 3.77 dengan sisihan piawai = 0.76.

Berdasarkan item 6 yang terdapat dalam Jadual 4.2, iaitu ‘murid membaca, menulis dan memahami ayat mudah dan ayat majmuk dengan kata hubung dalam perenggan pendek pada tahun 3’, sisihan piawainya yang berada pada tahap sederhana. Item 6 menjadi antara cabaran dalam mencapai matlamat pelaksanaan dalam Program LINUS.

Kementerian Pendidikan Malaysia meletakkan matlamat kemampuan murid membaca, menulis dan memahami 500 patah perkataan umum yang mudah pada Tahun Satu, 800 patah perkataan pada tahun dua, dan 1000 patah perkataan sukar untuk dicapai (KPM, 2010). Kebanyakan murid Orang Asli yang berada di Tahun Satu tiada pengalaman pendidikan pada peringkat prasekolah. Mereka yang mendaftar masuk ke Tahun Satu perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran pendidikan formal di sekolah seperti guru-guru, kawan-kawan baharu, kehidupan baharu dan sebagainya (Nazariyah, 2014a).

Keadaan ditambah dengan pengalaman guru-guru LINUS dalam bidang PdP Program LINUS. Lebih 50 peratus daripada mereka mempunyai pengalaman kurang

daripada dua tahun, dan 15 peratus mempunyai pengalaman kurang daripada empat tahun dalam pelaksanaan Program LINUS. Mereka kebanyakannya guru-guru baharu semestinya rasa tertekan dengan persekitaran PdP di sekolah murid Orang Asli yang terletak di kawasan pedalaman dan kurang kemudahan asas (JAKOA, 2014). Kurangnya pengalaman dalam pelaksanaan Program LINUS memberi kesan ketara kepada pencapaian matlamat dan objektif Program LINUS. Ini kerana guru adalah faktor penggerak utama dalam pelaksanaan Program LINUS.

Matlamat pelaksanaan Program LINUS selepas tiga tahun pelaksanaan ialah 100%, iaitu semua murid dapat mengusai kesemua konstruk yang ditetapkan. Dalam memastikan program ini mencapai matlamatnya, Kementerian Pendidikan mewujudkan jawatan FasiLINUS di semua Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) bagi memantau dan menyelaras pelaksanaan Program LINUS serta membantu membimbing guru-guru LINUS dalam pengajaran dan pembelajaran. Produk pencapaian Program LINUS boleh dilihat apabila seramai 1.35 juta orang murid Tahun 1 hingga 3 sekolah rendah menduduki saringan Program LINUS. Namun selepas saringan Kohort ketiga Program LINUS menunjukkan kadar peratusan ialah sebanyak 82.2% bagi literasi dan 89.9% bagi numerasi seperti paparan Jadual 4.4 (Jabatan Penerangan Malaysia, 2013).

#### Jadual 4.4

*Pencapaian Program LINUS Tahun 2012 selepas Tiga Tahun Pelaksanaan*

Bil	Kohort LINUS	Sasaran (%)	Pencapaian Sebenar (%)
1	Kohort 1 - 2010	100%	99.8%
2	Kohort 2 - 2011	95.0%	96.3%
3	Kohort 3 - 2012	90.0%	82.2%

Sumber : Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (2013)

Situasi ini juga dapat dilihat dalam tempoh yang sama pelaksanaan program literasi dalam kalangan murid-murid sekolah rendah di Australia, dan pelaksanaan program tersebut perlukan kepada penambahbaikan bagi mencapai matlamat dan objektifnya (Meiers et al., 2006). Sasaran matlamat kebangsaan Program LINUS ialah pencapaian 100%. Matlamat ini tidak dapat dicapai apatah lagi bagi sekolah Orang Asli. Ini dapat dibuktikan pada saringan 4, Program LINUS literasi sekolah murid Orang Asli negeri Perak tahun 2013 mendapati hanya sebuah sekolah melepassi tahap yang dikehendaki, iaitu dengan menguasai kesemua konstruk yang diuji. Selebihnya, 27 buah sekolah masih gagal menguasai 12 konstruk yang diuji (Jabatan Pendidikan Perak, 2013).

Justeru, dalam meletakkan matlamat Program LINUS, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, khususnya Jabatan Pendidikan Perak perlu lebih fokus dan relevan dalam mengaplikasikan pelaksanaan program ini dalam konteks sekolah murid Orang Asli. Begitu juga dalam menentukan kesesuaian setiap konstruk dalam objektif Program LINUS. Hal ini selaras dengan pendapat Tyler (1993) yang mementingkan pencapaian matlamat dan objektif program.

Kebanyakan guru LINUS bersetuju bahawa matlamat dan objektif Program LINUS bagi murid-murid Orang Asli boleh dicapai. Namun beberapa orang guru LINUS yang ditemui bual secara temu bual kumpulan berfokus berpendapat matlamat dan objektif Program LINUS bagi murid Orang Asli berada pada aras tinggi berbanding dengan kognitif dan pencapaian mereka dalam literasi bahasa Malaysia. Ini dibuktikan dengan pendapat seorang guru LINUS yang ditemui. Beliau menjelaskan bahawa,

*“...pada saya, matlamat dan objektif Program LINUS amat penting bagi menentukan hala tuju dan pencapaian program ini. Ia juga menjadi panduan kepada guru-guru LINUS dalam merangka kemajuan program tersebut. Namun bagi murid-murid Orang Asli, matlamat ini perlu diubah dan disesuaikan dengan tahap serta pencapaian murid-murid Orang Asli”.* (TBF1, GL1, SMOA1, 3/10/14, 4 - 8)

Paparan Jadual 4.5 menjelaskan konteks objektif pelaksanaan Program LINUS. Jadual ini memaparkan jawapan kepada objektif pelaksanaan Program LINUS dalam kalangan murid-murid Orang Asli di Sekolah Orang Asli di negeri Perak. Analisis konteks objektif bagi pelaksanaan program LINUS mengandungi 12 item.

Jadual 4.5

*Analisis Konteks Objektif Pelaksanaan dalam Program LINUS*

Bil	Item	Min	Sisihan Piaawai
1	Murid berupaya membaca dan menulis huruf vokal dan konsonan.	4.28	0.70
2	Murid berupaya membaca dan menulis suku kata terbuka.	4.17	0.67
3	Murid berupaya membaca dan menulis perkataan suku kata terbuka.	4.15	0.71
4	Murid berupaya membaca dan menulis suku kata tertutup.	4.02	0.79
5	Murid berupaya membaca dan menulis perkataan suku kata tertutup.	3.98	0.76
6	Murid berupaya membaca dan menulis perkataan yang mengandungi suku kata tertutup ‘ng’.	3.71	0.81
7	Murid berupaya membaca dan menulis perkataan yang mengandungi diftong.	3.65	0.88
8	Murid berupaya membaca dan menulis perkataan yang mengandungi vokal berganding.	3.64	0.87

#### sambungan Jadual 4.5

9	Murid berupaya membaca dan menulis perkataan yang mengandungi digraf dan konsonan bergabung.	3.59	0.89
10	Murid berupaya membaca dan menulis perkataan yang berimbuhan awalan dan akhiran.	3.72	0.84
11	Murid berupaya membaca dan menulis ayat mudah.	3.86	0.83
12	Murid berupaya membaca dan menulis ayat berdasarkan bahan rangsangan.	3.66	0.85

Jadual tersebut menjelaskan skor nilai min keseluruhan adalah = 3.86 manakala sisihan piawainya adalah = 0.80, berada pada tahap tinggi. Pada keseluruhannya, kesemua item yang terdapat dalam konteks objektif pelaksanaan Program LINUS berada pada tahap tinggi. Skor min terendah adalah item 9, iaitu = 3.59 dan sisihan piawai = 0.89; manakala skor min tertinggi adalah item 1, iaitu = 4.28 dan sisihan piawai = 0.70.

Berdasarkan item-item yang terdapat dalam konteks objektif pelaksanaan Program LINUS, guru-guru LINUS berpendapat objektif pelaksanaan yang ditetapkan Kementerian Pendidikan Malaysia boleh dicapai. Dalam temu bual kumpulan berfokus, terdapat guru-guru LINUS memberikan pendapat sebaliknya. Mereka berpendapat cabaran bagi murid-murid Orang Asli adalah disebabkan kebanyakan murid-murid Orang Asli mudah lupa dengan pelajaran yang lepas, apabila pelajaran baharu diperkenalkan guru. Guru-guru terpaksa menggunakan teknik latih tubi dan membuat bimbingan secara individu bagi mengingatkan kembali pelajaran yang lalu. Justeru, guru terpaksa mengubah suai objektif PdP setiap kali kelas LINUS dilaksanakan.

*“...berdasarkan pengalaman saya dalam PdP LINUS bahasa Malaysia, saya dapati konstruk yang tinggi menyebabkan murid Orang Asli sukar menguasai dan mencapainya. Justeru, matlamat dan objektif bagi Program LINUS boleh dicapai*

*dengan mengubah suai matlamat dan objektif program tersebut. Aspek yang perlu diberikan penekanan ialah dengan memasukkan kurikulum yang sesuai dengan murid Orang Asli". (TBF1, GL3, SMOA1, 3/10/14, 10 - 15)*

FasiLINUS berpendapat matlamat dan objektif Program LINUS di sekolah murid Orang Asli masih boleh dicapai walaupun pencapaiannya masih rendah. Mereka berpendapat matlamat dan objektif tersebut masih relevan dalam konteks program tersebut dan konteks murid Orang Asli. Ini kerana konstruk yang digunakan dalam Program LINUS arasnya lebih tinggi daripada konstruk yang digunakan untuk murid pemulihian (Bahagian Pendidikan Khas, 2015).

Murid-murid yang mengikuti Program LINUS bukannya murid berkeperluan khas termasuklah murid Orang Asli. FasiLINUS 04 berpendapat, kebanyakan murid Orang Asli dibelenggu pelbagai masalah yang lain, ini menyebabkan sebahagian besar matlamat dan objektif Program LINUS tidak dapat dicapai.

*"...murid Orang Asli ramai yang masih bersikap malu, rendah dan kurang keyakinan diri untuk menonjol dalam bidang akademik. Perlu lebih bimbingan. Faktor geografi dari segi kedudukan sekolah-sekolah Orang Asli di kawasan pedalaman menyukarkan fasiLINUS untuk memantau atau melakukan selia bantu secara kerap" (SSST /FL 04 PPDK/ 21.12.14, 28 - 31)*

Keadaan ini ditambah lagi dengan sesetengah pihak pengurusan sekolah yang kurang mengambil berat terhadap pelaksanaan Program LINUS. Mereka hanya melaksanakan program tersebut mengikut ketetapan pihak JPN dan PPD. Mereka kurang inisiatif dan mementingkan program kecemerlangan akademik bagi kelas-kelas peperiksaan. Murid-murid yang akan menduduki Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) lebih diutamakan. Pihak pengurusan sekolah kurang membuat pemantauan

terhadap pelakasanaan Program LINUS di sekolah, sebaliknya lebih menumpukan kepada program-program kecemerlangan UPSR. FasiLINUS 01 turut berkongsi pandangan apabila beliau memantau beberapa buah sekolah murid sekolah Orang Asli di daerah Batang Padang, Perak. Beliau berpendapat, Program LINUS di sekolah tersebut perlukan perhatian pihak pengurusan sekolah,

*“... dapat dilaksanakan dengan cekap jika GB/PK ambil berat mengenai LINUS. GB lebih ambil berat pada UPSR daripada LINUS. Sedangkan LINUSlah asas kepada kejayaan UPSR”* (SSST /FL 01 PPDBP/ 21.12.14, 29 - 31)

#### **4.3.1.2 Apakah peranan pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS dalam mencapai matlamat dan objektif Program LINUS?**

Program Literasi dan Numerasi (LINUS) diwujudkan sebagai suatu usaha berterusan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menangani masalah murid-murid yang berkeupayaan tetapi masih belum menguasai literasi dan numerasi. Dalam mencapai sasarannya, pihak KPM menetapkan matlamat iaitu setiap murid perlu menguasai asas literasi iaitu membaca, menulis dan memahami terhadap bahan bacaan umum yang mengandungi 500 patah perkataan sehingga 1000 patah perkataan, penggunaan ayat mudah dan penggunaan kata sendi dalam ayat mudah, melainkan mereka dikatogerikan sebagai murid berkeperluan khas (KPM, 2010).

Bagi mencapai matlamat program tersebut, 12 konstruk telah dibina dan Modul LINUS serta borang penilaian telah disediakan untuk menguji kemampuan dan pencapaian setiap murid. Murid yang telah menguasai kesemua konstruk dikeluarkan daripada menyertai Program LINUS dan masuk ke kelas arus perdana. Bagi murid yang gagal menguasai konstruk tersebut perlu mengikuti kelas LINUS dan kelas pemulihan.

Dalam konteks pelaksanaan Program LINUS, semua pihak yang terlibat dengan pelaksanaan program tersebut di peringkat sekolah seperti guru besar, penolong kanan, penyelaras LINUS dan guru-guru LINUS perlu mengguna pakai dan menjadikan Buku Panduan Pelaksanaan Pengoperasian Program LINUS sebagai dokumen rujukan utama. Kesemua 18 orang Guru LINUS yang ditemui bual berjaya menunjukkan buku tersebut berada dalam Fail Pengoperasian Program LINUS masing-masing.

Pihak pentadbir sekolah dalam memastikan matlamat dan objektif Program LINUS dicapai perlu sentiasa berhubung dengan pengurus Program LINUS iaitu pihak Pejabat Pendidikan Daerah (PPD), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan KPM melalui Unit NKRA LINUS. Guru besar atau penolong kanan perlu memastikan perkara-perkara berikut perlu dipatuhi iaitu,

1. mengenal pasti dan menentukan guru LINUS yang akan melaksanakan PdP di sekolah. Guru yang kurang berpengalaman perlu mengikuti kursus yang dikelolakan oleh pihak PPD melalui FasiLINUS,
2. membentuk dan melantik jawatankuasa kerja Program LINUS peringkat sekolah.

Struktur organisasi tersebut didokumentkan dan failkan di dalam Fail Pengurusan Program LINUS. Pihak pengurusan sekolah turut menyediakan papan kenyataan khusus untuk memaparkan maklumat pelaksanaan Program LINUS. Semua maklumat berkaitan program tersebut distrukturkan di papan kenyataan tersebut. Justeru, maklumat yang berkaitan program tersebut mudah diakses oleh pelawat dengan cepat. Pihak sekolah juga menyediakan fail-fail yang berkaitan bagi memuatkan maklumat berkaitan pengurusan Program LINUS.

Antara fail-fail berkenaan adalah fail jawatankuasa Program LINUS, fail konsep, fail minit mesyuarat, fail data dan fail murid-murid LINUS. Fail-fail tersebut diletakkan di bilik operasi LINUS atau bilik penolong kanan bagi sekolah yang tidak

mempunyai bilik operasi LINUS. Ada juga sekolah meletakkan fail tersebut di dalam almari bercermin dan berkunci di bilik mesyuarat sekolah.

Pihak pengurusan sekolah juga berbincang dengan penyelaras dan setiausaha LINUS bagi menyediakan perancangan tahunan Program LINUS. Pihak pengurusan turut mencadangkan beberapa mesyuarat bagi tujuan pelaksanaan Program LINUS. Tujuan mesyuarat bagi memastikan pelaksanaan program difahami mereka yang terlibat. Minit mesyuarat difaikkan dalam fail minit mesyuarat Program LINUS. Pihak pengurusan sekolah juga dinasihatkan supaya ujian saringan Program LINUS dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan, memastikan dan mengesahkan data penguasaan murid, termasuk keputusan setiap ujian saringan direkodkan ke dalam portal NKRA mengikut tempoh masa yang ditetapkan.

Matlamat dan objektif pelaksanaan Program LINUS boleh dicapai jika semua pihak terlibat boleh bekerjasama dan memahami visi serta misi program tersebut. Situasi ini dikongsi oleh seorang Penolong Kanan, iaitu PK1 di SMOA1, beliau berpendapat,

*“... kerjasama semua pihak seperti pihak pengurusan sekolah, guru-guru LINUS, penyelaras LINUS, guru-guru, ibu bapa penjaga, pihak PPD, JPN dan sebagainya. Pihak pengurusan dan guru-guru sentiasa bersedia, cuma saya nampak di pihak ibu bapa masih perlu mengambil berat terhadap anak-anak mereka. Ibu bapa perlu pastikan anak-anak mereka tidak ponteng sekolah, barulah program ini akan berjaya...”*(TB PK1/ SMOA 1/3.10.14, 56 - 61)

Guru besar perlu memantau pelaksanaan Program LINUS dan menjalankan tindakan susulan untuk penambahbaikan. Beliau perlu menyelia, memantau dan mencerap PdP guru LINUS dan guru pemulihan, serta memastikan setiap murid berada dalam keadaan kondusif untuk mengikuti PdP guru. Ini sesuai dengan saranan Werner

(2005) agar sesuatu program hendaklah dipantau supaya pelaksanaan sesuatu program berjalan lancar. Guru besar perlu memberi motivasi dan semangat kepada guru LINUS dan guru pemulihan, terutamanya guru-guru baharu bertukar ke sekolah berkenaan. Beliau perlu memastikan guru LINUS dan guru pemulihan menggunakan Modul LINUS yang dibekalkan oleh KPM.

Guru besar sebagai pihak pengurusan sekolah harus memastikan modul yang dibekalkan ke sekolah mencukupi dengan bilangan murid; dan beliau perlu berhubung terus dengan pegawai PPD atau FasiLINUS, jika modul yang dibekalkan tidak mencukupi atau lambat dibekalkan oleh pihak pembekal. Guru besar turut perlu bekerjasama rapat dengan ibu bapa/ PIBG dalam memberi kesedaran, maklumat dan kepentingan pelaksanaan program LINUS. Taklimat kepada ibu bapa atau penjaga murid murid dibuat pada awal tahun terutama pada hari pertama pendaftaran murid. Biasanya bagi menarik ibu bapa hadir ke sekolah, satu jamuan diatur dengan pihak PIBG bagi menarik ibu bapa dan penjaga murid Orang Asli hadir dengan ramai ke sekolah. Keadaan ini disokong oleh seorang guru besar, iaitu GB4 yang ditemu bual, beliau berpandangan,

*“... kerjasama dengan ibu bapa Orang Asli amat sukar. Kalu nak harap ibu bapa datang secara sukarela ke sekolah amat sukar, kalu bersurat pun susah nak datang. Apatah lagi kalau nak harap ibu bapa murid Orang Asli datang ke sekolah bertanyakan hal anak-anak mereka. Begitu juga dengan PIBG, mereka sepatutnya memberi perhatian kepada program-program kecemerlangan akademik yang dirancang oleh pihak sekolah. Kebanyakannya mereka bersikap sambil lewa, dan kurang memberi perhatian kepada pembelajaran anak masing-masing. Kehadiran ibu bapa ke mesyuarat PIBG bukan disebabkan mengambil berat soal pelajaran anak-anak*

*sebaliknya kerana pihak sekolah mengadakan jamuan makan dan cabutan bertuah untuk ibu bapa murid”.*( TB GB4, SMOA5, 14/10/14, 82 – 91)

Program sarana ibu bapa masih belum dapat menarik perhatian serta kehadiran ibu bapa ke sekolah walaupun program tersebut telah lama dilancarkan KPM. Laporan Tahunan 2014 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025) menyarankan supaya pihak menjalankan enam aktiviti untuk menarik sekurang-kurangnya 57 peratus ibu bapa ke sekolah, iaitu melalui aktiviti; (1) hari pendaftaran, (2) hari kad laporan, (3) mesyuarat agung tahunan PIBG, (4) hari anugerah, (5) hari sukan, dan (6) hari penetapan sasaran. Kehadiran ibu bapa ke sekolah membantu pihak sekolah memberi sokongan moral kepada prestasi murid-murid di masing-masing dan mampu mengubah tabiat ponteng sekolah di kalangan anak-anak Orang Asli. Ini kerana kerjasama antara pihak sekolah dan ibu bapa amat penting dalam menentukan prestasi dan halatuju sesebuah sekolah seperti yang berlaku di sekolah murid Orang Asli.

**Universiti Utara Malaysia**

#### **4.3.2 Persoalan Input**

##### **4.3.2.1 Bagaimakah aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) Program LINUS dilaksanakan?**

Jadual 4.6 menjelaskan dimensi input dalam pelaksanaaan Program LINUS dalam kalangan murid-murid di sekolah murid Orang Asli. Dimensi ini cuba memanipulasikan aspek modul, rancangan pelajaran harian (RPH), teknik dan kaedah PdP guru LINUS, perwatakan guru LINUS, bahan bantu mengajar (BBM) dan kesediaan murid Orang Asli dalam mengikuti kelas literasi Program LINUS. Jadual 4.6 menjelaskan secara kuantitatif terhadap penggunaan strategi dan kaedah PdP daripada sudut pelaksana program LINUS iaitu guru-guru LINUS.

Jadual 4.6

*Analisis Dimensi Input dalam Pelaksanaan Program LINUS*

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Guru mengajar berpandukan modul LINUS.	4.26	0.64
2	Guru menyediakan rancangan pelajaran harian (RPH).	4.59	0.62
3	Guru menggunakan teknik bercerita.	4.03	0.61
4	Guru menggunakan teknik latih tubi.	4.40	0.62
5	Guru menggunakan teknik tunjuk cara.	4.38	0.63
6	Guru menggunakan teknik bersoal jawab.	4.19	0.81
7	Guru menggunakan teknik main peranan.	3.86	0.84
8	Guru menggunakan teknik nyanyian.	4.09	0.83
9	Guru menggunakan teknik permainan.	4.20	0.74
10	Guru memastikan murid memberi tumpuan semasa PdP.	4.39	0.71
11	Guru melaksanakan pengajaran secara ansur maju.	4.36	0.65
12	Guru menekankan aspek peneguhan semasa PdP.	4.28	0.61
13	Guru melaksanakan penyerapan nilai-nilai murni.	4.36	0.63
14	Guru memastikan murid terlibat dalam aktiviti pembelajaran.	4.42	0.58
15	Guru memberikan bimbingan tambahan kepada murid yang memerlukan.	4.35	0.68
16	Guru melaksanakan aktiviti pengukuhan menyebut huruf/ suku kata/ perkataan/ ayat dengan tepat dan jelas.	4.23	0.65
17	Guru melaksanakan aktiviti pengukuhan mengulang sebutan.	4.85	0.36
18	Guru melaksanakan aktiviti pengukuhan mengulang bacaan.	4.39	0.56

sambungan Jadual 4.6

19	Guru melaksanakan aktiviti pengukuhan bersoal jawab dengan murid.	4.30	0.63
20	Guru melaksanakan aktiviti pengukuhan penggabungan kemahiran.	4.07	0.74
21	Guru melaksanakan aktiviti pengukuhan memberi latihan bertulis.	4.39	0.62
22	Guru melaksanakan aktiviti pengukuhan menegaskan teknik menulis yang betul.	4.33	0.64
23	Guru menyemak latihan murid dengan menunjukkan kesilapan murid.	4.44	0.58
24	Guru menyemak latihan murid dengan mengikut tempoh yang munasabah.	4.11	0.66
25	Guru menyemak latihan murid dengan menegaskan kerja pembetulan.	4.22	0.62
26	Perwatakan guru bersikap mesra terhadap murid.	4.44	0.70
27	Perwatakan guru mengambil berat tentang masalah murid.	4.47	0.63
28	Perwatakan guru mewujudkan suasana kelas riang dan ceria.	4.42	0.68
29	BBM sesuai dengan tahap keupayaan murid.	4.33	0.62
30	BBM sesuai dengan tajuk pengajaran.	4.29	0.57
31	BBM sesuai dengan aktiviti.	4.29	0.57
32	BBM menarik (berwarna, bersuara, kartun, dan sebagainya).	4.27	0.71
33	BBM pelbagai (berkait rapat dengan kehidupan mereka).	4.05	0.75
34	BBM perkakasan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) yang sesuai.	3.83	0.77
35	Persediaan murid dengan modul LINUS.	4.04	0.70
36	Persediaan murid dengan buku latihan bertulis.	4.21	0.74
37	Persediaan murid dengan peralatan menulis.	4.14	0.79
38	Bimbingan murid dibuat secara individu.	4.21	0.58
39	Bimbingan murid dengan rakan secara terkawal.	3.98	0.61
40	Bimbingan murid dalam bentuk lisan dan bertulis.	4.17	0.56

#### sambungan Jadual 4.6

41	Bimbingan murid dalam aktiviti secara aktif.	4.08	0.62
42	Bimbingan murid menyebut huruf/ suku kata/ perkataan dengan tepat.	4.22	0.62
43	Bimbingan murid membaca huruf/ suku kata/ perkataan dengan betul.	4.16	0.65
44	Bimbingan murid membina dan menulis huruf/ suku kata/ perkataan dengan betul.	4.09	0.65
45	Bimbingan murid menyempurnakan tugas yang diberikan dengan lengkap.	4.57	5.49
46	Bimbingan murid membuat kerja secara tekal.	3.89	0.77

Jadual 4.6 menjelaskan analisis yang dilakukan terhadap item dimensi input dalam pelaksanaan Program LINUS. Skor min keseluruhan ialah = 4.25 manakala sisihan piawai = 0.84 yang terdiri daripada 46 item berada pada tahap tinggi. Secara keseluruhannya, item yang berada dalam dimensi input berada pada tahap min yang tinggi. Skor min terendah = 3.83, den sisihan piawai = 0.73, manakala skor min tertinggi ialah = 4.85, dengan sisihan piawai = 4.36.

Item-item dalam dimensi input ialah berkaitan dengan persediaan guru dalam melaksanakan PdP, seperti membuat persediaan mengajar berpandukan Modul LINUS, membuat perancangan PdP melalui penyediaan rancangan pelajaran harian (RPH), pemilihan teknik-teknik dan kaedah PdP serta pemilihan aktiviti yang sesuai dengan aras kognitif murid Orang Asli. Dalam melaksanakan PdP, perwatakan guru LINUS amat penting untuk melaksanakan aktiviti yang dirancang supaya murid-murid Orang Asli turut serta dalam aktiviti PdP. Guru berperanan memilih bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai dan dapat menarik minat murid Orang Asli supaya objektif PdP dapat dicapai.

Walaupun Modul LINUS diguna pakai secara maksimum oleh guru-guru LINUS, namun permasalahan berkaitan dengan banyak memberi kesan kepada

pelaksanaan program berkenaan. Modul LINUS dihantar ke sekolah biasanya lambat dan tidak mencukupi. Justeru guru terpaksa mengambil inisiatif untuk membuat fotokopi bagi mengatasi masalah tersebut. Cuma salinan fotokopi dalam hitam putih boleh memberi kesan kepada kefahaman dan pengamatan terhadap gambar-gambar berwarna dalam modul asal. Modul asal yang dibekalkan oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum dalam keadaan warna warni semestinya lebih menarik dan memberi minat lebih kepada murid Orang Asli untuk membaca modul tersebut. Ini disokong oleh seorang guru LINUS, iaitu GL3.

*“... masalah modul memberi tekanan kepada saya, sebab modul itu menjadi panduan dan perlu digunakan semasa kelas LINUS. Jika tak cukup terpaksa fotostat modul tersebut. Jadi modul fotostat tak berwarna, hitam putih, kadangkala tak berapa jelas, hitam sangat atau tak nampak langsung. Ini beri kesan kepada murid”.* (TBF GL3/SMOA 1/3.I0.14, 56 - 59)

Modul LINUS bagi murid sekolah Orang Asli seeloknya perlu disesuaikan mengikut persekitaran pembelajaran mereka, terutamanya bagi murid tahap satu iaitu yang berumur antara 7 hingga 9 tahun. Ini kerana mereka masih dekat dengan persekitaran dan mereka mula mendapat pendidikan formal apabila melangkah ke kelas tahun satu. Misalnya Pejabat Pendidikan Hulu Perak dengan kerjasama IPG Kampus Sultan Abdul Halim, Sungai Petani Kedah pernah menghasilkan MODUL JAHAI – BAHASA MALAYSIA “CHEP HED”. Modul yang dihasilkan dengan kerjasama guru-guru sekolah murid Orang Asli banyak membantu murid-murid Orang Asli Jahai mempelajari kosa kata bahasa Malaysia dengan mudah. Modul ini pernah digunakan di sekolah-sekolah murid Orang Asli di Hulu Perak, manakala bagi daerah pendidikan Kuala Kangsar, Perak Tengah, Kinta Utara, Kinta Selatan dan Batang Padang, JPN Perak menggalakkan guru-guru menggunakan Modul Bahasa Semai sebagai alternatif

kepada guru-guru LINUS. Modul tersebut mula diguna semenjak tahun 2008 bertujuan memudahkan pemahaman murid Orang Asli terhadap bahasa Malaysia.

#### **4.3.2.2 Apakah peranan pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) Program LINUS?**

Pelaksanaan Program LINUS di sekolah amat bergantung kepada guru-guru LINUS. Jika guru gagal melaksanakan dengan baik, maka pelaksanaan program itu tidak lancar, dan matlamat serta objektif program tidak dapat dicapai. Justeru guru-guru perlu mengetahui, memahami, dan dapat menguasai strategi pelaksanaan supaya setiap langkah yang dijalankan mengikut garis panduan yang ditetapkan. Selain itu, perwatakan dan sahsiah guru juga penting kerana tindak tanduk mereka menjadi perhatian murid-murid. Mereka perlu bertanggungjawab mengatasi pelbagai masalah dalam bilik darjah, termasuklah berkemampuan menggunakan pelbagai strategi dan pendekatan PdP. Pemantauan oleh FasiLINUS mendapati guru-guru menggunakan modul LINUS dalam PdP masing-masing.

*“...guru-guru menggunakan sepenuhnya dan sebahagian, melihat kepada tahap murid K1 + K2,... modul LINUS kerap digunakan oleh guru pemulihan khas/ pemulihan LINUS...”(SSST /FL 01 PPDBP/ 21.I2.14, 62 – 64)*

Guru besar dalam pelaksanaan Program LINUS di sekolah masing-masing perlu memastikan guru-guru LINUS mengikuti taklimat, kursus atau bengkel yang dianjurkan fasiLINUS daerah. Program tersebut dilakukan secara berpusat seperti pusat latihan guru dalam perkhidmatan (PLGDP) dan mengambil masa 2 - 3 hari. Pegawai LINUS JPN akan bertindak sebagai urus setia dan dibantu oleh fasiLINUS daerah.

Guru-guru LINUS dan pemulihan yang mengikuti kursus akan melaksanakan Program LINUS dengan lebih berkesan dan mengikut standard yang ditetapkan.

Pelaksanaan strategi dan kaedah PdP dalam Program LINUS dilaksanakan guru LINUS semasa sesi pengajaran di kelas. Mereka merancang strategi PdP melalui teknik didik hibur yang menggunakan aktiviti bercerita, nyayian, main peranan serta permainan berkumpulan. Kebanyakan guru menggunakan teknik didik hibur kerana mereka berpendapat murid Orang Asli lebih menggemari teknik tersebut. Namun, semasa pemantauan FasiLINUS, kebanyakannya daripada mereka menggabungkan ketiga-tiga teknik tersebut.

*“...guru menggunakan teknik bercerita, didik hibur dan permainan apabila tahu dicerap”* (SSST /FL02 PPDBP/ 21.12.14, 45 – 46)

Perancangan yang dibuat guru LINUS ditulis dalam rancangan pelajaran harian (RPH) sebagai dokumen rujukan semasa PdP dijalankan. Guru LINUS menggunakan modul LINUS sebagai bahan utama rujukan, begitu juga dengan murid; mereka turut dibekalkan modul pembelajaran murid. FasiLINUS mendapati kebanyakannya guru-guru LINUS yang dipantau menggunakan modul LINUS sepenuhnya, termasuklah murid-murid.

*“...murid-murid Orang Asli menggunakan modul LINUS yang disediakan, ...termasuklah guru-guru LINUS”* (SSST /FL 01 PPDHP, 5 - 6)

Dalam pelaksanaan PdP di kelas, kebanyakannya aktiviti diatur oleh guru. Dalam lain perkataan, aktiviti PdP berpusatkan guru. Murid-murid Orang Asli tidak boleh berdiskusi dan mereka perlukan bimbingan dan arahan guru. Ini disebabkan faktor yang terdapat pada diri murid itu sendiri. Tambahan, murid-murid tidak dapat membaca

setiap arahan pelaksanaan bagi setiap unit modul murid. Hal ini dipersetujui oleh fasiLINUS semasa memantau mereka terhadap PdP guru LINUS.

*“...pengetahuan sedia ada murid-murid Orang Asli terbatas, guru perlu memperbanyakkan input dalam bentuk...”* (SSST /FL 04 PPDHP/ 21.12.14, 7 - 8)

Dalam melaksanakan PdP Program LINUS, guru-guru LINUS melaksanakan teknik pengajaran berpusatkan guru. Misalnya guru LINUS perlu memastikan murid-murid Orang Asli memberikan tumpuan semasa pengajaran. Guru memastika murid-muridnya terlibat dalam semua aktiviti PdP. Guru perlu benar-benar memahami kerendahan murid-murid Orang Asli sebelum memulakan pengajaran kerana mereka berbeza daripada murid lain. Guru turut memberikan bimbingan terhadap murid lemah dengan melaksanakan aktiviti pengukuhan. Perkara ini disokong FasiLINUS daerah semasa beliau memantau seorang guru LINUS di sebuah sekolah murid Orang Asli.

*“ ramai murid Orang Asli yang berada pada tahap pemikiran atau kognitif yang rendah, penerimaan mereka terhadap pelajaran agak lambat, guru amat berperanan dalam PdP di kelas...”* (SSST /FL 04 PPDK/ 21.12.14, 9 - 11)

Guru-guru LINUS lebih menumpukan aktiviti pengukuhan secara individu di dalam kelas terutama dalam menyebut huruf, suku kata atau perkataan. Komunikasi guru dan murid perlu menggunakan nada suara yang kuat dan jelas supaya murid dapat melakukan setiap aktiviti dengan betul. Kesilapan murid juga dapat diperbetulkan dengan segera. Di sini, perwatakan guru memainkan peranan yang penting supaya membina hubungan mesra dengan murid, mengambil berat tentang masalah murid serta mewujudkan suasana pengajaran riang dan ceria.

Semasa sesi pengajaran, guru LINUS juga menggunakan bahan bantu mengajar (BBM) yang menarik, berwarna warni dan menggunakan multimedia supaya murid-murid Orang Asli seronok dan teruja mengikuti pengajaran guru setiap kali kelas LINUS. Murid-murid mudah terkesan dengan pengajaran guru dan menimbulkan rasa seronok dan berminat dengan mata pelajaran bahasa Malaysia. Namun penyediaan BBM yang cantik, menarik dalam bentuk multimedia mengalami masalah jika kemudahan bekalan elektrik sering terganggu. Ini diakui seorang fasiLINUS, beliau menyarankan pihak pengurusan sekolah mengambil tindakan sewajarnya bagi mengatasi masalah tersebut.

*“... terdapat BBM yang berkonseptan ICT sukar digunakan kerana terdapat sekolah yang menghadapi masalah bekalan elektrik, contohnya sekolah...”*  
(SSST /FL01 PPDK/ 21.12.14, 10 - 11)

Terdapat juga guru LINUS yang didapati tidak menyediakan BBM yang sepatutnya apabila melaksanakan PdP dalam kelas. Mereka bersikap sambil lewa dan kurang membuat persediaan bagi melaksanakan PdP, termasuklah dalam penyediaan BBM. FasiLINUS yang memantau pelaksanaan Program LINUS berpendapat memang terdapat segelintir guru bersikap demikian. Mereka dianggap kurang berjiwa pendidik dan bersikap sambil lewa. Mereka hanya bergantung kepada modul LINUS sahaja.

*“... guru-guru biasa lebih rajin buat BBM daripada guru LINUS...”*(SSST /FL01 PPDBP/ 21.12.14, 8)

Terdapat juga sekolah yang mengambil berat terhadap penyediaan BBM. Semua bahan tersebut diletakkan dalam stor di kelas LINUS dan guru-guru menggunakan BBM secara bersama. Guru-guru dan penyelaras Program LINUS menggunakan masa terluang untuk membina BBM dan menghias kelas LINUS. Mereka membuat

persediaan BBM secara bersama dan mereka dapat menambahkan koleksi BBM sekolah tersebut. Ini diakui seorang FasiLINUS yang memantau pelaksanaan Program LINUS di sebuah sekolah.

*“...BBM dibina dan digunakan secara bersama antara mereka,...”* (SSST /FL02 PPDBP/ 21.12.14, 9)

Dalam kelas LINUS, didapati murid-murid Orang Asli mempunyai modul LINUS masing-masing termasuk alat tulis dan buku latihan bertulis. Semua bahan tersebut disediakan guru Program LINUS setiap kali sesi pengajaran diadakan. Bahan tersebut diletakkan dalam almari khas dalam bilik LINUS. Murid-murid tidak dibenarkan membawa bahan-bahan tersebut keluar dari kelas LINUS. Jika modul LINUS, alat tulis atau buku tulis diberikan kepada murid untuk dibawa keluar daripada bilik LINUS atau di bawa pulang, pengalaman guru LINUS mendapati bahan-bahan tersebut hilang atau mereka tertinggal di rumah, dan semestinya menyusahkan guru LINUS. Ini kerana sikap dan mentaliti murid-murid Orang Asli kurang peka dan bertanggungjawab dalam menjaga peralatan masing-masing.

#### **4.3.3 Persoalan Proses**

##### **4.3.3.1 Apakah permasalahan-permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan Program LINUS?**

Pelaksanaan Program LINUS tidak dapat tidak daripada menghadapi masalah dalam aspek pelaksanaannya, seperti kesesuaian modul LINUS dengan murid Orang Asli, peranan pihak pengurusan sekolah, peranan guru LINUS, permasalahan diri murid-murid Orang Asli dan kerjasama dengan ibu bapa murid-murid serta pihak yang berkaitan. Walaupun sebahagian besar guru LINUS bersetuju dan menggunakan modul LINUS, namun mereka kurang setuju dengan kandungan modul tersebut yang ada

diantaranya kurang sesuai dengan murid Orang Asli. Analisis terhadap dimensi proses dapat dilihat melalui Jadual 4.7 berikutnya.

Analisis dimensi proses dalam pelaksanaan Program LINUS yang ditunjukkan melalui Jadual 4.7 menjelaskan skor min keseluruhan ialah =3.35 manakala sisihan piawainya = 1.348 yang terdiri daripada 23 item. Walaupun keseluruhannya skor berada pada tahap tinggi, namun terdapat 13 item berada pada tahap sederhana iaitu antara = 1.67 hingga = 3.33, antaranya item 3, item 4, item 5, item 10, item 11, item 12, item 13, item 14, item 15, item 16, item 17, item 18 dan item 21.

Jadual 4.7

*Analisis Dimensi Proses dalam Pelaksanaan Program LINUS*

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Saya perlu menguasai banyak bahagian dalam Modul LINUS.	4.09	0.70
2	Saya perlu menguasai setiap bahagian dalam Modul LINUS sebelum melaksanakan ujian LINUS.	4.83	5.46
3	Saya rasa terbeban untuk menguasai semua bahagian dalam Modul LINUS.	3.04	1.10
4	Saya berpendapat Modul LINUS perlu dikurangkan bahagian tertentu.	3.08	1.05
5	Saya kurang menggunakan Modul LINUS semasa mengajarkan murid di kelas LINUS.	2.71	1.04
6	Modul LINUS perlu juga dimasukkan perkara perkataan berkaitan dengan persekitaran murid.	4.04	0.77
7	Modul LINUS perlu juga dimasukkan peristiwa berkaitan dengan persekitaran murid.	4.09	0.73
8	Modul LINUS khusus bagi murid-murid orang Asli perlu diadakan.	4.51	0.76
9	Modul LINUS perlu bersifat amali dan bukannya bersifat teori semata-mata.	4.34	2.11

### sambungan Jadual 4.7

10	Modul LINUS membosankan kerana guru hanya menggunakan modul tersebut setiap kali aktiviti di kelas.	3.02	0.91
11	Jadual waktu kelas selalu berubah-ubah.	3.13	0.99
12	Tempat belajar kelas LINUS selalu berubah-ubah.	2.73	1.08
13	Saya selalu tidak masuk kelas semasa Kelas LINUS sebab ada tugas lain.	1.98	0.95
14	Saya kadang kala lewat ke kelas semasa kelas LINUS sebab ada tugas lain.	2.14	0.98
15	Ada murid yang tidak masuk kelas (ponteng) semasa Kelas LINUS.	2.27	1.13
16	Murid selalu lewat untuk ke kelas LINUS.	2.63	4.58
17	Murid selalu lewat untuk ke kelas LINUS.	2.46	1.13
18	Murid tidak dapat menumpukan perhatian semasa kelas LINUS.	2.64	1.15
19	Murid perlukan keadaan kelas yang selesa dan kondusif untuk belajar.	4.21	0.94
20	Pihak sekolah perlu memberikan perhatian terhadap keselesaan kelas LINUS.	4.15	0.93
21	Saya berpendapat murid turut terbeban dalam mengikuti Program LINUS.	2.79	0.96
22	Pihak sekolah memberikan sokongan sepenuhnya dalam menjayakan Program LINUS.	4.26	0.80
23	Ibu bapa dan masyarakat memberikan sokongan sepenuhnya dalam menjayakan Program LINUS.	3.91	0.77

Item 3, item 4, item 5 dan item 10 adalah berkaitan Modul LINUS. Guru-guru LINUS terasa terbeban untuk mengusai keseluruhan bahagian dalam modul tersebut. Ini kerana aspek lain juga perlu dikuasai guru seperti persediaan mengajar, penyediaan fail murid, ujian saringan, pelaporan secara dalam talian (*on line*), dan lain-lain. Justeru, guru-guru LINUS berpendapat bahagian-bahagian tertentu modul tersebut perlu

dikurangkan dan disesuaikan mengikut keperluan murid, seperti murid Orang Asli. Ini kerana murid mudah bosan kerana setiap kali sesi PdP, guru akan menggunakan modul tersebut. Justeru, guru LINUS kurang menggunakan modul LINUS, sebaliknya merujuk sumber lain sebagai bahan PdP yang lebih menarik dan tidak membosankan.

Item 11, item 12, item 13 dan item 14 berkaitan dengan pelaksanaan PdP dalam kelas LINUS. Walaupun jadual kelas LINUS ditetapkan, namun jadual waktu kerap berubah-ubah begitu juga dengan tempat belajar murid LINUS. Ini disebabkan kekangan kelas yang dihadapi oleh sekolah. Jika terdapat aktiviti tertentu, tempat kelas terpaksa diubah ke tempat lain seperti pusat sumber, kantin, bilik mesyuarat dan sebagainya. Begitu juga jika guru LINUS mempunyai tugas lain, kelas terpaksa ditunda atau guru lewat untuk memulakan kelas tersebut. Jika guru LINUS berkursus, PdP kelas LINUS terpaksa ditunda disebabkan guru langsung tidak masuk kelas untuk tempoh masa guru berkursus. Jadi PdP kelas LINUS terpaksa ditangguhkan.

Item 15, item 16, item 17, item 18 dan item 21 adalah berkaitan dengan murid Orang Asli semasa mereka menyertai kelas LINUS. Mereka selalu ponteng kelas dan ponteng sekolah. Situasi ini memberikan masalah kepada guru LINUS. Analisis dokumen kehadiran mendapati murid Orang Asli selalu ponteng sekolah dan purata peratus kehadiran ke sekolah adalah sekitar 80% bagi sesi persekolahan tahun 2014 (Lampiran 8). Terdapat juga murid yang hadir tetapi lambat masuk kelas kerana alasan tertentu seperti lupa, berjumpa kawan dan sebagainya.

Permasalahan dalam dimensi ini dapat di jelaskan melalui beberapa aspek seperti berikut:

#### **4.3.3.1.1 Modul LINUS**

Murid-murid Orang Asli juga menghadapi masalah dalam mengikuti kelas LINUS disebabkan mereka gagal menguasai dan memahami modul LINUS. Masalah kesesuaian modul perlu diberikan perhatian memandangkan persekitaran hidup murid Orang Asli berbeza dengan murid biasa. Begitu juga dengan kedudukan sekolah Orang Asli yang terletak di kawasan pedalaman. Selain itu, murid Orang Asli juga mempunyai masalah bahasa dan mengetahui kosa kata bahasa Malaysia yang terhad. Keadaan dapat dijelaskan oleh seorang FasiLINUS.

*“... murid Orang Asli mempunyai kosa kata masih rendah... bagi mereka, bahasa Malaysia adalah bahasa kedua, ada sedikit masalah pemahaman terutama etnik Jahai...” (SSTB/ FL 1 PPDHP/ 6.12.14, 32 - 34)*

Permasalahan yang wujud berkaitan modul LUNUS boleh menjaskan pencapaian matlamat dan objektif Program LINUS. Modul yang dibekalkan harus dibezakan dengan murid sekolah kebangsaan (SK) atau sekolah jenis kebangsaan (SJK). Ini kerana persekitaran hidup dan petempatan murid Orang Asli jauh berbeza dengan maklumat yang dimasukkan dalam modul tersebut. Gambar-gambar dalam modul LINUS misalnya, sukar difahami dan dijelaskan oleh mereka disebabkan pengetahuan sedia ada mereka amat terhad (Lampiran 9). Justeru, dalam pembinaan Modul LINUS bagi murid Orang Asli, pandangan Ornstein dan Hunkins (2014) perlu diambil kira dalam pembinaan modul tersebut. Ini kerana murid-murid Orang Asli masih jauh ketinggalan daripada segi kemudahan asas seperti siaran televisyen, radio atau *internet*, malah sesetengah petempatan mereka tiada bekalan elektrik seperti di Hulu Perak, pedalaman Sungai Siput dan Batang Padang (Palio, 1986; Mayer, 2001).

Justeru, dalam pembinaan modul LINUS perlu mengambil kira aras kognitif, persekitaran hidup dan kemudahan infrastruktur yang terdapat di kawasan petempatan

murid terutamanya murid Orang Asli. Jika perkara ini tidak diambil kira sudah pasti guru yang mengajar murid-murid Orang Asli akan menghadapi cabaran dalam menghadapi karenah mereka disebabkan maklumat yang diberikan dalam modul tersebut sukar untuk mereka capai. Ini kerana masyarakat Orang Asli masih ketinggalan berbanding dengan masyarakat Melayu, Cina atau India. Ini dijelaskan oleh seorang guru LINUS.

*“... bagi murid Orang Asli mereka berbeza sedikit. Mereka masyarakat terasing, tinggal di pedalaman / pinggir kampung dan kurang mendapat perhatian dari segi pendidikan dan kesihatan. Pemikiran mereka adalah lebih kepada untuk hidup, dan makan. Mereka tak pentingkan pendidikan; kebanyakannya mereka fikir tak dak saerah hantar anak ke sekolah. Tapi mereka anggap hantar anak ke sekolah untuk bermain dan makan, lepas tu dapat bantuan duit...jadi bahan bacaan seperti Modul LINUS perlu sesuai dengan budak-budak ini...”.* (TBF /GL10 SMOA 4/ 16.10.2014, 72 - 78)

#### **4.3.3.1.2 Pihak Pengurusan Sekolah**

Persekutuan pembelajaran yang kondusif amat penting untuk semua murid belajar. Terdapat sekolah murid Orang Asli yang tidak mempunyai kemudahan bekalan elektrik, dan keadaan amat memberi kesan kepada keselesaan murid terutama jika sesi PdP berlangsung pada waktu tengah hari dan suasana cuaca yang panas. Murid Orang Asli adalah murid yang aktif, mereka mudah berpeluh, dan mereka tidak dapat memberikan tumpuan sepenuhnya semasa pengajaran di kelas LINUS terutamanya jika interaksi berlangsung selepas waktu rehat. Kemudahan seperti kipas angin amat penting bagi memberikan persekitaran pembelajaran yang selesa. Situasi ini disokong FasiLINUS daerah yang menjelaskan keperluan bekalan elektrik untuk memastikan murid-murid kondusif di dalam kelas.

*“... bagi sekolah yang mempunyai bekalan elektrik 24 jam suasana lebih kondusif, berbanding sekolah yang tiada bekalan elektrik...”* (SSTB/ FL 01 PPDHP/6.12.14, 12 – 13)

Persekutuan sebegini masih terdapat di sekolah murid Orang Asli di daerah Kuala Kangsar. Bagi sekolah murid Orang Asli di Hulu Perak, misalnya SK RPS Banun, sekolah tersebut dibekalkan dengan kemudahan elektrik sekitar tahun 2012. Lawatan Penyelidik pada tahun 2007 hingga 2009 di bawah Program KIA2M, sekolah tersebut menggunakan *jenerator* untuk mendapat elektrik, dan bekalan elektrik hanya berfungsi pada waktu malam sahaja. Jika kerosakan berlaku pada *jenerator* atau kehabisan minyak diesel, lilin terpaksa digunakan.

Kemudahan bekalan elektrik dan air perlu diambil berat oleh pihak pengurusan sekolah di samping kemudahan infrastruktur lain seperti meja, kerusi, lampu, kipas siling dan sebagainya. Terdapat sekolah yang menggunakan air sungai atau air tasik sebagai air kegunaan harian dan bekalan air untuk asrama sekolah. Jika berlaku kerosakan pam air, tandas akan menjadi kotor dan hancing. Murid-murid Orang Asli terpaksa ke sungai atau tasik untuk mandi atau membasuh pakaian, keadaan ini menimbulkan masalah keselamatan kepada murid-murid berkenaan.

Peranan pihak pengurusan sekolah perlu memastikan kemudahan asas tersebut didapati di sekolah masing-masing. Murid-murid Orang Asli seronok datang ke sekolah sebab semua kemudahan tersedia dan dengan seronok mengikuti pengajaran guru. Dalam pelaksanaan Program LINUS pula, kebanyakan sekolah tidak mempunyai bilik pengurusan Program LINUS. Bilik guru atau bilik guru kanan dijadikan bilik pengurusan Program LINUS. Manakala kelas pula berkongsi dengan murid arus perdana, Cuma ruangan di bahagian belakang diselenggara sebagai sudut Program LINUS. Kekangan bilik ini turut sama menyumbang kepada permasalahan dalam

pelaksanaan Program LINUS di sekolah. Situasi ini menjelaskan Model Keberkesanan Organisasi Yuchtman dan Seashore (1967) amat menitikberatkan kos pengurusan dan kekangan kewangan sebagai elemen penggerak utama kepada pengurusan berkesan. Hal ini turut disokong oleh Van Meter dan Van Horn (1975) serta Mariani (2016).

#### 4.3.3.1.3 Guru LINUS

Pelaksanaan Program LINUS amat bergantung kepada kefahaman dan komitmen guru LINUS dalam melaksanakan tugas mereka. Pertukaran atau perubahan guru pelaksana menyebabkan guru baharu perlukan masa untuk memahami, menguasai modul LINUS, membiasakan diri dengan strategi dan kaedah pelaksanaan PdP, dan komunikasi dengan murid-murid LINUS Orang Asli. Begitu juga dengan pertukaran penyelaras Program LINUS atau fasiLINUS. Situasi ini dipersetujui oleh seorang fasiLINUS. Beliau berpendapat perkara ini boleh memberi kesan kepada pelaksanaan Program LINUS.

*“... kekerapan menukar penyelaras atau guru LINUS kepada guru baharu menyebabkan kefahaman pelaksanaan Program LINUS kurang lancar. Guru baharu mengambil masa untuk memahami program ini” (SSTB/ FL 01 PPDHP/ 6.12.14, 20 - 22)*

Terdapat segelintir guru LINUS yang kurang kreatif dan komited dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan. Mereka menyediakan bahan bantu mengajar (BBM) sekadar “*melepaskan batok di tangga*”. Sikap dan tahap motivasi sedemikian boleh menjelaskan pelaksanaan Program LINUS di sekolah. Mereka hanya membuat persediaan PdP apabila diberitahu akan dipantau oleh jemaah nazir dan jaminan kualiti (JNJK) atau pihak pejabat pendidikan daerah (PPD). Guru sedemikian juga, apabila dipanggil berkursus selalu datang lewat mendaftar diri untuk berkursus atau selalu

hilang setiap kali slot atau bengkel kursus. Justeru, pihak pengurusan sekolah perlu mengambil tindakan memantau, menasihat atau membimbang guru-guru tersebut supaya komitmen terhadap tugas dapat ditingkatkan. Guru-guru sedemikian kurang motivasi atau menghadapi tekanan sebab diarahkan mengajar SMOA yang terletak di kawasan pedalaman dan tiada kemudahan infrastruktur yang selesa. Kadang-kadang surat panggilan mesyuarat atau kursus lewat diterima disebabkan masalah perhubungan.

Dalam pelaksanaan Program LINUS, peranan guru amatlah penting. Guru bertindak sebagai pendidik, pembimbing, ibu bapa, kawan dan pekerja sosial bagi sekolah murid Orang Asli. Guru perlu mempraktikkan teori pembelajaran yang dikuasai apabila berhadapan dengan murid-murid seperti Teori Pembelajaran Behaviorisme, Teori Pembelajaran Kognitif, Teori Pembelajaran Humanis, atau Teori Pembelajaran Sosial. Hanya guru yang bermotivasi tinggi, inovatif dan kreatif, sabar dan mampu berdikari serta berpengalaman yang mampu menggalas tanggungjawab tersebut dan meningkatkan pencapaian akademik murid-murid Orang Asli.

#### **4.3.3.1.4 Murid-murid Orang Asli**

Jika diamati tingkah laku, raut wajah dan tindak balas murid-murid Orang Asli di kelas, kita dapati mereka turut terbeban dengan setiap aktiviti dan sesi PdP di kelas LINUS. Ini kerana guru-guru LINUS perlu menghabiskan sukatan pelajaran Program LINUS dan memastikan semua murid melepassi ujian saringan LINUS dan masuk ke kelas arus perdana. Tekanan ini berlaku disebabkan aras kognitif murid Orang Asli yang rendah dan mereka pula banyak ponteng sekolah. Situasi ini disokong oleh seorang guru besar dalam menjelaskan situasi di atas.

*“...ada di antara murid Orang Asli ni, tidak selesa untuk belajar, tidak fokus dan kacau murid lain. Murid-murid lain pun selalu mengadu soal sikap yang suka mencuri makanan murid lain, kalu guru suruh buat kerja tak mau buat. Tapi kalu guru ajar baca dia boleh ikut, cuma lambat sikit daripada murid lain...”* (TB/GB5/SMOA6/ 8.10.14, 56 - 59)

Masalah ponteng sebenarnya berkait rapat dengan sikap ibu bapa Orang Asli mendidik anak-anak mereka. Disebabkan faktor kemiskinan dan latar belakang pendidikan menyebabkan mereka kurang memberikan perhatian terhadap pendidikan anak-anak mereka. Kenyataan ini disokong oleh seorang guru LINUS yang mengajar murid-murid Orang Asli.

*“... masyarakat Orang Asli tidak mementingkan pendidikan sebab kerajaan banyak bantu, melalui JAKOA. Mereka tak kisah pasal pendidikan, sebab kebanyakan generasi tua tidak berpendidikan langsung, bagi yang pernah bersekolah mereka tak menamatkan alam persekolahan. Mereka, muda-muda dah kahwin. Jadi mereka tak pentingkan pendidikan, mereka hidup untuk sara keluarga dengan buat kerja kutip hasil hutan, cuma ada yang maju sikit, mereka bekerja sebagai penoreh getah, kerja ladang kelapa sawit”.* (GL 11/ SMOA 4/ 16.10.14, 48 -54)

Beliau melontarkan idea supaya pihak pengurusan sekolah perlu memberikan tumpuan soal kehadiran murid Orang Asli ke sekolah. Ini bertepatan dengan Surat Pekeliling Bil 6/ 1995 berkaitan dengan masalah ponteng sekolah yang dikeluarkan oleh pihak KPM.

*“....ponteng sekolah dan ponteng kelas merupakan perlakuan yang menyalahi peraturan sekolah dan jika murid dibiarkan ponteng sekolah dan ponteng kelas sehingga menjadi amalan dan tabiat, ianya boleh membawa kesan negatif terhadap diri murid sendiri, keluarganya dan juga sekolah. Seterusnya, perlakuan tersebut*

*memungkinkan seseorang murid hilang sifat bertanggungjawab, akan ketinggalan dalam pelajaran dan yang paling dikhawatirinya mereka akan melibatkan diri dengan kegiatan-kegiatan negatif*" (Jabatan Sekolah, KPM, 1995)

Permasalahan berkaitan murid-murid Orang Asli amat berkait rapat dengan Teori Pembelajaran Behaviorisme, Teori Pembelajaran Kognitif dan Teori Pembelajaran Sosial. Mereka perlu diberikan motivasi dan kesedaran tentang kepentingan pendidikan serta menghindari masalah ponteng. Misalnya, JPN Perak menganjurkan Program Permata Rimba bagi murid-murid SMOA dalam meningkatkan motivasi dan pencapaian akademik mereka.

#### **4.3.3.1.5 Ibu bapa Orang Asli dan Pihak Berkaitan**

Pelaksanaan Program LINUS dalam kalangan murid Orang Asli mampu mencapai matlamat dan objektifnya jika semua pihak mempunyai komitmen yang tinggi dan mempunyai persepsi bahawa program itu penting bagi meningkatkan kemajuan pendidikan masyarakat Orang Asli secara keseluruhannya. Semua pihak termasuklah pihak pengurusan sekolah, guru LINUS, penyelaras LINUS, fasiLINUS, pihak PPD, JPN, PIBG, JAKOA, Tok Batin dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO). Ini kerana masalah utama yang dihadapi SMOA ialah masalah ponteng sekolah dan ponteng kelas yang tinggi. Permasalahan tersebut dikongsi oleh seorang guru besar yang ditemui.

*"...Saya nampak jelas daripada aspek kehadiran, murid ponteng sekolah, PdP guru tidak dapat dijalankan dengan sempurna. Ibu bapa suka bawa anak mereka ke hutan, mencari hasil hutan seperti pada musim buah durian. Ini menyebabkan murid Orang Asli ponteng sekolah. Apabila ujian saringan dibuat, ramai yang gagal, lebih teruk lagi masuk kelas pemulihan bagi yang tegar. Murid hanya kehadiran penuh pada*

*bulan Januari, Mac dan Jun kerana pihak sekolah mengagihkan duit KWAPM dan bantuan persekolahan. Bantuan sebanyak RM200 untuk beli peralatan sekolah dan bantuan persekolahan RM50 sebulan yang beri pada awal tahun dan pertengahan tahun". (TB/ GB1/ SMOA2 /6.10.2014, 67 - 75)*

Masalah ponteng dapat dikurangkan misalnya melalui Program Dialog Prestasi Sekolah Murid Orang Asli. Matlamat program ini bagi membincangkan permasalahan yang wujud dan mencari jalan penyelesaian kepada masalah tersebut. Ini kerana ibu bapa berperanan dalam mengawal dan mendidik anak-anak mereka di rumah. Jika ibu bapa tidak membenarkan anak-anak ke sekolah, anak-anak akan mengikut ibu bapa ke hutan untuk mencari hasil hutan atau anak-anak duduk bermain di rumah sahaja. Justeru melalui dialog berkenaan, ibu bapa diberikan penjelasan dan taklimat kepentingan menghantar anak-anak untuk belajar di sekolah. Perkara ini dikongsi oleh seorang guru LINUS.

*"...ramai murid Orang Asli ponteng kerana mengikut ibu bapa mereka mencari hasil hutan. Perkara ini sukar untuk dikawal kerana mencari hasil hutan adalah sumber pendapatan mereka untuk perbelanjaan sehari-hari atau persekolahan anak-anak. Oleh kerana kerap ponteng, murid Orang Asli ketinggalan dalam pelajaran mereka. Sikap komuniti yang mudah berpuas hati dengan kehidupan sekarang menyebabkan mereka kurang mengambil berat tentang pelajaran dan selesa dengan kehidupan mereka sekarang". (TBF GL14/SMOA 5/14.10.2014, 82-88)*

Perkara tersebut disokong oleh seorang lagi guru LINUS. Beliau berpendapat ibu bapa murid Orang Asli sedar akan kepentingan memberikan pendidikan kepada anak-anak. Cuma kekangan tertentu menghalang mereka berbuat demikian.

*“...masyarakat Orang Asli sudah mempunyai kesedaran tentang pendidikan sebab itu anak-anak mereka dihantar ke sekolah. Cuma tahap kesedaran mereka terhadap pendidikan mereka masih rendah. Kebanyakan urusan mendidik anak-anak diberikan kepada pihak sekolah. Ini mungkin disebabkan tahap pendidikan mereka yang rendah. Kalau mereka mengambil berat pun dengan menyediakan sumber kewangan untuk anak-anak untuk ke sekolah, tapi soal membimbing anak-anak mereka masih tidak ambil kisah. Mereka mengakui perkara sedemikian kerana mereka mereka sibuk dengan kerja mengambil hasil hutan dan menyerahkan soal kerja sekolah kepada guru dan pihak sekolah”.* (TBF GL14/SMOA 5/14.10.2014, 78- 86)

Justeru, dalam mengatasi masalah ponteng sekolah, semua pihak perlu mengambil maklum dan tidak boleh menyalahkan ibu bapa murid Orang Asli semata-mata. Ini kerana masyarakat Orang Asli amat bergantung kepada sumber hutan sebagai mata pencarian mereka. Bagi masyarakat Orang Asli yang terlibat dalam aktiviti pertanian seperti membuka kebun getah dan kelapa sawit, pendapatan mereka lebih terjamin dan mereka lebih terdedah dengan masyarakat luar dalam proses jual beli hasil pertanian tersebut. Begitu juga dengan Orang Asli yang mengamalkan kahwin campur dan memeluk agama Islam, kehidupan mereka lebih kepada masyarakat Melayu. Mereka ini terdiri daripada masyarakat Orang Asli yang berkerjaya seperti bekerja sebagai kakitangan awam dan swasta. Rumusan daripada perkara tersebut dapat dibuat berdasarkan pendapat seorang guru besar yang ditemui. Beliau berpendapat masalah pokok adalah ibu bapa murid Orang Asli itu sendiri.

*“...nampak masalah ponteng dan sikap ibu bapa murid Orang Asli memberi kesan besar kepada pelaksanaan Program LINUS ini. Ini kerana jika murid ponteng dan tidak hadir ke sekolah, guru tidak melaksanakan PdP dengan baik. Ibu bapa pula kurang berminat atau tiada kesedaran terhadap pendidikan. Mereka tidak tegas terhadap*

*anak-anak masing-masing. Mereka lebih pentingkan soal kehidupan harian seperti mengutip hasil hutan, memburu binatang, dan lain-lain. Kemiskinan hidup menyebabkan mereka pentingkan soal untuk terus hidup dengan, dan kurang memberi perhatian soal pendidikan anak-anak dan mereka juga kurang membantu anak-anak mereka dalam pelajaran. Di sekolah ini saya lihat trend, di mana ibu bapa Orang Asli kurang komitmen dengan pendidikan nak-anak, kalau ada pun keluarga Orang Asli yang kahwin campur dengan Melayu. Jadi, kalau kita nak beri pendedahan pada ibu bapa tentang Program LINUS, hanya kepada yang hadir sahaja lah. Daripada 12 keluarga, yang adatang hanya 4 keluarga sahaja; Yang lain mungkin sibuk kot". (TB GB2/SMOA 3/17.10.2014, 43- 55)*

#### **4.3.3.2 Bagaimanakah guru-guru LINUS dan pentadbir LINUS menghadapi permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan Program LINUS?**

Dalam pelaksanaan PdP Program LINUS, murid-murid Orang Asli dilihat melibatkan diri mereka dalam aktiviti semasa pengajaran guru di kelas LINUS. Mereka seronok dalam mengikuti kelas tersebut dan menjadikan suasana kelas ceria dan riang. Hasil pemerhatian yang dilakukan di kelas LINUS mendapati sebahagian besar murid Orang Asli memberi kerjasama penuh kepada PdP guru. Mereka berminat dengan pengajaran guru dan aktiviti yang disediakan semasa PdP berlangsung. Persekutaran pembelajaran sedemikian memberikan persepsi bahawa murid-murid Orang Asli dapat menerima pelaksanaan Program LINUS. Di sini kita dapat simpulkan murid-murid Orang Asli memberikan maklum balas yang positif terhadap pelaksanaan Program LINUS.

Guru-guru dan penyelaras LINUS berpendapat Program LINUS amat baik bagi meningkatkan kadar literasi murid-murid Orang Asli. Ini kerana mereka berpendapat program yang dijalankan sebelum ini seperti Program KIA2M gagal mencapai

matlamat dan objektif mengeluarkan murid-murid Orang Asli keluar daripada masalah buta huruf. Cuma laporan dan saringan sering kali membebankan guru-guru dan penyelaras LINUS. Hal ini dikongsi oleh seorang guru LINUS.

*“...program ini dapat meningkatkan kadar literasi murid Orang Asli, namun guru-guru LINUS turut terbeban. Beban kerja bukan setakat mengajar sahaja, tetapi penyediaan laporan, ujian saringan, membuat pemulihan dan pelaporan, sama ada secara manual atau online, masalah lebih teruk jika line internet slow atau terputus, dan data kena isi juga secara online.”* (TBF GL1/ SMOA 1/ 3.10.14, 56- 60)

Permasalahan yang wujud terhadap beban tugas guru pelaksana LINUS menyebabkan Program LINUS telah diubah suai dan diperkenalkan Program LINUS 2.0. Program ini yang bermula tahun 2013 mengurangkan saringan daripada tiga kepada dua sahaja, dan memperkenalkan literasi Bahasa Inggeris. Namun dokumentasi terhadap Program LINUS tetap sama. Selepas saringan, guru dan penyelaras LINUS perlu menghantar laporan dalam bentuk minit curai (Lampiran 10), melaporkan taklimat saringan peringkat sekolah perlu disertakan gambar dan borang kehadiran; melaporkan data murid yang tidak menguasai iaitu tahun 1, tahun 2 dan tahun 3 serta menyediakan masalah yang dihadapi setiap orang murid, seperti latar belakang murid, prestasi kehadiran dan sikap murid. Jika dibandingkan dengan guru bukan LINUS atau guru mata pelajaran lain, mereka lebih terbeban. Ini kerana mereka turut terlibat sama dalam aktiviti kokurikulum di sekolah. Mereka juga turut dilantik sebagai ahli jawatankuasa (AJK) program komuniti peringkat sekolah dan daerah.

Peranan pihak pengurusan sekolah amat penting bagi memastikan persepsi guru-guru dan penyelaras LINUS diubah dan membina semangat keseronokan bekerja selaras dengan Tonggak 12 Perkhidmatan Awam Malaysia (INTAN, 1992). Justeru

pihak pengurusan sekolah perlu empati dengan tugas guru LINUS dan penyelaras LINUS dengan mengambil pendekatan musyawarah dan turun padang. Ini kerana pelaksanaan Program LINUS banyak bergantung kepada keupayaan guru dan penyelaras LINUS dalam menguruskan PdP dan pentadbiran program dari awal hingga akhir. Guru besar perlu memberi bimbingan dan motivasi semua guru terhadap perihal pentingnya program ini dalam meningkatkan potensi murid-murid Orang Asli daripada peringkat sekolah lagi. Guru-guru juga perlu diterapkan dengan konsep guru berkesan, guru cemerlang dan guru penyayang.

Guru besar mengambil inisiatif dengan mengubah persepsi bukan sahaja guru dan penyelaras LINUS tetapi semua guru serta kaki tangan sekolah dengan meletakkan matlamat dan objektif sekolah mencapai sifar murid LINUS dan pemulihan. Penerapan budaya kerja bersama dan kejayaan bersama dapat meningkatkan persepsi guru-guru dan memberikan nilai tambah dalam mencorakkan pelaksanaan, hala tuju dan melonjakkan pencapaian Program LINUS. Ini kerana cabaran baharu dunia pendidikan bukan sahaja terletak kepada kekangan kewangan, kos pengurusan yang tinggi dan guru berinovasi, malahan aspek kaum, bahasa, kualiti dan pensijilan (Mariani, 2016).

#### **4.3.3.2.1 Pemerhatian di Kelas LINUS**

Pemerhatian di enam buah sekolah murid Orang Asli (SMOA) di 6 buah daerah di negeri Perak mendapati semua guru LINUS menggunakan modul LINUS yang dibekalkan melalui Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) masing-masing. Sekolah-sekolah yang majoriti murid Orang Asli terletak di bawah pengurusan fasiLINUS dengan nisabah 1: 30 meliputi daerah Hulu Perak, Batang Padang, Perak Tengah, Kinta Utara, Kinta Selatan dan Perak Tengah. Dari segi pengurusan, semua SMOA adalah sekolah

kebangsaan, ada antaranya sekolah harian biasa, sekolah berasrama dan sekolah model khas.

Secara keseluruhannya, sesebuah kelas LINUS di SMOA mempunyai bilangan murid yang berdaftar yang ramai iaitu antara 25 hingga 35 orang murid. Namun masalah ponteng menyebabkan bilangan murid yang hadir bagi setiap kali interaksi adalah berkurang. Selain itu, masalah tidur di dalam kelas, tidak fokus semasa guru mengajar, pasif, sukar bergaul sesama mereka dan lambat bertindak serta lemah kognitif. Keadaan ini terjadi mungkin disebabkan bilangan murid yang terlalu ramai di dalam kelas menyebabkan sukar bagi guru LINUS menumpukan perhatian secara individu. Keadaan ini berbeza dengan bilangan murid di kelas murid Orang Asli di Florida, Amerika Syarikat yang menetapkan bilangan maksimum sesebuah kelas adalah 15 orang murid (Ackerman, 2013).

Walaupun pengajaran guru nampak lancar dan mengikut perancangan, namun aspek kawalan kelas agak longgar. Guru lebih memberi tumpuan kepada murid yang aktif menjawab, mengambil bahagian dalam PdP dan secara sukarela ke hadapan menulis di papan putih. Murid-murid yang pasif kelihatan agak bosan, ada yang tertidur keletihan dan ada yang menganggu kawan. Guru meneruskan pengajaran sehingga masa tamat walaupun guru sendiri kurang selesa dengan keadaan kelas sedemikian. Ini disebabkan bilangan murid yang ramai di kelas tersebut. Kelas terpaksa dilaksanakan di kelas biasa dan bukannya di kelas khas seperti kelas LINUS. Kajian mendapati murid-murid tidak mengambil sarapan pagi dan mengabaikan pengambilan makanan berzat menyebabkan mereka mengantuk dan tertidur semasa guru mengajar.

Pemerhatian di sebuah kelas SMOA juga mendapati murid-murid Orang Asli kurang bermotivasi untuk mengikuti pembelajaran di kelas LINUS. Mereka seolah-olah

datang ke sekolah seperti dipaksa disebabkan pada awal tahun semua murid mendapat bantuan persekolahan seperti KWAPM (Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin) dan wang saku, dan lain-lain. Mereka yang datang ke sekolah diberikan bantuan makanan tambahan di bawah Rancangan Makanan Tambahan (RMT), di samping ada yang tinggal asrama akan mendapat bantuan penuh daripada kerajaan dan JAKOA. Guru LINUS menghadapi murid-murid yang tidak bersedia untuk belajar terpaksa memahami keperluan murid-murid itu dahulu sebelum menyelesaikan PdP di kelas. Bagi mengenal pasti setiap murid, guru perlu merujuk rekod kesihatan murid dan rekod peribadi murid. Rekod-rekod ini perlu dikemas kini bagi memastikan setiap murid bukan berkeperluan khas. Jika murid-murid Orang Asli dikatogeri sebagai murid LINUS tegar, mereka perlu dilibatkan dalam program *Outreach* (Lampiran 11).

Pemerhatian mendapati murid Orang Asli yang mendapat sokongan ibu bapa lebih baik pencapaiannya daripada murid yang tidak mendapat sokongan ibu bapa. Ada ibu bapa yang mempunyai kesedaran dengan beranggapan sekolah boleh memberikan pendidikan dan bantuan kepada anak-anak mereka (Bronfenbrenner, 1977). Namun bagi pihak ibu bapa sendiri, mereka kurang berkemampuan untuk memberikan bantuan kewangan persekolahan dan sokongan sewajarnya seperti disarankan dalam Program Sarana Ibu bapa.

Ibu bapa perlu hadir ke sekolah untuk bertanyakan prestasi pendidikan anak-anak masing-masing terutamanya yang terlibat dalam program LINUS dan mencari jalan penyelesaiannya. Namun, pemerhatian mendapati inisiatif pihak sekolah atau pihak pejabat pendidikan daerah (PPD) dan fasiLINUS berjaya menganjurkan satu program taklimat berkaitan pelaksanaan Program LINUS untuk ibu bapa. Misalnya pihak sekolah menjemput ibu bapa untuk hadir ke sekolah bagi mendengar taklimat berkaitan program LINUS seperti anjuran PPD Hulu Perak (Lampiran 12).

Bagi melihat sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di sebuah kelas LINUS SMOA, penyelidik menggunakan Borang Pemerhatian yang diubah suai daripada borang penilaian praktikum IPG (2012) dan *ISTE Classroom Observation Tool (COT)* (2010). Aspek-aspek pemerhatian dapat dilihat pada Rajah 4.1. Pemerhatian dibuat terhadap pelaksanaan PdP sebuah kelas LINUS di SMOA6.

Pemerhatian dibuat semasa guru mengadakan sesi PdP bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia. Kehadiran kelas merekodkan 6 orang murid tidak hadir daripada 35 orang murid di kelas tersebut. Pelaksanaan pengajaran guru pada hari tersebut berlangsung pada pukul 11 pagi hingga 12 tengah hari. Biarpun waktu itu masa yang amat sesuai untuk sesi PdP disebabkan murid baharu sahaja menikmati makanan selepas waktu rehat, namun didapati sebahagian besar murid kelihatan letih dan kurang memberikan tumpuan semasa guru mengajar. Murid seolah-olah baharu sahaja mengikuti kelas pendidikan jasmani. Namun, kesungguhan guru LINUS harus dipuji kerana berjaya menjadikan suasana kelas menjadi ceria dan bertenaga.

Guru memulakan sesi pengajaran dengan menunjukkan gambar-gambar yang berkaitan dengan tajuk iaitu membina ayat tunggal. Setiap gambar yang ditunjukkan disertakan dengan ayat tunggal yang menerangkan peristiwa dalam gambar tersebut. Guru menerangkan peristiwa yang berlaku dalam bentuk ayat tunggal. Selepas itu, baharulah guru memperkenalkan tajuk pengajaran pada hari tersebut, dan meminta murid-murid menulis tajuk pengajaran pada buku latihan masing-masing. Didapati murid-murid sudah mampu menulis dengan baik dan berjaya menyalin ayat tunggal yang dipaparkan guru di papan putih kelas (Bandura, 1977). Rajah 4.1 menjelaskan RPH guru semasa pemerhatian di kelas LINUS berkenaan.

Tarikh : 3/10/2014  Masa: 11 pagi - 12 tengah hari  Mata Pelajaran : Bahasa Malaysia  Tajuk : Membina ayat tunggal	Kelas : 3 L  Kehadiran Murid : 29/ 35  Nama Guru : GL 1  Sekolah: SMOA 6
<p>1. Objektif PdP:</p> <p>2. Aktiviti PdP:</p> <p>3. Pengetahuan &amp; kemahiran murid:</p> <p>4. Pencapaian objektif PdP:</p> <p>5. Penglibatan murid dalam PdP:</p> <p>6. Pemerhatian penglibatan murid:</p> <p>7. Soalan guru LINUS:</p> <p>8. PdP mengukur kefahaman murid:</p> <p>9. Aktiviti penutup PdP:</p> <p>10. Keseluruhan PdP: (kekuatan/ kelemahan/ ubah suai)</p>	<p>Objektif jelas dan boleh dicapai.</p> <p>Penggunaan LCD dan permainan interaktif.</p> <p>Murid faham apa yang disampaikan guru.</p> <p>Objektif tercapai, murid boleh membina ayat tunggal dan terlibat dalam permainan interaktif.</p> <p>Murid dapat berinteraksi dengan baik walaupun menggunakan bahasa pasar. Guru menegur dan membetulkan perlakuan murid.</p> <p>Penglibatan aktif, perbincangan antara rakan, pemupukan kemahiran berfikir.</p> <p>Guru menggunakan bahasa mudah/ ulasan untuk membimbing pemahaman soalan.</p> <p>Aktiviti dirancang mengambil kira kemampuan murid. Murid mengikuti PdP dengan berkesan.</p> <p>Menggunakan teknik didik hibur dan soal jawab untuk mengakhirkan PdP.</p> <p>PdP berjalan lancar, guru melaksanakan PdP mengikut perancangan dan melaksanakan mengikut teknik ansur maju, murid menggunakan bahasa pasar</p>

#### sambungan Rajah 4.1

	(Semai) dalam perbincangan kumpulan, interaksi dalam kelas.
11. Ulasan keseluruhan:	Guru menegur perlakuan murid, komunikasi lisan/ bertutur dan kesantunan perlu diberi perhatian.  PdP berjalan lancar. Guru dan murid dapat menggunakan Modul LINUS dengan berkesan sebagai panduan/ rujukan pelaksanaan PdP.

Rajah 4.1. Catatan Pemerhatian Pengajaran dan Pembelajaran Kelas LINUS

Pemerhatian mendapati aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) berjalan lancar dan mengikut perancangan dalam buku rekod mengajar (BRM) guru LINUS. Objektif PdP dirancang guru dapat dicapai, iaitu membina ayat tunggal mudah. Konstruk 11 tersebut tidak banyak memberi cabaran kepada guru LINUS disebabkan murid-murid sudah berada di penghujung Program LINUS dan mereka sudah bersedia melangkah ke tahun 4. Guru menggunakan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) dalam PdP melalui permainan interaktif (Mayer, 2001). Murid secara kumpulan dibenarkan menggunakan komputer riba untuk menjawab soalan yang dikemukakan guru (Lampiran 13 ).

Sebanyak enam kumpulan murid berjaya menyambung ayat-ayat tunggal berdasarkan gambar rangsangan yang ditunjukkan. Murid-murid berbincang dalam kumpulan sebelum dibenarkan menjawab soalan berkenaan (Isenberg & Jalongo, 2000). Kumpulan yang berjaya menyelesaikan dengan cepat diberikan hadiah berbentuk gula-gula untuk setiap ahli. Guru LINUS berjaya melaksanakan teori pembelajaran seperti Teori Pembelajaran Humanis, Teori Pembelajaran Sosial, Teori

Pembelajaran Kognitif dan Teori Pembelajaran Behaviorisme dalam kelas tersebut, dan dapat diperhatikan murid-murid seronok serta aktif mengikuti PdP yang dirancang guru LINUS. Namun daripada perbincangan dengan guru LINUS, mereka bukan selalu boleh melaksanakan PdP sedemikian disebabkan kekangan masa dan bahan rujukan. Biasanya bahan-bahan yang berbentuk TMK akan diambil daripada bahan-bahan yang diberikan fasiLINUS setiap kali bengkel pembinaan BBM diadakan. Inisiatif fasiLINUS yang menggunakan laman sesawang seperti blog, untuk meletakkan bahan TMK berkaitan Program LINUS amat membantu guru LINUS (Lampiran 14).

Aktiviti yang dirancang guru berjaya menjadikan PdP ceria dan penglibatan murid Orang Asli yang aktif. Mereka bersedia menjawab setiap kali guru menyoal atau bertanyakan soalan. Cuma kadang kala ada antara murid yang menggunakan bahasa pasar bagi menjawab pertanyaan guru. Situasi tersebut menjelaskan murid-murid akan memberikan perhatian kepada PdP guru jika guru pandai membina “hubungan” dalam suasana persekitaran pembelajaran sosial yang mesra. Persekutuan pembelajaran tersebut dapat meningkatkan penerimaan murid-murid terhadap pengajaran guru. Guru didapati memilih untuk menggunakan teknik nyanyian dan soal jawab dalam mengakhiri sesi PdP. Murid-murid membuat ulasan terhadap isi pelajaran yang dipelajari melalui teknik imbasan kembali. Nyanyian dapat mengukuhkan lagi penutup sosial bagi pelajaran pada hari itu. Guru mengakhiri pengajaran dengan menjelaskan tajuk dan isi pelajaran termasuk nilai murni yang boleh diperoleh daripada pelajaran tersebut.

Secara keseluruhannya, PdP berkenaan berjalan dengan lancar dan mengikut perancangan yang ditetapkan melalui rancangan pelajaran harian (RPH) (Lampiran 15). Komunikasi guru dan murid-murid Orang Asli berjalan lancar, dan murid-murid memahami isi pelajaran pada hari itu. Guru menggunakan modul LINUS sebagai

panduan bagi melaksanakan PdP pada hari itu. Murid-murid menggunakan modul LINUS untuk menulis ayat-ayat tunggal yang dipelajari dan guru membimbing bagi memastikan penulisan murid-murid menulis dengan betul, kemas dan cantik. Pelaksanaan PdP di kelas LINUS berjalan lancar dan objektif yang dirancang berjaya dicapai. Pemerhatian di kelas LINUS dapat menjelaskan bagaimana pelaksanaan PdP di kelas LINUS murid Orang Asli berlangsung, dan dapat menjelaskan bagaimana PdP tersebut memberi kesan kepada pelaksanaan Program LINUS dalam kalangan murid-murid Orang Asli di negeri Perak secara keseluruhannya.

#### **4.3.4 Persoalan Produk**

##### **4.3.4.1 Bagaimakah penilaian Program LINUS dilaksanakan di sekolah murid Orang Asli?**

Dalam menganalisis dimensi produk pelaksanaan program LINUS literasi di sekolah murid Orang Asli, beberapa aspek diberikan tumpuan sebagai item petunjuk kepada responden antaranya keberkesanan program, penerimaan program dan kecekapan program (Ghazali, 2003). Item-item berkaitan keberkesanan program ditonjolkan beberapa aspek seperti minat murid Orang Asli terhadap mata pelajaran Bahasa Malaysia, program LINUS dan penerimaan mereka terhadap modul LINUS itu sendiri.

Dalam aspek penerimaan program pula, responden mentafsir terhadap maklum balas murid Orang Asli di sekolah masing-masing terhadap penerimaan mereka terhadap mata pelajaran Bahasa Malaysia dan kebergunaan Modul LINUS terhadap mereka. Paparan daripada aspek kecekapan pula, item yang digunakan bertujuan melihat keupayaan Modul LINUS dalam meningkatkan keupayaan murid Orang Asli menyerlahkan potensi masing-masing. Analisis secara terperinci dapat ditunjukkan melalui Jadual 4.8.

Jadual 4.8

*Analisis Dimensi Produk dalam Pelaksanaan Program LINUS*

Bil	Item	Min	Sisihan Piawai
1	Murid berminat dengan mata pelajaran Bahasa Malaysia.	4.01	0.71
2	Murid berminat mengikuti program LINUS.	4.00	0.72
3	Modul LINUS mudah difahami dan menarik perhatian murid.	4.07	0.69
4	Modul LINUS dapat meningkatkan pengetahuan murid.	4.11	0.64
5	Modul LINUS dapat meningkatkan kefahaman murid.	4.13	0.65
6	Modul LINUS dapat meningkatkan penaakulan murid.	3.95	0.70
7	Modul LINUS dapat meningkatkan keupayaan penyelesaian masalah murid.	3.80	0.68
8	Modul LINUS dapat meningkatkan keupayaan membuat ramalan murid.	3.69	0.79
9	Modul LINUS dapat meningkatkan pemikiran kritis murid.	3.59	0.82
10	Modul LINUS dapat meningkatkan keaslian hasil kerja murid.	3.65	0.81
11	Murid seronok belajar mata pelajaran Bahasa Malaysia.	4.04	0.82
12	Mata pelajaran Bahasa Malaysia amat penting kepada murid.	4.76	3.06
13	Mata pelajaran Bahasa Malaysia memudahkan murid membaca buku-buku untuk mata pelajaran lain.	4.94	5.45
14	Murid sering membuat rujukan tambahan bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia.	3.58	0.88
15	Murid seronok belajar Bahasa Malaysia dengan Modul LINUS.	4.02	0.63
16	Cerita dan maklumat dalam Modul LINUS dapat membantu murid beritahu kepada ibu bapa dan adik beradik mereka.	3.66	0.84
17	Ibu bapa dan penjaga murid memberi sokongan kepada saya sepanjang saya mengajar program LINUS.	3.70	0.81

#### sambungan Jadual 4.8

18	Murid mampu menggunakan Modul LINUS tanpa bantuan rakan-rakan dan guru.	3.23	0.95
19	Modul LINUS dapat meningkatkan keupayaan murid dalam pengurusan masa.	3.50	0.78
20	Modul LINUS dapat meningkatkan keupayaan murid dalam mengumpul dan menyimpan maklumat.	3.50	0.87
21	Modul LINUS dapat meningkatkan keupayaan murid menggunakan bahan bantu belajar disediakan saya.	3.83	0.67
22	Modul LINUS dapat meningkatkan keupayaan murid menggunakan bahan bantu belajar di pusat sumber.	4.05	4.38
23	Modul LINUS dapat meningkatkan keupayaan murid saya menggunakan peralatan komputer/ ICT di sekolah.	3.23	1.03
24	Modul LINUS dapat meningkatkan keupayaan murid berkomunikasi dengan rakan-rakan mereka, guru-guru dan kakitangan sekolah.	3.55	0.85
25	Modul LINUS dapat meningkatkan keupayaan murid menjawab soalan ujian disediakan guru.	3.67	0.71

Analisis dimensi produk dalam pelaksanaan Program LINUS dapat dijelaskan melalui Jadual 4.8. Jadual ini menjelaskan skor min keseluruhan ialah = 3.85, manakala sisihan piawai 1.20, yang terdiri daripada 25 item berada pada tahap tinggi. Pada keseluruhannya, kesemua item berada pada tahap tinggi, skor min tertinggi ialah = 4.94 dan sisihan paikawainya = 5.45, bagi item 13. Bagi skor min terendah adalah pada item 18 dan 23, dengan skor min masing-masing = 3.23 dan sisihan piawai pula = 0.95 dan =1.03.

Item 18 dalam dimensi produk berkaitan dengan kemampuan murid Orang Asli menggunakan Modul LINUS tanpa bantuan rakan-rakan dan guru. Modul LINUS diberikan kepada murid-murid semasa kelas Program LINUS dan penggunaannya

perlukan bimbingan daripada guru-guru terutamanya untuk menggunakan modul tersebut. Murid-murid Orang Asli masih kurang mahir dalam menggunakan modul tersebut memandangkan modul tersebut mempunyai banyak konstruk dan terbahagi kepada bahagian-bahagian tertentu. Tambahan murid-murid gagal membaca dan memahami setiap manual penggunaan modul tersebut.

Bagi item 23, didapati penggunaan Modul LINUS oleh murid Orang Asli tidak dapat meningkatkan keupayaan mereka dalam menggunakan peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) kerana modul tersebut lebih menekankan aspek membaca, menulis dan memahami 12 konstruk seperti dalam Modul LINUS. Murid Orang Asli didekah dengan perlatan ICT apabila mereka dibawa ke makmal komputer untuk sesi PdP yang memerlukan penggunaan peralatan TMK seperti aktiviti melibatkan audiovisual seperti tayangan video, penggunaan LCD dan sebagainya.

#### **4.3.4.2 Bagaimakah pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS melaksanakan penilaian Program LINUS di sekolah murid Orang Asli?**

Program LINUS ini wajib dilaksanakan ke atas semua sekolah SK, SJK(T), dan SJK(C). Program yang bermula tahun 2010 hingga 2012 dikenali sebagai LINUS 1.0, dan bermula tahun 2013 diperkenalkan Program LINUS 2.0. Perbezaan antara kedua-dua ialah dari segi jumlah ujian saringan iaitu Program LINUS 1.0 mempunyai tiga ujian saringan berbanding Program LINUS 2.0 hanya mempunyai dua ujian saringan. Semua saringan tersebut dikendalikan oleh guru bahasa Malaysia, Matematik dan Guru Pemulihan. Instrumen saringan dibina dalam bahasa Malaysia. Semua murid tahun satu yang dikenal pasti tiada masalah pembelajaran akan menduduki saringan pertama Program LINUS untuk menilai tahap penguasaan kemahiran mereka pada awal tahun setiap tahun.

Bagi membolehkan murid-murid tahun satu melepas saringan tersebut, mereka perlu melepas 12 konstruk yang diukur dalam saringan literasi. Konstruk itu juga menentukan sama murid-murid berada pada tahap LINUS tegar, jika menguasai konstruk 1 dan 2, manakala murid LINUS jika menguasai sebahagian daripada konstruk 3 hingga 12. Jika murid-murid menguasai kesemua konstruk tersebut, mereka diketogerikan sebagai murid arus perdana, dan tidak perlu mengikuti kelas Program LINUS atau kelas pemulihan program LINUS. Konstruk Program LINUS dipaparkan melalui Rajah 4.2, berikutnya.

Konstruk	Perkara
<b>Konstruk 1</b>	Keupayaan membaca dan menulis huruf vokal dan konsonan.
<b>Konstruk 2</b>	Keupayaan membaca dan menulis suku kata terbuka.
<b>Konstruk 3</b>	Keupayaan membaca dan menulis perkataan suku kata terbuka.
<b>Konstruk 4</b>	Keupayaan membaca dan menulis suku kata tertutup.
<b>Konstruk 5</b>	Keupayaan membaca dan menulis perkataan suku kata tertutup.
<b>Konstruk 6</b>	Keupayaan membaca dan menulis perkataan yang mengandungi suku kata tertutup "ng".
<b>Konstruk 7</b>	Keupayaan membaca dan menulis perkataan yang mengandungi distong.
<b>Konstruk 8</b>	Keupayaan membaca dan menulis perkataan yang mengandungi vokal berganding.
<b>Konstruk 9</b>	Keupayaan menulis perkataan yang mengandungi digraf dan konsonan bergabung.
<b>Konstruk 10</b>	Keupayaan membaca dan menulis perkataan yang berimbuhan awalan dan akhiran.
<b>Konstruk 11</b>	Keupayaan membaca dan menulis ayat mudah.
<b>Konstruk 12</b>	Keupayaan membaca, memahami dan menulis ayat berdasarkan bahan rangsangan.

*Rajah 4.2. Konstruk yang diuji dalam Saringan*

Soalan-soalan dalam kertas ujian saringan ini dibina oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Selain, LPM beberapa agensi atau bahagian di KPM bertindak sebagai Jawatankuasa Kerja Program LINUS seperti Bahagian Pendidikan Guru (bertindak melatih guru-guru), Bahagian Pengurusan Sekolah Harian (bertindak dalam penyebaran maklumat, kutipan & analisis data), Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (memantau pelaksanaan dan bimbingan program) dan Bahagian Pendidikan Khas (sebagai pelaksanaan bagi murid berkeperluan khas). Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia. Jawatankuasa ini bertindak sebagai badan pelaksana Program LINUS peringkat kebangsaan.

Jawatankuasa khas tersebut akan berhubung rapat dengan pihak Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) dalam membantu melaksanakan Program LINUS. Di peringkat PPD pula, unit akademik PPD berkenaan akan memastikan fasiLINUS yang dilantik memantau dan membimbing 30 buah sekolah masing-masing, mengikut nisbah 1:30. FasiLINUS akan bertindak mengikut garis panduan yang ditetapkan berdasarkan pekeliling yang dikeluarkan oleh KPM dan Buku Panduan Pengoperasian Program LINUS yang diterbitkan Bahagian Pembangunan Kurikulum, KPM. Setiap fasiLINUS daerah mempunyai laman sesawang atau blog masing-masing untuk berhubung dengan guru LINUS masing-masing. Terdapat juga yang menggunakan aplikasi *WhatsApp* dan *Telegram* sebagai media komunikasi berkesan, di samping surat rasmi, telefon dan faks.

Pada tahun 2010, satu ujian saringan literasi telah dijalankan. Terdapat seramai 6,297 orang murid ke didaftarkan sebagai murid Tahun 1. Daripada jumlah itu, seramai 6,263 orang murid yang menduduki ujian saringan 1. Daripada saringan tersebut, didapati bahawa seramai 2,724 orang murid yang lulus saringan 1 dan ditempatkan di

kelas perdana. Sementara itu, seramai 2,263 orang murid adalah murid LINUS dan seramai 1,276 orang murid adalah murid LINUS tegar. Untuk saringan yang kedua, terdapat seramai 6,245 orang murid yang hadir. Daripada jumlah ini, seramai 4,595 orang murid yang berjaya ke kelas perdana, seramai 1,162 orang murid adalah LINUS dan 488 orang murid selebihnya adalah LINUS tegar.

Pada ujian saringan yang ketiga, seramai 6,273 orang murid yang hadir. Daripada jumlah itu, seramai 5,641 orang murid lulus dan berjaya ke kelas arus perdana, seramai 426 orang murid adalah LINUS dan seramai 206 orang murid pula didapati dalam kelompok LINUS tegar. (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM, 2013).

Pada tahun 2011, sebanyak tiga ujian saringan telah dijalankan. Pada ujian saringan yang keempat, seramai 6,229 orang murid telah hadir. Daripada jumlah itu, seramai 5,843 orang murid yang berjaya ke kelas arus perdana. Seramai 272 orang murid adalah murid LINUS dan 114 orang adalah murid LINUS tegar. Dalam saringan yang kelima, seramai 6,234 orang murid yang hadir. Daripada jumlah itu, seramai 5,996 orang murid adalah murid arus perdana, dan 183 orang murid adalah murid LINUS dan seramai 55 orang adalah murid LINUS tegar. Bagi ujian saringan yang keenam, seramai 6,216 orang murid yang hadir. Daripada jumlah itu, seramai 6,069 orang adalah murid arus perdana, seramai 111 orang adalah murid LINUS, dan seramai 36 orang adalah murid LINUS tegar. (Bahagian Pengurusan Sekolah Harian, KPM, 2013).

Pada tahun 2012, dua ujian saringan telah dijalankan. Saringan yang kelapan menunjukkan seramai 6,204 orang murid telah hadir. Daripada jumlah itu, seramai 6,138 orang murid adalah murid arus perdana, 53 orang adalah murid LINUS dan seramai 13 orang murid dikenal pasti sebagai murid LINUS tegar. Bagi ujian saringan

yang kesembilan, seramai 6,194 orang murid didapati hadir. Daripada jumlah itu, seramai 6,181 orang murid adalah murid arus perdana, 10 orang murid adalah murid LINUS dan hanya 3 orang murid dikenal pasti sebagai murid LINUS tegar.


Mulai tahun 2013, Program LINUS 2.0 diperkenalkan. Hanya ada dua ujian saringan yang perlu dilalui oleh murid tahun satu. Ujian saringan pertama bermula pada bulan Mei dan ujian saringan kedua pula diadakan pada bulan September. Sekiranya murid gagal melepassi ujian saringan satu, mereka akan ditempatkan di kelas LINUS (Buku Pengoperasian Program LINUS 2.0, 2015).

Pelaksanaan ujian saringan Program LINUS peringkat sekolah dilakukan sebanyak tiga kali bagi Program LINUS 1, manakala melalui LINUS 2.0 hanya dua ujian saringan dilaksanakan. Tujuan ujian saringan adalah untuk mengenal pasti sama ada murid-murid telah benar-benar menguasai asas literasi (membaca dan menulis) dan asas numerasi (mengira) dengan betul serta mengesan sama ada murid-murid itu menghadapi masalah pembelajaran atau tidak. Proses saringan dilaksanakan sebagai langkah awal untuk mengenal pasti mereka dalam penguasaan literasi bahasa Malaysia.

Dalam melaksanakan ujian saringan, tugas penyelaras Program LINUS adalah berbincang dengan pentadbir dan FasiLINUS untuk memastikan ujian saringan Program LINUS dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan selepas mendapat arahan pelaksanaan saringan. Penyelaras Program LINUS setelah menerima bahan ujian saringan, beliau bertindak memastikan instrumen saringan mencukupi mengikut bilangan murid LINUS. Beliau perlu membaca dan memahami manual Am-NKRA dan manual instrumen lisan dan bertulis. Beliau juga perlu, (1) memahami konstruk yang diukur, (2) merancang jadual pelaksanaan ujian saringan mengikut tempoh yang ditetapkan, (3) memaklumkan kepada ibu bapa berkenaan pelaksanaan ujian saringan, dan (4) melaksanakan taklimat pengisian data secara dalam talian (*online*).

Tindakan dibuat sebelum saringan ialah pihak pengurusan sekolah akan mengeluarkan surat pemberitahuan tentang tarikh pelaksanaan ujian saringan, memastikan semua murid tahap satu bersedia untuk mengambil ujian saringan dan memastikan murid hadir pada tarikh ujian saringan dilaksanakan oleh pihak sekolah.

Proses pelaksanaan dapat digambarkan melalui Rajah 4.3 berikut;



Rajah 4.3. Carta Alir Pelaksanaan Program LINUS

Penyelaras Program LINUS sekolah juga perlu menyediakan dua salinan laporan ujian saringan. Satu salinan untuk difailkan, dan satu salinan dihantar ke Pejabat Pendidikan Daerah masing-masing. Beliau juga perlu memastikan dan memantau guru Program LINUS memasukkan data penguasaan murid dan keputusan setiap saringan dimasukkan ke dalam portal NKRA mengikut tempoh masa yang ditetapkan (Lampiran 16). Beliau juga perlu memantau pelaksanaan Program LINUS dan menjalankan tindakan susulan untuk penambahbaikan, memastikan guru LINUS dan guru pemuliharan menggunakan Modul Literasi dan Numerasi (LINUS) yang dibekalkan oleh KPM serta bekerjasama dengan ibu bapa/ PIBG dalam memberi kesedaran, maklumat dan kepentingan Program LINUS.

Guru LINUS sekolah apabila menerima arahan menjalankan ujian saringan, mereka perlu memastikan instrumen saringan mencukupi sebelum melaksanakan saringan (Lampiran 17). Mereka perlu membaca dan memahami manual Am-NKRA dan manual instrumen lisan dan bertulis, memahami konstruk yang diukur, merancang jadual pelaksanaan saringan mengikut tempoh yang ditetapkan dan memaklumkan kepada murid berkenaan pelaksanaan saringan dengan jadual yang ditetapkan (Lampiran 18). Guru Program LINUS juga perlu melaksanakan saringan bagi lisan dan bertulis dengan kaedah yang betul dan dalam tempoh yang ditetapkan. Selepas saringan dilakukan, guru Program LINUS perlu mengumpul data bagi mengenal pasti murid Program LINUS dan arus perdana, menyemak instrumen murid dan menandatangani borang ujian saringan, melengkapkan borang pelaporan individu (BPI) seterusnya, mengisi data selepas setiap saringan ke portal NKRA secara atas talian mengikut tempoh masa yang ditetapkan dan mencetak dan memfailkan data yang telah diisi di portal NKRA. Data yang dicetak diserahkan kepada penyelaras Program LINUS dan satu salinan difailkan.

Kesemua guru Program LINUS dan penyelaras Program LINUS di sekolah murid Orang Asli yang ditemui mengakui bahawa pelaksanaan saringan perlu mematuhi prosedur dan jadual yang ditetapkan oleh pihak PPD dan JPN. Perkara ini diakui oleh fasiLINUS yang ditemui. Beliau berpendapat pihak pengurusan perlu merancang dengan teliti supaya tidak menyusahkan guru-guru Program LINUS dan murid-murid Orang Asli.

*“... kebanyakannya jadual telah diselaraskan di peringkat sekolah bertujuan memudahkan pelaksanaan Program LINUS...”* (FL 02/ PPDPT/ 6.12.14, 67 - 68)

Ini disebabkan aktiviti tersebut telah dirancang secara serentak di seluruh negara begitu juga dengan kemasukan data ke portal NKRA Pendidikan. Setiap arahan aktiviti menggunakan surat rasmi dari PPD atau JPN, manakala pihak KPM mengeluarkan pekeliling bagi pelaksanaan program tersebut (Lampiran 19). Pelaksanaan secara serentak memudahkan fasiLINUS daerah memantau setiap sekolah dengan berkesan kerana setiap orang fasiLINUS diberikan sebanyak 30 buah sekolah di bawah pemantauan masing-masing (Lampiran 20). Namun terdapat juga guru Program LINUS yang gagal mematuhi jadual atau arahan yang ditetapkan disebabkan masalah kehadiran murid, kursus dan sebagainya. Justeru, pihak sekolah terpaksa mengaturkan jadual mengikut kesesuaian masa dan kesediaan murid.

#### **4.4 Rumusan**

Kajian ini memaparkan data-data yang diperoleh melalui pengaplikasian model konteks, input, produk dan proses (CIPP) oleh Stufflebeam dan Shinkfield (2007) terhadap pelaksanaan Program LINUS dalam kalangan murid Orang Asli di negeri Perak. Terdapat beberapa penemuan baharu berkaitan pelaksanaan Program LINUS di sekolah murid Orang Asli (SMOA) di negeri Perak. Misalnya, matlamat dan objektif program yang dicadangkan KPM kurang relevan untuk diaplikasikan dalam konteks

SMOA. Matlamat dan objektif yang tinggi memberi cabaran yang besar kepada pelaksana Program LINUS. Penggunaan modul LINUS oleh guru LINUS juga memberikan kesan minimum kepada pencapaian murid Orang Asli, biarpun pelbagai teknik dan strategi pengajaran diaplikasikan oleh guru LINUS.

Pelan Pembangunan Pendidikan 2013-2025 yang mencadangkan transformasi dalam keseluruhan sistem pendidikan, termasuklah dalam pelaksanaan Program LINUS. Perubahan melalui pengenalan LINUS 2.0 dengan penambahan kepada literasi Bahasa Inggeris banyak memberi permasalahan baharu kepada murid Orang Asli. Ironinya, pihak pengurusan sekolah dan guru LINUS perlu meningkatkan pencapaian semua murid Orang Asli dalam Program LINUS dalam mendepani permasalahan yang wujud bagi memastikan transformasi pendidikan yang dirancang tercapai.



## BAB LIMA

### PERBINCANGAN, IMPLIKASI DAN RUMUSAN

#### 5.1 Pendahuluan

Kajian ini menggunakan kaedah campuran (*mixed method*) untuk menilai secara komprehensif terhadap pelaksanaan Program LINUS melalui literasi bahasa Malaysia di sekolah murid Orang Asli (SMOA) di negeri Perak, Malaysia. Kajian menfokus kepada 28 buah SMOA di enam daerah iaitu Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta Utara, Kinta Selatan, Perak Tengah dan Batang Padang. Murid Orang Asli terdiri daripada berbagai etnik seperti Jahai, Lanoh, Semai, Temiar dan lain-lain lagi. Kajian ini mengguna pakai Model CIPP oleh Stufflebeam dan Shinkfield (2007), yang memberi penekanan kepada empat dimensi utama iaitu dimensi konteks, input, produk dan proses.

Perbincangan adalah berkaitan penilaian terhadap pelaksanaan Program LINUS daripada aspek matlamat dan objektif program (dimensi konteks), penggunaan modul LINUS, penyediaan rancangan pelajaran harian (RPH), teknik dan strategi pengajaran & pembelajaran (PdP), perwatakan guru, bahan bantu mengajar (BBM), kesediaan murid (dimensi input), keberkesanan program, penerimaan program dan kecekapan (dimensi produk) dan penggunaan modul LINUS oleh guru, persekitaran pembelajaran, peranan pihak pengurusan sekolah serta penglibatan ibu bapa (dimensi proses).

Bab ini turut memperjelaskan hasil dan dapatan kajian dalam pelaksanaan Program LINUS melalui perbincangan, implikasi dan cadangan hasil daripada dapatan kajian tersebut. Output kajian turut dibincang dan dirumuskan bagi memantapkan lagi pelaksanaan program tersebut pada masa hadapan. Output tersebut yang diperoleh

dari pada penyelidikan ini bertepatan dengan objektif kajian, seterusnya telah menjawab soalan kajian yang telah dibina. Dimensi-dimensi konteks, input, proses dan produk dijelaskan melalui beberapa persoalan berikut:

1. Konteks:

- (a) Adakah matlamat dan objektif Program LINUS mencapai sasarannya?
- (b) Apakah peranan pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS dalam mencapai matlamat dan objektif Program LINUS?

2. Input:

- (a) Bagaimanakah aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) Program LINUS dilaksanakan?
- (b) Apakah peranan pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) Program LINUS?

3. Proses:

- (a) Apakah permasalahan-permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan Program LINUS?
- (b) Bagaimanakah guru-guru LINUS dan pentadbir LINUS menghadapi permasalahan yang wujud dalam pelaksanaan Program LINUS?

4. Produk:

- (a) Bagaimanakah penilaian Program LINUS dilaksanakan di sekolah murid Orang Asli?
- (b) Bagaimanakah pentadbir LINUS dan guru-guru LINUS melaksanakan penilaian Program LINUS di sekolah murid Orang Asli?

## **5.2 Ringkasan Dapatan Kajian**

Penguasaan kemahiran asas literasi bahasa Malaysia adalah sangat penting dalam usaha menghasilkan modal insan cemerlang yang memiliki pengetahuan, kemahiran berfikir, kemahiran memimpin, kemahiran dwibahasa, etika dan kerohanian serta identiti nasional sebagaimana yang telah digarapkan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013 – 2015 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015). Justeru, dapatan kajian ini memberi kesan langsung terhadap penanda aras penguasaan kemahiran asas literasi dalam kalangan murid Orang Asli di negeri Perak khasnya, dan Malaysia amnya melalui pelaksanaan Program LINUS.

Permasalahan dalam pencapaian akademik murid-murid Orang Asli berkait rapat dengan program peningkatan kadar literasi bahasa Malaysia melalui Program LINUS yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), di bawah Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). Pelaksanaan Program LINUS yang dilaksanakan pada tahun 2010, dan ditambah baik pada tahun 2013 menumpukan kepada program peningkatan pencapaian murid dalam literasi bahasa Malaysia melalui ujian saringan yang dijalankan (KPM, 2015).

Kegagalan mereka menguasai literasi bahasa Malaysia memberi kesan besar kepada hala tuju pendidikan mereka di peringkat sekolah rendah dan menengah. Ini kerana bahasa Malaysia menjadi bahasa pengantar dan bahasa ilmu dalam sistem pendidikan di Malaysia (Akta Pendidikan 1996). Bagi Brown (2001), penguasaan kemahiran bertutur adalah penanda aras kepada penguasaan literasi bahasa. Kegagalan menguasai literasi bahasa Malaysia menyebabkan murid Orang Asli rasa terpinggir dan malu untuk hadir ke sekolah. Situasi ini menyebabkan berlaku keciciran dan

ketinggalan dalam pendidikan terutamanya peringkat sekolah menengah dan pengajian tinggi (Zainal Abidin, 2008).

Matlamat pelaksanaan Program LINUS yang diperkenalkan pada tahun 2010 adalah untuk memastikan murid-murid Tahun 3 pada tahun 2012 menguasai literasi, selain mereka yang berkeperluan khas (NKRA, 2010), dan bebas daripada buta huruf (Zinitulniza, 2011). Program yang direncanakan bagi menggantikan program terdahulu iaitu Program KIA2M telah menjadi agenda utama negara melalui NKRA pendidikan, yang mempunyai kaitan rapat dengan transformasi pendidikan dan melahirkan modal insan kelas pertama (Pati, 2014).

Pelaksanaan Program LINUS kohort 1 yang mula dilaksanakan pada tahun 2010 telah berakhir pada tahun 2012 telah didokumenkan sebagai berjaya mencapai sasarannya. Namun, kajian mendapat kegagalan mencapai matlamat seratus peratus disebabkan pencapaian yang kurang memberangsangkan di SMOA. Jika ditinjau daripada pencapaian UPSR tahun 2014, 2015 dan 2016 di negeri Perak misalnya, didapati SMOA menunjukkan prestasi buruk secara signifikan berbanding sekolah kebangsaan (Laporan Analisis UPSR & SPM negeri Perak, 2015; Laporan Analisis UPSR, 2016). Daerah-daerah yang majoriti SMOA seperti Hulu Perak, Kuala Kangsar, Kinta Utara, Kinta Selatan, Perak Tengah, dan Batang Padang didapati menyumbang kepada pencapaian tersebut.

Matlamat dan objektif pelaksanaan program LINUS dalam kalangan murid Orang Asli di negeri Perak masih gagal mencapai sasarannya (Jabatan Pendidikan Perak, 2013). Pencapaian pelaksanaan Program LINUS di sekolah murid Orang Asli (SMOA) dalam negeri Perak turut memberi kesan kepada pencapaian Program LINUS

di peringkat kebangsaan seperti paparan Jadual 5.1 yang menjelaskan pencapaian pelaksanaan program tersebut.

Jadual 5.1

*Pencapaian Program LINUS Literasi Kebangsaan 2010 – 2014*

Tahun	2010	2011	2012	2013	2014
Kelas			Kohort 1	Kohort 2	Kohort 3
Tahun 3			99.8%	99.1%	98.7%
Tahun 2		97.5%	96.3%	93.2%	Kohort 4 91.6%
Tahun 1	85.0%	91.0%	82.2%	81.3%	Kohort 5 80.3%

Sumber : Laporan Tahunan 2014 Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2015)

Analisis data saringan Program LINUS literasi kohort 3 tahun 1 telah dilaksanakan di SMOA pada tahun 2012. Data analisis telah diterbitkan oleh Sektor Pengurusan Akademik, Jabatan Pendidikan Perak (2014). Hasil daripada analisis tersebut didapati semua sekolah murid Orang Asli tidak mencapai matlamat Program LINUS yang ditetapkan iaitu 90%. Jelas menunjukkan bahawa pencapaian tersebut memerlukan pengubahsuaian perlu dilakukan terhadap objektif dan matlamat, strategi dan kaedah PdP atau modul LINUS. Ini bagi memastikan pelaksanaan program tersebut mencapai matlamat dan objektifnya terutamanya sekolah murid Orang Asli (SMOA).

Begitu juga jika diteliti analisis data saringan 4 bagi kohort 2 tahun 2 yang telah dilaksanakan di SMOA pada tahun 2012. Data analisis telah diterbitkan oleh Sektor Pengurusan Akademik, Jabatan Pendidikan Perak (2014). Hasil daripada analisis

tersebut didapati semua sekolah murid Orang Asli tidak mencapai matlamat Program LINUS yang ditetapkan iaitu 95%. Ini menunjukkan bahawa pencapaian tersebut memerlukan pengubahsuaian dilakukan terhadap objektif program, strategi dan kaedah PdP atau modul LINUS. Pengubahsuaian ini bagi memastikan pelaksanaan program tersebut mencapai matlamat dan objektifnya terutamanya di sekolah murid Orang Asli. Ini kerana kemahiran literasi bahasa Malaysia amat memberi signifikan kepada mata pelajaran lain pada peringkat Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Namun, keadaan ini tidak menghalang Kementerian Pendidikan Malaysia memperkenalkan Program LINUS 2 pada tahun 2013. Tujuan program tersebut adalah untuk;

1. memastikan setiap kanak-kanak mahir bertutur dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris apabila meninggalkan alam persekolahan, dan
2. memastikan murid pada peringkat rendah mempunyai penguasaan yang kukuh dalam literasi bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan numerasi.

Pada tahun 2013, Program LINUS telah memasukkan komponen literasi bahasa Inggeris. Pencapaian Program LINUS Kohort 2013 telah menunjukkan pencapaian sebanyak 81.3% di Tahun 1, dan meningkat sebanyak 10.3% kepada 81.3% pada Tahun 2, 2014. Manakala Kohort 1 pada tahun 2012 sebanyak 82.2% meningkat kepada 98.7% pada tahun 2014. Pencapaian ini menandakan terdapat peningkatan yang memberangsangkan di peringkat kebangsaan dalam pelaksanaan Program LINUS, seperti yang dijelaskan melalui Jadual 5.1.

Analisis kajian menggunakan Model CIPP oleh Stufflebeam dan Shinkfield (2007) mendapati pelaksanaan Program LINUS dilaksanakan mengikut arahan operasi, surat pekeliling dan panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia.

Pelaksanaan Program LINUS 1 dan Program LINUS 2.0 turut melibatkan 28 buah sekolah murid Orang Asli di negeri Perak. Oleh kerana kajian ini hanya melihat pencapaian Program LINUS literasi bahasa Malaysia, maka data-data pencapaian terhadap literasi bahasa Inggeris tidak dikaji. Namun dalam aspek literasi bahasa Malaysia, matlamat dan objektif Program LINUS tetap sama, cuma sasaran peratus lulus dikurangkan berbanding dengan Program LINUS 1.0 dahulu. Pelaksanaan Program LINUS 2.0 mengambil kira pencapaian yang lalu dan diberikan penambahbaikan seperti jumlah saringan turut dikurangkan daripada tiga kali kepada dua kali setahun sahaja. Namun daripada aspek lain, masih tetap sama.

Dalam memperkemaskan lagi pelaksanaan Program LINUS ini, murid-murid tidak lagi dikategorikan LINUS tegar, sebaliknya diubah kepada menguasai dan tidak menguasai konstruk (Surat Pekeliling Bilangan 6 Tahun 2013). Manakala perjawatan guru-guru pemulihan khas LINUS telah diwujudkan dan ditempatkan di sekolah-sekolah yang melaksanakan Program LINUS (Surat Pekeliling Bilangan 6 tahun 2014). Namun guru-guru pemulihan khas LINUS hanya akan ditempatkan di sekolah-sekolah yang mempunyai murid-murid LINUS yang ramai. Tugas guru pemulihan khas ini adalah untuk memastikan murid-murid menguasai konstruk 1 dan 2, manakala murid-murid selainnya akan dikelolakan guru LINUS. Kajian di SMOA mendapati semua sekolah mempunyai guru pemulihan khas LINUS. Mereka bekerjasama dengan guru LINUS bagi memastikan semua murid Orang Asli menguasai konstruk Program LINUS. Pelaksanaan PdP menggunakan pelbagai kaedah dan teknik yang bersesuaian seperti yang dilaksanakan di kelas pemulihan khas.

Pelaksanaan Program LINUS di sekolah murid Orang Asli banyak mendatangkan kesan positif walaupun peningkatannya agak perlahan (Jabatan Pendidikan Perak, 2014). Guru-guru LINUS, guru pemulihan, guru penyelaras LINUS

serta guru besar diberikan taklimat, dan bimbingan yang sewajarnya sebelum pelaksanaan Program LINUS berlangsung. Mereka turut diberikan kursus, bengkel, taklimat dan penerangan tatacara pelaksanaan untuk memastikan Program LINUS 2.0 memberikan impak yang lebih berbanding dengan Program LINUS 1.0.

Dalam membuat penilaian terhadap pelaksanaan Program LINUS beberapa model penilaian program, model penilaian kurikulum, model pelaksanaan program, teori-teori PdP dan beberapa teori berkaitan telah diteliti penyelidik. Antaranya penilaian pelaksanaan program seperti model Tyler (1950), Scriven (1967), Stake (1967), Provus (1971), Yuchtman dan Seashore (1967), Streers (1977) serta Hoy dan Miskel (2001). Model penilaian kurikulum oleh Saylor, Alexandra dan Lewis (1981) serta model pelaksanaan program oleh Van Meter dan Van Horn (1975). Teori-teori pembelajaran seperti behaviorisme, sosial, humanis, kognitif serta Teori Dual Coding oleh Pavio (1986). Teori-teori lain yang turut diberi perhatian penyelidik seperti Teori Bronfenbrenner (1977), Teori Psiokososial Erikson (1950, 1968) dan Teori Keperluan Sosioekonomi oleh Schiefelbin dan Simmons (1981).

Garapan sintesis daripada teori-teori dan model-model yang berkaitan telah disinkronisasikan ke dalam dimensi konteks, input, proses dan produk (CIPP) oleh Stufflebeam dan Shinkfield (2007) bagi membincang dan merumuskan dapatan kajian ini. Perbincangan dan rumusan kajian penilaian pelaksanaan Program LINUS dalam kalangan murid-inurid Orang Asli di negeri Perak dapat dijelaskan melalui analisis deskriptif dimensi konteks, input, proses dan produk seperti berikutnya.

### **5.2.1 Analisis Deskriptif Dimensi Konteks**

Pelaksanaan sesuatu program pendidikan perlu mengambil kira konteks pelaksanaan program tersebut. Dalam dimensi konteks kajian ini, penilaian Program LINUS yang dilaksanakan dalam kalangan murid-murid Orang Asli di sekolah murid Orang Asli (SMOA) di negeri Perak. Murid-murid Orang Asli yang terdiri daripada pelbagai etnik, seperti Semai, Jahai, Kintak atau Lanoh. Penilaian dibuat terhadap pelaksana program ini iaitu guru-guru LINUS yang terdiri daripada guru literasi bahasa Malaysia, guru pemulihhan literasi LINUS dan guru penyelaras LINUS. Manakala pentadbir LINUS terdiri daripada guru besar atau penolong kanan dan FasiLINUS daerah.

Pelaksana program perlu mengambil kira aspek kesesuaian dan latar belakang golongan sasaran sama ada murid-murid itu tinggal di kawasan bandar, luar bandar atau pedalaman (Mazdi, Jabil & Rosmiza, 2014). Hal ini selaras dengan saranan Van Meter dan Van Horn (1975) yang menjelaskan penggubalan sesuatu dasar oleh kerajaan memerlukan kajian mendalam dan konsisten. Ini kerana dalam konteks sekolah murid Orang Asli pihak pelaksanaan Program LINUS melibatkan banyak pihak, dan wujud pengaruh politik, ekonomi serta sosial daripada Kementerian Pendidikan Malaysia. Dalam kes ini, agensi yang terlibat seperti JNJK, JPN, PPD, BPK, LPM, JAKKOA, termasuk juga NGO (Ornstein & Hunkins, 2014).

Dalam pelaksanaan dasar pendidikan di Malaysia dilihat tidak konsisten. (Mahzan, 2008). Misalnya, sebelum diperkenalkan Program LINUS pada tahun 2010, terdapat beberapa program khusus untuk murid sekolah Orang Asli. Pada tahun 2005, pihak Pusat Perkembangan Kurikulum, KPM dengan kerjasama UNICEF telah menghasilkan *Buku Aktiviti Bahasa Melayu Program Khas Murid Orang Asli*

(Kementerian Pelajaran Malaysia). Buku tersebut diterbitkan sebanyak enam buah yang bertajuk *Keluarga Saya, Sekolah Saya, Kumpung Saya, Mengenali Haiwan, Menjaga Kesihatan Diri, dan Makanan Baik Untuk Kesihatan*.

Selepas itu beberapa program pemulihan seperti Program KIA2M dan Program Pemulihan Asas Kemahiran Membaca, Menulis dan Mengira (PROTIM) serta Program Bimbingan Membaca dan Menulis (PROBIM) (Abdul Rasid, Norhashimah & Samsudin, 2012). Bagi pemulihan khusus kepada murid Orang Asli turut diatur secara bersama antara agensi kerajaan di bawah kelolaan SUHAKAM namun masih kurang berkesan (SUHAKAM, 2010).

Pengenalan Program LINUS adalah disebabkan kegagalan pelaksanaan Program KIA2M yang dilaksanakan sebelumnya (Ahmad Jailani, 2012; Tazura, 2014). Misalnya, program tersebut hanya diwajibkan di sekolah kebangsaan sahaja, dan sekolah jenis kebangsaan tidak diwajibkan. Manakala, strategi pelaksanaan program melalui penyerapan ke dalam mata pelajaran pendidikan seni visual, pendidikan muzik dan pendidikan jasmani dan kesihatan (KPM, 2011).

Dalam konteks Program LINUS di sekolah murid Orang Asli, penilaian program dapat dikenal pasti melalui matlamat dan objektif pelaksanaan program tersebut. Situasi ini dipersetujui Tyler (1950) melalui Model *Objectives Oriented Evaluation*. Beliau berpendapat pencapaian sesuatu program seperti Program LINUS perlu dianalisi matlamat dan objektifnya sebelum dinilai hasilnya. Keadaan sama turut dikongsi Steers (1977), melalui Model Keberkesanan Organisasi. Beliau menjadikan matlamat dan objektif sesuatu program sebagai ukuran pencapaian sesuatu program tersebut. Dalam Program LINUS, matlamat yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia, iaitu melibatkan penguasaan kosa kata umum di antara 500

hingga 1000 patah perkataan agak sukar untuk dicapai bagi murid Orang Asli di SMOA (Jabatan Pendidikan Perak, 2014). Ini kerana murid Orang Asli kurang terdedah kepada budaya luar, dan kehidupan mereka lebih kepada lingkungan budaya serta masyarakat mereka di kawasan pedalaman. Pengaruh lingkungan budaya masyarakat Orang Asli ini turut disokong oleh Bronfenbrenner (1986).

Keadaan ini berbeza jika mereka belajar di sekolah biasa dan bergaul dengan masyarakat luar. Misalnya, kejayaan adik Karmilawati Karim dari Orang Asli Suku Jakun mendapat keputusan 5A dalam UPSR 2014 dari SK Pasukan Polis Hutan, Ulu Kinta, Perak. Kejayaannya atas dorongan ahli keluarga seperti ayahnya seorang anggota polis Pasukan Gerakan Am (PGA). Selain itu, percampuran dengan murid-murid berbangsa Melayu memberikan satu saingan untuk beliau terus fokus dalam pelajaran dan mencapai cita-cita tingginya sebagai seorang doktor haiwan (Utusan Malaysia, 2014).

Walaupun matlamat dan objektif Program LINUS meletakkan harapan yang tinggi di bahu KPM, tetapi guru besar, guru penyelaras LINUS, guru LINUS dan guru pemulihan turut menjadikan matlamat dan objektif Program LINUS sebagai panduan pelaksanaan ke arah kejayaan program tersebut (Klein, 2016). Justeru, bahan-bahan pelaksanaan program tersebut seperti modul, ujian saringan dan bahan-bahan berkaitan program menggunakan panduan *Buku Pelaksanaan Program LINUS* yang diguna pakai di SMOA perlukan kepada pengubahsuaihan dalam konteks murid Orang Asli itu sendiri. Misalnya, pelaksanaan dalam kalangan murid Orang Asli Jahai di Daerah Hulu Perak, murid Orang Asli Semai di Daerah Batang Padang, Daerah Kuala Kangsar, Daerah Kinta Utara, Daerah Kinta Selatan atau Daerah Perak Tengah. Didapati murid-murid daripada suku Jahai lebih lambat dari segi perkembangan kognitif berbanding

dengan suku-suku etnik lain di negeri Perak (Burenhult, 2004). Ini disebabkan kedudukan geografi mereka lebih di pedalaman berbanding daerah-daerah lain di Perak.

Devamany (2013) menyokong bahawa pembangunan terhadap masyarakat Orang Asli perlu mengambil kira konteks masyarakat tersebut. Kajian beliau terhadap masyarakat Orang Asli di Cameron Hinglands, Pahang mendapati pelaksanaan program pembangunan yang dirangka khusus untuk masyarakat Orang Asli iaitu Program Penempatan Tersusun (PPT), Program Pembangunan Ekonomi (PPE) dan Program Pembangunan Sosial (PPS) mencapai matlamat dan objektifnya, tetapi kebergantungan mereka terhadap ekonomi sara diri menyebabkan mereka terus kekal dalam kemiskinan, iaitu dengan kadar lebih 80% daripada mereka berada dalam kemiskinan berbanding kadar kemiskinan isi rumah di Malaysia. Jika keadaan ini berterusan isu ini boleh menjelaskan pencapaian murid-murid Orang Asli dalam pendidikan. Ini kerana status ekonomi keluarga amat berpengaruh dalam menangani isu sosioekonomi keluarga seperti yang dijelaskan oleh Schiefelbein dan Simmons (1991) dalam Teori Keperluan Sosiekonomi (SES).

Hal ini disokong Siti Nur Aishah (2014) terhadap program keusahawanan dalam kalangan belia Orang Asli di Baling Kedah. Beliau mendapati golongan usahawan Orang Asli perlukan bimbingan dan sokongan yang berterusan pihak Jabatan kemajuan Orang Asli (JAKOA) supaya program tersebut mencapai matlamat dan objektifnya. Ini kerana usahawan Orang Asli kurang berdaya saing dan berkeyakinan untuk menghadapi dunia keusahawanan sebenar. Keadaan ini berkait rapat dengan taraf pendidikan mereka yang rendah, sekadar mampu membaca dan menulis sahaja. Situasi ini kesan daripada keciciran mereka dalam akademik (Hassan, 1998; Nicholas, 2007).

Situasi ini disokong oleh Jumiya (2014) yang mengkaji murid-murid Orang Asli berkenaan, dan beliau berpendapat kegagalan dalam akademik berpunca daripada

kegagalan murid Orang Asli menguasai bahasa Malaysia. Ini kerana bagi mereka bahasa Malaysia adalah bahasa kedua bagi mereka. Situasi ini disokong oleh Krashen (1987) bahawa pemerolehan bahasa kedua membolehkan murid Orang Asli menguasai keseluruhan mata pelajaran yang diajar di sekolah rendah atau menengah (Isahak, 2004; Mahzan, 2016).

Matlamat dan konstruk yang disandarkan oleh KPM sebenarnya memberi cabaran besar kepada guru LINUS (Jabatan Pendidikan Perak, 2013). Ini kerana tempoh masa yang ditetapkan adalah tiga tahun bagi murid-murid Orang Asli menguasai kesemua 12 konstruk. Hal ini kerana pelaksanaan sesuatu program memerlukan tempoh masa yang tertentu untuk dinilai pencapainnya. Situasi ini dipersetujui Hoy dan Miskel (2001), yang nenilai aspek program dari segi dimensi masa, kepelbagaiannya konstitusi dan kriteria. Perkara ini turut diakui oleh seorang Panel Penilai Bebas Antarabangsa Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), Michael Fullan yang memberi tempoh sekurang-kurangnya lima tahun untuk melihat hasil yang cemerlang terhadap prestasi pelajar menerusi pelaksanaan PPPM (Utusan Malaysia, 2015).

Dalam pelaksanaan program transformasi pendidikan di SMOA kerjasama semua pihak adalah kunci kepada kejayaan tersebut. Misalnya pada tahun 2011, Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk Mary Yap Kain Ching membuktikan kejayaan murid-murid Orang Asli di SK Ulu Lubai, Limbang, Sarawak yang merupakan SMOA di pedalaman Sarawak hasil daripada kerjasama antara ibu bapa dan pihak sekolah menjadi teras kejayaan sekolah tersebut. Sekolah daripada binaan kayu dengan kemudahan minimum adalah sekolah pedalaman pertama yang diiktiraf sebagai sekolah berprestasi tinggi (SBT) di negara ini. Sekolah ini turut mengamalkan pendidikan abad ke-21 apabila mewujudkan kolaborasi dengan dengan *University Bristol, United Kingdom (UK), Jin Shan Primary School, Singapura* dan *Kingsford*.

*Community School serta Deptford Green School, UK* (Utusan Malaysia, 2011). Zuridah, Mohd Hasani dan Haliza (2015) mendapati peranan pengetua atau guru besar sebagai pemimpin literasi di sekolah amat penting dalam pencapaian matlamat dan objektif sesuatu program literasi seperti Program LINUS.

Matlamat dan objektif Program LINUS boleh dicapai jika pembinaan kurikulumnya mengambil kira sumber masyarakat Orang Asli itu (Ornstein & Hunkins, 2014). Biarpun matlamat dan objektif itu di luar konteks kognitif murid Orang Asli (Piaget, 1936), namun usaha gigih guru-guru mampu merapatkan jurang pencapaian dengan murid biasa. Namun, masyarakat Orang Asli perlu berkorban untuk melihat kejayaan generasi mereka di masa hadapan (Erikson, 2014). Mereka perlu bekerjasama dengan guru-guru seperti yang dilakukan di SK Ulu Lubai, Sarawak. Kerjasama amat penting kerana guru-guru program LINUS tidak perlu lagi memikirkan masalah disiplin murid-murid seperti ponteng sekolah, sebaliknya melaksanakan teknik, kaedah dan strategi yang rangka dengan berkesan. Justeru, Zuraizah Hanim, Mohd Hasani dan Khaliza (2015) berpendapat kepimpinan literasi di sekolah adalah satu entiti yang amat penting fungsinya dalam mencapai matlamat dan objektif sesuatu program literasi seperti Program LINUS.

Kesediaan murid-murid, pengalaman guru, peruntukan kewangan dan kesesuaian modul LINUS adalah antara faktor penting yang menentukan pencapaian matlamat dan objektif Program LINUS dalam kalangan murid-murid Orang Asli (Nazariyah, 2014). Kajian ini selari dengan dapatan yang dimuktamadkan oleh Mohd Fauzi dan Mohd Afandi (2010), Abdull Sukor et al. (2011), Ahmad Fauzi dan Ahmad Lutfi (2012), Azlina dan Ma’rof (2013), Jabatan Pendidikan Perak (2013 & 2014), Jabatan Kemajuan Orang Asli (2014), Jumiya (2014), Mazdi, Jabil dan Rosmiza (2014).

Mohd Nur Syufaat dan Seow Ta Wee (2013) menyarankan supaya dalam mencapai matlamat dan objektif Program LINUS, semua pihak perlu melihat kepada aspek kelestarian transformasi sosioekonomi masyarakat Orang Asli secara keseluruhannya. Ini kerana dalam merapatkan jurang literasi bahasa Malaysia dalam kalangan murid Orang Asli dengan murid-murid Melayu, Cina, India dan bumiputera Sabah dan Sarawak, pihak KPM perlu menggandakan usaha untuk mencapai KPI Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) melalui pelaksanaan Program LINUS dapat dicapai matlamat dan objektifnya akhir program tersebut (Nazariyah, 2014).

### **5.2.2 Analisis Deskriptif Dimensi Input**

Pelaksanaan Program LINUS melibatkan penyediaan modul bagi murid-murid dan guru-guru yang terlibat. Modul yang dihasilkan mengambil kira beberapa konsep bagi memastikan murid-murid dapat mengusai program tersebut dengan berkesan. Antara konsep yang diambil kira ialah pendekatan literasi dan numerasi secara bersepadu, ansur maju, didik hibur, penggabungjalinan dan pengulangan atau latih tubi. Modul tersebut memuatkan beberapa maklumat berhubung dengan senarai kemahiran yang perlu diajar serta cadangan aktiviti dan latihan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2011b).

Modul LINUS untuk guru dan murid dibekalkan ke sekolah-sekolah melalui Pejabat Pelajaran Daerah (PPD). Pada peringkat awal pelaksanaan Program LINUS, timbul masalah kelewatan pembekalan dan kuantiti yang dibekalkan. Namun perkara tersebut berjaya diatasi apabila sistem pengagihan dan pembekalan berjaya diperbaiki. Modul dibekalkan ke sekolah-sekolah sebelum sesi persekolahan dibuka atau selewat-lewatnya pada awal sesi persekolahan bermula. Modul yang dibekalkan mengambil kira data unjuran murid yang terlibat dengan Program LINUS dan murid di arus

perdana. Sebelum pengagihan modul, guru besar atau penyelaras LINUS ditaklimatkan mengenai pelaksanaan Program LINUS di sekolah masing-masing. Bagi guru-guru baharu, mereka diberikan kursus dan bengkel pelaksanaan Program LINUS supaya tatacara pelaksanaan dipatuhi dan tidak menimbulkan kesulitan kepada pihak FasiLINUS. Manual penggunaan modul tersebut dibekalkan kepada semua guru LINUS sebagai panduan, seperti di Lampiran 21 dan Lampiran 22.

Isi kandungan modul Program LINUS merupakan satu aspek yang penting dalam pelaksanaan program tersebut. Ini kerana murid-murid yang terlibat terdiri daripada pelbagai latar belakang keluarga dan etnik termasuklah murid-murid Orang Asli. Mereka amat sedikit mendapat pendidikan peringkat tadika atau prasekolah sebelum melangkah ke tahun satu. Keadaan ini memerlukan guru menggunakan pelbagai kaedah bagi memastikan mereka memahami aspek pengajaran guru terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Ini kerana penguasaan kosa kata bahasa Malaysia mereka terhad, dan komunikasi dalam bahasa Malaysia adalah perkara baharu. Justeru, guru-guru perlu mengusai asas bahasa Orang Asli bagi memudahkan PdP mereka berlangsung (Mohd Januri & Ruslan, 2008).

Guru-guru di sekolah murid Orang Asli (SMOA) mempunyai semangat, iltizam dan kekuatan mental yang tinggi. Mereka tinggal di kuarters atau rumah guru di kawasan pedalaman dan hanya pulang ke rumah sekali seminggu atau sebulan sekali. Ini bergantung kepada jarak dan kesukaran perhubungan antara sekolah dan kediaman guru. Keadaan ini menyebabkan kebanyakan guru akan memohon berpindah apabila cukup tempoh berkhidmat di sekolah tersebut. Dan kebanyakan guru-guru di SMOA adalah guru-guru baharu (Badrul Hisham, 2010), melainkan ada beberapa orang guru yang mempunyai semangat yang kental untuk terus memberikan khidmat mereka di sekolah itu (The Star, 2014).

Guru-guru yang mengajar di SMOA mempunyai cabaran yang tersendiri berbanding dengan guru-guru yang mengajar di sekolah biasa. Namun mereka jelas dengan matlamat dan tekad mereka untuk mendidik anak bangsa menjadi warganegara yang berguna tanpa mengira keturunan etnik atau latar belakang. Mereka juga mempunyai tujuan yang jelas dalam kerja buat mereka, agar proses PdP berkesan dapat dilaksanakan (Mohamad Saleeh & Azizul Rahman, 2012).

Guru LINUS di SMOA perlu mentadbir kelas dengan baik dan sesuai dengan keperluan murid kerana mereka lah agen yang bertanggungjawab memimpin murid-murid ke arah pembentukan sahsiah serta keperibadian yang positif (Abdullah Sani, Abdul Rashid & Abdul Ghani, 2011). Mereka perlu memahami dan mendekati setiap murid Orang Asli dengan mesra dan penuh berhemah bagi memastikan setiap murid diketahui latar sosialnya; supaya PdP menjadi lebih mudah dan berkesan. Apabila guru LINUS telah menguasai modul dan memahami setiap keperluan muridnya, proses pelaksanaan PdP di kelas lebih mudah dan program susulan seperti program pemulihan dapat direncanakan dengan lebih teratur dan sistematik (Mohd Hasani, Abdull Sukor, Mohd Izam, Nuraini, 2012).

Tidak terhad kepada pelaksanaan Program LINUS, terdapat inisiatif sekolah yang melaksanakan program seperti *Saya Seronok ke Sekolah* bagi mengurangkan kadar kecinciran murid-murid. Pembelajaran guru difokuskan kepada belajar sambil menyanyi dan bermain (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2016a). Penggunaan multimedia diaplikasikan dalam PdP guru. Guru berpendapat teknik pembelajaran menggunakan multimedia dapat meningkatkan motivasi dan pemahaman murid-murid Orang Asli terhadap PdP guru selaras dengan transformasi pendidikan negara (Barbara & Fiona, 2016).

Teknik PdP menggunakan multimedia seperti saranan Pavio (1986) melalui Teori *Dual Coding* banyak diaplikasikan guru-guru LINUS di SMOA. Ini kerana penggunaan grafik, animasi, audio-visual mampu meningkatkan pencapaian murid dalam literasi bahasa Malaysia dan membantu guru-guru dalam PdP mereka terutamanya guru-guru LINUS (Muhammad, 2006).

Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) amat penting dan dapat menarik minat murid-murid Orang Asli terhadap PdP guru (Shaffer, Doube & Tuovine, 2003). Namun persediaan terhadap peralatan multimedia menjadi satu cabaran kepada guru-guru. Ini kerana terdapat SMOA yang tidak mempunyai bekalan elektrik dan akses *internet*. Menurut Yuchtman dan Seashore (1967), sumber yang diperoleh oleh sekolah mampu melaksanakan pelbagai aktiviti, membeli peralatan dan bahan pengajaran serta untuk menyediakan kemudahan infrastuktur sekolah. Di SMOA, guru-guru perlu ke bandar atau pekan berdekatan untuk mendapatkan akses *internet* ataupun ke PPD atau Pusat Kegiatan Guru (PKG) bagi mendapatkan bahan PdP atau multimedia berkenaan.

Penggunaan bahan multimedia yang menggabungkan tayangan video, bimbingan guru secara interaktif, permainan interaktif dan nyanyian amat merangsang PdP murid-murid Orang Asli. Penggunaan bahan multi media tersebut mampu merangsang perkembangan kognitif murid-murid Orang Asli seperti yang dijelaskan dalam Teori Pembelajaran Kognitif oleh Piaget (1936). Manakala Bandura (1977) menjelaskan melalui Teori Pembelajaran Sosial, murid-murid Orang Asli dalam Program LINUS mampu belajar daripada penggunaan bahan multimedia tersebut.

Pengkaji dengan dua rakan iaitu Dr. Haji Mohd Razak dan Dr. Hajah Fatimah telah menghasilkan *Kit Cakna Literasi* sebagai alternatif kepada guru-guru LINUS di PPD Kuala Kangsar dan PPD Kinta Utara, Perak. Penggunaan Kit tersebut mendapat

pengiktirafan Anugerah Perak semasa Pertandingan Inovasi Peringkat Kebangsaan di IPG Kampus Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor pada tahun 2016. ([www.facebook.com/ipgmipoh/?pnref=story](http://www.facebook.com/ipgmipoh/?pnref=story)). Pembinaan kit tersebut mengambil kira kemampuan kognitif dan sosial murid Orang Asli seperti yang diterjemahkan oleh Teori Pembelajaran Sosial dan Teori Pembelajaran Kognitif.

Guru daripada kaca mata pendidikan Islam bukan setakat mengajar semata-mata malahan lebih daripada itu. Mereka dipandang tinggi dan mempunyai darjat yang mulia di sisi agama Islam dan masyarakat keseluruhannya. Guru yang dikehendaki dalam kaca mata agama Islam adalah guru yang mendidik (*muddaris*), pembimbing ilmu (*mua'allim*), menjadi teladan (*muaddib*), pembimbing akhlak terpuji (*murabbi*), pembimbing cara hidup yang bahagia (*mursyid*) dan pembimbing dalam pelbagai bidang (Syed Muhammad Naquib, 1998).

Dalam masyarakat Orang Asli, mereka memandang tinggi kepada tugas guru dalam mendidik anak-anak mereka di sekolah terutama dalam mengajarkan anak mereka menguasai asas literasi membaca dan menulis. Dalam PPPM 2013-2015, kerjaya guru diangkat sebagai satu profesi yang tinggi dan diiktiraf peranan dalam pembangunan negara (KPM, 2013). Justeru, Guru LINUS yang berperanan dalam mengoperasikan semua input dalam program tersebut sangat bermotivasi tinggi serta berkemahiran yang mampu memacu kejayaan Program LINUS (Stronge & Trucker, 2000; Chetty, Friedman & Rockoff, 2011).

### **5.2.3 Analisis Deskriptif Dimensi Proses**

Dalam menjelaskan dimensi proses, penilaian terhadap beberapa aspek seperti modul LINUS, rancangan pengajaran harian (RPH), teknik PdP, pelaksanaan PdP, aktiviti PdP, dan bahan bantu mengajar (BBM) guru menjadi penentu kepada kejayaan

Program LINUS. Menurut Scriven (1967) melalui Model *Consumer Oriented*, kejayaan sesuatu program amat bergantung kepada penilaian yang dibuat terhadap program yang sedang berlangsung, sama ada penilaian tersebut bersifat formatif dan sumatif

Dimensi proses melibatkan kesan langsung daripada pelaksanaan Program LINUS literasi bahasa Malaysia. Dalam dimensi ini, beberapa perkara dilihat mempunyai kesan langsung kepada pencapaian literasi murid Orang Asli, antaranya Modul LINUS, jadual pelaksanaan program LINUS, persekitaran pembelajaran, komitmen guru Program LINUS, peranan pihak pegurusan sekolah dan juga penglibatan ibu bapa serta masyarakat setempat. Ini seperti saranan Stake (1967) dalam model penilaianya pelaksanaan sesuatu program.

Penggunaan Modul LINUS yang dibekalkan oleh pihak kementerian mempunyai kesan langsung kepada murid-murid Orang Asli dan pencapaian tahap literasi mereka. Intipati utama adalah kesesuaian modul tersebut dengan pengalaman sedia ada murid-murid Orang Asli. Pengisian kandungan dalam modul kurang mesra pengguna dengan mengambil maklumat contoh yang jauh daripada jangkuan fikiran murid-murid Orang Asli yang rata-rata berada di kawasan pedalaman dan tiada pendedahan dengan dunia luar memberi kesan negatif kepada pencapaian program literasi bahasa Malaysia (Nur Bahiyah et al, 2013).

Pembinaan Modul LINUS perlu mengambil kira persekitaran murid-murid Orang Asli dan tahap kognitif mereka (Ornstein & Hunkins, 2014). Sebelum ini, Kementerian Pelajaran Malaysia dengan kerjasama UNICEF telah menghasilkan modul bagi menangani masalah penguasaan kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M) dalam kalangan murid-inurid sekolah Orang Asli di Tahun Pemulihan Program Khas Murid Orang Asli (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005). Penghasilan

buku-buku tersebut mengambil kira persekitaran dan latar belakang kehidupan murid Orang Asli. Namun pengedaran dan cetakan buku tersebut terhad dan tidak mencapai objektif dan matlamatnya, menyebabkan program tersebut terhenti.

Penghasilan modul melibatkan murid Orang Asli perlu melibatkan semua pihak seperti guru-guru pakar di SMOA, JAKOA, Tok Batin, NGO dan sebagainya. Ini kerana maklumat dan isi kandungan modul amat penting dalam memberi kefahaman asas kepada murid Orang Asli. Saranan ini selaras dengan saranan Ornstein dan Hunkins (2014) serta Sailor et al. (1981). Penggunaan bahasa ibunda juga amat penting dalam memberi pengukuhan kepada mereka. Ini disebabkan bahasa Malaysia adalah bahasa kedua bagi murid-murid Orang Asli (Jumiya, 2014). Perkara tersebut pernah ditegaskan melalui laporan UNESCO pada tahun 2003. Penggunaan bahasa ibunda perlu diguna dalam pengajaran awal dalam kalangan murid-murid Orang Asli (UNESCO, 2003).

Penggunaan bahasa ibunda dalam PdP guru LINUS amat penting dalam memberi peneguhan isi pelajaran kepada pelajar murid Orang Asli. Namun, keadaan ini memberi cabaran besar kepada guru-guru dalam melaksanakan Program LINUS (Abdul Jalil et al., 2011). Guru perlu menguasai bahasa Malaysia dengan baik dan berkebolehan menguasai bahasa ibunda mengikut murid Orang Asli seperti bahasa Semai, bahasa Temiar dan bahasa Jahai adalah suatu kelebihan. Penggunaan dan penguasaan bahasa etnik Orang Asli memberikan satu kelebihan kepada guru-guru dalam berkomunikasi dengan murid-murid dan masyarakat Orang Asli.

Namun keupayaan guru untuk menguasai bahasa Orang Asli masih terhad. Ini kerana kebanyakan guru-guru yang dihantar ke SMOA adalah guru-guru baharu atau guru *novis*. Mereka menghadapi masalah stres kerja, kecerdasan emosi dan komitmen

yang rendah apabila berhadapan dengan persekitaran berkenaan (Zakaria, 2014). Keadaan ini memberi kesan yang besar kepada pelaksanaan Program LINUS dalam kalangan murid-murid Orang Asli. Keadaan ini akan berterusan jika tiada langkah tertentu diambil bagi mengatasinya. Di samping memahami permasalahan guru-guru tersebut, tindakan perlu diambil supaya pelaksanaan PdP berjalan lancar.

Kajian oleh Mohamad Johdi, Che Noraini dan Ismael (2009), yang melihat penglibatan ibu bapa amat penting dalam program-program di sekolah anak masing-masing tidak sekadar hadir untuk mesyuarat agung PIBG sekali setahun atau hari perjumpaan semasa mengambil keputusan peperiksaan anak-anak semata-mata. Ini kerana persekitaran pembelajaran banyak mempengaruhi murid dalam pelajaran, situasi ini di sokong kajian oleh Mohd. Aderi (2008) dan Majdah (2011). Penglibatan ibu bapa, komuniti setempat dan sektor swasta amat penting dalam meningkatkan keberhasilan dan pencapaian sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2013).

Masyarakat Orang Asli mereka masih ketinggalan dalam banyak aspek termasuklah aspek pendidikan (Hassan, 1998). Mereka didapati kurang mementingkan pendidikan disebabkan kelangsungan hidup mereka yang masih dalam kategori miskin tegar miskin dan mudah miskin (JAKOA, 2015). Mereka masih bergantung harap kepada bantuan kerajaan bagi meningkatkan sosioekonomi mereka. Keadaan ini memberi kesan kepada pelaksanaan Program LINUS disebabkan masalah ponteng sekolah atau keciciran berlaku daripada kemiskinan keluarga murid-murid Orang Asli (Mazdi et al., 2014). Situasi ini disokong Schiefelbein dan Simmons (1981) melalui Teori Keperluan Sosioekonomi yang menjelaskan status sosioekonomi sesebuah keluarga banyak mempengaruhi pencapaian pendidikan anak-anak mereka.

Penyelesaian masalah secara menyeluruh penting bagi memastikan pelaksanaan sesuatu program dapat diteruskan. Permasalahan yang timbul daripada Modul LINUS, guru-guru LINUS, persekitaran pembelajaran kelas LINUS, dan kurangnya penglibatan ibu bapa, penjaga dan komuniti Orang Asli dapat diatasi jika semua pihak yang berkepentingan mengambil peranan masing-masing bagi memahami dan menyelesaiannya dengan integriti. Keadaan ini menuntut semua pihak mengenal pasti setiap ruang dan peluang bagi menyelesaiannya tanpa prajudis dan demi kepentingan serta masa depan negara ( Mohd Nur Syufaat & Soes Ta Wee, 2013).

Pelaksanaan Program LINUS dalam sistem pendidikan di negara kita amat bertepatan dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) (Anon, 2010); iaitu mencipta masa hadapan yang lebih gemilang melalui Bidang Keberhasilan Negara Pendidikan. (Maizatul Haizan & Wan Idros, 2014). Maka terbentuklah Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 -2025 (PPPM 2013 - 2015). Malaysia komited dalam tempoh 15 tahun untuk mentransformasikan sistem pendidikan setaraf dengan negara maju dan melahirkan generasi muda berpengetahuan, mampu berfikiran secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran kepimpinan yang mantap dan berupaya berkomunikasi dengan berkesan di peringkat global ( KPM, 2013).

Pelaksanaan Program LINUS 1.0 dan Program LINUS 2.0 adalah usaha berterusan kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan semua murid menguasai asas literasi pada tahap 1 di sekolah rendah. Pelaksanaan tersebut sebenarnya memberi cabaran besar kepada FasiLINUS, guru besar, penyelaras program LINUS dan guru-guru LINUS. Pelaksanaan program tersebut di SMOA turut memberikan dimensi lain terutama penglibatan agensi seperti Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dalam menentukan hala tuju sosioekonomi masyarakat Orang Asli.

Pelaksanaan Program LINUS dalam kalaungan murid-murid Orang Asli memberi impak yang besar kepada peningkatan kemahiran asas literasi biarpun pada kadar yang agak perlahan. Peningkatan ini perlu dilihat secara positif dan secara berfokus supaya setiap isu dan permasalahan yang dihadapi setentunya berbeza mengikut suku kaum Orang Asli, kedudukan sekolah atau daerah. Ini kerana hanya pendidikan mampu memajukan sesuatu masyarakat termasuklah masyarakat Orang Asli, seterusnya masyarakat Malaysia seluruhnya seperti yang direncanakan oleh kerajaan melalui Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Pelaksanaan Program LINUS di SMOA perlukan perubahan daripada aspek strategi dan kaedah pengajaran guru berbanding sekolah biasa. Murid-murid Orang Asli yang kebiasaanya bertutur dalam bahasa Jahai, bahasa Semai, bahasa Temiar atau bahasa ibunda yang lain, melihat bahasa Malaysia sebagai bahasa kedua dan memberi cabaran kepada mereka dalam menguasai bahasa tersebut (Nazirah, 2010; Abdull Sukor, Noraini, Mohd Izam & Mohd Hasani, 2011; Jumiya, 2014). Guru perlu mengubah suai pengajaran dan pembelajaran (PdP) mereka supaya relevan dalam konteks murid-murid Orang Asli. Mereka boleh menerapkan proses pembelajaran abad ke-21 semasa di kelas (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015a; Mariani, 2016).

Guru-guru pada abad ke-21 perlu mempunyai pelbagai kemahiran supaya memberikan keberhasilan yang maksimum kepada pencapaian murid. Rosefsky Saavedra dan Opfer (2012) menjelaskan ciri-ciri pendidikan abad ke-21 dengan menggariskan sembilan indikator penting, iaitu 1) Menjadikan pelajaran lebih relevan, 2) mengajar melalui disiplin, 3) membangunkan kemahiran berfikir aras rendah dan tinggi pada masa yang sama, 4) menggalakkan pemindahan pembelajaran, 5) mengajar murid untuk belajar cara belajar, 6) Menunjukkan ketidakfahaman secara terus, 7) kerja

berpasukan dalam menghasilkan produk dan mempromosikan pembelajaran, 8) mengeksplorasi teknologi untuk menyokong pembelajaran dan 9) kreativiti murid.

Dalam mendepani pendidikan abad ke-21, guru-guru LINUS perlu mengaplikasikan sembilan indikator tersebut dan mengamalkan pendidikan sepanjang hayat. Mereka perlu menjadikan perkembangan teknologi semasa dalam mengadakan kelas pembelajaran abad ke-21 di kelas masing-masing. Penggunaan gajet dan *ipad* dapat menarik minat dan menggalakkan pembelajaran murid-murid (Amy & Beth, 2015), seperti yang dilaksanakan oleh guru-guru di sekolah Orang Asli di Amerika Syarikat (Ackerman, 2013).

#### **5.2.4 Analisis Deskriptif Dimensi Produk**

Aspek pencapaian dan kemenjadian murid Orang Asli merupakan matlamat dan objektif utama Program LINUS di sekolah murid Orang Asli. Aspek ini turut terkandung dalam PPPM 2013-2025 (KPM, 2013). Dalam dimensi produk, pencapaian murid Orang Asli dalam akademik masih membimbangkan jika dirujuk kepada pencapaian UPSR dari tahun 2012 hingga tahun 2016 (KPM, 2017). Dalam menghadapi cabaran tersebut, beberapa inisiatif KPM telah dilancarkan sejak PPPM 2012-2025 dilancarkan, khususnya untuk murid Orang Asli.

Pada tahun 2012, Menteri Pendidikan Malaysia YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Yassin telah melancarkan Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli. Pelan tersebut telah menggariskan tujuh inisiatif baru sebagai usaha untuk mengarusperdanakan masyarakat Orang Asli seiring dengan kemajuan rakyat Malaysia (Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Pahang, 2012). Antara inisiatif yang digariskan pelan tersebut ialah:

1. Pemantapan tadbir urus di sekolah-sekolah yang mempunyai murid-murid Orang Asli. Pengoperasian dimulakan pada peringkat sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pelajaran Negeri dan Kementerian. Aspek kualiti kepimpinan dan pengurusan di semua peringkat sentiasa dipertingkatkan dengan memastikan segala isu dan permasalahan yang dihadapi murid-murid Orang Asli dapat diselesaikan segera, tanpa membelakangkan sosiobudaya yang diamalkan,
2. Memasukkan elemen Pendidikan Asas Vokasional (PAV) di peringkat menengah rendah di semua sekolah menengah harian yang terdapat murid-murid Orang Asli dengan bermatlamat bagi melengkapkan mereka dengan pelbagai kemahiran sebagai persediaan sebelum mereka memasuki alam pekerjaan,
3. Mengurangkan kadar kecinciran dalam kalangan murid-murid Orang Asli sebanyak enam peratus setiap tahun mulai tahun 2013 dan meningkatkan prestasi akademik sekolah-sekolah di sekolah murid Orang Asli, Kementerian Pendidikan Malaysia merangka beberapa program yang sesuai seperti Kelas Bimbingan Khas kepada murid-murid Orang Asli, program peningkatan kadar literasi dan numerasi (LINUS) dan sebagainya,
4. Menambah petempatan pelajar-pelajar untuk Program Khas Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) di Institut Pendidikan Guru Malaysia. Sehingga tahun 2016, seramai 139 orang guru pelatih daripada Orang Asli dan peribumi telah didaftarkan di IPGM untuk mengikuti program tersebut (KPM, 2017). Kementerian turut mewujudkan jawatan Pembantu Pengurusan Murid (PPM) daripada kalangan Orang Asli bagi membantu guru-guru mengurus penyediaan makanan, penjagaan diri dan kebersihan murid-murid Orang Asli.

5. Mempertingkatkan kemudahan infrastruktur dan prasarana pendidikan untuk Orang Asli dengan membina empat buah Sekolah Model Khas Komprehensif K9 di Perak, Selangor, Johor dan Pahang pada tahun 2013.
6. Projek menaik taraf empat buah asrama berpusat dimulai pada tahun 2013 bagi memberikan kemudahan dan keselesaan kepada murid-murid Orang Asli. Selain itu, penyediaan kemudahan pengangkutan seperti perkhidmatan bas sekolah dan kenderaan pacuan empat roda (*4WD*) bagi memastikan murid-murid Orang Asli tidak ponteng dan dapat hadir ke sekolah. Kemudahan rumah guru sedia ada turut dinaiktarafkan khususnya di kawasan pedalaman 2 dan 3 bagi bertujuan memberikan guru-guru kediaman yang lebih selesa dan kondusif, serta
7. Mempertingkatkan jalinan kerjasama (*smart partnership*) melalui kewujudan hubungan yang lebih strategi dengan rakan sinergi, rakan di lapangan serta rakan antarabangsa bagi membolehkan hasrat untuk merealisasikan transformasi ini tercapai.

Dalam merealisasikan Pelan Transformasi Pendidikan Orang Asli, Yayasan EMKAY yang menjadi rakan sinergi KPM telah menjadikan SK RPS Banun, Gerik, Perak sebagai Sekolah Model Khas Komprehensif K9 di Perak. Yayasan tersebut telah menyumbangkan RM800,000.00 kepada KPM sebagai kos pembiayaan pembangunan asrama dan kerja-kerja menaik taraf bilik darjah sekolah tersebut (Husni, 2012). Penglibatan pihak tersebut membolehkan kemudahan infrastruktur sekolah tersebut dinaik taraf termasuk kemudahan bekalan elektrik 24 jam telah disediakan. Kemudahan infrastruktur dikenal pasti memberikan impak yang besar kepada kehadiran murid-murid Orang Asli Jahai di sekolah tersebut, berbanding dengan kemudahan infrastruktur ketika kunjungan penyelidik pada tahun 2007 semasa terlibat dengan Program KIA2M di sekolah tersebut (Mohd Januri & Ruslan, 2008).

SK RPS Banun direkodkan sebagai sekolah murid Orang Asli dengan kadar penguasaan literasi dan numerasi pada 10 % (KPM, 2017). Bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, tiada murid yang mencapai kemahiran minimum dalam bahasa Inggeris. Justeru dalam menangani masaah tersebut beberapa tindakan telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. Misalnya pada tahun 2017, Makmal Pendidikan Orang Asli telah ditubuhkan. Makmal ini telah dikendalikan oleh PADU dan PEMANDU. Ahli-ahli makmal terdiri daripada wakil Bahagian di Kementerian, JPN, PPD, pemimpin sekolah dan guru, Institut Pendidikan Guru, pemimpin masyarakat, Jabatan Kemajuan Orang Asli, Kementerian Pengajian Tinggi, Kementerian Sumber Manusia, ahli akademik dan NGO (KPM, 2017).

Makmal ini memberikan saranan kepada pihak kerajaan untuk melaksanakan beberapa program di sekolah murid Orang Asli seperti program pengukuhan pedagogi murid Orang Asli, perkongsian amalan terbaik pengurusan pendidikan Orang Asli, memberikan keluwesan berkaitan hari persekolahan dan jadual waktu untuk sekolah Orang Asli, mengembangkan pendidikan asas vokasional (PAV) serta memberikan tumpuan kepada kemudahan infrastruktur di sekolah murid Orang Asli (KPM, 2017).

Kemudahan infrastruktur amat memberi kesan kepada pelaksana Program LINUS iaitu guru-guru dan penyelaras LINUS. Situasi ini memberi impak yang besar kepada keberkesanan, penerimaan dan kecekapan pelaksanaan Program LINUS. Biarpun pencapaian program tersebut secara keseluruhannya masih gagal mencapai sasarannya, namun peningkatan sedikit pencapaiannya sedikit sebanyak memberi kesan positif dan kepuasan kepada pelaksana program. Ini kerana produk akhir yang dihasilkan, iaitu pencapaian keputusan ujian saringan yang diperoleh tidak memberi gambaran sebenar potensi diri murid-murid. Ini selari dengan pendapat Provus (1971) yang melihat penilaian sesuatu program daripada aspek prestasi, standard dan produk.

Angka-angka dan peratusan pencapaian ujian saringan yang dicetak dan dibentangkan oleh pihak sekolah, PPD atau KPM adalah sebahagian daripada manifestasi kepada pelaksanaan Program LINUS. Data-data yang dimasukkan guru-guru dan penyelaras LINUS ke dalam portal <https://nkra.moe.gov.my/> adalah sebahagian daripada proses memberikan gambaran terhadap pelaksanaan Program LINUS tersebut. Namun terdapat juga data-data yang dimasukkan itu bukanlah data sebenar yang didapati daripada ujian saringan yang dijalankan. Wujud manipulasi data bagi menunjukkan peningkatan positif terhadap pelaksanaan Program LINUS walaupun hakikatnya berbeza.

Data yang dihasilkan itu perlu memaparkan gambaran sebenar pencapaian kemahiran asas literasi bahasa Malaysia dan ujian saringan yang telah dilaksanakan kepada murid-murid Orang Asli. Tekanan daripada pihak pengurusan sekolah atau pihak PPD menyebabkan terdapat segelintir guru mengambil jalan mudah menyajikan data-data ujian saringan yang tidak selari dengan pencapaian murid. Keadaan ini boleh memberi kesan kepada pencapaian sekolah terutama apabila murid-murid tersebut menduduki peperiksaan umum seperti Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR). Hakikatnya, murid-murid tersebut masih lagi gagal menguasai asas literasi dan numerasi.

### **5.3 Implikasi Kajian**

Kajian penilaian terhadap pelaksanaan Program LINUS dalam kalangan murid-murid Orang Asli di sekolah murid Orang Asli (SMOA) dapat memberikan gambaran sebenar kepada penyelidik tentang hala tuju program tersebut dan pencapaiannya serta kesannya terhadap pelaksanaan program tersebut secara keseluruhannya. Bagi negeri Perak, SMOA antara penyebab kepada peratusan rendah pencapaian dalam peperiksaan

UPSR saban tahun. Punca utama adalah kegagalan murid-murid di SMOA menguasai asas literasi (Jabatan Pendidikan Perak, 2013). Ini kerana kegagalan menguasai bahasa Malaysia memberi kesan yang besar kepada pencapaian mata pelajaran lain, disebabkan bahasa Malaysia adalah bahasa pengantar utama bidang pendidikan di Malaysia (Mahzan, 2008; Isahak, 2010; JAKOA, 2011; Mazdi, Jabil & Rosmiza, 2014).

Kajian ini dapat dijadikan penanda aras kepada pelaksanaan sesuatu program supaya tidak menjadi seperti sebuah projek gajah putih. Kegagalan program KIA2M, misalnya turut memberi tempias kepada murid-murid yang terlibat dalam program tersebut. Pelaksanaan Program LINUS 1.0 yang diperkenalkan pada tahun 2010, dan ditambah baik melalui Program LINUS 2.0, yang menjadi program turjang dalam mengurangkan kadar buta huruf terutamanya dalam kalangan murid-murid sekolah rendah termasuklah murid-murid Orang Asli. Pelaksanaan program ini yang telah memasuki fasa kedua dalam gelombang transformasi pendidikan negara di bawah PPPM 2013-2025, seharusnya memerlukan proses penambahbaikan supaya relevan dengan keperluan dan kehendak seimasa.

Pelaksanaan Program LINUS 2.0 sebenarnya memberikan stres baharu kepada murid-murid Orang Asli. Mereka menjadi sasaran untuk pelaksanaan program literasi bahasa Malaysia, numerasi dan literasi bahasa Inggeris (KPM, 2017). Justeru, pelaksanaan bagi setiap subprogram tersebut perlukan guru-guru yang komited dan mempunyai ciri-ciri guru abad ke-21 dan memenuhi kehendak Falsafah Pendidikan Negara (FPN). Bernie dan Charles (2009) menjelaskan guru-guru abad ke-21 perlu menguasai subjek (kandungan kurikulum), mahir dan bertrainpilan dalam pedagogi (PdP), memahami perkembangan murid-murid dan menyayangi mereka, memahami psikologi pembelajaran, memiliki kemahiran kaunseling dan berkemahiran menggunakan teknologi terkini.

### **5.3.1 Implikasi dan Cadangan Terhadap Pelaksanaan Program LINUS**

Pelaksanaan Program LINUS adalah suatu usaha kerajaan melalui Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memastikan semua murid normal dapat menguasai literasi bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan numerasi seawal tahap satu di sekolah rendah. Ujian saringan diperkenalkan bagi menyaring setiap murid yang perlu mengikuti program tersebut. Persoalan timbul jika matlamat dan objektif konteks program tersebut dianggap tinggi jika dibandingkan dengan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) bagi mata pelajaran Bahasa Malaysia pemahaman.

Dalam menilai kemampuan literasi murid-murid, mereka perlu berkeupayaan membaca, menulis dan memahami perkataan, ayat tunggal dan ayat majmuk dalam bahasa Malaysia serta mampu menggunakan perkataan dan ayat dalam pembelajaran dan koinunikasi harian. Bagi tahun satu, murid-murid perlu menguasai minimum 500 perkataan mudah dan ayat tunggal, tahun dua pula perlu menguasai minimum 800 perkataan mudah yang selalu digunakan, termasuklah ayat tunggal dan ayat majmuk dengan kata tunggal. Bagi tahun tiga, mereka perlu menguasai minimum 1000 patah perkataan mudah, ayat tunggal dan ayat majmuk dengan penggunaan kata hubung dalam perenggan yang pendek (KPM, 2015).

Dalam penilaian Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) secara perbandingan, murid tahun enam yang menjawab soalan Bahasa Malaysia Pemahaman perlu membina lima ayat mengandungi kata kerja bagi Bahagian A, menghasilkan karangan pendek tidak kurang daripada 80 patah perkataan bagi Bahagian B, dan Bahagian C pula membuat ulasan tidak kurang daripada 50 patah perkataan terhadap bahan teks yang diberi (Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2015). Jika dibandingkan matlamat dan objektif konteks Program LINUS adalah lebih tinggi berbanding dengan matlamat dan

objektif dalam konteks penilaian bahasa Malaysia pada peringkat peperiksaan UPSR. Jika dirujuk kepada pencapaian UPSR murid Orang Asli bagi tahun 2012 hingga 2016, peratus lulus mereka adalah 43.8 % berbanding dengan peratus lulus kebangsaan sebanyak 86.5% (KPM, 2017). Dalam pelaksanaan Program LINUS, murid-murid yang terlibat adalah murid Tahun 1, 2 dan 3, sedangkan bagi UPSR semua murid Tahun 6.

Justeru, dalam menentukan matlamat dan objektif Program LINUS, aspek tersebut perlu diperhalusi semula supaya tidak terlalu tinggi, dan memberi stres kepada setiap murid. Matlamat dan objektif program perlu mengambil kira juga matlamat dan objektif Program Pendidikan Inklusi kelolaan Bahagian Pendidikan Khas, Kementerian pendidikan Malaysia, sebagai satu perbandingan (Surat Pekeliling Bilangan 10 Tahun 2014).

Dalam pelaksanaan Program LINUS sebagai program intervensi dalam kalangan guru-guru perlukan penjenamaan semula. Matlamat dan objektif program perlu mesra guru, lebih mudah dan tidak terlalu teknikal atau terlalu linguistik. Ini kerana penggunaan istilah saintifik dan lingustik dalam pengajaran bahasa Malaysia memberikan persepsi berlainan terutamanya kepada guru-guru pemulihan yang bukan berlatar belakang bidang bahasa Malaysia atau lingustik (Nik Safiah, Farid, Hashim & Hamid, 2008). Istilah seperti diftong, digraf, vokal berganding perlu dikeluarkan daripada konteks matlamat dan objektif program ini. Seharusnya, murid-murid dan guru-guru perlu didekahkan atas literasi seperti kursus Literasi Bahasa Malaysia di peringkat Institut Pendidikan Guru (IPG) (Khairuddin, 2011).

Kursus Literasi Bahasa Malaysia memperkenalkan cara mudah untuk menguasai asas literasi bahasa Malaysia, sama ada menggunakan kaedah fonetik, kaedah abjad, kaedah pandang dan sebut dan sebagainya. Terdapat pelbagai aktiviti

yang menarik yang boleh diguna pakai guru bagi memastikan murid-murid aktif dalam aktiviti PdP termasuklah belajar sambil bermain. Penyertaan murid-murid dengan aktiviti yang mudah dan menarik boleh memberi kesan yang mendalam kepada pengalaman belajar mereka (Sharifah, Manisah, Norshidah & Aliza (2009). Isahak (2010) menekankan kepada kaedah gabungan bunyi kata dalam pengajaran awal membaca kanak-kanak. Namun dalam memastikan pelaksanaan program ini dalam kalangan murid Orang Asli, aspek seni bahasa seperti didik hibur perlu diaplikasikan guru supaya murid mudah menerima PdP guru. Ini kerana murid Orang Asli lebih tertarik kepada aktiviti nyayian seperti berbanding aktiviti lain (Nazariyah, 2014).

Justeru, guru-guru Program LINUS perlu juga didedahkan dengan kaedah-kaedah membaca awal, aspek seni muzik, di samping bengkel-bengkel penyediaan bahan bantu mengajar (BBM) yang sesuai dengan Program LINUS. Penggunaan multimedia juga mampu meningkatkan keseronokan belajar murid-murid (Abdul Rasid Jamian & Hasmah, 2013). Guru-guru yang kompeten dan mempunyai komitmen serta motivasi yang tinggi mampu menghadapi cabaran dalam mengatasi masalah literasi terutamanya di SMOA.

Ini kerana Program LINUS diwujudkan untuk menangani masalah murid-murid yang berkeupayaan tetapi masih belum menguasai literasi dan numerasi. Justeru, matlamat dan objektif Program LINUS adalah untuk mengenal pasti masalah dan memulihkan kelemahan murid pada peringkat lebih awal agar murid yang tidak berupaya membaca dan menulis ini tidak ketinggalan dalam menguasai pembelajaran secara keseluruhan (Abdul Jalil, Normarini, Ghazali & Saedah, 2011). Namun, realiti pelaksanaannya bergantung kepada guru-guru dan pihak pengurusan sekolah. Dalam mengatasi masalah pelaksanaannya, cadangan dan sumbangan idea daripada semua pihak amat penting bagi memantapkan lagi pelaksanaan program tersebut.

### **5.3.2 Implikasi dan Cadangan Terhadap Kementerian Pendidikan Malaysia**

Pelaksanaan Program LINUS bagi murid Orang Asli perlu mengambil kira beberapa pertimbangan dan keperluan yang berkaitan dengan masyarakat Orang Asli. Selain permasalahan infrastruktur pembelajaran di sekolah, perkara berkaitan kurikulum perlu diberi perhatian pihak kementerian. Isi kandungan Modul Program LINUS perlu diubah suai dan mengambil kira kemampuan kognitif murid-murid Orang Asli, sikap ibu bapa dan persekitaran budaya mereka (Partington & Gray, 2003).

Dalam menangani isu pendidikan murid-murid Orang Asli, aplikasi model kurikulum alternatif dan inklusif merupakan satu bentuk cadangan pendidikan yang boleh dipertimbangkan oleh semua pihak. Murid-murid Orang Asli perlu diberi peluang untuk mendapatkan pendidikan yang terbaik. Masyarakat Orang Asli mahukan modul pendidikan yang melambangkan identiti dan jati diri mereka tidak terpinggir oleh arus pembangunan dan kemajuan (Nicholas, 2008).

Penyelidik bidang kurikulum menyarankan pengenalan kurikulum berdasarkan intelektualisme perubatan herba Orang Asli. Mereka boleh menggunakan kepandaian mereka dalam bidang perubatan herba (Mustaffa, 2010). Secara tidak langsung, kepandaian mereka tidak pupus begitu sahaja selain dapat mengekalkan tradisi budaya mereka. Kemampuan mereka memajukan bidang perubatan herba dapat membuka satu dimensi baru bagi masyarakat Orang Asli melalui industri kecil dan sederhana (IKS) (Husnorhafiza & Norasmah, 2009); dan mendekatkan diri mereka kepada bidang perniagaan warisi (Mohd Nazri, Norlidah, Saedah, & Dorothy, 2012). Bagi murid-murid Orang Asli, mereka mempelajari sesuatu yang dekat dengan kehidupan mereka, dan secara tidak langsung mendorong mereka agar mereka lebih minat untuk belajar. Hal ini demikian kerana pedagogi yang memupuk perasaan *sense of ownership* terhadap

ilmu yang dipelajari mampu menarik minat pembelajaran dalam kalangan pelajar Orang Asli (Battiste, Bell & Findlay, 2002).

Situasi ini juga pastinya akan memberi lebih keyakinan kepada ibu bapa untuk menghantar anak-anaknya ke sekolah kerana segala kemahiran, amalan tradisi serta pegangan hidup yang ingin diwariskan kepada anak-anak mereka diberikan perhatian oleh kerajaan. Justeru, dalam usaha memperkasa pendidikan masyarakat Orang Asli nilai-nilai utama dalam pendidikan peribumi perlu diberikan perhatian, dan perlu diambil kira berbagai aspek termasuklah identiti, keterkaitan, keterangkuman, ketimbalbalikan, pemupukan dan menghormati adat budaya orang asal (Mustaffa, Hood & Fatanah, 2012).

Pusat Perkembangan Kurikulum (1998) telah menerbitkan sebuah buku berkaitan pantang larang dan amalan kesihatan dalam masyarakat Orang Asli. Buku tersebut secara tidak langsung cuba menyingkap permasalahan sosiobudaya masyarakat Orang Asli dengan menggunakan kepakaran guru-guru sekolah Orang Asli dan ketua masyarakat Orang Asli. Rentetan daripada itu, pada tahun 2005, PPK turut menghasilkan *Buku Aktiviti Bahasa Malaysia Program Khas Orang Asli* bagi meningkatkan tahap literasi bahasa Malaysia dalam kalangan murid-murid Orang Asli. Namun, pengenalan program KIA2M pada tahun 2006, menyebabkan buku tersebut diabaikan. Seterusnya, kerajaan memperkenalkan Program LINUS pada tahun 2010 dan Kurikulum Standard Sekolah Rendah pada tahun 2011 telah memberikan lembaran baharu kepada pelaksanaan PdP dalam kalangan murid-murid Orang Asli.

Ramlah (2009) menjelaskan pengenalan projek rintis kurikulum murid Orang Asli dan Penan (KAP) adalah usaha ke arah mewujudkan kurikulum inklusif bagi murid-murid Orang Asli. Namun, pelaksanaan yang kurang lancar dan perubahan

dalam dasar pendidikan menjadikan pelaksanaan program tersebut seolah-olah terhenti. Pelaksanaan Program LINUS merupakan satu usaha mengatasi masalah literasi juga sukar dicapai jika mengambil kira perkembangan pencapaian program tersebut dalam kalangan murid-murid Orang Asli di negeri Perak pada tahun 2014.

Pelaksanaan Program LINUS dalam kalangan murid Orang Asli yang pelbagai suku etnik perlu mengambil kira persekitaran budaya dan masyarakat mereka (Nicholas, 2007; Mohd Fauzi, 2006 & Jumiya, 2014). Ini kerana murid Orang Asli perlukan satu kurikulum yang berbeza berbanding murid-murid yang lain. Mereka boleh digolongkan kepada murid yang pendiam, kurang keyakinan diri, tebal perasaan rendah diri, suka persekitaran hutan, suka bermain dan menggunakan bahasa ibunda masing-masing untuk berkomunikasi (Zulkifli, 2014).

Pihak KPM dalam menghasilkan Modul Program LINUS perlu mengambil kira keperluan tersebut memandangkan modul sebelumnya digunakan untuk semua murid tanpa mengambil kira aspek perbendaharan kata dan latar belakang murid (Ornstein & Hunkins, 2014). Keperluan memasukkan bahasa ibunda ke dalam Modul Program LINUS boleh dipertimbangkan (Ilangko, Noorulafiza & Siti Nor Hamahida, 2014). Ini termasuklah melatih guru-guru yang mengajar di sekolah murid Orang Asli (SMOA) tentang strategi pengajaran berdasarkan budaya Orang Asli dan peribumi (Parlimen Malaysia, 2014).

### **5.3.3 Implikasi dan Cadangan Terhadap Guru Sekolah Orang Asli**

Dalam meningkatkan kualiti pengurusan di sekolah guru besar dan barisan kepimpinan di sekolah perlu mengamalkan stil kepimpinan transformasional. Mereka perlu mengamalkan empat dimensi kepimpinan transformasional, iaitu kejelasan visi dan inspirasi, kepimpinan berteladan, dorongan kerjasama kumpulan dan pertimbangan

individu (Rosnani et al., 2013). Dalam pelaksanaan Program LINUS, pihak pengurusan seperti guru besar, guru penyelaras, guru LINUS, guru pemulihan perlu jelas dengan pelaksanaan program tersebut, manakala guru besar perlu mengamalkan gaya kepimpinan transformasional supaya matlamat dan objektif program tersebut dapat dicapai. Peranan pengetua atau guru besar sebagai pemimpin literasi di sekolah perlu lebih menyerlah dalam kalangan pihak pengurusan (Zuridah Hanim, Mohd. Hasani & Khaliza, 2015).

Dalam pelaksanaan Program LINUS, cabaran utama yang dihadapi guru LINUS adalah melaksanakan strategi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam kalangan murid-murid yang rendah kognitifnya (Abdul Jalil et al., 2011). Guru-guru perlu menguasai strategi dan kaedah PdP yang disarankan dalam Modul LINUS; di samping kemahiran semulajadi guru seperti bermain peralatan muzik dan kebolehan menyanyi. Ini kerana murid-murid Orang Asli suka akan aktiviti berteraskan belajar sambil menyanyi. Guru perlu menguasai aktiviti didik hibur dan menyesuaikan PdP di dalam kelas LINUS dengan tahap pengetahuan dan aras kognitif mereka (Abdul Rasid & Hasmah, 2013).

Pelaksanaan Program LINUS di sekolah memerlukan guru yang kreatif dan inovatif memandangkan guru-guru hanya dibekalkan dengan modul semata-mata, mereka perlu lebih berdikari dan berinisiatif (Westwood, 2013). Mereka tidak dibekalkan dengan bahan bantu mengajar (BBM) atau peralatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT). Guru-guru perlu meneroka untuk menghasilkan BBM atau persempahan multimedia interaktif kepada murid-murid supaya setiap kali sesi PdP dilaksanakan dapat menarik minat murid terhadap PdP guru, dan secara tak langsung mengurangkan kadar ponteng sekolah dalam kalangan murid-murid Orang Asli.

Peranan guru bukan sahaja sekadar melaksanakan PdP literasi bagi program LINUS di kelas, malah sebagai moderator, perunding dan penyelidik pedagogi (Kris Van, 2016).

Guru-guru yang mempunyai kemahiran dalam pendidikan seni muzik dan berkemahiran dalam ICT adalah aset yang terbaik buat murid-murid Orang Asli. Mereka dapat mengaplikasikan pendidikan abad ke-21 dalam melaksanakan PdP mereka, dan melaksanakan aktiviti didik hibur setiap kali kelas LINUS berlangsung. Secara tidak langsung, murid-murid berkemahiran meneroka bidang ICT dan mereka boleh menggunakan kemudahan tersebut untuk belajar atau mengakses pelajaran secara kendiri (Sutton, 2013).

#### **5.3.4 Implikasi dan Cadangan Terhadap JAKOA**

Pelaksanaan Program LINUS di sekolah murid Orang Asli (SMOA) menuntut perhatian Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), sebuah agensi di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah. Kementerian tersebut telah melancarkan Program Transformasi Masyarakat Orang Asli bagi memastikan masyarakat Orang Asli tidak terpinggir oleh arus pembangunan (JAKOA, 2014). Ini kerana masyarakat Orang Asli jauh terkebelakang dalam arus pembangunan berbanding dengan etnik-etnik lain di Malaysia. Status pendidikan mereka masih rendah dan wujud beberapa masalah utama dalam konteks berkenaan, meliputi masalah peratus kehadiran ke sekolah yang rendah, kadar keciciran yang tinggi dan pencapaian akademik dalam peperiksaan yang rendah (Ramle, 2015).

Permasalahan dalam sosioekonomi berkait rapat dengan status pendidikan. JAKOA telah melaksanakan beberapa program bagi meningkatkan tahap pendidikan murid Orang Asli. Antaranya program motivasi bagi murid-murid yang menduduki peperiksaan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR), Penilaian Tingkatan 3 (PT3),

Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia (STPM) (JAKOA, 2014). Pelaksanaan Program LINUS di SMOA diserahkan kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia untuk dilaksanakan. Justeru, tiada peruntukan daripada pihak JAKOA untuk diagihkan kepada murid-murid yang mengikuti Program LINUS. Program motivasi untuk murid-murid Program LINUS tidak dimasukkan dalam program pendidikan JAKOA.

Pihak JAKOA sepatutnya memberi tumpuan kepada murid-murid yang mengikuti Program LINUS dengan mengadakan program-program khusus seperti meningkatkan motivasi murid, program hadir ke sekolah, program intervensi murid atau program galakan membaca. Kerjasama melalui Strategi Lautan Biru (NBOS) antara SMOA dan JAKOA perlu diadakan bagi mengenal pasti murid-murid yang bermasalah literasi dan mencari jalan penyelesaiannya. Ini kerana tumpuan program pendidikan JAKOA hanya kepada murid-murid yang menduduki peperiksaan awam dan melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi.

Kerjasama JAKOA dengan guru-guru LINUS, FasiLINUS dan pihak pengurusan sekolah, khususnya dalam menangani masalah literasi bagi murid-murid LINUS perlu dilaksanakan bagi memastikan pelaksanaan mencapai matlamat dan objektifnya, seterusnya mampu memajukan masyarakat Orang Asli secara amnya (Mohd Nur Syufaat & Seow Ta Wee, 2013). Peruntukan bagi murid-murid Orang Asli yang mengikuti Program LINUS wajar disediakan sama seperti murid-murid lain yang terlibat dalam program pendidikan dan motivasi. Ini kerana permulaan kepada kejayaan dalam pencapaian akademik cemerlang adalah kejayaan dalam pelaksanaan Program LINUS.

Hal ini kerana, penelitian terhadap pencapaian murid-murid cemerlang dalam UPSR, PT3, SPM dan STPM bagi tahun 2014 bukannya disumbangkan oleh murid-murid Orang Asli yang belajar di sekolah murid Orang Asli, sebaliknya di sekolah biasa (JAKOA, 2014). Justeru, pihak JAKOA perlu memberikan tumpuan yang lebih kepada murid-murid Orang Asli yang belajar di 28 buah sekolah Orang Asli di negeri Perak, atau 93 buah di Semenanjung Malaysia (Unit Pengurusan Sekolah Orang Asli, KPM, 2014). Tumpuan pihak JAKOA kepada pelaksanaan Program LINUS di sekolah Orang Asli perlu dibuat dengan melantik beberapa orang pegawai pendidikan Program LINUS seperti FasiLINUS; bagi memantau, menyelia dan menjalankan kerjasama erat dengan guru-guru LINUS dan ibu bapa atau waris murid-murid LINUS di pihak JAKOA.

### **5.3.5 Implikasi dan Cadangan Terhadap Ibu bapa Masyarakat Orang Asli**

Penglibatan ibu bapa dan masyarakat Orang Asli dalam Program LINUS adalah satu komitmen yang dituntut oleh guru-guru dan pihak pengurusan sekolah. Ini kerana mereka kurang komited atau mengambil berat dalam pelaksanaan program tersebut di sekolah, sebaliknya menyerahkan pelaksanaan program tersebut kepada pihak sekolah semata-mata. Ini kerana mereka beranggapan pihak sekolah lebih mengetahui dan berpengalaman dalam mendidika anak-anak mereka. Mereka terlalu sibuk dan tidak mempunyai masa bagi memikirkan soal pendidikan anak masing-masing, sebaliknya sibuk mencari nafkah hidup kerana kemiskinan (Ibrahim & Khairul, 2007).

Di bawah inisiatif penglibatan ibu bapa, komuniti dan sektor swasta, pemimpin sekolah dan guru adalah digalakkan untuk melibatkan ibu bapa menggunakan garis panduan sarana sekolah (KPM, 2013). Sekolah juga telah mewujudkan Kumpulan Sokongan Ibu Bapa (KSIB) di bawah naungan Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Ibu bapa daripada KSIB berperanan penting dalam meningkatkan penglibatan ibu bapa

yang lain untuk bersama-sama menjayakan setiap aktiviti yang diadakan di sekolah (PPPM, 2012). Contohnya, ibu bapa secara sukarela mengajar dalam kelas tambahan, turut serta dalam aktiviti gotong-royong dan mengiringi murid dalam setiap acara sekolah, seperti sukan tahunan atau perkhemahan unit beruniform.

KISB turut menyediakan sokongan lain kepada ibu bapa mengenai kemahiran keibubapaan dan strategi mengurus anak-anak. Sebagai penerusan usaha yang telah dilaksanakan pada tahun sebelumnya, KPM mengambil langkah untuk mengukur kehadiran ibu bapa di dalam enam aktiviti sekolah, iaitu hari pendaftaran, hari penetapan sasaran, mesyuarat tahunan PIBG, hari kad laporan, hari sukan sekolah dan hari penyampaian hadiah mulai tahun 2014. Kaedah pengukuran yang digunakan adalah melalui sistem *e-Sarana* dalam talian yang baharu dirintis. Sistem ini menunjukkan purata kehadiran ibu bapa dalam keenam-enam aktiviti tersebut ialah 57% (PADU, 2015).

KPM sedar bahawa penglibatan ibu bapa bukan hanya dilihat pada kuantiti tetapi yang lebih penting adalah kualiti penglibatan. Terdapat kisah yang memberangsangkan daripada sekolah-sekolah yang menunjukkan dedikasi dan komitmen ibu bapa dalam menyokong aktiviti di sekolah anak-anak mereka. Di sekolah murid Orang Asli, penglibatan ibu bapa terhad kepada hari-hari tertentu sahaja seperti hari permulaan persekolahan, hari penyampaian bantuan persekolahan atau hari penerimaan bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAMP) (Wan Afizi, Shaharuddin & Noraziah, 2014). Justeru, dalam meningkatkan penglibatan ibu bapa dan masyarakat setempat dalam pelaksanaan Program LINUS di sekolah murid Orang Asli, pihak sekolah perlu mendapat kerjasama rapat pihak JAKOA dan PPD atau pejabat wakil rakyat berkenaan, misalnya melalui Program *Outreach LINUS* (SUHAKAM, 2015).

Kerjasama semua pihak perlu dalam menambat hati ibu bapa dan masyarakat Orang Asli, seperti penglibatan aktif pegawai PPD, Tok Batin, Penghulu, JAKOA dan pemimpin masyarakat setempat (Luria & Berson, 2013). Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia turut melaksanakan Program KEDAP bagi memberikan pendidikan kepada Orang Asli dewasa yang terpilih. Pada Tahun 2014, JAKOA telah diperuntukan sebanyak RM6.2 Juta bagi melaksanakan Program KEDAP-JAKOA. Pelaksanaan program tersebut bermatlamat mengurangkan keciciran melalui pengurangan kadar buta huruf yang tinggi dalam kalangan masyarakat Orang Asli yang berumur 15 tahun ke atas, terutamanya ibu bapa dan penjaga murid Orang Asli (KPM, 2016a).

Modul pelaksanaan Program KEDAP-JAKOA dirancang menggunakan teknik andragogi hasil kolaborasi KPM dan Modul *LEADS* di bawah kelolaan KEMAS (JAKOA, 2014). Program KEDAP-JAKOA merupakan satu aktiviti bagi melibatkan ibu bapa dan masyarakat Orang Asli dalam sistem pendidikan negara. Mereka diberikan pendidikan formal melalui guru-guru khas yang berpengalaman dan berdedikasi dalam pendidikan.

Matlamat akhir Program KEDAP-JAKOA bermatlamat memberikan kesedaran kepada masyarakat Orang Asli tentang pentingnya pendidikan dalam kehidupan mereka. Justeru, pendidikan awal seperti Program LINUS perlu diberikan perhatian utama oleh ibu bapa dan masyarakat Orang Asli supaya generasi baharu mereka mendapat pendidikan berkualiti demi kelangsungan kehidupan mereka. Ini kerana menurut Bronfenbrenner (1977), ahli keluarga khususnya ibu bapa amat berpengaruh dalam menentukan proses sosialisasi dan perkembangan anak-anak mereka (Wan Anita & Azizah, 2013).

### **5.3.6 Implikasi dan Cadangan Terhadap Murid Orang Asli**

Anak merupakan anugerah Tuhan seperti kain putih, dan ibu bapa yang bertanggungjawab mencorakkan warnanya (Al-Bukhari, 1987). Bagi murid-murid Orang Asli, mereka mempunyai ciri-ciri yang unik berbanding murid-murid sekolah yang lain (Nazariyah, 2014a). Mereka perlu didekati dengan cara berhemah dan memerlukan guru-guru yang benar-benar memahami karenah mereka. Ini kerana kesilapan guru, boleh menyebabkan mereka cepat merajuk dan terus ponteng sekolah (Johari & Nazri, 2007). Bagi masyarakat Orang Asli Semai, anak-anak adalah anugerah Tuhan. Mereka tidak boleh dimarahi atau dipaksa untuk melakukan sesuatu. Jika berbuat demikian, anak-anak akan ditimpa malapetaka. Kepercayaan dan amalan terhadap Hukum *Sai-Yet* dan *Ser-Long* boleh memberikan kesan negatif kepada pendidikan anak-anak mereka. (Len Siong, Ting & Khairuddin, 2014 ).

Dalam menghadapi masalah murid Orang Asli yang mudah lupa atau daya ingatan mereka yang lemah (Abdull Sukor et al., 2011), guru-guru LINUS perlu lebih kreatif selain daripada menggunakan teknik latih tubi dan tidak terlalu banyak memberi input setiap kali sesi PdP berlangsung. Murid-murid Orang Asli yang cepat bosan dan jemu dengan aktiviti PdP perlukan suatu alternatif lain dalam setiap sesi PdP berlangsung (Abdul Razaq & Zalizan, 2009). Terdapat juga murid-murid yang tertidur atau tidak bermaya setiap kali sesi PdP. Ini disebabkan terdapat murid yang tidak mengambil sarapan pagi sebelum ke sekolah atau mengambil makanan yang kurang berkhasiat semasa di rumah. Keadaan ini menyebabkan mereka ketinggalan dalam pelajaran. Akibat sikap malu untuk bertanya dan pendiam semasa guru bertanya; menyebabkan mereka mengalami kesukaran untuk memahami sesuatu topik yang diajar guru (Fatan Hamamah, 2008).

Dalam menangani masalah tersebut pihak sekolah dengan kerjasama pihak JAKOA dan Tok Batin serta pemimpin masyarakat setempat perlu mengadakan perbincangan untuk mencaari jalan penyelesaiannya. Ibu bapa bertanggungjawab menghantar anak-anak mereka ke sekolah seperti yang diwajibkan di bawah Akta Pendidikan Kebangsaan dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 14/2002. Pihak sekolah dan pihak JAKOA serta Tok Batin perlu mempunyai hubungan baik dengan ibu bapa murid-murid Orang Asli supaya setiap dasar kerajaan atau maklumat berkaitan dapat disampaikan dengan jelas dan telus kepada mereka.

Pihak sekolah juga perlu menganjurkan program-program tertentu bagi meningkatkan hubungan dengan ibu bapa murid Orang Asli. Misalnya, Sekolah Kebangsaan Pos Poi (SKPP), Lasah, Sungai Siput (Utara) mengambil inisiatif melaksanakan Program "MOK Cak, Mok Sekolah," adalah bahasa suku Temiar bermaksud datang ke sekolah semata-mata untuk mendapatkan makanan. Murid-murid dipujuk untuk hadir ke sekolah bagi mendapatkan makanan seimbang melalui Program Makanan Tambahan (RMT). Ini kerana, jika murid tidak ke sekolah makanan ruji mereka ialah ubi kayu, malahan mereka tidak langsung bersarapan pagi walaupun ke hutan untuk membantu keluarga mencari hasil hutan. Program itu mendapat perhatian PPD Kuala Kangsar dan JPN Perak (Jabatan Pendidikan Perak, 2014). Pihak JAKOA juga turut membantu dengan memberikan bantuan alat-alat tulis, membayar yuran tahunan sekolah, memberi bantuan pakaian dan kasut sekolah serta membantu menjayakan kejohanan sukan tahunan sekolah.

Hubungan baik semua pihak berkepentingan dalam menangani permasalahan dalam kalangan murid Orang Asli dapat memberikan semangat kepada murid-murid Orang Asli untuk kekal hadir ke sekolah dan mengikuti sesi pembelajaran di sekolah

seperti biasa (Rebecca, 2016). Keadaan ini turut memberikan impak yang positif terhadap pencapaian Program LINUS walaupun dalam peratusan yang kecil. Ini kerana pelaksanaan Program LINUS bukan sahaja memberikan cabaran yang besar kepada guru-guru LINUS atau guru besar sekolah murid Orang Asli, malahan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (Nazariyah, 2014a). Pihak KPM perlu menyediakan guru-guru pakar bidang dalam literasi bahasa Malaysia dan modul yang khusus untuk murid-murid Orang Asli supaya isu ini dapat ditangani dengan berkesan dan matlamat pelaksanaan program mencapai visi misinya.

#### **5.4 Sumbangan Terhadap Ilmu Bidang**

Kajian mengenai pembangunan pendidikan untuk masyarakat Orang Asli di Amerika Syarikat (Okagaki, 2001), Australia, Canada dan New Zealand (Fleras & Elliot, 2003) menunjukkan bahawa model-model pembangunan pendidikan untuk murid-murid Orang Asli perlu lebih berfokus dan memberikan penekanan kepada peranan murid, guru, pentadbir sekolah, ibu bapa dan komuniti setempat termasuk pihak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam meningkatkan prestasi pendidikan murid, selain daripada peranan institusi sekolah dan bilik darjah.

Di Malaysia, pelaksanaan Program LINUS merupakan salah satu program di bawah NKRA (*National Key Result Area*) bermatlamat memastikan murid-murid tahap satu di sekolah rendah boleh menguasai literasi bahasa Malaysia, bahasa Inggeris dan literasi nombor sebaik mereka melangkah ke tahun empat di sekolah rendah. Pengalaman Malaysia dalam pelaksanaan program tersebut yang telak memasuki tahun ke-6 telah memberikan kesan berbeza dalam kalangan murid-murid, terutamanya murid Orang Asli. Ini kerana murid Orang Asli perlukan pendekatan dan strategi yang berbeza berbanding murid-murid lain. Ini disebabkan persekitaran sosial mereka dan kedudukan

geografi banyak mempengaruhi tahap pencapaian mereka dalam penguasaan literasi, terutamanya literasi bahasa Malaysia (KPM, 2017).

Keputusan pencapaian Program LINUS yang dikeluarkan pihak Kementerian Pendidikan Malaysia sebenarnya tidak mengambarkan situasi sebenar yang berlaku di sekolah murid Orang Asli. Ini kerana pencapaian sebenar adalah bukan sekadar menguasai setiap ujian saringan dalam Program LINUS, sebaliknya tahap penguasaan literasi diuji melalui ujian atau peperiksaan setiap bulan atau penggal, untuk mata pelajaran lain seperti matematik, sains, sejarah, pendidikan moral dan sebagainya. Kegagalan menguasai literasi bahasa Malaysia dengan baik dan menguasai konsep asas dalam mata pelajaran teras pada tahap satu menjurus kepada kesukaran murid-murid Orang Asli menguasai skop dan maklumat pelajaran yang diajar oleh guru-guru mereka. Akhirnya, murid-murid Orang Asli akan gagal dalam setiap kali ujian atau peperiksaan di sekolah.

Kajian lanjut perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti perkara-perkara yang berkaitan rapat dengan pelaksanaan program tersebut seperti kesesuaian kurikulum Program LINUS berbanding dengan aras kognitif, tabiat pemakanan atau persekitaran kehidupan murid-murid Orang Asli, gaya pembelajaran murid Orang Asli dan sebagainya.

#### **5.4.1 Cadangan Kajian Lanjutan**

Di Malaysia, pelaksanaan Program LINUS merupakan salah satu program bagi mengatasi permasalahan literasi dalam kalangan murid-murid sekolah rendah tahap satu, termasuklah murid-murid Orang Asli. Kajian ini menilai aspek pelaksanaan program LINUS daripada aspek pelaksana, iaitu pihak PPD (FasiLINUS) dan pihak sekolah (guru besar, penolong kanan, penyelaras LINUS, guru-guru LINUS). Kajian

lanjut perlu dibuat daripada perspektif murid-murid Orang Asli sebagai pengguna program tersebut atau pun ibu bapa penjaga murid Orang Asli sebagai pendorong kepada kejayaan atau pencapaian anak-anak mereka. Ini kerana mereka ini mempunyai peranan yang besar kepada tanda aras pelaksanaan program tersebut. Kajian itu penting bagi menyelongkar permasalahan dan kekangan yang membawa kepada kesukaran mereka untuk menerima sepenuhnya pelaksanaan program tersebut. Kajian perlu dibuat terhadap gaya dan budaya pembelajaran, aras kognitif, proses sosialisasi dan sebagainya.

Kajian khusus ke atas modul LINUS juga perlu dilakukan bagi melihat kesesuaian dan kandungan modul itu dalam konteks sekolah murid Orang Asli (SMOA). Guru-guru yang berpengalaman mengajar di SMOA, guru-guru cemerlang SMOA, guru besar SMOA atau pihak JAKOA, pakar-pakar bahasa, pakar-pakar budaya, termasuk juga NGO yang terlibat dengan Orang Asli perlu dijemput bagi memastikan setiap penghasilan modul tersebut mempunyai nilai keberhasilan yang tinggi. Sebelum digunakan, pengujian perlu dibuat terhadap modul itu dalam kalangan murid Orang Asli sebelum dilaksanakan di sekolah murid Orang Asli sepenuhnya.

Modul yang dihasilkan perlu mengambil kira aras kognitif murid Orang Asli, persekitaran budaya dan memasukkan aktiviti berpusatkan murid selaras dengan pendidikan abad ke-21. Modul juga perlu memberi penekanan kepada perkembangan potensi murid, kemahiran insaniah (*soft skills*) dan mampu menarik murid untuk terus kekal mengikuti pembelajaran di sekolah. Aktiviti seperti permainan multimedia interaktif semasa perlu diterapkan dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) supaya mereka tidak ketinggalan dalam perkembangan teknologi terkini. Modul Program LINUS perlu menggunakan Sistem Pembelajaran Dalam Talian (*On Line Learning*)

bagi memudahkan guru mendapatkan bahan modul secara berkala dan mengikut perkembangan murid. Ini kerana kemudahan makmal komputer atau makmal bahasa di sekolah boleh digunakan secara optimum dalam pelaksanaan Program LINUS. Kajian boleh dibuat dengan mengaplikasikan pendidikan abad ke-21 dalam pelaksanaan Program LINUS.

Guru LINUS atau pihak pengurusan sekolah disaran menggunakan Model Reka Bentuk Pengajaran Integral ASIE (*Integral ASIE ID Model*) (2016) dalam membuat penilaian pelaksanaan Program LINUS. Ini kerana model tersebut memberi penekanan terhadap beberapa aspek penting yang guru perlu menganalisisnya bagi diintegrasikan dalam perancangan pengajaran iaitu profil pengajaran, profil murid yang melibatkan aspek perbezaan individu pelajar seperti mana yang terdapat dalam data ujian psikometrik, dan profil media pengajaran (Ismail, Balakrishnan & Wahid, 2016). Guru-guru juga boleh berkongsi strategi dan teknik PdP secara dalam talian.

Penggunaan strategi dan kaedah pengajaran guru perlu mengambil kira kemampuan murid Orang Asli. Guru-guru perlu diberikan latihan khusus terhadap sesuatu kemahiran supaya mereka mempunyai keyakinan dalam menghadapi PdP yang semakin mencabar. Kajian terhadap pelaksanaan program latihan guru di sekolah murid Orang Asli perlu supaya kemahiran yang mereka peroleh dapat dilaksana secara optimum dan memberikan nilai keberhasilan yang tinggi. Kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia, jabatan pendidikan negeri (JPN) atau pejabat pendidikan daerah (PPD) perlu mengambil kira komponen pendidikan abad ke-21, penggunaan pembelajaran secara dalam talian, dan perkongsian maklumat PdP melalui kelas abad ke-21 dan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) (KPM, 2017).

Kajian terhadap keberkesanan program latihan atau kursus ini penting supaya setiap input yang diberikan melalui kursus dan bengkel kepada pelaksana Program LINUS selari dengan perubahan-perubahan dalam pelaksanaan Program LINUS. Ini kerana program latihan kepada guru LINUS amat penting terutama kepada guru baharu supaya mereka benar-benar memahami aspirasi pelaksanaan Program LINUS. Kursus-kursus yang dianjurkan pula perlu mengambil kira aspek kurikulum pedagogi peribumi, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan psikolinguistik.

Kajian terhadap tabiat pemakanan murid Orang Asli dan tahap pencapaian mereka dalam Program LINUS perlu dibuat bagi memastikan penampaikan terhadap cara pemakanan dan tabiat pengambilan makanan seimbang dalam kalangan murid Orang Asli. Ini kerana perkembangan kognitif mereka yang lemah memberi kesan kepada kelancaran pengajaran guru dan pencapaian akademik mereka. Ini kerana rata-rata murid Orang Asli menghadapi masalah nutrisi atau zat makanan kesan daripada kadar pengambilan makanan tidak seimbang dan cara pemakanan dalam kehidupan seharian mereka ( Haslinah, 2009; SUHAKAM, 2014; Siti Farhah & Saedah, 2015).

Dalam meningkatkan pencapaian akademik murid-murid Orang Asli, pemilihan guru yang berkemahiran dan bermotivasi tinggi mendorong murid-murid cemerlang dalam pelajaran (Stronge & Trucker, 2000; Goddard, Hoy & Woolfolk, 2000; Joffres & Hunghey, 2001; Abdull Sukor, 2003; Ebmeier, 2003; Goe, Bell & Little, 2008; Chetty, Friedman & Rockoff, 2011). Pengambilan guru-guru pelatih daripada masyarakat Orang Asli perlu diberikan perhatian. Justeru, kajian perlu dibuat bagi meningkatkan pengambilan dan penyertaan masyarakat Orang Asli dalam bidang pendidikan. Ini kerana penglibatan guru-guru daripada kalangan masyarakat Orang Asli dalam pelaksanaan program berasaskan pedagogi peribumi amat memberi kesan kepada masyarakat Orang Asli itu sendiri (Norwaliza & Ramlee, 2015).

## **5.5 Rumusan**

Pelaksanaan Program LINUS dalam kalangan murid-murid Orang Asli di sekolah murid Orang Asli merupakan satu cabaran dalam bidang pendidikan di negara kita. Perancangan dan strategi yang dirangka bagi mencapai matlamat dan objektif dalam tempoh yang ditetapkan tidak akan dicapai jika pihak pelaksana dan mereka yang menerima program ini tidak bersedia untuk menerima program tersebut. Pihak pelaksana perlu mempunyai iltizam yang tinggi manakala murid-murid Orang Asli perlu bersedia dengan perubahan yang dibawa oleh guru-guru.

Secara keseluruhannya, analisis terhadap pelaksanaan Program LINUS dalam kalangan murid-murid Orang Asli di sekolah murid Orang Asli (SMOA) di negeri Perak menggunakan Model CIPP oleh Stufflebeam mendapati masih wujud ruang dan peluang untuk tujuan penambahbaikan. Bagi memperkasakan lagi matlamat dan objektif program ini, semua pihak seperti guru-guru pemulihan, guru LINUS, penyelaras program LINUS, pihak pengurusan sekolah, fasiLINUS, PPD, JPN, JAKOA, PIBG dan NGO yang berkaitan perlu menggembungkan tenaga dan idea bagi merealisasikan kejayaan pelaksanaan program tersebut. Pelaksanaan program ini memerlukan sokongan semua pihak supaya objektif dan matlamat dapat dicapai selaras dengan NKRA-Pendidikan, dan meningkatkan pencapaian murid tanpa mengira lokasi. Sekolah Orang Asli yang kebanyakannya terletak di kawasan pedalaman atau pinggir kampung memerlukan komitmen semua pihak dalam menterjemahkan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025, agar sekolah tersebut tidak terlepas dari arus transformasi pendidikan.

Peranan guru-guru tidak terhad kepada pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (PdP) di kelas sahaja. Mereka perlu berkolaborasi dengan masyarakat

Orang Asli setempat dalam menterjemahkan tugas dan tanggungjawab mereka dalam mendidik murid-murid Orang Asli. Sokongan pihak berwajib dalam menyalurkan kemudahan infrastuktur seperti kemudahan bekalan elektrik 24 jam, bekalan air bersih, jalan tar atau jalan berturap serta kemudahan prasarana sekolah yang kondusif banyak memberi kesan kepada peningkatan prestasi murid-murid Orang Asli. Sekolah-sekolah yang mendapat kemudahan sedemikian didapati lebih ceria dan terurus, jika dibandingkan dengan 10 tahun lepas. Penambahbaikan terhadap faktor-faktor tersebut membolehkan murid-murid Orang Asli rasa seronok dan kondusif untuk berada di sekolah serta mengurangkan gejala ponteng sekolah; dan situasi ini memberi kesan yang positif terhadap prestasi pelaksanaan Program LINUS.

Ini kerana pelaksanaan sesuatu program seperti Program LINUS perlu mengambil kira beberapa aspek seperti kesesuaian matlamat dan objektif program, kesesuaian modul program LINUS, kebertanggungjawaban guru dan pihak pengurusan sekolah, kesediaan murid Orang Asli, persekitaran pembelajaran yang kondusif, kemudahan infrastruktur di lokasi sekolah dan sokongan pihak ibu bapa penjaga murid, PIBG, JAKOA, NGO dan pihak-pihak yang berkenaan seperti Syarikat Emkay di Tasik Banding, Hulu Perak, Malaysia. Kerjasama semua pihak serta matlamat dan objektif program yang jelas; mampu mengoperasikan pelaksanaan Program LINUS berada di landasan yang betul dan seterusnya mencapai sasaran NKRA-Pendidikan dalam PPPM 2013-2025.

## RUJUKAN

- Ab. Hamid Oben. (2003). *Pembinaan KLIA dan penempatan semula Orang Asli*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi (Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan).
- Abdul Jalil Othman, Normarini Norzan, Ghazali Darusalam & Saedah Siraj. (2011). Cabaran guru program LINUS dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa . *Masalah Pendidikan*, 3, 37 - 51.
- Abdullah Sani Yahya, Abdul Rashid Mohamed & Abdul Ghani Abdullah. (2011). *Guru sebagai pemimpin*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Abdul Majid Min. (2004). *Komponen sastera: Satu kajian kes kefahaman membaca prosa tradisional di kalangan pelajar tingkatan satu di daerah Raub, Pahang*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim (Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan).
- Abd. Rahim Talib. (1999). *Hubungan di antara kecerdasan dengan kefahaman membaca di kalangan pelajar tingkatan dua*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur (Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan).
- Abdul Rahim Abdul Rashid. (2001). *Kesan pendekatan pengajaran sistematis terhadap peningkatan penguasaan perbendaharaan kata dan pemahaman murid-murid yang menghadapi masalah membaca di sekolah rendah luar bandar*. Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan).
- Abdul Rahim Hamdan, Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Yusof Boon & Jamaludin Ramli. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan: Teori, analisis & interpretasi data*. Batu Caves, Selangor: PTS professional Publishing Sdn Bhd.
- Abdul Rasid Jamian & Hasmah Ismail. (2013). Pelaksanaan pembelajaran menyeronokkan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 3 (2), 49 - 63.
- Abdul Rasid Jamian, Norhashimah Hashim & Samsudin Othman. (2012). Multimedia Interaktif Mempertingkatkan Pembelajaran Kemahiran Membaca Murid-Murid PROBIM. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (2), 46 – 53.
- Abdul Razak Ahmad & Zalizan Mohd Jelas. (2009). *Masyarakat Orang Asli: Perspektif pendidikan dan sosiobudaya*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdul Talib Ban. (2003). *Kenali kami masyarakat Orang Asli di Malaysia*. Batu Pahat : Universiti Tun Hussien Onn.

- Abdull Sukor Shaari, Noraini Yusoff, Mohd Izam Ghazali & Mohd Hasani Dali. (2011). Kanak-kanak minoriti Orang Asli di Malaysia: Menggapai literasi bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(2), 59 - 70.
- Abdull Sukor Shaari. (2003). *Hubungan motivasi, keupayaan mengajar dan komitmen kerja dengan prestasi kerja guru bahasa Melayu sekolah menengah*. Universiti Utara Malaysia, Sintok. (Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan).
- Abdul Zubir Abdul Ghani & Fakhri Abdul Khalil. (2011). *Keberkesanan amalan headcount: Kajian kes di dua buah sekolah rendah*. Kuala Lumpur: Institut Aminuddin Baki.
- Abrams, E., Taylor, P.C. & Jee Guo, C. (2013). Contextualizing culturally relevant science and mathematics teaching for indigenous learning. *International Journal of Science and Mathematics Education*, 11 (1), 1 – 21.
- Abu Hassan Kasim. (1998). *Panduan penyelidikan dalam sains sosial*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Ackerman, S. (2013). *Seminole Indian charter school gives students the best of both worlds*. Dimuat turun daripada <https://www.redefinedonline.org/2013/09/seminole-indian-charter-school-gives-students-the-best-of-both-worlds/#sthash.NfzFO3U4.pdf>.
- Adomet, D. S. (2009). Actively engaging with stories through drama: Portraits of two young readers. *Reading Teacher*, 62(8), 628 - 636.
- Afflerbach, P., Pearson, P.D., & Paris, S.G. (2008). Clarifying differences between reading skills and reading strategies. *The Reading Teacher*, 61(5), 364 - 373.
- Ah Choy, E., Zalina Che Mat Ariffin & Pereira, J.J. (2010). Sosioekonomi masyarakat Orang Asli: Kajian kes di Hutan Simpang Bukit Lagong, Selangor, Malaysia. *Jurnal Melayu*, 5 , 295 - 314.
- Ahmad Abd. Garni Said. (2010). Penilaian peserta kursus terhadap Kursus Kenegaraan. *Jurnal Penyelidikan Khazanah*, 14, 163 - 171.
- Ahmad Asmaran. (2000). *Bentuk pengajaran perbendaharaan kata semasa mengajar membaca dalam tiga bilik darjah*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur (Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan).
- Ahmad Fauzi Mohd Ayub & Ahmad Lutfi Ngah Ishak. (2012, Jun). *Kesediaan guru dan sokongan terhadap pelaksanaan program LINUS di Sekolah Rendah Kebangsaan Zon Pudu*. Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREduc), Universiti Putra Malaysia.
- Ahmad Jailani Che Abas. (2012). *Analisis kecelaruan membaca bahasa Melayu*

- pelajar kelas intervensi membaca dan menulis (KI2M).* Universiti Malaya, Kuala Lumpur (Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan).
- Akmal Yusof. (2004). *Hubung kait antara pembangunan dengan kekentalan budaya masyarakat Orang Asli.* Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi (Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan).
- Akta Bahasa Kebangsaan (1967)(Pindaan 1971).* Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Akta Orang Asli (Akta 134)(Pindaan 1974).* Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Akta Pendidikan 1996 (Pindaan 2002).* Akta 554. Kuala Lumpur: Percetakan Nasional Malaysia Berhad.
- Al-Bukhari Muhammad Ismail Abu Abdullah. (1987). *Sahih al-Bukhari* (3<sup>th</sup> ed.). Beirut: Dar Ibn Kathir.
- Allwright, D. (2014). *Observation in the language classroom.* New York: Routledge.
- Al-mekhlafi, Hesham Mahyoub Sarhan. (2004). *Effects of intestinal parasitic infections on micronutrient status(vitamin A and iron) among Orang Asli children in Selangor, Malaysia.* Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi (Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan).
- American Psychological Association. (2010). *Publication manual of the American Psychological Association* (6<sup>th</sup> ed.). Washington, DC.
- Ang, K.C., Leow, J.W.H., Yeap, W.K., Hood, S, Mahani ,M.C. & Md-Zain, B.M. (2011). Phylogenetic relationships of the Orang Asli and Iban of Malaysia based on maternal makers. *Genetics and Molecular Research, 10* (2), 640 - 649.
- Anon Mohd. (2010). *GTP : Laporan Tahunan 2010.* Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri.
- Anthony, J.B. (2008). *Teacher retention: Program evaluation of a beginning teacher and mentor program.* Gardner-Web University (Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan).
- Apthorp, H. S. (2006). Effects of a supplemental vocabulary program in third-grade reading/language arts. *The Journal of Educational Research, 100*(2), 67- 79.
- Aronson, E., Wilson, T.D. & Akert, R.M. (2005). *Social psychology* (5<sup>th</sup> ed.). New Jersey: Pearson Prentice Hall.
- Ary, D., Jacobs, L.C. & Razaveih, A. (2002). *Introduction to research in education* (6<sup>th</sup> ed.). Belmont, CA: Wadsworth/ Thomson Learning.

- Asariah Mior Shaharuddin. (2009). Quality teachers for quality education. *17th Conference of Commonwealth Ministers of Education (17<sup>th</sup> CCEM)*, Kuala Lumpur Convention Centre.
- Asmah Hj. Omar. (2004). *Penyelidikan, pengajaran dan pemupukan bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asnarulkhadi Abu Samah, Marof Redzuan & Sarjit, S.G. (2006). Orang Asli and their education towards vision 2020. *5th International Malaysian Studies Conference (MSC5)*. Malaysian Social Science Association (MSSA) & Faculty of Human Ecology, Universiti Putra Malaysia, Serdang, Selangor.
- Atkinson, P. & Coffey, A. (2001). Revisiting the relationship between participant observation and interviewing dalam Gubrium, J.F. & Holstein, J.A.(Eds). *Handbook of interview research: Context and method*. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, Inc.
- Awang Sariyan. (2017). *Pemartabatan bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azlina Mohd Khair & Ma'rof Redzuan. (2013). Atribusi kemiskinan dalam kalangan pelajar Orang Asli di Malaysia. *Proceeding of the International Conference on Social Science Research, ICSSR 2013*. Pulau Pinang.
- Azhar Md. Adnan. (1998). *Faktor-faktor yang menyumbangkan kebolehan membaca kanak-kanak tahun satu di sekolah-sekolah rendah luar Bandar di daerah Miri, Sarawak*. Universiti Putra Malaysia, Serdang (Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan).
- Azizi Yahaya. (2001, November). *Penggunaan model kontek, input, proses dan produk (KIPP) dalam penilaian program pembelajaran: Sejauh manakah ia relevan?*. International Conferences on Challenges and Prospects in Teacher Education, Concorde Hotel Shah Alam, Selangor.
- Azizi Yahaya. (1999). *Keberkesanan pelaksanaan program kemahiran hidup di sekolah-sekolah menengah di Malaysia berdasarkan model penilaian konteks, input, proses dan produk*. Universiti Putra Malaysia, Kuala Lumpur (Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan).
- Azizi Yahaya. (2009). Penggunaan model KIPP dalam penilaian mata pelajaran Kemahiran Hidup di sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 20(10), 73 - 78.
- Azreen Rozainee Abdullah, Chan Ngai Weng & Ahmad Puad Mat Som. (2011). The potentials and perils of ecotourism in Belum Temengor forest complex. *World Applied Sciences Journal*, 12(Special Issue of Tourism & Hospitality), 1- 9.
- Ball, S.J. (1995). Intelectuals or technician?. The urgent role of theory in education

- studies. *British Journal of Education Studies*, 33, 255 - 271.
- Badrul Hisham Alang Osman. (2010). *Guru permulaan di sekolah Orang Asli : Status quo atau cabaran perubahan!*. Ipoh : IPGK Ipoh.
- Bahagian Pendidikan Khas. (2015). *Buku panduan pengoperasian program pendidikan khas integrasi*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pengurusan Sekolah Harian. (2013). *Laporan awal Program LINUS*. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Bahagian Pengurusan Sekolah Harian. (2012). *Surat pekeliling pelaksanaan amalan guru penyayang*. Dimuat turun daripada [www.moe.gov.my/my/pekeliling.pdf](http://www.moe.gov.my/my/pekeliling.pdf).
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2002). *Laporan kajian pelaksanaan pemulihian khas di sekolah rendah*. Putrajaya: EPRD.
- Bahagian Teknologi Pendidikan Negeri Pahang. (2012). *Majlis pelancaran pelan transformasi pendidikan Orang Asli kebangsaan Kementerian Pelajaran Malaysia*. Dimuat turun daripada <https://www.youtube.com/watch?v=Yg88VaZzbaQ>
- Bachenheimer, B.A. (2011). *A management based CIPP evaluation of a Northern New Jersey school district's digital backpack program*. University of Florida, USA (Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan).
- Baharudin Mohd Arus. (2009). *Bentuk arca Orang Asli : Kajian seni Mahmeri Pulau Carey*. Universiti Malaya, Kuala Lumpur (Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan).
- Battiste, M., Bell, L. & Findlay, L. M. (2002). Decolonizing education in Canadian Universities: An interdisciplinary, international, indigenous research project. *Canadian Journal of Native Education*, 26 (2), 82 - 95.
- Battiste, M., & Henderson, J. Y. (2000). *Protecting indigenous knowledge and heritage: A global challenge*. Dimuat turun daripada <http://www.winhec.org/docs/pdfs>.
- Benjamin, G. (1976). Austroasiatic subgroupings and prehistory in the Malay Peninsula. Oceania Linguistics Special Publications, *Austroasiatics Studies*, (1) 37 - 128.
- Bennardo, G. (1998). *A case study of a pilot readiness program for kindergarten first grade using the CIPP program evaluation model*. New York University, USA (Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan).
- Beothel, M & Dimock, K. V. (2000). *Constructing knowledge with technology*. Austin, Texas: Southwest Educational Development Laboratory.
- Bogdan, R. & Biklen, S.R. (2007). *Qualitative research for education: An*

- introduction theories and methods* (5<sup>th</sup> ed). Boston: Allyn & Bacon.
- Boone, A. (2010). *A formative evaluation of components of Mississippi's 21<sup>st</sup> century redesign initiative for grade 7, 8 and 9*. Nova Southeastern University (Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan).
- Bonk, C.J. & Wisher, R.A. ( 2000). *Applying collaborative and elearning tools to military distance learning: A research framework*. US: United States Army Research Institute for the Behavioural and Social Sciences.
- Boulware-Gooden, R., Carreker, S., Thornhill, A., & Joshi, R. M. (2007). *Instruction of metacognitive strategies enhances reading comprehension and vocabulary achievement of third-grade students*. Dimuat turun daripada [http://www.readingrockets.org /article/21160/theme](http://www.readingrockets.org/article/21160/theme).
- Bronfenbrenner, U. (1977). Toward an experimental ecology of human development. *American Psychologist*, 32, 513 - 531.
- Bronfenbrenner, U. (1986). Ecology of the family as a context for human development Research perspectives. *Developmental Psychology*, 22 (6).
- Bronfenbrenner, U., & Morris, P. A. (1998). The ecology of developmental processes. Dalam Damon, W. (series Ed.) & Lerner , R.(Vol. Ed.), *Handbook of child psychology: Theoretical models of human development*, 1, 993 - 1028.
- Brown, H. D. (2001). *Teaching by principles: An interactive approach to language pedagogy*. White Plains, NY: Longman.
- Brown, S. A. (2006). Investigating classroom discourse surrounding partner reading. *Early Childhood Education*, 34(1), 29 - 36.
- Burenhult, N. (2004). *A grammar of Jahai*. Canberra: The Australian National University.
- Carpenter, J. G. (1998). *Program evaluation practices in wilderness therapy for youth at risk*. University of Idaho (Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan).
- Carreker, S. (2002). Creating rich associations for the rapid recognition of word. *Perspectives*, 28 (1), 19 - 21.
- Cetta, O.A. (2012). *A utilization-focused program evaluation of lead for diversity*. Capella University (Tesis Doktor Falsafah Tidak Diterbitkan).
- Chamhuri Siwar. (2005, Julai). *Pembasmian kemiskinan: satu penilaian kritikal ke arah pemantapan, perancangan dan penilaian*. Bengkel Penyediaan Pendekatan Bersepadu Pembasmian Kemiskinan RMK 9, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya.
- Chandrasekaran Veeraiah. (1998). *Tabiat membaca media cetak di kalangan kaum*

*India di Malaysia.* Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang (Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan).

Chua Yan Piaw. (2011). *Kaedah penyelidikan, buku 1* (2<sup>nd</sup> ed.). Kuala Lumpur: McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

Chetty, R., Friedman, J.N. & Rockoff, J.E. (2011). *The long-term impacts of teachers: teacher value-added and student outcomes in adulthood.* Dimuat turun daripada <http://www.nber.org/papers/w17699.pdf>.

Chupil, T. & Joseph, J. (2003). *Creating knowledge for change: A case study of Sinui Pai Nanek Sengik's educational work with Orang Asli communities in Malaysia.* Malaysia IEP Case Study: ASPBAE.

Clough, P. & Nutbrown, C. (2007). *A student's guide to methodology: Justifying enquiry.* London: SAGE Publications Inc.

Cohen, L., Manion, L. & Morrison, K. (2000). *Research methods in education.* London: Routledge Falmer.

Conrley, J.C. & Impara, J.C. (1995). *Thirteen mental measurement year book.* Lincoln: Universiti of Nebraska Press.

Covington, M.V. (2000). Goal theory, motivation and school achievement: An integrative review. *Annual Review of Psychology*, 51, 171 - 200.

Cubukcu, F. (2008). Enhancing vocabulary development and reading comprehension through metacognitive strategies. *Issues in Education Research*, 18(1), 1 - 11.

Creswell, J. W. (2012). *Educational research: Planning, conducting and take evaluating quantitative and qualitative research.* Boston, MA: Pearson Education.

Creswell, J. W., & Plano Clark, V. L. (2011). *Designing and conducting mixed methods research* (2<sup>nd</sup> ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications Inc.

Creswell, J.W. (2009). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (3<sup>rd</sup> ed.). London, UK:SAGE Publications Inc.

Creswell, J.W. (2007). *Qualitative inquiry and research design: Choosing among five approaches* (2<sup>nd</sup> ed.). Thousand Oaks, CA: SAGE Publications Inc.

Cronbach, L. J., Hambron, S.R., Dornbusch, S.M., Hess, R.D., Hornick, R.C., Phillips, D.C., Walker, D.F. & Weiner, S.S. (1980), *Towards reform in program evaluation: Aims, methods and institutional arrangements.* San Francisco: Jossey-Bass.

Cronbach, L.J. & Meehl, P.E. (1955). Construct validity in psychological tests. *Psychological Bulletin*, 52, 281 - 302.

- Dahlia Janan. (2002). *Kebolehbacaan dan kesesuaian teks komponen sastera bahasa Melayu: Kajian menurunkan indeks kebolehbacaan*. Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim (Tesis Sarjana Tidak Diterbitkan).
- David, M. K. (2004). Language policy in Malaysia: Empowerment of disenfranchisement? In S. Mansoor, S. Meraj, & A. Tahir (Eds.), *Language policy planning and practice: A south Asian perspective*, Karachi, Pakistan: Aga Khan University & Oxford University Press.
- David, M. K. & Govindasamy, S. (2003). Language education and ‘nation building’ in multilingual Malaysia. Dalam Bourne, J. & Reid, E. (Eds.), *Language education: World yearbook of education 2003*. London: Kogan Page.
- David, M. K. & Govindasamy, S. (2006). National identity and globalization in Malaysia. In Tsui, A. B. M. & Tollefson, J.W. (Eds.), *Language policy, culture, and identity in Asian contexts*. Mahwah, New Jersey: Lawrence Erlbaum.
- Deepwell, F. & Counsin, G. (2002). *Development framework for evaluating institutional change: Educational development*. Dimuat turun daripada <http://www.coventry.ac.uk/ched/research/evaluation/methodology.htm>.
- Dennis, L.R, Lynch, S.A. & Stockall, N. (2012). Planning Literacy Environments for Diverse Preschoolers. *Young Exceptional Children*, 15 (3), 3 -19.
- Dentan, R.K. & Juli Edo. (2008). Schooling vs. education, hidden vs. overt curricula: Ways of thinking about schools, economic development, and putting the children of the poor to work - a West Malaysian example. *Moussons*, 12, 3 - 34.
- Denzin, N. K., & Lincoln, Y. S. (Eds.). (1998). *Collecting and interpreting qualitative materials*. California: SAGE Publications Inc.
- Department of Education, USA. (1998). Dimuat turun daripada <http://www.ed.gov/offices/ous/eval/primer2.html>.
- Department of Employment, Education and Training (DEET NT). (2006). *Indigenous education strategic plan 2006–2009 Darwin, Northern Territory Government*. Dimuat turun daripada [http://www.det.nt.gov.au/\\_data/assets/pdf](http://www.det.nt.gov.au/_data/assets/pdf).
- Dessler, G. (1997). *Human resource management*. New York: Prentice Hall.
